

AHMAD FAEZAL



LANGKAH  
SHERATON

EDISI ISTIMEWA



Kepada rakyat Malaysia  
yang telah 20 tahun  
menyaksikan percaturan  
tidak sudah.

**Langkah  
Sher**

---

**aton**

---

Hak Cipta © 2020, Ahmad Faezal

Diterbitkan oleh Patriots Publishing Sdn Bhd  
No. 7-2, Tingkat 2, Jalan Seri Rejang 1, Taman Sri Rampai, 53300 Kuala Lumpur

[thepatriots.store](http://thepatriots.store)

Hak Cipta Terpelihara

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan  
ISBN 978-967-2437-08-6  
1. Malaysia—Politics and government  
2. Political culture—Malaysia  
I. Judul  
320.9595

Disunting oleh Eatin Atikah

Bacaan pruf oleh Zahidah Zabri & Shahmil Hafiz

Rekaan teks dan halaman oleh Syazrul Aqram & Sara Samsudin

Rekaan kulit muka oleh Darwisy Shahidy & Syazrul Aqram

Buku ini menggunakan aksara Arno Pro

Dicetak pada kertas bebas asid

Dicetak dan dijilid di Malaysia oleh Vinlin Press Sdn Bhd

10 9 8 7 6 5 4 3 2 1

# **LANGKAH SHERATON**

**LAPORAN KHAS  
oleh  
AHMAD FAEZAL**



**PATRIOTS  
PUBLISHING**

INTI  
SARI

HANYA LUKA KECIL	2
DENGAR CAKAP MAJORITI	18
NAJIBNOMICS	28
LANGKAH KAJANG TERKEJANG	38
DEKLARASI RAKYAT	48
JATUHNYA BARISAN NASIONAL	58
MENCARI JARUM DALAM JERAMI	68
ANJUR SURUT BAK BERTANAM	78
JARUM HALUS KELINDAN SUTERA	88
BENIH MUAFAKAT	98
21 HARI	108
NOBITA	118
PENGUNDURAN MENGEJUT	128
MENABUR PASIR DALAM GUDANG BERAS	138
10 BULAN SEBELUMNYA ...	146
ISIKAN TEMPAT KOSONG	156
CARI GADUH DENGAN SEMUA	164
BATU NISAN HARAPAN	174
SEMINGGU YANG GILA	184
DUDUK DIAM-DIAM	198
AIR DICINCANG, TALI TERPUTUS	212
TENTANG PENULIS	216
GLOSARI	217

# PRA KATA

---

Pada 10 Mei 2018, Malaysia telah mencatatkan sebuah sejarah yang tidak pernah dicapai dan difikirkan oleh sebilangan rakyat Malaysia. Buat kali pertama, Barisan Nasional yang diketuai oleh Datuk Seri Najib Razak telah tewas dalam pilihan raya umum buat pertama kali oleh Pakatan Harapan yang diketuai oleh Tun Dr. Mahathir, bekas Presiden UMNO.

Walau bagaimanapun semenjak Pakatan Harapan menjadi kerajaan, mereka gagal untuk mengawal pelbagai konflik dan masalah yang berlaku di dalam negara. Bermula daripada proses merafilikasi ICERD hinggalah ke isu melibatkan pemandu mabuk. Pakatan Harapan juga gagal untuk mengawal perpecahan politik dalaman dalam parti-parti komponen seperti Parti Keadilan Rakyat misalnya, yang berpecah kepada dua kem, iaitu Kem Azmin dan Kem Anwar.

Maka disebabkan kemelut politik dalaman yang melanda pihak kerajaan pada ketika itu, pihak pembangkang mula mengatur langkah untuk mengambil semula hati rakyat dan memperbaiki semula imej mereka di mata pen-

gundi. Bermula dengan fenomena “Bossku” yang digerakkan oleh Datuk Seri Najib, telah sedikit sebanyak berjaya menambat semula hati rakyat hingga tercetusnya Muafakat Nasional antara UMNO dengan PAS bagi membela dan melindungi hak-hak Melayu dan Islam yang semakin lama semakin terhakis oleh pihak kerajaan. Kesannya, pihak pembangkang mula memenangi siri-siri pilihan raya kecil bermula dari Cameron Highlands hingga ke Kimanis.

Kejayaan pihak pembangkang dan kerajaan yang tampak tidak kompeten membuatkan kepercayaan rakyat semakin menipis terhadap kerajaan yang sedia ada. Pada masa yang sama, ahli-ahli politik yang mempunyai kepentingan masing-masing dalam kerajaan mula bimbang akan kedudukan mereka sekiranya masalah ini tidak dibendung. Oleh itu, sebilangan ahli politik mula mengatur langkah untuk menujuhan sebuah kerajaan yang baharu.

Tahun 2020 yang selama ini dijembar-gemburkan sebagai tahun Malaysia sebagai sebuah negara maju mendatangkan satu kejutan. Di tengah-tengah virus Covid-19 sedang memporak-perandakan

warga dunia, sebuah gerakan telah bermula. Ia selepas majlis keputusan Pakatan Harapan menetapkan bahawa Tun Dr. Mahathir akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan memberikan jawatan tersebut kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim setelah APEC.

Walau bagaimanapun 48 jam kemudian, sebuah majlis makan malam yang diadakan di sebuah hotel di Petaling Jaya berjaya menghimpunkan sebilangan besar ahli-ahli parlimen. Desas-desus mengatakan bahawa pertemuan itu diadakan untuk menujuhkan sebuah kerajaan baharu dan gerakan tersebut menerima jolokan Langkah Sheraton.

Beberapa hari kemudian, Tun Mahathir secara tiba-tiba telah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan secara automatik terbubarnya kerajaan Pakatan Harapan. Setelah menghadap YDP Agong, Tun telah dilantik sebagai Perdana Menteri interim atas perkenan YDP Agong sendiri.

Setelah itu, Majlis Raja-Raja bersepakat untuk menyelesaikan masalah ini dengan satu sesi temu duga yang dipengerusikan oleh pihak Yang Di Pertuan Agong. Setelah mengadakan sesi tersebut, Agong telah berkenan untuk melantik Tan Sri Muhyiddin sebagai Perdana Menteri baharu dan bakal mengetuai kerajaan Perikatan Nasional sehinggalah Pilihan Raya Umum ke-15 yang semestinya akan memberi dimensi baharu terhadap politik negara yang lebih mencabar.

Segalanya bermula dengan Langkah Sheraton.



Hanya  
Luka  
Kecil

---

**S**elama berpuluhan tahun politik Malaysia mempunyai rencah yang dirempahkan seorang pemuda kelahiran Bukit Mertajam. Anwar Ibrahim telah menghamburkan pengaruhnya yang sangat meluas sejak penglibatannya bersama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Ia diasaskan pada 6 Ogos 1971 oleh Abdul Wahab Zakaria. Perjuangan ABIM sebagai pertubuhan bukan kerajaan memberikan kelebihan utama kepada Anwar. Pada dasarnya ABIM tidak begitu berbeza dengan Ikhwanul Muslimin terutama mengenai landasan islamismenya.

Jadi, keputusan Anwar untuk menyertai UMNO pada 29 Mac 1982 boleh dibayangkan sebagai suatu kejutan besar. Sebelum itu pun UMNO dan PAS secara aktif bergiat untuk menambat hati suara Anwar dan ABIM. Sejak tarikh tersebut, kemaraan Anwar dalam pentas politik tidak pernah berhenti. Beliau menewaskan Zabidi Ali (PAS) dan Tan Ah Huat (DAP) dalam Pilihan Raya Umum keenam di P037 Permatang Pauh.

Pada usia 36 tahun, Anwar mengangkat sumpah sebagai Menteri Budaya, Belia dan Su-

kan. Setahun kemudian, beliau disaksikan mengetuai Jabatan Pertanian sebelum pelantikannya sebagai Menteri Pendidikan pada tahun 1986. Momentum yang ditunjukannya memustahilkkan sebarang spekulasi terkemudian bahawa inilah calon pengganti Dr. Mahathir Mohamad.

Peranan Anwar dalam kerajaan Dr. Mahathir pun sangat meluas. Era 1980-an menyaksikan penekanan Mahathir untuk meraupkan perhubungan antara sektor awam dengan swasta melalui dasar *Malaysia Inc.* yang turut menggiatkan penswastaan dan perindustrian pesat. Dasar yang paling menarik ialah Dasar Pandang ke Timur yang begitu berlegenda untuk Dr. Mahathir – dan Anwar Ibrahim.

Sebelum menyertai UMNO, Anwar telah mengkritik dasar ini. Beliau berpendapat bahawa Dasar Pandang ke Timur yang menjadikan Jepun dan Korea Selatan sebagai penanda aras merupakan “Dasar kerajaan yang tidak bersesuaian kerana (sifatnya) keefisienan dalam bentuk eksplotasi.”<sup>1</sup> Dasar yang dikatakan tidak bersesuaian untuk umat Islam didokong Anwar demi agenda Dr. Mahathir un-

1 Nair, S. (2013). *Islam in Malaysian Foreign Policy*. New York: Routledge.

tuk mencapai sejenis kasta peniaga kapitalisme dalam kalangan orang Melayu.

Kemasukan Anwar dalam lembah politik berlaku ketika Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang semakin ketara kesan-sesan sampingannya. Walaupun DEB membangunkan masyarakat majoriti, namun ia telah menyebabkan ketidakseimbangan perihal orang Melayu yang lebih aktif dalam peluang sektor awam. Matlamat utama Dr. Mahathir hanya dikecapi sekitar 1990-an hanya jika, menurut *Dilema Melayu*; Malaysia dibangunkan dengan masyarakat berdisiplin, kuat bekerja dan taat setia.

Pada landskap dan latar belakang inilah bermulanya kerjasama antara Dr. Mahathir dengan Anwar. Islam dilihat lebih mekar di bawah kepimpinan Anwar dengan program-program seperti Yayasan Pembangunan Malaysia, Kolej Latihan Guru Islam, Kompleks Belia, Islam Antarabangsa dan Perundangan Mahkamah Syariah. Program makanan dalam persekolahan kebangsaan semasa Ramadan pun diubah juga. Daging lembu import yang tidak menepati piawaian halal lantas diharamkan.

Dua program pro-Islam yang bertatahkan nama Anwar ialah sistem perbankan Islam dan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa yang diketuai Anwar sendiri<sup>2</sup>. Riba dan zakat dijadikan asas paling utama bagi perbankan Islam, begitu juga dengan pajak gadai. Gandingan Mahathir-Anwar dalam arus islamisme tetap dipersoalkan unsur keikhlasannya yang dikatakan sebagai agenda untuk menebat pengaruh PAS.

Hubungan mereka kian rapat sehingga pada tahun 1993 Anwar telah menjadi orang kedua di Malaysia. Sebarang pertembungan jika berlaku boleh menamatkan karier politik Anwar. Pertembungan Musa Hitam yang berundur pada 16 Mac 1986 wajar dijadikan contoh.

Pelbagai asbab yang boleh dipaut sebagai punca perpecahan antara Mahathir dengan Musa. Jika dilihat dalam sejarah, Musa juga merupakan pengkritik tegar Tunku Abdul Rahman. Semasa rombakan kabinet 1984 yang meletakkan Anwar sebagai Menteri Pertanian, Dr. Mahathir dikatakan mengetepikan Musa daripada orang-orang kanannya – Anwar, Daim Zainuddin dan Sanusi Junid.

---

2 Allers, C. (2013). *The Evolution of a Muslim Democrat: The Life of Anwar Ibrahim*. Peter Lang Inc. Hlm. 72.

Pemilihan Dr. Mahathir memilih Ghafar Baba dipercayai sebagai pengganti Musa untuk mengelakkan perpecahan parti. Pada masa itu UMNO terlalu konservatif dengan kepercayaan senioriti. Beberapa pihak sudah pun tidak senang duduk dengan kenaikan Anwar yang merupakan pilihan utama Mahathir sebagai timbalannya. Anwar juga menunjukkan kesetiaan semasa UMNO mengharungi perpecahan teruk akibat persengketaan Mahathir dan Razaleigh Hamzah pula.

Kemelut “Kumpulan A/Kumpulan B” dirumitkan pula dengan pengharaman UMNO. Tidak cukup dengan itu, satu lagi peristiwa buruk berlaku pada tahun 1987 yang melibatkan pergeseran antara hubungan Melayu dengan Cina. Tiga pertikaian diajukan oleh pemimpin DAP, iaitu Lim Kit Siang:

1. Pemberian kontrak bagi projek Lebuh Raya Utara Selatan yang berbaur korupsi.
2. Konsortium pelaburan Cina kerugian sebanyak RM3.6 bilion selepas kerajaan enggan menyelamatkannya (*bailout*).
3. Tuduhan bahawa BN mungkir janji kerana Anwar enggan memansuhkan Peraturan 1961 yang mewajibkan persekolahan Cina dan India belajar dalam bahasa Melayu.

Ketegasan pro-bahasa Melayu Anwar dirumitkan dengan pelantikan 100 orang staf bukan Mandarin bagi sekolah-sekolah kebangsaan Cina. Alasan kekurangan staf tidak diterima masyarakat Cina yang berpendapat pelantikan sedemikian sebagai suatu serangan kebudayaan. Terdapat juga persepsi Anwar akan menamatkan riwayat pendidikan bahasa Cina dan perkembangan seterusnya menyaksikan MCA dan DAP dalam sebuah perhimpunan 2,000 orang pada 11 Oktober 1987.

Tidak lama kemudian peristiwa buruk yang diabadikan dengan nama Ops Lalang pun berlaku. Melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Dr. Mahathir mengharamkan beberapa akhbar<sup>3</sup> – *the Star* dan *Sin Chew Jit Poh* – dan perhimpunan awam sekali gus memberkas ramai orang dalam kalangan UMNO, PAS, MCA dan DAP.

<sup>3</sup> Ng, E. (2012, October 27). Former Ops Lalang detainees happy that ISA has been repealed. *The Star Online*.

## Permainan Persepsi Selepas Peristiwa 1989

Serangan jantung yang menimpa Dr. Mahathir pada 1989 merupakan suatu peristiwa penting. Dengan ketegangan kaum angkara Ops Lalang yang semakin reda, Malaysia memasuki suatu keadaan yang tidak menentu. Hierarki kerajaan dalam kalangan UMNO berdepan dengan situasi jika Dr. Mahathir meninggal dunia.

Maka mereka bergelut untuk mencari pengganti, yakni Anwar yang menonjol dengan memberikan kenyataan di luar bidang kuasa pendidikan. Ahli Majlis Tertinggi UMNO bernama Dr. Abdullah Fadzil Che Wan mengakui wujud suara menyeru pengunduran Dr. Mahathir.<sup>4</sup> Nama Anwar dipetik sebagai bakal pengganti, tetapi rancangan ini tidak direstui sesiapa pun kerana Anwar nekad dengan kesetiaan.

Memasuki 1990-an, ekonomi Malaysia membangun dengan pesat. Anwar dilantik sebagai Menteri Kewangan yang diamanahkan untuk mengetuai Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menggantikan DEB. DPN meneruskan matlamat kemiskinan tegar yang dimulakan DEB melalui skop perniagaan bumiputera selaras dengan satu lagi dasar Mahathir. Wawasan 2020 diisytiharkan Majlis Perniagaan Malaysia sebagai matlamat strategik kerajaan Malaysia untuk mencapai perindustrian pesat dalam tempoh 30 tahun.

Wawasan 2020 meninggalkan legasi pro-Melayu dengan penerajuan Bangsa Malaysia, Melayu Baru dan Melayu Korporat. Retorik anti-Cina pun dikurangkan secara mendadak dalam Perhimpunan Agung UMNO 1993 dan Mahathir pun dilihat menghadiri sambutan Tahun Baru Cina. Tunjang Islam pun berpindah daripada sebutan ke pelaksanaannya yang dihadiri oleh Dr. Mahathir dalam Persidangan Ulama Islam 1991 dengan pendapat berbisa:

1. Lebih berbicara tentang hukuman syariah semasa rakyat lapar.
2. Tidak menjaga kesamarataan lelaki dan wanita.
3. Membiarkan jurang miskin kaya.

<sup>4</sup> Kassim, Y.R. (2005). *Transition Politics in Southeast Asia: Dynamics of Leadership Change and Succession in Indonesia and Malaysia*. Marshall Cavendish Academic. Hlm. 196.

Anwar menggunakan kata-kata Mahathir sebagai rangka kerja untuk berprestasi. Sebagai Menteri Kewangan yang menggantikan Daim Zainuddin, Anwar tidak mewarisi kedudukan tradisi, iaitu Bendahari UMNO. Fungsi kerajaan pada masa ini agak mudah, iaitu UMNO ialah kerajaan, kerajaan ialah UMNO. Mahathirisme telah mencetuskan suatu kasta peniaga dalam kalangan Melayu yang menerima konsesi bumiputera. Golongan ini pula diserap masuk dalam UMNO untuk bertanding dan mencari rangkaian.

Puncanya jelas dalam perkembangan karier politik Anwar. Beliau mengatakan bahawa, “UMNO tidak sepatutnya terlibat dalam perniagaan. Ia patut kekal sebagai parti politik. Tetapi boleh faham bahawa hubungan antara pemimpin politik dengan peniaga memang rapat.”<sup>5</sup> Tetapi tindakannya berbeza. Anwar membina sokongan dalam pentas tertinggi UMNO dengan memberikan kontrak tender tertutup dan tawaran penswastaan kepada barisan penyokongnya.<sup>6</sup> Charles Allers dalam bukunya *Anwar Ibrahim: Evolution of a Muslim Democrat* memberikan senarai tersebut<sup>7</sup>:

1. Kamaruddin Jaafar – rakan ABIM.
2. Ishak Ismail.
3. Ahmad Sebi Abu Bakar.
4. Rameli Musa – bekas pelajar MCKK dan ahli ABIM.
5. Ibrahim Saad.
6. Yahya Ahmad – bekas pelajar MCKK.
7. Kamaruddin Mohamad Nor – bekas naib presiden ABIM.
8. Ibrahim Abdul Rahman – bapa Anwar.
9. Quek Leng Chang.

Kemampuan Anwar untuk menubuhkan rangkaian sendiri membawa hasil pada tahun 1993. Persepsi mengenai *warisan takhta* bermula setahun sebelumnya apabila 1,700 perwakilan memilih Timbalan

<sup>5</sup> Aliran Monthly. (1993). *Aliran Kesedaran Negara*. Hlm. 2.

<sup>6</sup> Case, “Malaysia in 1993,” hlm. 121-122.

<sup>7</sup> Allers, C. (2013). *The Evolution of a Muslim Democrat: The Life of Anwar Ibrahim*. Peter Lang Inc. Hlm. 77.

Presiden UMNO (sekali gus Timbalan Perdana Menteri). Dalam pertembungan antara naib-naib presiden, beberapa pemimpin muda seperti Najib Razak, Muhyiddin Yassin dan Muhammad Taib menyokong Pasukan Wawasan (pro-Anwar). Pada 4 November 1993, Anwar disahkan menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Sebenarnya apa yang berlaku bertunjangan kepada keengganan Mahathir untuk mendengari suara akar umbi. Kelompongan tersebut diisi Anwar yang menguasai UMNO dan juga politik Malaysia. Sementara persepsi ditaburkan, Anwar terus menunjukkan aura kepimpinannya dalam pilihan raya negeri Sabah yang dimenangi BN secara mengejut.<sup>8</sup> Tetapi hubungan Mahathir dan Anwar dilihat mula berantakan selepas Perhimpunan Agung UMNO 1994 yang Mahathir memberikan amaran, “*Dalam kalangan kita pun ada Brutus.*”

Rujukan ala Shakespeare tersebut membawa maksud penderhakaan seorang anak terhadap ayahnya sendiri. Kabinet pun distrukturkan dalam kalangan penyokong-penyokong Anwar. Terdapat juga ura-ura mengatakan Najib Razak dirapati Mahathir dengan pelantikan sebagai Menteri Pendidikan selepas Pilihan Raya Umum Kesembilan. Tetapi Mahathir terselit apabila dua penyokong kuatnya – Sanusi dan Daim – ditewaskan dalam pemilihan UMNO. Perkembangan ini menyemaikan persepsi bahawa Anwar akan mencabar Mahathir dalam pemilihan Presiden 1996. Anwar seperti biasa menafikan.

## Krisis Kewangan 1997

Kekalahan Kesatuan Soviet dalam Perang Dingin meninggalkan dunia dalam keadaan tidak stabil. Kehilangan suatu kuasa besar yang gagal diisi Boris Yeltsin mudah kata dieksplotasi oleh pengaruh Barat yang lebih stabil dan kaya. Pada masa yang sama negara-negara Asia pula membangun, sekali gus bagi Anwar perlu ada rangka kerja persefahaman antara Barat dengan Timur bagi mengelakkan konfrontasi. Tetapi peperangan dingin antara Mahathir dengan Anwar bakal meletus sekitar 1996 semasa Anwar dikatakan berjuang demi Wawasan 2020.

Jawatan Menteri Besar Kedah sesuai dipetik sebagai permulaan kepada persengketaan yang berlarutan. Osman Aroff yang telah memimp-

<sup>8</sup> Allers, C. Hlm. 79.

---

in sejak 1985 dipaksa meletakkan jawatan. Beliau sudah lama menunjukkan diri mesra dengan Anwarisme. Calon pro-Mahathir iaitu Sanusi Junid lantas ditolak 22 ADUN di Kedah, iaitu suatu perbuatan yang Mahathir paksa mereka memohon maaf secara terbuka.

Dalam pemilihan yang menghampiri, Mahathir membuat tindakan drastik. Calon-calon yang ingin bertanding pada bulan Oktober 1996 perlu mendaftar sebelum Jun, sekali gus melenyapkan peluang pencałonan daripada sokongan Anwar. Pencalonan mengejut merupakan rahsia kemenangan Anwar pada tahun 1993. Mahathir pula membuat peraturan tiada kempen untuk mengekalkan jawatan semasa yang ham-pir semuanya menyokongnya.

Pemilihan naib-naib presiden menyaksikan pengekalan Najib Razak dan Muhammad Taib. Muhyiddin Yassin pula tewas pada tangan Abdullah Ahmad Badawi. Sokongan Anwar hanya mengukuh dalam sayap wanita dan anak muda. 80% daripada kerusi Majlis Tertinggi dimenangi sokongan Mahathir, membuatkan Anwar berusaha untukkekalkan jawatan Timbalan Presiden.

Tetapi di hadapan media tetap Mahathir isytiharkan kepercayaan bahawa Anwar ialah bakal penggantinya. Memasuki 1997, tahun keramat yang segar dalam ingatan pengikut-pengikut politik Malaysia, Mahathir dan Anwar dilihat masih rapat. Pada bulan April, Anwar memberikan amaran kepada semua ahli UMNO berkaitan impak-impak korupsi. Muhammad Taib pula meletakkan jawatannya daripada UMNO selepas gagal mengisyiharkan RM2.4 juta tunai di Lapangan Terbang Brisbane.

Kempen antikorupsi diteruskan Mei–Julai dengan Anwar sebagai pemangku Perdana Menteri. Ketika itu Mahathir mengambil cuti dua bulan yang diisi dengan perjuangan Anwar daripada DUN ke kementerian. Matlamat akhir Anwar tidak direalisasikan kerana sebuah krisis kewangan telah melanda di rantau Asia. Dasar-dasar keterbukaan pasaran yang diamalkan telah membuka laluan untuk kemajuan ekonomi Malaysia. Pada masa yang sama, ia juga menyebabkan krisis tersebut.

Pemisahan antara Mahathir dengan Anwar berputik daripada dasar liberalisasi ekonomi yang mengelakkan perhatian kerajaan. Pada bulan Jun, semasa Mahathir di luar negara, Ringgit Malaysia dan Bursa Saham

Kuala Lumpur (KLSE) merupakan mangsa krisis. Pelabur-pelabur asing menunjukkan ketidakpercayaan kepada ekonomi Malaysia dalam bentuk nilai saham. Pasaran KLSE menjunam ke paras paling rendah dalam tempoh 19 bulan pada 11 Julai.

Semasa Mahathir tiba di negara, Krisis Ekonomi Asia 1997 menjelma dengan malapetaka kewangan tidak pernah dilihat. Api dalam sekam kewangan menzahirkan diri di udara dengan kedatangan jerebu dari Indonesia. Kepulan asap tersebut merupakan manifestasi kepada amarah Mahathir terhadap tidak lain tidak bukan George Soros. Mahathir menghamburkan segalanya dalam Mesyuarat Hong Kong di hadapan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang tersentak dengan kata-katanya.

Agenda konspirasi ditunggang beliau dengan ugutan bahawa Barat cuba meranapkan ekonomi-ekonomi Asia. Dalam bulan-bulan menyusul, pihak Barat menyimpan harapan kepada Malaysia dengan adanya Anwar yang “bukan Mahathir”. Belanjawan 1998 yang dirangka Anwar pada dasar mengembalikan keyakinan pelabur demi kestabilan pasaran domestik. Anwar tidak berjaya kerana pelabur-pelabur asing dilihat curiga dengan ketidaksediaan kerajaan Malaysia untuk memperbaharui pasaran demi ketelusan dan persaingan.

IMF menggesa pemotongan perbelanjaan kerajaan dan pengawalan ketat dasar-dasar fiskal. Anwar bertindak lebih selaras dengan permintaan IMF yang bercanggahan dengan UMNO. Jika ada peluang untuk membaiki hubungan dingin antara Mahathir dengan Anwar, inilah masanya. Selepas detik ini, pertembungan kedua-dua ahli politik ini mula menjadi serius. Tidak bersetuju dengan dasar fiskal, Mahathir mengasaskan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) yang membatalkan kuasa Anwar sebagai Menteri Kewangan.

Dalam majlis ini, Mahathir menguasai ekonomi negara melalui Daim Zainuddin yang diarahkan untuk selamatkan sektor ekonomi penting. Dalam bulan-bulan terakhir 1997, Anwar tidak bersetuju dengan *bailout* tersebut. Bagi Anwar, Krisis Kewangan 1997 merupakan rezeki tersembunyi untuk membetulkan ekonomi Malaysia daripada kronisme. Menurut Jomo Kwame Sundaram dan Khoo Khay Kim, keutamaan An-

war berada pada golongan marhaen seperti petani dan peniaga kecil-kecilan.<sup>9</sup> Sasaran Anwar pun mempunyai asas logik kerana perniagaan kecil dan sederhana menguasai 84% pengeluaran negara.

Namun begitu Mahathir lebih yakin dengan model ekonominya, bahwasanya Malaysia ialah mangsa tatacara IMF yang ingin mewujudkan dominasi seakan-akan monopoli. Jari-jemari IMF sudah pun bergerak di Moscow sejak kejatuhan komunisme lagi. Segala terapi-terapi mengejut Yeltsin melalui pinjaman AS\$10.2 bilion hanya membawa azab dikatakan buah.<sup>10</sup> Mahathir lebih mendokong pasaran ekonomi yang bergantung kepada kerajaan persekutuan.

Krisis Kewangan 1997 memberikan renjatan kepada tiga asas ekonomi negara. Buat julung kalinya Malaysia mengalami kemelesetan -6.7%. Penutupan perniagaan menyebabkan pemberhentian pekerja yang meningkatkan kadar pengangguran.<sup>11</sup> Harga makanan pula melambung 9% dan 10% bagi tahun 1997 dan 1998.<sup>12</sup> Dimamah kehilangan punca pendapatan dan kenaikan harga makanan, golongan miskin bandar merupakan mangsa paling teruk dibelasah. Mi segera pun tidak lari daripada kenaikan oleh sebab mendapan Ringgit Malaysia telah memahalkan harga gandum.<sup>13</sup>

Indonesia merupakan negara paling teruk dikerjakan krisis ini. Pemberhentian kerja sahaja bukan satu-satunya masalah kerajaan Suharto. Tangga penggajian pun menjunam -44%.<sup>14</sup> Amarah rakyat ditunjukkan pada 4–8 Mei apabila Medan dibakar perusuh-perusuh yang terdiri daripada para pelajar universiti. Api kebencian merebak ke Jakarta dan Surakarta pada 12–15 Mei. Rusuhan-rusuhan ini meninggalkan Indonesia

9 Jomo, M Way: *Mahathir's Economic Legacy*. Hlm. 221.

10 New York Times. (1996, Februari 23). Russia and IMF agree on a loan for \$10.2 billion. *New York Times*.

11 Ariff, M., & Abu Bakar, S.Y. (1999). The Malaysian Financial Crisis: Economic Impact and Recovery Prospects. *The Developing Economies*. Hlm. 417.

12 Ramesh, M. (n.d.). Economic Crisis and its Social Impacts. *Lessons from the 1997 Asian Economic Crisis*. University of Hong Kong. Hlm. 81.

13 Sheng, A. (2009). From Asian to Global Financial Crisis: An Asian Regulator's View of Unfettered Finance in the 1990s and 2000s. *Cambridge University Press*. Hlm. 309.

14 Sheng, A., hlm. 308.

dalam kerugian infrastruktur sebanyak Rp. 3.1 trilion. Sekurang-kurangnya 168 wanita Cina dirogol.

Krisis ini telah menamatkan karier politik Suharto yang menguasai Indonesia selama 30 tahun. Penurunan Suharto pun menimbulkan sedikit sebanyak pertikaian terhadap pemerintahan Mahathir yang sudah pun 17 tahun. Kata-kata Mahathir terhadap Soros yang berbaur anti-Semitism dibincangkan dalam Kongres Amerika Syarikat.

Media antarabangsa pun memaniskan wajah Anwar yang telah meninggalkan retorik anti-Baratnya. Pada Jun 1998, Anwar telah menge luarkan suatu kenyataan pedas, “*Jika kita enggan menerima (pembaharuan politik), kita mungkin akan berdepan dengan situasi Indonesia yang rakyat menuntut pembaharuan.*” Dalam Perhimpunan Agung UMNO, Ahmad Zahid Hamidi pun bersuara dan menyalahkan kronisme dan nepotisme sebagai bebanan ekonomi.<sup>15</sup>

Suara Zahid dibalas semasa ucapan Mahathir yang mengeluarkan amaran bahawa IMF boleh merosakkan peluang orang Melayu dengan menempatkan pemimpin yang akur dengan kehendak mereka. Malah Zahid (dan semua orang yang mengambil kesempatan daripada peluang DEB) diingatkan semula supaya mencerminkan diri. Mahathir juga mendedahkan bagaimana Zahid merangkul keuntungan daripada dasar dasar ekonomi kerajaan. Oleh sebab Zahid dikenal pasti sebagai “orang Anwar”, dokumen tersebut tidak mengecualikan data keluarga Anwar.

Pada masa inilah timbulnya “50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM” dalam bentuk surat layang yang memulakan konspirasi menggulingkan Anwar. Sekali lagi Daim kembali ke politik dengan Mahathir meletakkannya dalam portfolio Menteri Khas. Daim diberikan kuasa mutlak untuk menerajui ekonomi, secara jelas memintas Anwar. Dua minggu seterusnya, orang-orang kanan Anwar dalam media prima, Utusan Melayu dan Berita Harian pula meletakkan jawatan.

Bank Negara pun digegarkan dengan peletakan jawatan Gabenor Ahmad Mohd Don. Pada 2 September 1998, Anwar Ibrahim telah dipecat daripada kerajaan.

## September Hitam dan Reformasi 1998

Solaimalai Nallakaruppan merupakan pengarah bagi Magnum Corporation Bhd. dan juga sahabat karib Anwar Ibrahim. Mereka dipetik se-lalu bermain tenis bersama-sama. Tetapi dalam surat layang *50 Dalil*, keakraban mereka jauh melangkaui perkongsian minat sukan. *50 Dalil* telah menamakan Nalla sebagai orang tengah bagi kelakuan-kelakuan sumbang Anwar.<sup>16</sup> Apartmen Tivoli Villa yang dimiliki Nalla telah di-dakwa dijadikan tempat Anwar melepaskan syahwatnya. Semasa si-satan dijalankan, Nalla juga didapati memiliki 125 butir peluru hidup secara haram,<sup>17</sup> dan jika disabitkan kesalahan di bawah Akta Senjata Api 1971 beliau berdepan dengan hukuman mati.

Semasa dalam penahanan, Nalla cuba memohon bantuan Anwar yang tidak boleh berbuat apa-apa. Malah Wan Azizah Wan Ismail pun katanya tidak menjenguk anak isterinya.<sup>18</sup> Dunia Nalla semakin gelap melainkan dengan suatu Cahaya sahaja yang begitu sensitif untuk Anwar. Nalla perlu memberitahu semuanya tentang Anwar, termasuk se-brang kegiatan tidak bermoral. Anwar cuba menjelaskan kepada Mahathir yang meneruskan pendakwaan.

Pada 3 September 1998, sehari selepas pemecatannya, Anwar di-tuduh terlibat dalam kegiatan sumbang, jenayah liwat dan juga korup-si. Keesokannya, UMNO telah memecat Anwar. Suara reformasi yang bergema dari negara seberang telah tiba di Malaysia melalui Anwar. Seramai 3,000 orang hadir untuk mendengar ucapan Anwar yang ingin membuat jelajah seluruh negara untuk menggalakkan reformasi. Mahathir mula menerima kritikan daripada pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia dan juga parti-parti politik.

12 September menyaksikan Anwar dengan Perutusan Permatang Pauh yang beliau ingin utamakan keadilan melalui kedaulatan un-

16 Khoo, B.K. (2003). *Beyond Mahathir: Malaysian Politics and Its Discontent*. Zed Books. Hlm. 101.

17 Singh, D. (2000). *Southeast Asian Affairs 2000. Institute of Southeast Asian Studies*.

18 The Star Online. (2008, March 5). Nalla: Anwar only cares for himself. "I sacrificed my wife and two young children. Anwar's wife did not even visit me when I was in jail. My lawyer asked him to help me and he said there was nothing he could do."

dang-undang, demokrasi, keadilan ekonomi, penghapusan korupsi dan juga komitmen untuk bantahan aman. Tema jelajahnya ialah Anwar sebagai mangsa korupsi politik. Puluhan ribu orang mendengari suaranya di Permatang Pauh, Alor Setar, Melaka, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Batu Pahat dan Kuala Lumpur.

Di Pokok Sena, seramai 50,000 orang dijangka hadir untuk mendengar hujah Anwar. Sementara itu Mahathir meneruskan langkah-langkahnya terhadap Anwar termasuk memberkas seorang penulis yang pernah membuat ucapan Anwar. Selain Munawar Ahmad Anees, abang angkat Anwar pun diberkas juga. Mereka dijatuhi hukuman penjara enam bulan kerana mengaku diliwat Anwar.<sup>19</sup> Mereka juga menuduh bahawa polis telah memaksa mereka buat pengakuan tersebut.

Dalam minggu tersebut, dua setiausaha peribadi Anwar diberkas untuk siasatan hubungan seks luar nikah Anwar. Mohamed Azmin Ali terlibat dalam perkara ini atas fitnah membenarkan isterinya ditiduri Anwar sehingga hamil dengan anak bernama Farah Afifah. Fitnah jijik ini berlarutan selama 14 tahun lamanya walaupun ujian DNA menegaskan Afifah itu ialah anaknya yang suci.<sup>20</sup>

Selepas satu demi satu perhimpunan besar, Anwar berpaling ke Kuala Lumpur. Semasa beliau berucap pedas mengatakan kerajaan Mahathir digelumangi korupsi, salah tadbir dan penyalahgunaan kuasa, sebuah gereja yang berhampiran sedang memainkan lagu keagamaan. Dalam gereja tersebut ialah Ratu Elizabeth dan delegasi daripada United Kingdom yang bakal merasmikan penutupan Sukan Komanwel ke-16.<sup>21</sup> Se-

19 Yee, C.M. (1998, December 30). Testimony jolts case against Anwar: exam yields no evidence of sodomy. *The Wall Street Journal*. "Both Mr. Sukma and Mr. Munawar were immediately sentenced to six months in prison. Both have since accused police of forcing the confessions."

20 Azmin Ali. (2012, May 1). Kenyataan Media – Fitnah Jahat Bersiri Mengelang Pilihan Raya Umum ke-13. "Sebelum ini saya dan isteri serta anak kecil saya telah pun melakukan ujian DNA sebanyak dua kali dalam bulan Julai 1998. Kedua-dua keputusan ujian tersebut menempelak fitnah ke atas saya, isteri dan keluarga. Hasil ujian jelas menyebut serta mengesahkan saya dan isteri merupakan *biological parent* kepada anak kami. Ujian DNA tersebut sekali gus memelihara maruah saya dan keluarga."

21 The Economit. (1998, September 24). No room for rivals in Mahathir's Malaysia.



mentara negara-negara bertanding demi pingat, Anwar melihat keemasan berlainan dengan peluang ini. 7,000 daripada hadirin berpecah ke kediaman Perdana Menteri, namun mereka dihalau dengan polis perusuhan dan gas pemedih mata.

Perhimpunan tersebut merupakan titik terakhir bagi kesabaran Mahathir yang terus memberkas Anwar.<sup>22</sup> Semasa persidangan media, Anwar dibisik oleh orang di belakangnya.

Suasana yang normal telah bertukar kecoh, dengan laungan takbir dan protes. Menurut Wan Azizah, komando-komando polis menggeledah rumah Anwar.<sup>23</sup> Tidak cukup dengan itu, anak-anak Anwar juga telah diacukan senapang oleh pihak polis.<sup>24</sup>

Sementara itu Mahathir sekadar mengatakan Anwar menggunakan

22 BBC News. (1998, September 20). World: Asia-Pacific Anwar arrested amid Kuala Lumpur protests.

23 Allers, C., hlm. 96.

24 Jacques, H., & Bland, B. (2018, May 16). Anwar Ibrahim faces new political future with old adversary. *Financial Times*. "Not only did they send balaclava-clad commandos to raid our home, break our front door and take our father away only to be beaten to a pulp the very same night. The police also pointed machine guns at my siblings," said Mr. Anwar's daughter, Nurul Izzah.



helah reformasi untuk menutup kelakuan-kelakuan sumbangnya. Tetapi sokongan untuk Anwar berkekalan terutamanya di ibu negara dengan hampir 100,000 orang berkumpul di ibu pejabat PAS pada 27 September 1998.

Dua hari kemudian Anwar hadir di mahkamah dengan penampilan jelas dibelasah polis. Matanya bengkak selepas ditumbuk Ketua Polis Negara.<sup>25</sup> Tetapi Anwar tetap dibicarkan dan tidak boleh dijamin polis. Pada masa inilah Sukma Darmawan dan Munawar Anees menarik balik pengakuan mereka, katanya dipaksa. Empat dakwaan korupsi dilemparkan terhadap Anwar yang masanya berjumpa peguam sangatlah terhad.

Semasa perbicaraan berprofil tinggi ini, sebuah tilam dari Tivoli Villa berulang kali dijadikan hujah yang katanya mengandungi bukti DNA kelakuan syahwat Anwar. 10 dalam 13 kesan tompokan air mani pada tilam tersebut didapati berpadanan dengan DNA Anwar.<sup>26</sup> Menurut penyiasat Lim Kong Boon, tilam tersebut merupakan bukti hubungan seksual antara Anwar dengan Shamsidar Taharin – dan juga seorang lagi lelaki bersamaan dua wanita lain.<sup>27</sup> Pihak pembelaan pula mengatakan

25 The Straits Times. (2018, September 2). Malaysia's former police chief, who beat Anwar in jail, raises hackles with new appointment.

26 CBS News. (1998, December 30). A Stain Upon Anwar's Defense.

27 BBC News. (1998, December 30). World: Asia-Pacific Anwar trial hears DNA evidence.



bahawa sampel DNA ini diambil semasa Anwar dipengsankan selepas dibelasah polis.

Anwar Ibrahim disabitkan kesalahan dengan tuduhan korupsi. Beliau dipenjara selama enam tahun. Tempoh pemenjaraan ini ditambahkan lagi dengan hukuman sembilan tahun kerana didapati bersalah meliwat.

Kenaikan Anwar secara mengejut juga jatuh begitu mengejut – kerana pada Jun 1999, Anwar yang hampir mengambil alih tumpuk Perdana Menteri berdepan dengan kebarangkalian keluar dari penjara pada tahun 2014. Tetapi api yang membakar enjin Malaysia sejak 1981 sudah pun malap pada 2003. Keajaiban yang berlaku pada 2 September 2004 tanpa disangka sesiapa pun mahupun pemimpin-pemimpin atasan UMNO ketika itu telah mencetuskan pergolakan politik di seluruh negara.

Perjuangan yang reda sekitar 1998 kembali memuncak 10 tahun seterusnya dalam bentuk revolusi sosial, politik dan ekonomi di luar jangkaan apatah lagi sangkaan orang ramai.

Dengar  
Cakap  
Majoriti

---

**A**bdullah Ahmad Badawi dipilih Dr. Mahathir Mohamad sebagai pengganti Anwar Ibrahim atas dasar yang jelas. Beliau bukanlah api mahupun racun. Laras bahasa dan lengok tubuhnya membawa satu ketetrapilan suci berbanding guruh petir Mahathir. Ibarat Malaysia digerakkan daripada bapa tiri yang garang untuk dijaga bapa angkat serba-serbi lembut. Dalam masa lima bulan, Abdullah menunjukkan auranya yang tidak mampu ditandingi Mahathir.

Ibu pejabat UMNO berirama dalam tepukan pada 22 Mac 2004 semasa kedatangan Abdullah yang berjabat tangan dengan para hadirin. Laungan “Hidup Pak Lah!” bergema di dalam dewan tersebut. Berbaju hitam dan terukir senyumannya. Beliau diiringi isterinya ke pentas diikuti pemimpin-pemimpin UMNO yang lain. Dalam ucapan pada malam tersebut, beliau berkata, *“Sesungguhnya, kemenangan ini sebenarnya berupa penerimaan sokongan rakyat kepada parti kita.”*

7.27 juta rakyat menghadiri

pusat-pusat mengundi. 4.45 juta undi pergi kepada Barisan Nasional yang memenangi 198 daripada 219 kerusi Dewan Rakyat. UMNO menyapu bersih hampir kesemua kerusi. Syed Razlan Syed Putra Jamalulail menewaskan Haron Din di P003 Arau. Lim Bee Kau meluaskan majoritinya di P017 Padang Serai yang ditandingi Saifuddin Nasution.

Prestasi KeADILan merudum teruk. Hal ini jelas menunjukkan bagaimana Anwar telah disisihkan daripada ingatan rakyat. Kerusi P044 Permatang Pauh pun hampir terlepas apabila Wan Azizah Wan Ismail hanya memenangi dengan majoriti 590 undi. Begitu teruk pembangkang diketepikan dalam pilihan raya sehingga Lim Kit Siang mencadangkan idea penggabungan parti antara DAP dengan KeADILan.<sup>28</sup>

Percaturan PAS dalam pengisyiharan negara Islam juga diherdik KeADILan Johor kerana telah menolak pengundi-pengundi Islam dan bukan Islam.<sup>29</sup> Suasana di luar gerbang putih kawasan Marang pun kelihatan suram pada

28 Habib, S. (2004, March 25). Kit Siang moots idea of merger with Keadilan. *The Star Online*.

29 Tan, M. (2004, March 25). Keadilan leader blames PAS for disastrous outing. *The Star Online*.

malam tersebut. Penyokong PAS masih terkejut kerana Hadi telah te-was di P037 Marang dengan majoriti begitu tipis. Kemenangan Hadi di DUN Rhu Rendang tidak membawa makna yang besar kerana PAS kehilangan 17 kerusi DUN di Terengganu. Hal ini bermakna tempoh Hadi sebagai Menteri Besar hanyalah sepenggal.

Namun begitu, Hadi semasa ditemu ramah kekal positif. Beliau menerima keputusan pilihan raya dengan suasana yang perlu dibuat post-mortem kerana semuanya terlalu luar biasa. *"Kita bersabar dan meruskan perjuangan (yang) tidak selesai."* Tetapi beliau juga mengatakan bahawa PAS akan berjuang dalam pilihan raya seterusnya ibarat bermula daripada kosong.<sup>30</sup>

Keazaman Hadi dilihat terpancar pada wajahnya dengan suara tidak pecah dalam kesedihan atau menggeletar dek amarah. Walau bagaimanapun, perjuangan PAS tidak bermula semula daripada kosong kerana mereka mempunyai 20 kerusi dalam sebuah gabungan yang bakal diusahakan. Hal ini demikian kerana dalam tempoh beberapa bulan selepas pilihan raya, Anwar Ibrahim dibebaskan daripada tuduhan meliwat.<sup>31</sup> Didakapi isterinya, Anwar mengucapkan terima kasih kepada Abdullah kerana tidak masuk campur dengan hal ehwal KeADILan.

Abdullah tidak berasa gentar dengan pembebasan Anwar. Selama ini Anwar bersuara dengan gagah sambil menentang korupsi dan kronisme, iaitu satu perkara yang diusahakan Abdullah dengan gigih. Dalam tempoh 100 hari selepas mengangkat sumpah, bekas ketua Perwaja Steel diheret ke muka pengadilan kerana terlibat dalam kes penipuan.<sup>32</sup> Menteri-menteri seperti Isa Samad dan Kasitah Gaddam juga disingkirkan daripada kabinet.<sup>33</sup>

Pemergian isterinya pada 22 Oktober 2005 tidak menjadi penghalang dan secara tidak langsung memudahkan kesedaran awam tentang kans-

30 AP Archive. (2004, March 22). Ruling coalition wins majority in parliament.

31 China Daily. (2004, September 3). Malaysia's Anwar on appeal against Sodomy, Freed.

32 BBC News. (2004, February 10). Malaysia steel boss in fraud case.

33 Rejab S. (2005, September 30). If Isa can be suspended, why not Rafidah? *Malaysia Kini.*

er payu dara.<sup>34</sup> Tetapi selepas pilihan raya, Abdullah sudah mula terpalit dengan beberapa isu tidak menyenangkan. Anaknya, Kamaluddin Abdullah mempunyai sebuah syarikat yang disiasat kerana didakwa membekalkan bahan untuk program senjata nuklear Libya.<sup>35</sup>

Antara isu yang mungkin tidak dilupakan ialah keceloparan Noh Omar sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Seorang wanita warga China telah dipaksa berbogel semasa dalam tahanan polis. Keti-dakpuasan hati orang ramai dibalas Noh dengan kata-kata tajam, *“Jika pendatang sangka kita zalim, suruh mereka balik ke negara mereka. Bagi saya, perkara ini dibuat mengikut undang-undang.”*<sup>36</sup>

Selain Kamaluddin, perhatian juga diberikan terhadap gerak-geri Ketua Pemuda UMNO baharu iaitu Khairy Jamaluddin. Sangat berapi pada zaman ini, suatu persoalan timbul apabila Khairy membeli syari-kat konsultansi kewangan ECM-Libra. Beliau membetulkan dengan kenyataan bahawa beliau meminjam sebanyak RM9.2 juta bagi tujuan pembelian.<sup>37</sup>

Sekitar waktu ini, Anwar berada jauh daripada politik Malaysia. Beliau memenangi saman terhadap “50 Dalil”. Tetapi memandangkan penulis Khalid Jafri telah meninggal dunia kerana kencing manis, Mah-kamah Tinggi telah mengurniakan Anwar jutaan ringgit sebagai pam-pasan.<sup>38</sup> Saman beliau terhadap Rahim Noor kerana menumbuknya pun berakhir dengan kemenangan. Memandangkan statusnya sebagai bekas banduan, Anwar tidak dibenarkan menyertai politik bagi suatu tempoh sehingga 14 April 2008.

Jadi, Abdullah mempunyai satu masa yang suaranya teragung dan pengaruhnya tidak tersaring. Namun, persoalan demi persoalan mula timbul bukan daripada Anwar mahupun Wan Azizah. Lim Kit Siang serta Karpal Singh pun tidak mengeluarkan kenyataan yang bergegar seh-

34 Jegathesan, M. (2005, October 20). Nation mourns death of PM's wife. *Malaysia Kini*.

35 BBC News. (2004, February 5). Malaysia PM's son in nuclear link.

36 Kyodo News. (2005, December 2). Official chided for humiliation of Chi-nese women. *China Daily*.

37 Malaysia Kini. (2006, August 5). Khairy: I borrowed RM9.2 mil to buy shares.

38 The Malaysian Insider. (2009, July 15). What is RM100 million?

ingga bertahun-tahun lamanya. Sebaliknya kritikan terhadap Abdullah bermula daripada tidak lain tidak bukan Mahathir sendiri yang mempersoalkan rangkaian kekeluargaan di sebalik pentadbiran Putrajaya.<sup>39</sup>

Bagi Abdullah, bayang-bayang seperti Mahathir berwarna gelap sehingga tidak boleh berubah. Mahathir percaya bahawa caranya sahaja yang betul. Oleh itu, apabila Abdullah enggan meneruskan projek-projek Mahathir kerana defisit, perseteruan tidak dapat dielakkan.<sup>40</sup> Kritikan dan persoalan daripada Mahathir menjadi liabiliti selepas November 2006.

Jika sebelum ini Abdul Hadi berazam demi perjuangan PAS, doanya telah dimakbulkan apabila Anwar Ibrahim mengambil keputusan untuk kembali ke politik. Pengembalian Anwar pun tepat pada waktunya kerana KeADILan sedang sengsara akibat prestasi negeri dalam pilihan raya yang lalu. Jadi, Anwar mengaturkan langkah dengan kemas.

Populariti yang dinikmati Abdullah pula sudah pun luntur. Laungan keramat di Dataran Merdeka semasa sambutan Hari Kemerdekaan ke-50 meletakkan Abdullah di tempat yang sama di mana Tunku Abdul Rahman berada. Pelancaran roket daripada Kosmodrom Baikonur telah menjulang Sheikh Muszaphar Shukor sebagai peserta penerbangan angkasa pertama Malaysia.

Tetapi sambutan gilang-gemilang yang dicurahkan kepada Yuri Gagarin dan Neil Armstrong tidak mewarnai Malaysia. Sekelip mata rakyat melupakan segalanya apabila Abdullah menarik balik subsidi bahan api yang menggegarkan sosioekonomi negara.

Sejak 2005 lagi Abdullah telah bersuara mengenai subsidi ini dengan mengatakan kewujudannya sebagai ketagihan dalam kalangan rakyat Malaysia.<sup>41</sup> Satu demi satu pihak bersuara mengenai kelantangan Abdullah terhadap subsidi. Lim Guan Eng selaku Setiausaha Agung DAP pun mengajukan lapan persoalan mengenai harga minyak pada 11 Mac 2006.

---

39 Ong, A. (2006, August 2). Dr. M takes on Pak Lah's family, friends. *Malaysia Kini*.

40 The Jakarta Post. (2013, August 9). Malaysia's ex-PM Badawi hits out at predecessor Mahathir in latest book.

41 The Star Online. (2005, May 6). Stop relying on cheap foreign labour, subsidies and rent-seeking.

Untuk menafikan majoriti dua pertiga BN dalam Dewan Rakyat, Anwar bermula dengan sebuah gabungan bernama Pakatan Rakyat (PR) yang dianggotai PAS, DAP dan PKR. Anwar menyentuh tentang peningkatan kadar jenayah, harga barang dan korupsi kerajaan sebagai modal politik. Hujah-hujah pembangkang tidak memasuki Media Prima. Jadi, PR menggunakan teknologi maya seperti blog dan YouTube untuk merencanakan suara mereka.<sup>42</sup>

Barisan pembangkang menggunakan kelemahan fizikal Abdullah sebagai helah. Umum mengetahui bahawa Abdullah menghidap masalah tidur (sleep apnea) yang cenderung membuatkannya tidur semasa bekerja. Pada masa yang sama, Abdullah meletakkan sasaran untuk merangkul negeri Kelantan daripada PAS. Menteri Besar Nik Aziz Nik Mat mengumumkan suatu slogan bagi Kelantan, iaitu “*Tahun Melawat Kelantan 2008*”. Tetapi Najib Razak mengisyiharkan bahawa tahun tersebut ialah “*Tahun Merawat Kelantan*”.<sup>43</sup>

Slogan rasmi bagi negeri tersebut ialah “*Kelantan Baru – Kelantan Maju*” dengan janji untuk memotong yuran parkir, kurangkan cukai, hapuskan tunggakan kerajaan dan pembangunan seperti masjid, stadium, kompleks sukan antarabangsa, lebuh raya Kota Bharu/Gua Musang, projek hidroelektrik Nenggiri dan WiFi negeri.<sup>44</sup>

Keputusan pilihan raya tidak berpihak kepada Abdullah. Rakyat Kelantan menolak BN yang hanya memenangi enam kerusi (pada ketika PR merangkul 39 kerusi). Parti Gerakan Rakyat diranapkan di Pulau Pinang yang menyaksikan kebangkitan PR dengan 29 kerusi DUN. PR juga menggulingkan kerajaan BN di Kedah dan Perak. Perkara yang benar-benar menyengat BN ialah kejatuhan Khir Toyo di Selangor apabila PR mendapat 36 kerusi DUN.

Penurunan Khir Toyo mungkin disorak banyak pihak terutamanya selepas “Isu Anugerah Penyapu” yang mengaibkan kakitangan awam. Maka angin perubahan yang melanda ini jelas mengingatkan semula

42 AFP. (2008, February 19). Malaysia's opposition mounts campaign in cyberspace.

43 McIntyre, I. (2008, February 16). Battle cry to Heal Kelantan. *The Star Online*.

44 Habib, S., & McIntyre, I., & Hock, T.E. (2008, March 2). Roadmap for Kelantan. *The Star Online*

kata-kata Abdul Hadi pada malam kekalahannya – “*Kita akan berjuang daripada kosong.*” Dalam masa empat tahun, PR telah mencapai apa yang belum diimpikan mana-mana pembangkang dalam sejarah.

## **Pengembalian Anwar Ibrahim dalam Parlimen**

Kebangkitan PR mengabadikan realiti yang telah lama berlaku. BN yang berdiri sebagai propaganda benteng Melayu mula ditolak orang Melayu. Tetapi apabila Anwar menganjurkan Perhimpunan Bersih 2007 untuk menuntut pilihan raya yang bebas, kenangan 1998 diimbau kembali. Polis perusuh dan gas pemedih mata merupakan antara perkara yang biasa dilihat.

Cuma apabila kumpulan Bersih berhimpun di hadapan Istana Negara berpakaian serba kuning, Anwar berjaya mengambil perhatian orang ramai. Bagi orang Melayu, kuning merupakan warna hanya untuk golongan diraja. Jadi apabila peserta berpakaian kuning, ia secara tidak langsung berkaitan hal ehwal diraja. Lalu Bersih pun menjadi perbualan mulut.

Sekatan banduan Anwar membuatkan Wan Azizah bertanding sebagai calon PR. Pada 14 April 2008, Anwar kembali layak untuk bertanding dalam politik. Seramai 40,000 penyokong menjemput Anwar dalam sebuah perhimpunan yang dipintas polis atas ketiadaan permit.<sup>45</sup> Dua minggu kemudian, selepas 10 tahun lenyap daripada politik, Anwar kembali ke Dewan Rakyat sebagai tetamu/suami kepada Wan Azizah.

Populariti BN lebih teruk dikerjakan selepas Abdullah membuat keputusan drastik terhadap subsidi bahan api. Sekitar 2003, harga minyak mentah berada pada lingkungan AS\$30. Dua tahun kemudian, angka ini berkembang ke paras AS\$60 yang memuncak sehingga AS\$147.30 pada Julai 2008. Jadi, Abdullah memotongkan subsidi yang melambungkan harga seliter petrol daripada RM1.92 ke RM2.70.<sup>46</sup> Harga seliter diesel turut dinaikkan daripada RM1.58 ke RM2.58.

Ketika ini rakyat dilihat bersedia untuk marah kerana apa-apa sebab

---

45 Joshi, V. (2008, April 14). Malaysia Police Halt Anwar Speech. *Fox News*.

46 Noor, M.M. (2008, June 4). Petrol naik 78 sen, diesel RM1. *Malaysia Kini*.

pun. Pengurniaan darjah kebesaran Datuk kepada Shah Rukh Khan pun dikecam sehabis-habisnya, lebih-lebih lagi selepas pelakon tersebut tidak dapat hadir dalam majlis tersebut.<sup>47</sup>

Keputusan mengejut ini menggegarkan seluruh rakyat Malaysia. Ratusan kereta beratur menanti giliran untuk mengisi minyak pada malam tersebut.<sup>48</sup> Sementara Shahrir Samad pun mencetuskan kemarahan rakyat apabila mengatakan bahawa kerajaan layak mengutip keuntungan apabila harga minyak mentah jatuh.<sup>49</sup>

Penjelajahan politik Anwar tidak berhenti. Kunjungan beliau berterusan. Di mana beliau singgah, di sitolah ucapan berapi diberikan kepada ribuan hadirin. Pada 31 Julai 2018, Wan Azizah meletakkan jawatannya sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh. Dalam pilihan raya kecil yang menyusul, Anwar Ibrahim dicalonkan PKR dan memenangi P44 Permatang Pauh dengan majoriti yang besar.<sup>50</sup>

Rakyat Malaysia ditunjukkan dua upacara angkat sumpah pada tahun 2008. Abdullah mengangkat sumpah untuk menyambung jawatan Perdana Menteri dalam kepahitan. Sementara itu Anwar pula timbul dengan semangat baharu, iaitu menarik sokongan daripada 30 ahli parlimen BN untuk melengkapkan pertukaran kerajaan.<sup>51</sup>

Ketika ini kegusaran mula melanda dengan kebarangkalian jika Anwar membentuk kerajaan. Tetapi peralihan kuasa yang dikatakan pada 16 September tidak berlaku. Bagaikan menyapu garam pada luka, Pengerusi DAP Karpal Singh telah mengutuk Anwar, Guan Eng dan

47 Malaysia Kini. (2008, November 20). Shah Rukh can't come for award function.

48 Reuters. (2008, June 19). China Hikes Fuel Prices by 18%, Fuel Protests Spread. CNBC. “*Countries like Malaysia are now adopting as they reduce fuel subsidies that distort markets and benefit the rich more than the poor.*”

49 Ghazali, R. (2008, November 20). Gov’t should profit from low fuel prices, says Shahrir. *Malaysia Kini.* “*The government is justified to earn revenue from the recent drop of global oil prices as it had given out subsidies when prices were high, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Shahrir Abdul Samad.*”

50 Reuters. (2008, August 26). Website says Anwar wins Malaysia vote with big majority.

51 Al-Jazeera. (2008, September 16). Malaysian PM calls opposition bluff.

Kit Siang di hadapan wartawan.<sup>52</sup> Dalam video bersejarah “Anwar harus bertaubat”, Karpal berpendapat bahawa Anwar telah melakukan banyak masalah dalam negara.

Sehingga 25 September, Abdullah masih lagi Perdana Menteri. UMNO sudah pun melengkapkan sebuah perancangan penting yang diumumkan pada 8 Oktober bahawasanya Abdullah akan meletakkan jawatan untuk Najib. Abdullah terus menerajui negara dalam saki-baki beberapa bulan, iaitu beliau mengasaskan sebuah bidang kuasa antikorupsi yang membawa penjara 10 tahun dan denda RM100,000 jika salah lapor sahaja.<sup>53</sup>

Inilah legasi terakhir Abdullah yang mengabadikan pembawaannya yang bersih. Selain perkahwinannya bersama Jeanne Abdullah, Malaysia telah bersedia untuk menerima pemimpin baharu selain Bapa Pembangunan Modal Insan ini.

Di sebalik tabir, gerak kerja Mahathir pun memainkan peranan juga. Kemenangan tanpa majoriti dua pertiga dianggap sebagai kekalahan. Dalam perkembangan ke arah pilihan raya, Mahathir menentang dasar-dasar Abdullah bermula 2015.

Ibarat paku dulang paku serpih, Mahathir membuat aduan bahawa pendapatnya tidak disiarkan dalam media Malaysia. Jadi laman blog dan Malaysia Kini dijadikan medan, sementara beliau gagal mendapatkan kerusi perwakilan dalam Pemilihan UMNO 2006 untuk menurunkan Abdullah.

Hanya selepas kenaikan Najib Razak sebagai Perdana Menteri pada 3 April 2009 barulah Mahathir kembali menyertai UMNO.

---

52 Kaur, M. (2009, February 9). Anwar told to quit. *The Star Online*.

53 Tarrant, B., & Hamid, J. (2008, December 16). Money politics “mother of Malaysia corruption”. *Reuters*.



# Najibnomics

---

**S**eorang peniaga makanan di Taman Wangsa Ukay pernah berkongsi pengalaman pahitnya yang berlaku pada tahun 2009. Muneandy Nalepan memang gemar bertegur sapa dengan pelanggan-pelanggannya. Tetapi pada hujung minggu, beliau meski berhempas-pulas bersamaisterinya. Restorannya sangat laku dengan staf 120 orang. Tetapi 40 daripadanya telah dihantar balik kerana telah bekerja selama lima tahun.

Beginilah keadaannya semasa Najib Razak mengambil alih tam-puk pemerintahan. Ramai peniaga berkongsi nasib Muneandy kerana rakyat Malaysia tidak sanggup menjadi tukang masak, pelayan pelanggan dan pembasuh pinggan (atau lebih tepat lagi, gaji yang ditawarkan tidak berbaloi dengan bebanan kerja). Perniagaan lain seperti pengeluar perabot dan sarung tangan getah pun turut mengaduh juga,<sup>54</sup> kerana Abdullah Ahmad Badawi telah mengharamkan kemasukan pekerja-pekerja asing bagi sektor pengeluaran dan perkhidmatan.<sup>55</sup>

Landskap ekonomi Malaysia semasa Najib mengambil alih tampuk pemerintahan berada dalam keadaan tidak baik. Setelah memenangi jawatan Presiden UMNO pada 2 November 2008 dan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri empat bulan kemudian, beliau berdepan dengan sebuah krisis kemelesetan ekonomi global yang tidak pernah membadi sejak Keruntuhan Pasaran 1929. Amerika Syarikat telah kudung dengan masalah yang memutihkan rambut Barack Obama. Zon Ekonomi Eropah turut tersembam dengan krisis hutang yang jauh lebih rumit.

Masalah pengangguran yang bermula dengan kehilangan 33,000 pekerjaan pada tahun 2008 dijangka akan berterusan lagi.<sup>56</sup> Tidak cukup dengan mendapan sedemikian, 50,000 orang lagi berada dalam risiko pemberhentian kerja. Najib juga mempunyai cabaran-cabaran lain.

Kegawatan ekonomi ini dirumitkan lagi dengan harga bahan api global yang terumbang-ambing. Harga makanan global turut

54 Kooch, L. (2009, August 31). Business Struggle with Malaysia's Restriction on Foreign Workers. *The New York Times*.

55 Al Jazeera. (2009, January 22). Malaysia bans foreign labourers.

56 The Star Online. (2009, March 18). Malaysia sees up to 50,000 job losses this year.

meningkat sebanyak 83% dengan implikasi kebuluran bagi golongan dalam kemiskinan.<sup>57</sup> Pengekspor tan juga telah mendap pada kadar 27% dan secara tidak langsung memberikan tekanan terhadap hutang kerajaan.<sup>58</sup>

Pembawaan Najib juga dikhawatir akan cenderung ke arah guruh petir Mahathir. Karpal Singh baru sahaja didakwa kerana menghasut. Perhimpunan propembangkang telah ditembak gas pemedih mata. Negeri Perak pula sedang bergolak kerana sebuah krisis perlembagaan yang menyaksikan kemenangan Pakatan Rakyat gagal membentuk kerajaan.

Namun, Anwar Ibrahim sedar bahawa Najib bukanlah seorang pemimpin yang mudah diserang seperti Abdullah. Dalam 100 hari pertama, Najib yang merupakan bekas Timbalan Perdana Menteri mengetahui masalah-masalah yang dialami negara. Beliau siap mempelajari implikasi daripada kesilapan Abdulla.

Langkah pertama Najib diatur dengan kemas. *HarakahDaily* dan *Suara Keadilan* dijadikan sasaran pertama tetapi bukan untuk diranakan. Sebaliknya Najib membatalkan pengharaman terhadap kedua-dua corong suara pembangkang ini.

Kemudian Najib membebaskan 13 orang yang ditahan di bawah ISA. Antaranya ialah Uthayakumar Ponnusamy dan Manoharan Malayalam daripada Hindraf.<sup>59</sup> Dalam kecaman terhadap ISA, Anwar menggesa supaya Putrajaya meminta maaf kepada semua ketua Hindraf,<sup>60</sup> yang dipelawa pula oleh MIC demi kemaslahatan komuniti Tamil.<sup>61</sup> Waythamoorthy Ponnusamy yang telah melarikan diri ke London pun menyatakan kesediaannya untuk kembali.<sup>62</sup>

57 The Star Online. (2008, May 12). Higher food prices trend to go on into 2009.

58 Bell, T. (2009, April 2). Opposition braced for hard time from Malaysia new PM. *The Telegraph*.

59 The Malaysian Insider. (2009, May 11). Hindraf trio, 10 others freed from ISA.

60 The Malaysian Insider. (2009, May 11). Anwar needles Putrajaya to apologise to Hindraf leaders.

61 The Malaysian Insider. (2009, May 13). MIC opens doors to Hindraf leaders.

62 The Malaysian Insider. (2009, May 13). Hindraf leader plans return to Malaysia.

Percaturan Najib terhadap Hindraf merupakan diplomasi halus bawah beliau bersedia untuk menghapuskan ISA. Perkara tersebut tidak mudah untuk dilaksanakan kerana ISA amat dipelihara oleh Mahathir. Namun dengan dua tindakan ini, Anwar diheret ke dimensi baharu, iaitu modal-modal politik yang telah menjadi suatu kebiasaan sejak 1998 sudah tidak lagi relevan.

Kapasiti sebagai Menteri Kewangan memberikan Najib kemudahan untuk menyediakan belanjawan besar kepada Jabatan Perdana Menteri. Koh Tsu Koon yang kehilangan jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang diberikan tanggungjawab dalam hal ehwal Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Pelantikan Tsu Koon juga ialah diplomasi halus untuk memberikan talian hayat kepada Parti Gerakan Rakyat yang digulingkan di Pulau Pinang. GTP merupakan sebuah usaha pemantauan tentang prestasi kerajaan dan juga Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Idris Jala yang merupakan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Airlines juga diserap masuk kabinet pada 2 September bagi tujuan pemantauan kerajaan.<sup>63</sup>

Kemekaran sosial dalam pentadbiran Najib diusahakan melalui suatu program yang sangat popular. Rakyat Malaysia telah teruk terbelah dari segi etnik. Rusuhan-rusuhan Hindraf telah mencetuskan pergeseran antara Melayu dengan India. Jadi, program 1Malaysia diperkenalkan sebagai perintis untuk mengukuhkan penyatuan negara dalam reka bentuk dasar awam. Bertatahkan slogan *Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*, pokok ini menjalarkan dahan-dahan kecil mengikut arus kehendak rakyat:

- 50 Klinik 1Malaysia dibuka untuk menawarkan rawatan asas seperti demam, batuk dan kencing manis pada harga RM1 untuk rakyat Malaysia.
- Yayasan 1Malaysia dibangunkan untuk menyalurkan idea untuk 1Malaysia.
- Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) diasaskan untuk meruncitkan bahan-bahan asas pada harga yang rendah. Selain penawaran,

63 The Star Online. (2009, September 2). Idris Jala sworn in as minister.

KR1M juga telah memainkan peranan sebagai persaingan dalam usaha mengurangkan harga barang di kedai-kedai lain.

- Kontrak RM50 juta ditawarkan kepada Tricubes Bhd. untuk menjalankan e-mel 1Malaysia sebagai langkah untuk berkomunikasi dengan kerajaan.<sup>64</sup>
- Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dimulakan pada penawaran RM500 tunai untuk menstimulasikan ekonomi, sekali gus meninggalkan bebanan perbelanjaan rakyat.

Najib mengembalikan subsidi bahan api dengan dasar penajaran semula yang membuatkan harga petrol berada pada paras RM1.85-RM2.10 bagi RON95 dan RON97. Bermula 15 Julai 2010 harga sekilogram gula naik RM0.25. Begitu juga dengan gas masak antara +RM1.00-RM1.40.<sup>65</sup> Jangkaan mengatakan bahawa RON97 akan diapungkan dalam langkah pengurangan subsidi oleh Idris Jala.

Perlumbaan ke arah Pilihan Raya Umum ke-13 telah bermula sejak dua pemimpin politik utama mengangkat sumpah lagi. Semua tahu bahawa pada tahun 2013 Anwar Ibrahim akan julung kalinya mengetuai Pakatan Rakyat sebagai Ketua Pembangkang. Kerajaan negeri Pulau Pinang dan Selangor dijadikan contoh utama untuk menginspirasikan kepada semua tentang kebolehan PR.<sup>66</sup> Kedua-dua negeri tersebut telah menarik pelaburan sebanyak RM15.7 bilion, lebih daripada 30% daripada jumlah pelaburan negara.


Perhimpunan Bersih juga telah dianjurkan pada 9 Julai 2011 yang menyaksikan 6,000–50,000 hadirin yang mendesak pembaharuan SPR demi dakwat kekal, waktu berkempen dan akses media.<sup>67</sup> Gerombolan kuning yang dipimpin Ambiga Sreenevasan juga menerima sokongan mengejut daripada A. Samad Said. Semangat Bersih juga merebak ke Australia, England, Hong Kong, Jepun, Korea Selatan, Perancis, Sweden dan banyak lagi.

64 The Edge. (2012, September 27). Tricubes to be delisted on Monday. *The Edge Markets*.

65 Malaysia Kini. (2010, July 15). 5-in-1 price hike: fuel, sugar and gas up.

66 Chong, D. (2012, January 28). Penang, Selangor proof Malaysia will thrive under Pakatan, says Pua. *The Malaysian Insider*.

67 Barta, P. (2011, July 11). Malaysia Protest Lifts Opposition. *The Wall Street Journal*.



Sembilan bulan kemudian, Anwar, Ambiga dan A. Samad sekali lagi menganjurkan Perhimpunan Bersih yang mungkin boleh dikatakan memakan diri. Bersih 3.0 merupakan bantahan paling besar dalam sejarah Malaysia (pada masa itu) kerana berjaya mengumpulkan sekurang-kurangnya 100,000 orang di Kuala Lumpur. Turut menyertai ialah 84 NGO juga Himpunan Hijau yang mendesak pemberhentian projek Lynas di Pahang.

Laungan “Reformasi” dan “Bangkit Rakyat” bergema di serata jalan-jalan. Syahadah dan takbir juga bergegar daripada umat Islam. Namun, Bersih 3.0 yang sepatutnya sekadar Duduk Bantah telah bertukar menjadi pertempuran. Pada awalnya, peserta-peserta Bersih dilihat berbicara elok sambil bergurau dengan pihak polis yang sudah pun berbaris untuk menghalang kemaraan arus kuning.

Namun pada 3:10 petang, gas pemedih mata ditembak berhampiran Stesen LRT Masjid Jamek,<sup>68</sup> suatu perkara yang peserta-peserta Bersih telah bersedia. Suasana semakin tegang dengan tuala kecil membalut muka. Asap berkepulan di bangunan Bank OCBC. Antara jam 3 hingga 5 petang, peserta-peserta Bersih telah mencetuskan kacau-bilau.

Sebuah kereta polis yang lalu turut dipukul, ditendang peserta dan dibaling botol. Kereta tersebut merempuh seorang peserta dalam sebuah pelanggaran di hadapan Secret Recipe SOGO. Bukti video mendapati polis yang memandu telah pitam setelah dibaling bata.<sup>69</sup> Kawasan tepi jalan itu berlumuran dengan darah. Mangsa yang dilanggar dikelilingi dengan jerkahan dan jeritan. Seorang jurukamera yang cuba melindungi pemandu dibelasah beramai-ramai ketika peserta-peserta Bersih lain cuba selamatkan pemandu dan mangsa terperosok di bawah kereta.

Sementara itu Jalan Raja Laut turut menjadi kecoh apabila rintangan polis diserbu peserta-peserta Bersih. Suasana menjadi tegang antara polis dengan peserta, kayu dan meriam air menjadi perantara.<sup>70</sup> Seramai 512 orang diberkas selepas perhimpunan manakala Anwar, Azmin Ali dan Badrul Hisham Shaharin didakwa pada 28 April atas penglibatan mereka.<sup>71</sup>

Kekecohan Bersih 3.0 merupakan perkara akhir diperlukan Anwar yang turut mempunyai masalah undang-undang sendiri. Hal ini demikian kerana bermula 15 Ogos 2008, sebaik sahaja Najib mengangkat sumpah, suatu kejadian tergempar berlaku di Masjid Wilayah Persekutuan. Seorang pemuda kelihatan berbaju perang dan bersongkok dalam keadaan duduk memegang al-Quran bersebelahan dengan ayahandanya sendiri.

Pemuda ini bernama Saiful Bukhari Azlan yang membuat sumpah laknat berdasarkan prinsip Islam bahawasanya Anwar dua bulan sebelumnya telah meliwatnya. Sumpah laknat ini memulakan episod liwat baharu terhadap Anwar yang mengaku tidak bersalah semasa dibicarkan.<sup>72</sup>

Tuduhan tersebut menurut Anwar merupakan helah politik untuk

69 Kami Cintakan Keamanan. (2012, April 29). Laporan Penuh Bersih 3.0: Insiden Kereta Polis Langgar Peserta Bersih.

70 Free Malaysia Today. (2012, April 28). Bersih 3.0 – 1500 hrs to 1700 hrs – Dataran Merdeka [Full Report].

71 Free Malaysia Today. (2012, May 21). Bersih 3.0: Anwar, Azmin, Chegubard charged.

72 Doyle, K. (2008, August 7). Anwar Ibrahim formally charged with sodomy. *The Telegraph*.

mengusirnya daripada Dewan Rakyat.<sup>73</sup> Pada 17 September 2011 pula, Anwar berdepan dengan klip-klip video seorang individu miripnya yang timbul begitu mengaibkan. Ia dimuat naik dalam laman web Papago-mo.com. Klip video tersebut merupakan rakaman CCTV dikatakan hasil kerja Shazryl Eskay, Rahim Thamby Chik dan Shuib Lazim.<sup>74</sup> Lelaki dalam video dilihat sedang meniduri seorang perempuan warga China.

Sebelum Anwar, perkara yang sama berlaku pada Elizabeth Wong pada Februari 2009 apabila gambar-gambar bogelnya diedarkan barangkali oleh seorang bekas kekasih.<sup>75</sup> Elizabeth dalam hiba meletakkan jawatan. Walaupun klip-klip video tersebut tidak mendatangkan kes terbaru, Anwar tetap naik turun mahkamah dalam usaha membuktikan dirinya tidak bersalah dalam kes liwat.

Harapan beliau tidak berada pada bidang kuasa undang-undang negara. Sebaliknya apabila Najib membubarkan Dewan Rakyat pada 3 April 2013, SPR menetapkan Pilihan Raya Umum ke-13 pada 5 Mei. Dalam masa sebulan, Anwar berkempen dengan bantuan rakan-rakan parti. Beliau juga mengatakan kesediaannya untuk meletakkan jawatan (sebagai Ketua Pembangkang) jika kalah.<sup>76</sup>

Sangkaan bahawa Anwar akan bersara selepas pilihan raya adalah meleset. Seramai 5.623 juta mengundi PR, buat julung kalinya men-dominasi undi popular. Namun, prestasi PR dari segi kerusi parliment pula tidak cukup untuk membentuk kerajaan. Malah PR memerlukan 23 kerusi lagi. Walaupun menafikan majoriti dua pertiga BN, peristiwa keramat yang dikhabarkan Tsunami Cina tidak disambut kedua-dua pi-hak.

Keputusan pilihan raya ditolak Anwar yang berbaju hitam dalam

73 Daily Mail. (2008, June 30). Malaysia's opposition leader says sodomy charge is aimed at keeping him out of Parliament.

74 The Star Online. (2011, September 17). Video clip showing Anwar and Shazryl Eskay surfaces. "Shazryl Eskay, former Malacca chief minister Tan Sri Rahim Thamby Chik and former Perkasa treasurer-general Datuk Shuib Lazim - or the Datuk T trio - have admitted to screening a sex video allegedly showing Anwar with the woman."

75 BBC News. (2009, February 17). Politician in Malaysia nudity row.

76 ABC News. (2012, August 18). Malaysia's Anwar to retire if he loses next polls.



kempen pasca pilihan raya di Kelana Jaya. Sekitar 64,000–69,000 orang berhimpun untuk membantah pilihan raya penuh penipuan.<sup>77</sup> Keesokan harinya, akhbar *Utusan Melayu* mempunyai muka depan mungkin paling panas dalam sejarahnya. Gambar paparan utama menunjukkan Najib mengangkat sumpah di hadapan Yang Di-Pertuan Agong al-Marhum Sultan Abdul Halim.

Tetapi tajuk utamanya ditulis menggunakan dakwat merah – *Apa lagi Cina mahu?* – di atas enam titik yang menghentam Cina dan DAP. Di bawah gambar utama ialah sebuah kolumn melaporkan amarah Ali Rustam yang ditewaskan Shamsul Iskandar Md Akin (PKR).

Tidak bertanding di DUN N17 Bukit Baru, Ali Rustam ingin melepaskan jawatan Ketua Menteri Melaka untuk menyertai Kabinet Kementerian.<sup>78</sup> Hasratnya tidak kesampaian apabila kalah di kampung halamannya P137 Bukit Katil. Hal ini secara tidak langsung satu perkara yang menaikkan berangnya kerana Cina “sangat rasis” mengundi atas garisan perkauman bukannya merit.

<sup>77</sup> Lyn, B.S., & Ding, E. (2013, May 8). Thousands pack Kelana Jaya stadium for Pakatan rally. *The Malaysian Insider*.

<sup>78</sup> Malaysia Kini. (2018, April 3). Ali Rustam, Bukit Katil dan pengundi “tidak bersyukur”.

---

Malah Najib pun menyalahkan Tsunami Cina dalam pilihan raya yang sangat berpolarisasi.<sup>79</sup> Melayu dengan jelas memberikan sokongan kental kepada UMNO yang menambah sembilan kerusi daripada tiga penyusutan PKR dan PAS. Tetapi kejatuhan teruk dalam kalangan MCA dan Gerakan berserta prestasi lemah daripada MIC memberikan kelebihan besar kepada DAP yang kekencyangan dengan +10 kerusi.

Apa yang pasti ialah Pilihan Raya Umum ke-13 diusahakan Najib se-habis-habisnya yang menambah kekuatan politik UMNO sambil hilang keupayaan BN. Dua pertiga yang lenyap lima tahun sebelumnya tidak dicapai. Hanya orang-orang terdekat sahaja yang merasai perasaan sebenar Najib.

---

79 Anand, R. (2013, May 6). Najib blames poll results on “Chinese tsunami”. *Malaysia Kini*

# Langkah Kajang Terkejang

---

T iada siapa lagi perlu tunduk bagai hamba terkutuk kerana seorang insan yang selama 100 tahun bertakhta di atas sebuah singgahsana marmar. Di hadapannya ialah sebuah pemandangan terbentang luas, dihalang hanya sepasang tiang besar. Matanya terletak kemas pada sebuah tiang berpiramid, tidak terkebil walau sekali sepanjang tempoh abad tersebut. Di atas kepalanya tertulis bahawa di kuil yakni hati nurani anak bangsa yang diselamatkan insan marmar ini – “Kenangan Abraham Lincoln terkenang selamanya.”

Lebih kurang 30 minit dari situ, setelah mencuci mata dengan aliran Sungai Potomac ialah Joint Base Andrews, di mana Barack Obama tiba untuk menikmati kemendungan hari selepas kekuatan di Mexico City tentang hak pendatang dan Teluk Guantnamo. Turut bersamanya untuk bermain golf ialah Senator Saxby Chambliss, Bob Corker dan Mark Udall yang membincangkan tentang masalah-masalah fiskal dan hubungan antarabangsa.

Keempat-empat mereka diketukut dengan kebanjiran ribuan

orang di halaman Facebook. Berduyun-duyun nama-nama aneh menembak komen meminta pertolongan. Semua daripada mereka berasal dari Malaysia dan terdiri daripada golongan yang pernah melaungkan “Ini Kalilah”. Apa yang ditulis mereka meskipun dengan tatabahasa Inggeris yang hancur turut disuarakan pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat.

Selama beberapa hari Kuala Lumpur menghadapi suasana kelam. Janji untuk berundur daripada politik diketepikan kerana Anwar Ibrahim berpendapat integriti pilihan raya telah dicabuli.<sup>80</sup> Himpunan #Black505 di Stadium Kelana Jaya telah menyebabkan kesesakan lalu lintas luar biasa sehingga tujuh kilometer ke Tol NPE. Tiada kereta boleh bergerak dan hal ini membuatkan Tian Chua tersangkut semasa dalam perjalanan. Anwar serta Lim Kit Siang terpaksa menggunakan motosikal untuk tiba di stadium.

Beberapa suara pembangkang dibawa ke muka pengadilan seperti Adam Adli yang pada 13 Mei dituduh menghasut bantahan rakyat terhadap keputusan pilihan raya.<sup>81</sup> Ketidakpuasan hati yang mem-

80 Hookway, J. (2013, May 6). Malaysia Opposition Leader Vows To Fight “Rigged” Vote. *The Wall Street Journal*.

81 AFP. (2013, May 23). Malaysian student activist charged with sedition. *South China Morning Post*.

buak-buak ini dibalas Ahmad Zahid Hamidi bahawa jika tidak bergembira dengan politik dipersilakan ke luar negara.<sup>82</sup> Kenyataan sedemikian diterima Anwar sebagai penghinaan. Beliau membala, "Apakah kamu ingat ini negara bapak kamu?"<sup>83</sup>

Mandat pilihan raya membenarkan Najib asaskan kabinet baru tanpa penyertaan kepimpinan Cina yang ramai.<sup>84</sup> Memorandum persefahaman yang ditandatangani Hindraf bersama BN telah memenangkan tempat untuk Waythamoorthy Ponnusamy dalam Jabatan Perdana Menteri.<sup>85</sup> Najib memberikan Zahid portfolio yang sebelum ini disandang Hishamuddin Hussein untuk menyelesaikan kemelut jenayah. Selain aktiviti kongsi gelap, Malaysia juga berdepan dengan tuduhan keganasan polis.<sup>86</sup>

#Black505 pun hilang momentum dalam bulan seterusnya apabila Malaysia diselubungi asap jerebu. Hari demi hari, perbicaraan kes liwat mula menunjukkan taringnya terhadap karier politik Anwar. Sehari selepas Saiful Bukhari membuat sumpah lakan, Anwar telah bersembunyi di Kedutaan Turki Kuala Lumpur dalam prasangka keluarganya dalam bahaya.<sup>87</sup> Hanya selepas menerima jaminan polis, barulah Anwar keluar.

Dalam usaha membela diri, Anwar membuat permohonan supaya kesnya disiasat di bawah Mahkamah Syariah.<sup>88</sup> Kenangan pahit apabila rumahnya digeledah polis bertopeng menghantui apabila situasi sama berulang. Pada 16 Julai 2008, Anwar diberkas 20 komando bertopeng.<sup>89</sup>

82 Passi, S. (2013, November 1). Malaysia's brazen Home Minister Ahmad Zahid Hamidi is determined to reduce the country's alarming gang activity at any cost. *Southeast Asia Globe*.

83 Ahmad Fadli, K.C. (2013, May 18). "So you think this is your father's country?" *Malaysia Kini*.

84 Gangopadhyay, A., & Ng, J. (2013, May 15). Malaysia Leader Names Cabinet. *The Wall Street Journal*.

85 PTI. (2013, May 19). Hindraf to solve problems faced by ethnic Indians in Malaysia. *The Economic Times*.

86 AFP. (2013, June 6). Growing fear of brutality in Malaysia police cells. *South China Morning Post*.

87 The Star Online. (2008, June 30). Anwar takes up refuge offer from Turkish embassy.

88 BBC News. (2008, July 9). Anwar challenges sodomy accuser.

89 Bell, T. (2008, July 21). Wife of Malaysia opposition leader accused of sodomy speaks out. *The Telegraph*.

Cuma berbeza dengan layanan sebelumnya, Anwar dibebaskan dengan jaminan RM10,000 selepas bermalam di dalam lokap. Semasa perbicaraan di Mahkamah Seksyen Jalan Duta, Anwar mengaku tidak bersalah dengan jaminan RM20,000 pula. Perbicaraan pun bermula pada 3 Februari 2010. Anwar cuba membatalkan kes selepas timbul ura-ura bahawa Saiful Bukhari mempunyai hubungan sulit bersama salah seorang daripada pasukan pendakwaan.<sup>90</sup> Hakim Zabidin Diah juga menolak permintaan pihak pembelaan untuk melihat laporan toksikologi tentang pemeriksaan anggota badan Saiful Bukhari.<sup>91</sup>

Kerajaan juga telah meminta sampel DNA daripada kedua-dua pihak. Keengganan Anwar untuk menurut perintah difahami Koh Tsu Koon daripada Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Pada tahun 1998 pun wujud ura-ura bahawa air mani telah diambil semasa Anwar tidak sedar diri selpas dipukul. Jadi, Gerakan menggesa penyertaan pakar-pakar antarabangsa untuk menyelesaikan kemelut ini. Pakar tersebut ialah Brian Leslie McDonald dan C. Damodaran, masing-masing merupakan doktor dari Sydney dan Chennai. Kedua-duanya dilantik Anwar bagi menguruskan perihal DNA.<sup>92</sup>

Selepas dua tahun dibicarakan, Zabidin Diah mendapati Anwar tidak bersalah kerana bukti DNA daripada pendakwaan dikatakan tidak lengkap.<sup>93</sup> Seramai 5,000 penyokong pembangkang berkumpul di hadapan mahkamah yang memutuskan sedemikian. Saiful Bukhari mengeluarkan kenyataan bahawa pihaknya akan membuat rayuan terhadap keputusan tersebut.<sup>94</sup>

Pembebasan Anwar merupakan permulaan tahun 2012 yang sangat baik untuk semua pihak. Kerajaan pun mencium haruman dunia dengan bukti ketelusan undang-undang tanpa sebarang campur tangan. Kedua-

90 Gooch, L. (2010, August 2). Affair Claim Could Disrupt Sodomy Trials. *The New York Times*.

91 Chelvi, T.S. (2010, November 25). Anwar fails to obtain clinical notes. *The Sun*.

92 The Malaysian Insider. (2010, February 20). Anwar enlists three DNA and forensic experts.

93 BBC News. (2012, January 9). Anwar Ibrahim acquitted of sodomy in Malaysia.

94 Teoh, S. (2012, January 9). Anwar accuser wants appeal. *The Malaysian Insider*.



dua pihak boleh bersedia untuk pertukaran hujah dan tawaran manifesto dengan PRU13 yang menghampiri. Najib juga enggan berdebat dengan Anwar, sambil mengatakan bahawa debat bukan budaya politik Malaysia.<sup>95</sup> Keengganan Najib juga mendatangkan aib apabila sebuah kedai menawarkan “roti najib” pada harga RM0.80, iaitu roti canai tanpa telur.

Sangkaan Anwar yang namanya bersih sepanjang bulan-bulan berbaiki meleset kerana pada 11 Februari 2013, suatu kejadian besar menimpa Sabah. Sekitar 235–400 orang telah menyeberangi Laut Sulu dari Tawi-Tawi yang diketuai Jamalul Kiram III dan Agbimuddin Kiram. Kedua-dua individu tersebut mengakui diri mereka keturunan dari pada Keluarga Diraja Kiram yang pernah menguasai Kesultanan Sulu. Kedatangan ratusan orang ini bersertakan niat untuk menyelesaikan tuntutan wilayah ke atas Timur Sabah. Jamalul Kiram berasa dirinya terasing daripada rangka kerja keamanan yang dirangka untuk kerajaan Filipina dan Barisan Pembelaan Islam Moro (MILF).

Sebagai tindak balas, mereka telah bertindak dengan aspirasi keganasan yang menyebabkan kematian enam rakyat Malaysia. Sekurang-kurangnya 10 anggota keselamatan Malaysia terkorban, ada yang diseksa pihak Kiram. Anwar terpalit dengan krisis kedaulatan ini selepas satu laporan media Filipina memintal permainan persepsi. Anwar ditunjuk-

95 Zulaikha, Z. (2012, June 22). Najib: Debat bukan budaya kita. *Malaysia Kini*.

kan bersama Nur Misuari daripada Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro. Secara kebetulan pula Anwar telah mendendangkan lagu “Sabah Nak Hilang” seolah-olah Najib ketakutan.

Sementara itu, Anwar telah memfailkan saman terhadap Utusan Malaysia dan TV3 atas tuduhan tersebut.<sup>96</sup> Tian Chua pula telah dikecam kerana mendakwa semuanya suatu konspirasi UMNO.<sup>97</sup> Kes itu diselesaikan pada 24 Mac 2013, kurang daripada dua bulan sebelum pilihan raya. Tiada tindakan undang-undang diambil kerana Anwar tidak dapat dibuktikan terlibat.

## Langkah Kajang

Anwar Ibrahim mempunyai seorang pemikir yang dijadikan pakar strategi untuk PKR. Rafizi Ramli bukanlah suatu nama yang terasing dalam lembah politik Malaysia. Beliau pernah berdebat dengan Khairy Jamaluddin pada tahun 2012 yang membicarakan tentang PTPTN. Jika ada jendela yang meniup udara pendidikan percuma ke muka Malaysia, Rafizi yang membukanya. Pada 23 Mac 2014, Rafizi telah mengatur suatu strategi yang berisiko tinggi.

Dalam Pilihan Raya Umum ke-13, Khalid Ibrahim mengetuai PR dan berjaya menambah lapan kerusi DUN di Selangor. Tetapi tidak sampai setahun kemudian, beliau menerima ancaman politik oleh sekutunya sendiri. Pada 27 Januari 2014, Lee Chin Cheh telah meletakkan jawatannya sebagai ADUN Kajang.<sup>98</sup>

Langkah Kajang ini dicaturkan PKR sebagai batu loncatan untuk Anwar mengambil alih Putrajaya.<sup>99</sup> Selangor merupakan negeri yang selalu dipautkan sebagai contoh ikutan. Pendekatan Khalid pun telah bertembung dengan arus PKR berkaitan kenaikan gaji staf politik.<sup>100</sup> Jadi, ke-

96 Syed, J.Z. (2013, March 4). Anwar demands apology from Utusan, TV3 over Sabah accusations. *The Malaysian Insider*.

97 Bernama. (2013, March 2). UMNO-Lahad Datu link: Tian Chua slammed. *Free Malaysia Today*.

98 The Malaysian Insider. (2014, January 27). Kajang rep quits for by -election, Anwar or Rafizi slated to stand.

99 Rafizi, R. (2014, January 29). The Kajang Move: Game Changer in Putrajaya Quest.

100 Mahavera, S. (2014, January 28). PKR confirms Anwar to stand in Kajang. *The Malaysian Insider*.

menangan di DUN Kajang mengikut rancangan asalnya akan meletakkan Anwar sebagai Menteri Besar pula. Dalam tempoh 24 jam, Anwar disahkan sebagai calon yang bakal bertanding dalam Pilihan Raya Kecil Kajang.

Apa yang tidak disangka Rafizi ialah halilintar pantas daripada Mahkamah Rayuan. Anwar Ibrahim yang telah dibebaskan kembali berdepan dengan tuduhan liwat, iaitu mahkamah terus menjatuhkan hukuman penjara lima tahun secara mengejut pada 7 Mac.<sup>101</sup> Jadi daripada pilihan raya, Anwar terus ke penjara sekali gus melambungkan semuanya tentang Kajang tergantung tanpa tali.

PKR dengan segera mencalonkan Wan Azizah yang memenangi pilihan raya kecil. Pada 22 Julai, langkah seterusnya diambil apabila Wan Azizah menerima sokongan rasmi untuk menjadi Menteri Besar. Saifuddin Nasution pula mengeluarkan sebuah dokumen 40 muka surat yang mempertikaikan integriti Khalid terutamanya berkaitan RM66.67 juta dengan Kumpulan Guthrie.<sup>102</sup> Khalid pula memanjangkan perkara ini kepada perhatian Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang mengundang pemecatan daripada parti.<sup>103</sup>

Pada 26 Ogos, Khalid telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar. Tindakannya menyebabkan PR wajib memberikan tiga nama untuk penentuan Sultan Selangor. Tetapi PKR dan DAP hanya mencalonkan Wan Azizah sahaja, suatu perbuatan yang mengundang murka.<sup>104</sup> Permohonan maaf daripada kedua-dua parti ini mengeruhkan keadaan kerana kenyataan ampun tidak diajukan terus kepada Sultan Sharafuddin.<sup>105</sup> PAS pula menepati permintaan Sultan dengan tiga calon (salah seorang daripada parti mereka sendiri).<sup>106</sup>

101 BBC News. (2014, March 7). Malaysia jails Anwar Ibrahim for five years for sodomy.

102 The Malaysian Times. (2014, August 4). PKR to ‘expose’ Khalid’s han-ky-panky.

103 Lai, A. (2014, July 22). Wan Azizah next Selangor MB? *New Straits Times*.

104 Bernama. (2014, September 9). Sultan Selangor amat dukacita terhadap PKR, DAP. *Borneo Post Online*.

105 Izra, A.R. (2014, September 9). Selepas DAP, PKR pula mohon maaf kepada Sultan Selangor. *M Star*.

106 The Malay Mail. (2014, September 4). PAS gave 3 names for Selangor MB, sec-gen now admits.

Kemudian, Sultan mengambil keputusan untuk bertemu dengan tiga ADUN yang diyakini. Salah seorang daripadanya ialah Azmin Ali yang tidak menimang sokongan daripada partinya sendiri.<sup>107</sup> Selepas Sultan Sharafuddin memperkenankan pelantikan Azmin, Wan Azizah terus menarik balik pencalonan sendiri. Maka penutupan Langkah Kajang dengan jelas berbau hangit kerana PKR gagal mencalonkan keinginan mereka.

## Ke Sungai Buloh Lagi

Anwar meringkuk ke penjara pada masa yang sangat sukar. Hal ini demikian kerana matahari yang terbenam pada 16 April merupakan sinaran terakhir yang akan dilihat seorang rakan seperjuangannya. Karpal Singh telah bersama Anwar sejak pemecatan daripada tampuk Timbalan Perdana Menteri lagi. Beliau yang mengeluarkan laporan patologi tentang kandungan arsenik dalam badan Anwar dan beliau yang mengetuai bahagian pembelaan semasa Anwar dibebaskan pada tahun 2012.

Karpal menemui ajalnya selepas Toyota Alphard yang dinaikinya merempuh sebuah lori lima tan. Kematiannya menyebabkan pilihan raya kecil di P051 Bukit Gelugor dimenangi anaknya tanpa penyertaan BN. Hukuman Anwar juga mengosongkan kerusi P044 Permatang Pauh yang dimenangi Wan Azizah. Sementara PR dengan penuh emosi melancarkan Himpunan 365 Bebas Anwar yang tidak membawa hasil, melainkan Mohamad Sabu membaling mikrofon dengan penuh kegeraman.

Kehilangan Anwar dan Karpal merupakan tampanan yang besar terhadap PR. Tetapi tidak lama kemudian PR pun dibubarkan selepas perpecahan antara PAS dengan DAP. PAS pula direnjatkan dengan angin pembaharuan apabila Mohamad Sabu tewas dalam pemilihan Timbalan Presiden pada tangan Tuan Ibrahim Tuan Man.

Kemudian, Mohamad Sabu menggunakan gerakan sosial Harapan Baru untuk bergabung bersama Parti Pekerja-Pekerja Malaysia. Nama-nama individu yang mengikutnya juga agak terkemuka seperti Mu-

<sup>107</sup> Habibu, S., & Mutiah, W. (2014, September 21). PKR will not support Azmin if he becomes Selangor MB. *The Nation*.

jahid Yusof Rawa, Khalid Samad dan Dzulkefly Ahmad. Gabungan baharu tersebut membentuk Parti Amanah Negara.

Walau bagaimanapun, gabungan antara PKR, DAP dan PAN masih lagi bercelaruan. Tanpa Anwar memimpin mereka sebagai Ketua Pembangkang, Najib Razak dijangka memenangi pilihan raya dengan begitu selesa. Cuma dalam kegelapan politik yang menghitamkan perjalanan pembangkang, suatu peluang secara tiba-tiba dan terlalu luar jangka terbuka dengan begitu meluas pula.

Najib bakal berdepan dengan ujian paling dahsyat dalam hidupnya. Dalam perkembangan yang menyusul, seorang ahli politik (atau bekas ahli politik) bangkit semula daripada persaraan untuk menjadi Ketua Pembangkang secara amnya yang jauh lebih berkaliber berbanding Anwar Ibrahim sendiri. Bahawasanya individu inilah yang menjatuhkan Anwar sebelum ini.

Tiada angin dan tiada ribut – Dr. Mahathir telah mencampakkan sarung tangannya untuk ke Putrajaya semula sebagai Perdana Menteri Malaysia.



# Deklarasi Rakyat

---

**A**ngin bertiup secara sepoi-sepoi bahasa di bandar raya Tehran. Matahari pula sedang membakar bangunan parliment republik tersebut. Di dalam dewan yang hawaanya sejuk, seorang lelaki berserban putih mencium al-Quran. Upacara angkat sumpahnya disaksikan ahli-ahli politik dan tetamu-tetamu luar termasuk jutaan rakyat Iran yang tertanya-tanya tentang ketua kerajaan baharu itu. Hassan Rouhani membuka bicara dengan matlamat supaya sekatan ekonomi terhadap negaranya digugurkan. Namun, Iran yang sejak azali lagi merupakan pesaing ketat negara-negara Arab telah memainkan peranan di sebalik apa yang berlaku pada tahun 2014.

Hubungan antara Arab Saudi dengan Iran sentiasa dingin atas polarisasi dalam negara masing-masing. Namun, Saudi menikmati hubungan ekonomi yang strategik bersama negara-negara Barat. Jadi, sekatan terhadap Iran memangkinkan peluang kewangan yang Saudi juga pernah gunakan sebagai senjata diplomasi

sehingga 2008. Semasa pasaran saham di bandar raya New York tersebambam, Amerika Syarikat sedang menghadapi gesaan emas (*gold rush*). Walau bagaimanapun, warna emas tersebut ialah hitam cair yang jika diproses boleh menggerakkan industri negara itu.

Pengeluaran minyak mentah Amerika meningkat berganda dengan teknologi rekahan hidraulik. Perkara yang menjadi penghalang ialah kos operasi sahaja. Namun, banyak pihak berusaha untuk mendapatkan hutang bank bagi membiayai pengeluaran.<sup>108</sup> Krisis Ekonomi 2008 yang mengganggu kadar faedah telah memberikan kesan buruk kepada industri ini. Setelah melihat keadaan realiti ini, Saudi memberikan sokongan supaya OPEC meneruskan pengeluaran minyak. Harga rendah boleh merugikan industri minyak rekahan hidraulik.

Perang harga ini juga berlaku pada masa yang tidak sesuai. Lapan bulan sejak Jun 2015 pula merupakan masa yang tidak mesra bagi pasaran China. Saham yang didagangkan bursa Shanghai tel-

---

108 Greenfield, P. (2019, October 13). Top investment banks provide billions to expand fossil fuel industry. *The Guardian*.

ah kehilangan 1/3 daripada nilainya.<sup>109</sup> Pertumbuhan ekonomi China berterusan kehilangan momentum yang turut memberikan tindak balas terhadap ekonomi negara-negara lain. Kestabilan politik di Libya dan Iraq juga melambakkkan bekalan minyak dalam pasaran global, sekali gus melemaskan harga di bawah paras keselesaan pengeluar.<sup>110</sup>

Sengatan diplomasi yang berbisa ini telah melebamkan ekonomi Rusia. Kerajaan Moscow yang mengambil tindakan mengejut terhadap Crimea berdepan dengan sekatan daripada Barat. Malaysia turut menerima padah dengan nilai Ringgit beranjakan tanpa henti. Pada 11 Ogos 2015, Ringgit kecundang ke paras paling teruk sejak 1998.<sup>111</sup> Setelah menyedari realiti ini, Najib Razak mengorak langkah berani bagi pencapaian dua sasaran utama:

- Menghapuskan percukaian jualan dan perkhidmatan (SST).
- Mengurangkan kebergantungan kepada Petronas.

Kelompongan besar ini diisi pula dengan sistem percukaian yang dikatakan lebih moden. Kerajaan Malaysia telah lama berbincang tentang pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang boleh meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara maju.<sup>112</sup> Rang undang-undang mengenainya pun telah dibentangkan pada 16 Disember 2009 yang penangguhannya dikritik pembangkang.<sup>113</sup> GST dijangka boleh mengutip RM22 bilion untuk mengurangkan defisit sebanyak 3.2%.

Dalam Belanjawan 2015, Najib mengumumkan pelaksanaan GST pada paras 6%. Pengecualian diberikan bagi makanan asas dan pe-

109 Riley, C. & Yan, S. (2015, August 27). China's stock market crash... in 2 minutes. *CNN Money*.

110 Fahey, M. (2015, December 3). Oil prices and budgets: The OPEC countries most at risk. *CNBC*.

111 Bloomberg. (2015, August 12). Ringgit falls below 4 per US dollar for first time since 1998, weakens further against Singapore dollar. *The Straits Times*.

112 Bernama. (2009, December 19). GST Implementation Is To Place Malaysia At Par With Developed Countries, says Ahmad Husni.

113 Kamal, S.M., & Chooi, C. (2010, March 17). Pakatan flays government over GST delay. *The Malaysian Insider*.

rubatan. Dua bulan selepas itu, kerajaan dikejutkan dengan kejatuhan harga bahan api yang teruk sekali gus membuatkan GST dilaksanakan tepat pada waktunya. Tindakan berani ini dipuji Yang Di-Pertuan Agong al-Marhum Sultan Abdul Halim.<sup>114</sup>

Namun, Najib tidak dapat menghela nafas lega atas perlaksanaan tepat pada masanya. Hal ini demikian kerana persepsi terhadapnya berubah atas suatu asas yang begitu kemas tersusun. Najib tidak perlu melakukan apa-apa untuk memecahkan Pakatan Rakyat. Hukuman segera terhadap Anwar Ibrahim sepatutnya mengukuhkan lagi silaturahim dan ukhuwah antara PAS, PKR dan DAP. Namun, kerjasama mereka dilihat terburai begitu sahaja dengan Lim Guan Eng, ibarat melafazkan cerai.<sup>115</sup>

Hala tuju PAS yang lebih cenderung ke arah islamisme dipetik sebagai asbab pembubaran PR. PAS juga tidak bersetuju dengan ucapan Lim Kit Siang berkaitan hukum.<sup>116</sup> Kemelut politik Selangor angkara percaturan Langkah Kajang pun menunjukkan PAS bukan seekor lembu dicucuk hidung. Dr. Ahmad Azhari Arifin dengan jelas diberikan laluan untuk mengatakan bahawa percaturan tersebut mempermaining tanggungjawab rakyat dalam pemilihan seorang pemimpin.<sup>117</sup> Doanya diteruskan lagi dengan mempersoalkan hikmah apabila pemimpin-pemimpin tertinggi membuat keputusan dangkal tanpa berbincang pun dengan PAS.

Tindakannya dipertikai Ridzwan Abu Bakar yang tidak bersetuju dengan penggunaan doa untuk menghentam orang-orang tertentu. Suasana menjadi sedikit kecoh apabila mikrofon yang membesarluarkan suaranya ditarik. Kesatuan dalam kalangan pembangkang bagaikan ditarik semikian rupa juga. Gabungan yang merobek majoriti dua pertiga dan

<sup>114</sup> The Malay Mail. (2016, March 7). Agong congratulates Najib on job well done.

<sup>115</sup> France-Presse, A. (2015, June 16). Historic Malaysian opposition alliance falls apart. *Rappler*.

<sup>116</sup> Malaysia Kini. (2015, May 18). Khalid Samad: Buktikan Kit Siang hina Islam.

<sup>117</sup> KiniTV. (2014, September 18). Kecoh, muktamar PAS baca doa kutuk Mat Sabu, 2 ADUN.

kemudiannya undi popular BN dalam dua pilihan raya berturut-turut mempunyai potensi besar. Tetapi atas ketidaksetujuan tentang pembawaan dasar, PKR dan DAP membawa diri jauh daripada PAS.

## **Skandal Penamat Riwayat**

Aliran kewangan yang tidak menentu telah memangkinkan GST. Tetapi Malaysia ditimpa suatu musibah besar yang mengalihkan pandangan ramai tentang keberkesanan sistem percukaian tersebut. Perhatian mula diberikan kepada perakaunan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang status kewangannya menimbulkan pelbagai tanda tanya. 1MDB merupakan sebuah entiti perniagaan yang dijelmakan daripada struktur Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA).

Dalam sisa-sisa pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi, TIA diasaskan dengan modal RM1 bilion daripada royalti minyak untuk membangunkan negeri tersebut. Empat bulan selepas Najib membentuk kerajaan, Kementerian Kewangan telah mengambil alih TIA untuk dibesarkan menjadi entiti persekutuan demi manfaat semua rakyat Malaysia.<sup>118</sup> Enam tahun kemudian, pengurusan 1MDB telah menunjukkan masalah dari segi kewangan dan integriti.

Laporan audit yang diwajibkan telah dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi.<sup>119</sup> Namun apa yang pasti, 1MDB mempunyai hutang RM42 bilion. Najib dituduh mengambil RM2.67 bilion daripada 1MDB yang melepaskan segala hamburan tersemat dalam kalangan penyokong dan pengkritik.<sup>120</sup> Maka disebabkan hutang inilah keberkesanan GST terus disisihkan, bahawasanya “Kerajaan memerlukan GST untuk menyelesaikan masalah ini.”<sup>121</sup> Najib juga melakukan beberapa tindakan yang tidak tumpah seperti penutupan lubang. Pada penghujung Julai 2015, Kabinet Kerajaan dirombak semula dengan perubahan yang ketara.

118 Jagdev, S.S. (2009, July 22). Terengganu Investment Authority to be federal body. *The Star Online*.

119 The Star Online. (2016, March 5). Final 1MDB audit report classified as official secret.

120 France-Presse, A. (2015, July 6). Malaysian taskforce investigates allegations \$700m paid to PM Najib. *The Guardian*.

121 Babulal, V. (2017, August 4). Najib slams opposition for linking GST to 1MDB. *New Straits Times*.



Muhyiddin Yassin telah digugurkan daripada Timbalan Perdana Menteri kerana mengeluarkan kenyataan berunsur kritikan terhadap pengendalian Najib. Peguam Negara, Abdul Gani Patail yang mengejutkuai penyiasatan 1MDB pula direhatkan atas sebab aneh, iaitu kesihatannya. Beberapa menteri lagi diturunkan atas alasan bahawa Najib memerlukan sebuah pasukan lebih bersepada.<sup>122</sup> Pelucutan ini juga berlaku sehari sebelum Perhimpunan Bersih 4 dianjurkan, yang menuntut peletakan jawatan Najib. Bersih turut mempersoalkan asbab apabila ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang diserap masuk ke Kabinet Kerajaan.<sup>123</sup>

Bersih juga menggesa peserta-pesertanya untuk membawa beg tidur, selimut dan payung atas tempoh perhimpunan selama dua hari. Lima tempat berkumpul diumumkan dalam perjalanan ke arah Dataran Merdeka. Pembubaran PR menyaksikan ketiadaan Unit Amal PAS yang bertanggungjawab dalam perhimpunan-perhimpunan Bersih selama ini. Maka ketua-ketua Bersih mengumpulkan barisan sukarelawan dalam kalangan Angkatan Muda Keadilan dan Gagasan Harapan Baru.

Tetapi kejutan besar menggemparkan negara keesokannya apabila keterujaan, kekeliruan dan kekecewaan bersebatи. Jumlah perhim-

122 AFP. (2015, July 28). 1MDB scandal: Malaysia PM Najib Razak sacks deputy, attorney-general as corruption allegations mount. *ABC News*.

123 Shazwan, M.K. (2015, July 28). 1MDB probe temporarily frozen as PAC chief, members made deputy ministers. *The Malay Mail*.

punan sudah pun berkurangan sehingga susuk tubuh seorang idola politik berkaca mata memunculkan diri. Secara tiba-tiba Bersih menerima nafas baharu dengan penyertaan daripada puluhan ribuan peserta. Berbondong-bondong bersama mereka ialah tidak lain tidak bukan Dr. Mahathir sendiri.<sup>124</sup>

Banyak mulut ternganga setelah melihat keadaan sedemikian. Tidak pernah Dr. Mahathir muncul bersama arus yang senang kata memusuhi beliau. Mahathir memberikan alasan yang niatnya hanya untuk melihat. Tetapi di sekelilingnya laungan “Undur Najib!” berkumandang. Tuduhan korupsi berkaitan RM2.6 bilion dijelaskan Najib sebagai derma daripada pihak Arab, suatu perkara dikecam Mahathir bahawa tiada Arab begitu gila untuk menderma sedemikian.<sup>125</sup> Mahathir telah membangkitkan undi tidak percaya ditawarkan Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan Perdana Menteri.<sup>126</sup>

Kelantangan tersebut menimbulkan kegusaran daripada Siti Hasmah yang mengatakan ketidaksediaannya untuk melihat Mahathir dipenjarakan.<sup>127</sup> Suatu suara yang telah lama sunyi menyapa perhatian seluruh Malaysia dari Penjara Sungai Buloh. Anwar Ibrahim mengejutkan negara dengan mengatakan kerisauannya apabila Mahathir disiasat polis atas tuduhan jenayah,<sup>128</sup> yang tidak dilakukannya pun. Belum pernah seorang bekas Perdana Menteri disoal siasat polis sehingga Mahathir yang mengharungi 45 minit dalam pejabat sebuah pusat Islam untuk diambil keterangan.<sup>129</sup>

Selepas gagal menurunkan Najib dari dalam, Mahathir melihat satu

124 The Sun Daily. (2015, August 29). Bersih 4: Tun M makes surprise appearance.

125 Anne, M. (2015, December 7). Dr. M: Arab gila pun tak akan derma RM2.6 bilion. *Malaysia Kini*.

126 Shuhami, Z. (2015, September 30). Vote of no confidence is a provision in the Federal Constitution – Dr. Mahathir. *Astro Awani*.

127 Zikri, K. (2015, September 9). Siti Hasmah: I can't say I'm ready for Dr. M to be jailed. *Malaysia Kini*.

128 Selangor Kini. (2015, November 7). Anwar's message on the latest investigation on Tun M.

129 Shannon, T. (2015, November 7). Malaysia police quiz ex premier Mahathir. *The Straits Times*.

jalan sahaja yang tinggal. Mukhriz Mahathir telah meletakkan jawatan-nya sebagai Menteri Besar Kedah pada 2 Februari 2016. Mahathir pula mengisyiharkan bahawa beliau telah keluar daripada UMNO kerana enggan bersekongkol dengan korupsi Najib.<sup>130</sup> Apa yang berlaku pada 4 Mac 2016 lebih mengejutkan berbanding penyertaan Mahathir dalam Bersih 4.

Kit Siang pernah menghabiskan 17 bulan dalam penahanan ISA kerana terlibat dalam Ops Lalang. Termasuk juga dengan Mohamad Sabu dalam suatu peristiwa yang dikatakan kegelapan untuk demokrasi negara. Mereka berkongsi pengalaman di Pusat Penahanan Kamunting bersama Guan Eng juga. Pergolakan semasa Anwar digulingkan daripada kerajaan pula menyebabkan Azmin berdepan dengan tuduhan menipu di mahkamah.

Tetapi pada tarikh tersebut – semua dalam kalangan mereka yang dipenjarakan secara tidak langsung oleh Mahathir telah bersolidariti untuk mengisyiharkan Deklarasi Rakyat. Dalam sidang akhbar yang diketuai Mahathir, perisytiharan tersebut menyaksikan penjalinan semula silaturahim bersama Anwar.<sup>131</sup>

Berikut merupakan isi kandungan dalam Deklarasi Rakyat:

- Menggulingkan Najib (dan konco-konconya) tanpa keganasan dan mengikut undang-undang.
- Memansuhkan undang-undang dan perjanjian yang melanggar hak jaminan Perlembagaan Persekutuan.
- Mengembalikan integriti bagi institusi-institusi ternama seperti PDRM, SPRM, BNM dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang.

Antara perkara yang disentuh ialah kedudukan Malaysia dalam Senarai 10 negara paling korup menurut Ernst and Young dalam Laporan Siri 2013 Penipuan Asia-Pasifik. Deklarasi Rakyat juga ditandatangani juara

130 Rozanna, L. (2016, February 29). Mahathir quits Malaysia's ruling UMNO party, protesting corruption. *Reuters*.

131 Joe, F. (2016, March 4). Forgetting gold wounds, Anwar-Mahathir now working against Najib. *Free Malaysia Today*.



debat Syed Saddiq Syed Abdul Rahman. Tiga bulan kemudian, Majlis Tertinggi UMNO telah memecat Muhyiddin Yassin dan Mukhriz Mahathir.<sup>132</sup> Najib juga mengumumkan pembekuan dana terhadap Yayasan Kepimpinan Perdana yang diketuai Mahathir.

Deklarasi Rakyat pada Hari Malaysia telah mengumpulkan sebanyak 1.4 juta tandatangan. Kemudian, ia dibentangkan kepada al-Marhum Sultan Abdul Halim.<sup>133</sup> Kedua-dua figura senior tersebut berbincang selama 75 minit. Dalam perkembangan itu, Mahathir juga secara aktif berkempen untuk calon-calon Amanah dalam dua pilihan raya kecil bagi tahun tersebut. Bersama-sama Muhyiddin, Mukhriz, Syed Saddiq dan ramai lagi, Mahathir mengasaskan sebuah parti baharu untuk mencabar dominasi UMNO.

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menyertai gabungan parti yang diasaskan pada 22 September 2015 selepas terkuburnya PR. Ia terdiri daripada DAP, PAN, PKR serta Pakatan Harapan (PH) yang merupakan sebuah kerjasama haluan tengah yang sedang tercari-cari suara pengganti Anwar. Pada 14 Julai 2017, Majlis Presiden PH telah disah-

132 Hana, N.H., & Zafira, A. (2016, June 24). Muhyiddin, Mukhriz sacked from Umno, Shafie suspended. *New Straits Times*.

133 Nawar, F. (2016, September 16). Mahathir hands over Citizens' Declaration to King. *FMT*.

kan dan terdiri daripada nama-nama yang pernah menempuh kesukaran di bawah pentadbiran Mahathir. Tetapi dalam reka bentuk kerjasama yang berdiri di atas perjuangan menentang BN, mereka mengisyiharkan bahawa Mahathir merupakan calon Perdana Menteri seandainya terbentuknya kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-14.

Pada masa ini rakyat Malaysia menyaksikan wajah sebenar ahli-ahli politik. Dua tahun sebelumnya, Mahathir juga pernah mengatakan bahawa sahabat dan musuh dalam politik tidak bertahan selama-lamanya.<sup>134</sup> Ketika itu Lim Kok Wing telah dilantik sebagai penyelaras khas untuk Najib.

---

134 Malaysia Kini. (2015, June 5). Mahathir laments over a friend turned foe.

Jatuhnya  
Barisan  
Nasional

**M**alaysia telah memasuki suatu era politik yang baharu semasa perseueran antara Mahathir dengan Najib. Ia disaksikan pada 25 Oktober 2014 setelah Mahathir dialu-alukan dalam sebuah sesi soal jawab di Hong Kong. Ketika itu Hong Kong sedang melalui episod yang agak kelam. Chu Yiu-ming, Benny Tai dan Dr. Chan Kin-man telah melancarkan kempen bantahan supaya demokrasi bersih diteruskan. Pengaruh British dan China telah diibaratkan mencetuskan krisis identiti di Hong Kong. Hal ini membuatkan Robert Chow Yung dan Priscilla Leung Mei-fun pula menjemput Mahathir untuk berkongsi pendapat. Beliau telah membandingkan dasar luar negara antara kemesraan China berbanding Barat yang lebih gemar campur tangan.<sup>135</sup>

Tetapi dua tahun kemudian nada Mahathir mempunyai naratif agak berlainan. Barat dipuji atas ketelusan di sebalik penyiasatan 1MDB manakala Mahathir

juga telah berjabat tangan dengan Anwar, dengan senyuman begitu mesra daripada kedua-dua musuh (atau bekas musuh) ini. Namun, ada yang tidak bergembira dengan kemesraan baharu ini.

Atas sokongan kepada Anwar semasa 1998, Raja Petra Kamaruddin telah diberkas polis. Anaknya, Raja Sara Petra hanya berusia 13 tahun ketika itu penuh dengan kekeliruan selepas diberitahu mungkin tidak akan berjumpa bagi satu tempoh yang lama.<sup>136</sup> Nurul Nuha Anwar berkongsi pendapat yang sama, bahawanya Mahathir wajib memohon maaf kerana keluarga mereka telah menghangrungi banyak dugaan.<sup>137</sup>

Mahathir juga mengakui bahawa pentadbirannya digelumangi korupsi pada kadar walaupun bagaimanapun tidak mengapa-apakan pertumbuhan negara kerana dasar-dasar pembangunan yang efektif.<sup>138</sup> Mahathir juga mendakwa legasi pentadbirannya sedang dipadam kerana Najib cuba menghancurkan Proton, suatu

135 Case, W. (2016, September 12). What a handshake between Mahathir and Anwar really means for Malaysia. *South China Morning Post*.

136 FMT. (2016, September 8). Mahathir-Anwar handshake a betrayal to supporters.

137 FMT. (2016, September 14). Nurul Nuha Anwar says Dr. Mahathir must apologise.

138 TODAY World. (2016, October 12). Dr. M admits to corruption in his time as Malaysia's PM.

pertuduhan dinafikan Salleh Said Keruak yang mengatakan bahawa jika benar, KLCC telah lama diruntuhkan.<sup>139</sup>

Kenyataan sedemikian dicucuk Mahathir yang memberitahu Salleh supaya memusnahkan juga Cyberjaya, KLIA dan Putrajaya. Mokhzani Mahathir pula telah digesa meletakkan jawatan dalam pengurusan Litar Sepang.<sup>140</sup>

Malah imej Malaysia di mata dunia juga diuji dengan kenyataan pedas daripada Barack Obama. Dalam sebuah sidang di Lima, Peru, Obama yang bakal digantikan Donald Trump berucap tentang kestabilan dunia. Amerika Syarikat juga menurutnya dikekang daripada negara-negara lain yang menindas rakyat atau “mencuri duit pembangunan ke dalam bank akaun Switzerland”<sup>141</sup>. Nama Malaysia dan 1MDB tidak disebut, apatah lagi Najib – tetapi Mahathir menggunakan ucapan Obama sebagai senjata politik yang diselaraskan ke dalam seluruh Pakatan Harapan.

Keakraban Mahathir dalam PH juga dikukuhkan lagi dengan penyerataan dalam Bersih 5 yang terlihat berbaju kuning. Kemaraan Mahathir sebagai wajah pembangkang tidak dapat dikekang kerajaan. Tiada siapa memiliki bahan bukti bahawa Mahathir mempunyai hubungan sulit bersama sesiapa. Malah tuduhan sedemikian tidak mungkin dipercayai sesiapa pun. Hal ini demikian kerana Mahathir pernah difitnah menonton pornografi bersama cucunya.<sup>142</sup> Mahathir juga dengan pantas menepis penyebaran mesej elektronik berbaur lucah berkaitan Anina Saadudin.

Pada masa ini rakyat telah melihat bahawa Pilihan Raya Umum ke-14 akan menyaksikan pertembungan dua penguasa berdasarkan isu dan tawaran. Krisis moral secara tidak langsung mempunyai tempat. Mahathir juga menimang simpati masyarakat apabila undangan pemasyhu-

139        Malaysia Kini. (2016, October 13). Minister: Gov’t would have demolished KLCC to erase Dr. M’s legacy.

140        The Straits Times. (2016, October 13). Mahathir’s son Mokhzani resigns as chairman of Sepang International Circuit, says asked to leave.

141        FMT. (2016, November 23). Mahathir: Obama was talking about 1MDB.

142        The Star Online. (2008, March 5). “PAS’ controversial statements. Aug 1, 2002: Former PAS MP Bunyamin Yaakob was investigated by police for alleging that Dr. Mahathir had watched a pornographic video with his grandchildren.”

---

ran Sultan Muhammad dari Kelantan sebagai Yang Di-Pertuan Agong dibatalkan.<sup>143</sup>

Tidak lama kemudian Mahathir berdepan dengan konflik bersama Kesultanan Johor pula. Beberapa perkara dijadikan asbab seperti konsep bangsa Johor dan projek Forest City yang dikritik Mahathir.<sup>144</sup> Hubungan beliau bersama monarki Johor pun diketahui ramai tidak mungkin akan sejuk. Semasa menguasai kerajaan, Mahathir telah mengurangkan kuasa diraja terutamanya berkaitan imuniti daripada pendakwaan jenayah. Bagi Sultan Ibrahim Ismail, bangsa Johor boleh memelihara negeri tersebut daripada politik perkauman yang semakin menular.

Perkara tersebut tidak cukup untuk mencalarkan reputasi politik Mahathir. Mandat yang diberikan Najib pula semakin menghampiri tarikh luputnya. Semua tahu dalam masa setahun, pilihan raya mesti diadakan. Sebelum pembubaran Dewan Rakyat, Sinar Harian telah menganjurkan sebuah wacana di Dewan Karangkraf. Tiga ahli panel dijemput untuk membincangkan jika Mahathir terlalu tua untuk mengetuai kerajaan.

Dalam sejam kemudian, selepas Dr. Kamarul Zaman Yusoff dan Profesor Saat Baki memberikan pendapat, wacana tersebut dikejutkan dengan kehadiran mengejut Mahathir sendiri. Para hadirin dalam dewan tersebut bingkas berdiri untuk mengalu-alukan Mahathir. Beliau kemudian menaikkan ciapan di Twitter, “*Ada forum bertajuk, ‘Adakah Tun M terlalu tua untuk jadi PM?’ Saya hadir. I’m here guys. Say it to my face.*”

Mungkin secara kebetulan suara Kamarul Yusoff terpecah-pecah setelah gilirannya berdepan Mahathir. Namun, kebetulan tersebut diperkudakan sokongan Mahathir sebagai terkucil. Hal tersebut dinafikan Kamarul.<sup>145</sup> Apa yang berlaku antara Kamarul dengan Mahathir sebenarnya tidak penting untuk diulas. Tetapi perkongsian masa mereka telah melambung dengan begitu sensasi kerana Mahathir berani hadir pada ketika Najib pula tahun sebelumnya tidak muncul dalam forum *Nothing To Hide*.

---

143 Joceline, T. (2016, December 11). Mahathir's past gets in the way. *The Star Online*.

144 Mustafa, I. (2017, January 22). The real reason Malaysia's Mahathir is taking on the Sultan of Johor. *South China Morning Post*.

145 Kamarul, Z.Y. (2018, March 23). Pensyarah UUM nafi terkucil, tetap kata Mahathir sudah tua. *Malaysia Kini*.

Abdul Hadi Awang pula menyatukan PAS supaya berpegang teguh kepada prinsip perjuangan ke arah kerjasama yang menguntungkan agama dan negara. Sasaran PAS hanyalah 40 kerusi, jauh sekali membentuk kerajaan yang mewajibkan pemilikan 112 kerusi. Tetapi PAS ingin menjadi faktor pemberat (*kingmaker*) yang membolehkan mana-mana gabungan lain – tidak kira BN atau PH – bentuk kerajaan.<sup>146</sup>

Mahathir tanpa jemu mengasak Najib dengan persepsi bahawa Malaysia telah teruk diaibkan sehingga rakyat malu mengaku kewarganegaraan.<sup>147</sup> Topik tersebut turut diulas Mukhriz yang menggambarkan rakyat Malaysia terpaksa mengaku berasal dari Brunei. Sementara Salleh tidak melepaskan peluang dengan mempersoalkan kepada Mukhriz mengenai hukuman syariah di Brunei.<sup>148</sup>

Sementara sokongan PH berpesta dengan hujah persepsi tentang populariti Mahathir di dunia Arab, Najib pun semakin bersedia untuk mengharungi ujian paling besar. Ramalan demi ramalan diumumkan; hampir semuanya mengatakan BN akan menang. Manifesto “Hebatkan Negaraku” yang dikeluarkan BN pun seolah-olah tidak mendapat respons daripada rakyat. Pembangkang pun menabur persepsi lagi dengan mengatakan Najib bakal menaikkan kadar GST ke 9%.<sup>149</sup>

Manifesto BN yang memadamkan KLCC dengan pantas disedari rakyat. Tawaran Najib untuk menggandakan BR1M pun tidak diendahkan. Nasib BN akan ditimangkan dengan suara lebih daripada 14 juta undi. Kali terakhir BN berdepan dengan pertempuran tiga penjuru adalah pada 21 Mac 2004, iaitu dimenangi Abdullah dengan majoriti paling besar. Cuma pertembungan banyak penjuru merupakan rahsia kejayaan Mahathir dalam setiap pilihan raya sebagai Pengerusi BN dulu.

Semuanya berbalik kepada Bersih 5 yang menghimpunkan 250,000 orang. Mohamad Sabu mendapat sorakan besar apabila mencampakkan

146 Sharom, A.B. (2018, April 19). PAS sedia berperanan sebagai “kingmaker”. *Astro Awani*.

147 The Independent. (2017, May 3). Mahathir: Malaysians ashamed to reveal their nationality abroad.

148 FMT. (2018, January 27). I was misquoted, says Mukhriz about “Brunei citizen” report.

149 Bernama. (2018, May 2). Jangan terpedaya GST akan naik - PM Najib. *Astro Awani*.

topinya sambil mengatakan itulah simbolisme tentang apa yang bakal berlaku – bahawa rakyat akan melemparkan Najib. Apabila Mohamad Sabu berkata benar, seramai 6.1 juta rakyat berkabung dalam kedukaan.

## Peralihan Kuasa yang Melumpuhkan

Najib Razak dan Ahmad Zahid Hamidi merupakan dua individu yang berkuasa semasa penubuhan PPBM. Tidak cukup dengan Perdana Menteri, portfolio Kementerian Kewangan turut dipegang Najib. Sementara itu Zahid pula mengetuai negara sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri. Roda penguasaan sentiasa berputar dengan wajah mereka di kaca televisyen. Kedua-dua mereka meniti di atas mata pedang sebaik sahaja Dewan Rakyat dibubarkan pada 7 April 2018.

Sokongan daripada Melayu dan India boleh mengekalkan BN di peringkat persekutuan. Tetapi kemenangan pilihan raya tidak membawa makna bagi Najib jika PH membentuk kerajaan di Johor. Pulau Pinang dan Selangor sentiasa berada dalam sasaran BN, oleh sebab status kedua-dua negeri tersebut sebagai antara yang paling kaya. Kehilangan Johor boleh menyebabkan Najib berundur daripada politik seperti nasib yang menimpa Abdullah Ahmad Badawi.

Jadi di Parit Raja, Najib berjanji untuk meningkatkan kualiti kereta api, melebarkan lebuh raya dan membangunkan sebuah stadium.<sup>150</sup> Johor yang merupakan tempat kelahiran UMNO tidak pernah menyerahkan pentadbiran negeri kepada sesiapa. Dalam pilihan raya yang lepas pun, BN telah kehilangan 12 kerusi. Trend kejatuhan juga disaksikan berlaku di Melaka, Pahang, Sabah dan Terengganu. Malah aura Mahathir dan Mukhriz meletakkan tanda tanya besar tentang keupayaan BN untuk menjaga Kedah.

Penutupan *The Loaf* diumumkan pada 12 April selepas 12 tahun beroperasi. Pemegang saham terbesar kedai roti tersebut ialah Mahathir yang mengatakan campur tangan Lembaga Hasil Dalam Negeri merosakkan potensi mencari pembeli.<sup>151</sup> Najib pula bergiat menjaminkan

150 Sipalan, J., & Anathalakshmi, A. (2018, April 9). As Malaysia's Najib seeks reelection, Johor may no longer be the jewel in the crown. *Reuters*.

151 Loh, J. (2018, April 16). Najib slams Mahathir for blaming "The Loaf" closure on government and denying ownership – here's what happened. *Business Insider Singapore*.

bantuan kewangan seperti kad bantuan yang menyediakan RM53.6 juta untuk 67,000 pemandu teksi.<sup>152</sup> Najib juga percaya bahawa projek-projek berimpak tingginya akan menarik sokongan rakyat atas faktor 2.2 juta peluang pekerjaan.

BN mendapat anjakan besar apabila RoS mengeluarkan pembubaran sementara terhadap PPBM atas kegagalan menyerahkan butir-butir maklumat penting.<sup>153</sup> Mahkamah Tinggi pula menggantungkan perintah pembubaran sementara ini.<sup>154</sup> Untuk memintas halangan ini, PH membuat keputusan untuk bertanding dengan logo PKR. Tetapi masalah tetap berlaku semasa pencalonan. Permohonan Chua Tian Chang (Tian Chua) ditolak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi P115 Batu ekoran kesabitan kes mahkamah 2013.<sup>155</sup> Kerusi yang dijangka suatu kemenangan mudah telah bergantung tanpa tali.

Begitu juga dengan lima calon lain iaitu Pizi Jihat, Yaakob Osman, Azihan Seman, Hafidz Amran dan Streram Sinnasamy. Rafizi Ramli pun tidak mempertahankan kedudukannya di Pandan. Tetapi selepas penutupan saluran mengundi pada pukul 5 petang, kegagalan enam calon tersebut tidak langsung mengapa-apakan prestasi PH. Untuk mengekalkan P115 Batu, PKR menyokong calon bebas Prabakaran Parameswaran yang kemudian menyertai PKR.

Keputusan awal menyaksikan PH mendahului di Lanang dan Saratok dengan kemenangan pertama untuk BN di Baram. Pada pukul 6:30 petang, enam orang diberkas di Johor Bahru kerana membela pengundi dipercayai pendatang asing. Lima minit kemudian, Nga Kor Ming (DAP) telah jauh meninggalkan Mah Siew Keong (BN) dan Ahmad Ramadzan (PAS). Menghampiri Maghrib, persaingan pilihan raya antara BN dengan PH sememangnya sengit, dengan kejutan besar di Johor Bahru apabila Shahrir Samad (BN) semakin kecundang.

---

152 Hanis, Z. (2018, April 13). Najib: 67,000 taxi drivers get RM800 each with 1Malaysia taxi welfare card. *The Star Online*.

153 Nurasyidah, A. (2018, April 5). ROS patut terus bubar PPBM. *Berita Harian*.

154 Ahmad Johari, M.A. (2018, April 23). Mahkamah Tinggi gantung pembubaran sementara PPBM. *Berita Harian*.

155 Ilah, H.A. (2018, April 28). Pencalonan Tian Chua ditolak. *Berita Harian*.

Pada pukul 8 malam, BN semakin tersungkur di Sarawak iaitu negeri sepatutnya menjadi deposit tetap. Impak PH di hampir semua kawasan dalam penantian pun semakin dahsyat. Wan Azizah, Zuraida Kamaruddin dan Kor Ming terus melebarkan majoriti. Kejutan besar menggarkan BN apabila Presiden MIC Subramaniam Sathasivam kalah di Segamat. Majoriti Akmal Nasir terhadap Shahrir Samad pun pada 8:30 malam mencecah angka belasan ribuan.

Dua setengah jam selepas kiraan bermula barulah PAS disahkan menang satu kerusi di Jengka. Sementara itu PH meneruskan kemaraan dengan kemenangan Syed Saddiq (Muar), Syed Ibrahim (Ledang), Kuala Segaran (Ipoh Barat) dan Baru Bian (Selangau). Kekalahan besar MIC juga berlaku pada MCA apabila Presiden Liow Tiong Lai ditewaskan di Bentong. Menteri Besar Adnan Yaakob di Pahang diingatkan semula dengan kata-katanya pada November 2012, “*Potong telinga saya jika DAP menang Bentong.*”<sup>156</sup>

Kegusaran Khaled Nordin tentang status UMNO di Johor menjadi kenyataan apabila PH merampas sembilan kerusi Dewan Rakyat daripada nama-nama besar BN. Majoriti PH di Pulau Pinang dan Selangor pun ditambahkan lagi. Setelah dikejutkan dengan perkembangan sebegini, keputusan pilihan raya tidak rasmi terus dihentikan. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mengarahkan sekatan terhadap Malaysia Kini atas alasan demi kestabilan negara.<sup>157</sup>

Pada 11:20 malam, Mahathir mengadakan suatu sidang akhbar di Hotel Sheraton yang PH sudah pun mendapat 112 kerusi.<sup>158</sup> BN telah hilang majoriti DUN di Kedah, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Mahathir juga menuduh bahawa SPR enggan menandatangani Borang 14 untuk mengumumkan keputusan rasmi.<sup>159</sup> Debaran jantung memus-

156 Lee, W.L. (2012, November 30). MB: “Potong telinga saya jika DAP menang Bentong”. *Malaysia Kini*.

157 Malaysia Kini. (2018, May 19). MCMC ordered at least 11 ISPs to block M’kini GE14 sites.

158 The Star Team. (2018, May 9). Mahathir claims Pakatan has won Putrajaya (updated). *The Star Online*.

159 Berita Harian Online. (2018, Mei 10). Kami dah menang lebih 112 kerusi - Tun M.



tahilkan rakyat tidur pun, dengan ramai mengeluarkan komen bertanya setiap kali SPR membuat pengumuman bertangguh.

Tepat pada pukul 2:30 pagi, pemimpin-pemimpin PH mengumumkan bahawa Istana Negara telah memanggil Wan Azizah. Parti yang logo digunakan bagi pihak PH pada masa itu dianggap sebagai calon Perdana Menteri. Sambutan kemenangan BN di PWTC bertukar hiba dengan BN membuat perjumpaan tergempar perihal Najib bertanya tentang kebencian rakyat terhadapnya.<sup>160</sup> Najib juga dituduh akan menggunakan undang-undang tentera untuk mengekalkan kuasa, suatu perkara yang tidak akan berlaku.

Sebelum subuh, SPR mengumumkan keputusan penuh. Perak dan Sabah tidak memperoleh majoriti DUN. PAS mengekalkan dominasi di Kelantan dan merampas Terengganu daripada BN. Majoriti 113 kerusi PH disokong pula dengan 8 kerusi Parti Warisan Sabah. Hal ini memberikan mandat jelas kepada Mahathir iaitu 121 kerusi. Pada masa itu dengan jelas bahawa eksperimen teragung Tun Abdul Razak telah berahir dalam penjagaan anaknya sendiri.

Barisan Nasional telah kehilangan 54 kerusi penting.

<sup>160</sup> Jahabar, S. (2018, May 28). BN's night of despair and delusion. *The Malaysian Insight*.



Mencari  
Jarum  
dalam  
Jerami

---

Pada malam keputusan pilihan raya diumumkan, jalan raya seluruh Malaysia dikhabarkan kosong. Hanya lampu sahaja dalam kesunyian tersebut yang memecah rahsia. Terdapat juga nasihat dan ura-ura yang mengatakan negara berada dalam ancaman, bahawasanya semua perlu duduk dalam rumah bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini. Najib Razak muncul dalam satu sidang akhbar, diapit Ahmad Zahid Hamidi dan sepupunya Hishammuddin Hussein. Bersama Khairy Jamaluddin, semua dalam kalangan mereka berwajah sugul. Berlatarkan Jalur Gemilang, Najib menceytuskan kekeliruan dengan mengatakan bahawa tiada parti mencapai majoriti mudah.<sup>161</sup>

Wujud juga pendakwaan bahawa Najib cuba memancing ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Harapan dan PAS untuk menidakkan kemenangan Mahathir. Tetapi Najib menafikan bahawa arahan mengenai ini jika ada tidak datang daripadanya.<sup>162</sup> Keputusan untuk

melantik Perdana Menteri jatuh pada bahu Sultan Muhammad. Baginda menghadapi prospek memberikan amanah tersebut kepada Mahathir yang dihalang daripada menghadiri kemasyhurannya sebagai Yang Di-Pertuan Agong.

Kelewatan ini merupakan sebahagian daripada proses semula jadi. Sebelum ini Malaysia mengikut tradisi bahawa Presiden UMNO yakni Pengerusi BN merupakan calon ketua kerajaan. Asasnya juga UMNO akan mengetuai BN dengan jumlah kerusi pun. Struktur binaan PH pula terlalu berlainan dengan tradisi tersebut. Presiden gabungan ini ialah Wan Azizah yang mengetuai timbalan-timbalan iaitu Lim Guan Eng dan Mohamad Sabu. PPBM pula hanya mempunyai 13 kerusi sahaja.

Spekulasi mengatakan bahawa majlis angkat sumpah Mahathir akan ditangguh ke tarikh lain. Sultan Muhammad juga dihina kerana lewat membuat keputusan.<sup>163</sup> Kebuntuan politik ini mudah sahaja; SPR tidak mengiktiraf PH

161 Rosenfeld, E. (2018, May 9). Malaysian Prime Minister Najib Razak accepts result of election, says there's no fraud. CNBC.

162 Arfa, Y. (2018, November 21). Pancing Ahli Parlimen PH 9 Mei: Saya tidak arahkan - Najib. Astro Awani.

163 Mohd Hasbi, S. (2018, Mei 12). Hina YDP Agong, 9 NGO buat aduan polis. Berita Harian.



sebagai gabungan pembangkang. Parti-parti pembangkang dianggap sebagai parti-parti berindividu sahaja. Dalam erti kata lain, BN mendapat kerusi paling banyak iaitu 79 angka, iaitu tidak mencukupi untuk membentuk kerajaan. Kemudian, diikuti PKR, DAP, Bersatu, PAN dan Warisan.

Sultan Muhammad sekadar mengambil masa untuk berjumpa dengan ketua-ketua parti tersebut untuk melengkapkan amanah perlembagaan. Apabila semua mengesahkan, maka Istana Negara mengeluarkan perutusan rasmi bahawa Mahathir diundang mengangkat sumpah pada 9:30 malam.

Sebelum itu juga Wan Azizah dihulurkan peluang untuk memintas Mahathir, tetapi sebaliknya menepati persetujuan asal dan hanya meminta pembebasan Anwar Ibrahim sahaja. Perkara ini disahkan Anwar kemudiannya dalam ucapan "*Dari padan Penjara ke Istana*".

Kekalahan teruk di Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri menandakan bahawa UMNO memerlukan kepimpinan baharu. Najib pun tidak menunjukkan sebarang protes. Beliau mengucapkan terima kasih kepada UMNO dan terus meletakkan jawatan dalam



satu suasana berbaur hiba.<sup>164</sup> Pembesar-pembesar UMNO kemudian memeluknya. Senyuman di hadapan media mungkin hanya profesionalisme semata-mata. Hal ini demikian kerana Anwar mengatakan bahawa emosi Najib hancur pada malam pilihan raya.<sup>165</sup> Dua kali Najib menghubungi Anwar menyuruhnya mengakui kekalahan.

Menghubungi Anwar menunjukkan suatu jalinan simbolik kerana apa yang menimpa Anwar pada tahun 1998 sudah bermula untuk Najib. Beliau dan isteri tidak dibenarkan untuk ke luar negara selepas diletakkan dalam senarai hitam Jabatan Imigresen.<sup>166</sup> Seorang pengguna Facebook bernama Azrene Ahmad mengeluarkan pengakuan yang begitu mengejutkan tentang keperibadian ibunya, Rosmah Mansor.

Azrene mengatakan selama ini beliau berjalan di atas bara api dan didera secara emosi, fizikal dan mental atas kesalahan, kesepakatan dan jabat tangan Rosmah dan Najib demi kepentingan kuasa. Kondominium mewah Najib di Kuala Lumpur digeledah untuk memburu doku-

164 Berita Harian. (2018, May 12). Najib letak jawatan Presiden UMNO, Pengurus BN.

165 The Star. (2018, May 17). Anwar says “shattered” Najib called him twice on election night.

166 FMT. (2018, May 12). Najib confirms he and Rosmah barred from leaving.



men-dokumen sensitif jika ada berkaitan dengan skandal 1MDB.<sup>167</sup> Namun, apa yang dikeluarkan dari tempat-tempat serbuan hanyalah 284 buah kotak diisi tas-tas tangan berjenama dan 72 buah beg-beg bagasi besar yang penuh dengan wang. Nilai rampasan mencecah RM913 juta termasuk 1,400 utas rantai, 2,200 bentuk cincin dan 14 bentuk tiara.<sup>168</sup>

Sehubungan dengan itu, rumah anak Najib di Pavilion Residence Apartment pun diserbu polis juga bagi menjalankan pemeriksaan. Pencairan bukti dilakukan antara 9 malam hingga 3 pagi.<sup>169</sup> Pesuruhjaya Tinggi Amar Singh kerap kali muncul di hadapan media untuk membentangkan tentang aktiviti-aktiviti rampasan polis. Pihak polis juga dituduh mencuri coklat dari rumah Najib semasa operasi serbuan 19 Mei.<sup>170</sup>

Penularan gambar Najib berbaju merah dalam keadaan keletihan mengundang amarah orang ramai. Kisah di sebalik gambar itu ialah Najib yang terlalu penat kerana 18 jam tidak rehat.

---

167 The Star. (2018, May 12). Police raid deluxe condo linked to Najib's family to look for sensitive documents.

168 Ellis-Petersen, H. (2018, June 27). Najib raids: \$273m of goods seized from former Malaysian PM's properties. *The Guardian*.

169 Safeek, A.R. (2018, May 17). Rumah anak Najib pun diserbu. *Harian Metro*.

170 The Straits Times. (2018, May 25). Missing chocolates from raid at Najib Razak's home still a mystery.

Antara yang mengecam tindakan penyiasatan awal pagi ialah Nurul Izzah Anwar dan Khalid Samad.<sup>171</sup> Dalam kunjungan pertamanya di Pekan selepas pilihan raya, Najib mengatakan bahawa beliau ialah mangsa serangan politik yang berniat untuk melemahkan UMNO.<sup>172</sup>

20 tahun telah berlalu dan politik Malaysia berlegar dengan persepsi. Dahulu, tilam diusung ke sana sini dengan dakwaan tomponan air mani Anwar. Sekarang, harta-harta Najib dibawa dengan troli. Kedua-duanya, Anwar dan Najib mengakui mangsa politik.

### **Harapan Rakyat Satu Amanah**

Ramadan 2018 sentiasa ditunggu-tunggu rakyat jelata. Semua umat Islam menjemput bulan puasa yang mulia itu dengan amalan keislaman penuh dengan kesabaran. Pada bulan ini juga wajah-wajah tidak pernah muncul di masjid selama ini timbul menunjukkan air muka keimanan. Bagi satu keluarga ini, keindahan Ramadan tahun 2018 amatlah luar biasa – Sebab Sultan Muhammad telah memperkenankan pengampunan penuh kepada Anwar.

Sebuah himpunan 5,000 orang dianjurkan pada 5:30 petang di Amcorp Mall untuk menyambut pembebasan Anwar yang dijangka tiba pada jam 10 malam. Berkibarnya Jalur Gemilang dan bendera parti PKR semasa Anwar mengatakan perasaan terharunya. Tenaga Anwar semasa berucapan tidak putus, dengan beliau siap menolak pemberian air pun. Sebelum itu, Anwar telah memenangi saman terhadap TV3 yang perlu membayar sebanyak RM1.1 juta.<sup>173</sup> Jadi buat beberapa minggu, harapan rakyat membuak-buak menandakan suatu amanah yang dipertanggung-jawabkan di atas bahu pakatan Mahathir-Anwar.

Amanah tersebut menghantui Pakatan Harapan selamanya. Penubuhan kerajaan dibuka dengan barisan pembangkang yang tidak melepaskan peluang tentang janji-janji awal terutamanya dalam tempoh 100 hari:

171 NSTP Online. (2018, May 17). Why ransack at such an ungodly hour? *New Straits Times*.

172 Joash, E.D.S. (2018, May 20). Najib: I did not steal, I'm a victim of political attacks. *The Star*.

173 Anbalagan, V. (2018, May 14). Anwar wins RM1.1 million in defamation suit against TV3. *FMT*.

1. Hapuskan GST untuk mengurangkan kos sara hidup.
2. Stabilkan harga minyak dengan cara subsidi petrol bersasar.
3. Hapuskan hutang peneroka FELDA.
4. Memperkenalkan skim caruman KWSP suri rumah.
5. Menyamaratakan gaji minimum di seluruh negara.
6. Menangguhkan bayaran PTPTN bagi gaji bawah RM4,000.
7. Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi kes 1MDB, FELDA, MARA dan Tabung Haji.
8. Mengembalikan status Sabah dan Sarawak.
9. Memperkenalkan Skim Peduli Sihat dengan memberi RM500 pembiayaan rawatan asas untuk golongan B40.
10. Kaji semula projek-projek mega.

Mahathir juga mengatakan bahawa beberapa kepala akan tergolek. Di sinilah kejutan pertama dibuat dengan pengumuman bahawa hutang negara telah mencecah RM1 trilion.<sup>174</sup> Sembilan hari kemudian, Mahathir meminta sokongan daripada penjawat-penjawat awam supaya Malaysia boleh pulih daripada bebanan ekonomi. Hal ini demikian kerana hutang negara diumumkan melebihi RM1 trilion.<sup>175</sup>

Apa yang menyusul sememangnya membahayakan ekonomi. Tidak cukup dengan laporan mengejut mengenai hutang negara, Mahathir juga mengumumkan pemotongan gaji menteri-menteri Kabinet.<sup>176</sup> Tiga perkara tersebut (termasuk persepsi nilai rampasan Najib) membahayakan ekonomi yang terus dipandang tidak telus. Semasa Najib mengetuai Kementerian Kewangan, nilai hutang berada hanya sekitar RM686.8 bilion sahaja. Spekulasi dihamburkan bahawa kerajaan Najib mengubah rekod untuk menutup amalan korupsi.<sup>177</sup> Kononnya fail-fail merah ini

<sup>174</sup> New Straits Times. (2018, May 11). Hinting at Govt shake-up, Dr. Mahathir says “certain heads must fall”. *Today*.

<sup>175</sup> NSTP Team. (2018, May 21). PM: Country’s debt at alarming RM1 trillion. *New Straits Times*.

<sup>176</sup> CNA. (2018, May 23). Salaries of Malaysian ministers to be cut by 10%: PM Mahathir.

<sup>177</sup> Nakano, T. (2018, May 24). Malaysia reveals national debt far higher than figure under Najib. *Nikkei Asian Review*.

telah menakutkan pelabur-pelabur asing yang banyak belajar dengan salah lapor daripada Krisis Ekonomi Greece.

Perkara ini disahkan apabila Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) menjunam -40.78 mata.<sup>178</sup> Pemain-pemain pasaran benar-benar takut dengan pengumuman yang dibuat. Selepas kejatuhan KLCI, penarafan kredit antarabangsa pula dijadikan sasaran.

UMNO berpendapat bahawa pengiraan hutang sebegini menggunakan cara kiraan yang tidak menepati piawaian IMF. Bahwasanya Lim Guan Eng yang dilantik Menteri Kewangan baru turut menganggap liabiliti luar jangkaan sebanyak RM238 bilion pun sebahagian daripada hutang negara.<sup>179</sup> Tiada negara yang melaporkan hutang negara sambil memasukkan liabiliti luar jangkaan sekali. Hal ini demikian kerana ini juga perlu melibatkan gaji dan penceن penjawat awam.

Najib pun tidak duduk diam. Laman Facebook beliau yang selama ini digelumangi dengan askar-askar siber berkomenkan “ILOVEPM”, “NajibPMKita” dan “RespectMyPM” telah mula menarik pengikut-pengikut organik. Beliau memuji Guan Eng kerana berterus terang bahawa hutang negara hanya RM686.6 bilion.<sup>180</sup> Tanpa henti Najib menggesa kerajaan berlaku telus dengan projek-projek berimpak tinggi yang digantung buat sementara waktu.<sup>181</sup> Projek Kereta Api Laju (HSR) juga telah dibatalkan Mahathir atas alasan kos begitu tinggi.<sup>182</sup>

Kejatuhan nilai mentah sawit juga memberikan tekanan ekonomi terhadap kerajaan Harapan. Keuntungan FELDA Global Ventures dilaporkan menyusut 25% berbanding tahun sebelumnya.<sup>183</sup> India pula menambahkan duti pengimportan terhadap minyak sawit mentah dua

178 Toh, B. (2018, May 24). KLCI is region's worst performer. *The Edge Markets*.

179 Hidir, R. (2018, June 2). PH govt reporting of RM1 trillion national debt violates IMF standards: Umno. *New Straits Times*.

180 FMT. (2018, May 25). Najib: The world calculates debt the same way we did.

181 CNA. (2018, May 30). Najib urges new Malaysia government to be transparent about KL-Singapore high-speed rail project.

182 Rashvinjeet, S.B. & Hemananthani, S. (2018, May 29). Govt cancels HSR mega project. *The Star Online*.

183 Reuters. (2018, May 28). Felda Global profit drops 25%. *FMT*.

bulan sebelumnya untuk membantu pertanian domestik.<sup>184</sup> Bebanan ini perlu ditanggung dengan kelompongan sedia ada selepas pensifaran kadar GST yang dibuat lima hari selepas pembentukan kerajaan.<sup>185</sup>

Mahathir juga mengatakan bahawa 100 hari tidak mencukupi untuk perlaksanaan janji-janji awal selepas mengenal pasti lebih banyak masalah ditinggalkan kerajaan lepas.<sup>186</sup> Untuk mengurangkan amalan korupsi, Mahathir mengharamkan sebarang hadiah kepada kerajaan kecuali makanan, buah-buahan dan bunga sahaja.<sup>187</sup>

Malaysia juga bergegas untuk menuntut semula segala wang yang dikatakan hilang melalui 1MDB.<sup>188</sup> Mohamad Sabu yang dilantik sebagai Menteri Pertahanan pada 21 Mei berdepan dengan cabaran besar berkenaan keselamatan Laut China Selatan. Kebetulan pula Mahathir mengatakan bahawa rantau tersebut tidak sepatutnya mempunyai banyak kapal perang, melainkan bot-bot peronda sahaja.<sup>189</sup>

Kebangkitan China merupakan satu perbualan hangat mengenai keselamatan geopolitik rantau. Mahathir yang mungkin telah mengejutkan naga dengan pembatalan HSR sedang meletakkan mata terhadap Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) juga. Kedua-dua projek ini merupakan sebahagian kecil daripada impian agung Inisiatif *One Belt One Road* China yang disokong Mahathir.<sup>190</sup>

Dengan kata mudah, Mahathir sedang menghalang pencapaian cita-cita China untuk membangunkan Laluan Sutera Moden ini. Beijing yang juga merupakan antara punca pelaburan utama Malaysia memer-

184 Bhushan, R. (2018, May 29). Crude shock: Rising prices may take a toll on grocery bills. *The Economic Times*.

185 Straits Times. (2018, May 14). Govt has enough funds without GST: Mahathir.

186 Daily Express. (2018, June 2). 100 days not enough to fulfill pledges: Mahathir.

187 Azura, A., Syed Umar, A., Irwan Shafrizan, I., & Zanariah, A.M. (2018, June 8). Dr. M: Only food, flowers and fruits in govt's new 'no gifts policy'. *New Straits Times*.

188 The Star. (2018, June 22). Mahathir seeks to recover RM18bil of 1MDB funds, Goldman Sachs fees.

189 Bhavan, J. (2018, June 19). Forget the warships: Malaysian PM Mahathir's peace formula for South China Sea. *South China Morning Post*.

190 Ho, W.F. (2018, June 3). Dr. M jolts China's Belt-Road plan. *The Star*.

hati percaturan kerajaan Harapan dengan keputusan tergantung. Se-mentara itu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang diketuai Azmin Ali masih optimis tentang keyakinan pelaburan. Namun KLCI masih lagi sedang menurun, lebih-lebih lagi dengan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dengan China.<sup>191</sup>

Najib pula berdepan dengan masalah besar selepas empat peguam menarik diri daripada usaha pembelaan.<sup>192</sup> Selain tuduhan korupsi, Malaysia juga membuka semula siasatan bagi kes yang telah lama dilupakan – potensi penglibatan Najib di sebalik pembunuhan seorang model Mongolia bernama Shaariibuugiin Altantuya.<sup>193</sup> Kematian Altantuya diceritakan sangatlah tragis. Beliau ditembak mati, mayatnya kemudi-an diletupkan dengan C4 dalam suatu kes pelik melibatkan pembelian kapal-kapal selam Scorpène dari Perancis.

Ketika itu ramai yang mengambil langkah tunggu dan lihat. Mungkin inilah masanya kebenaran akan terungkai.

---

191 Joseph, C. (2018, June 21). KLCI slumps to 16 month low on selling of Telekom, Tenaga. *The Star*.

192 Chelsea, L.Y.N. (2018, June 5). Najib's defence team in tatters after lawyers quit. *The Star*.

193 France-Presse, A. (2018, June 22). Malaysia reopens grisly model murder case linked to ex-prime minister Najib Razak. *South China Morning Post*.

Anjur  
Surut  
Bak  
Bertanam

---

**T**empoh berbulan madu Pakatan Harapan berakhiri secara mengejut dengan kecelikan luar biasa daripada rakyat. Tidak pernah sebuah kerajaan di mana-mana tempat sekali pun menggunakan formula begitu aneh berkaitan hutang negara. Memang benar pentadbiran Barisan Nasional tidak mengisyiharkan kadar kemiskinan dengan tetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tetapi PH ibarat menyuntik semangat utuh dalam kalangan BN daripada kepimpinan ke askar-askar siber.

UMNO pula telah mengorak langkah pertama ke arah pembaharuan. Peletakan jawatan Najib Razak telah mengawalkan pemilihan parti yang sepatutnya dilangsungkan pada tahun 2019. Proses pencalonan 17 hari menyaksikan pertembungan tiga penjurul bagi jawatan tertinggi iaitu Ahmad Zahid Hamidi, Khairy Jamaluddin dan Tengku Razaleigh Hamzah. Mohamad Hasan yang begitu disayangi daripada akar umbi pula memburu jawatan Timbalan Presiden dengan pertandingan dua hala bersama Annuar

Musa. Sementara tiga kerusi Naib Presiden turut direbut.

Prasangka bahawa Khairy akan menang mudah meleset selepas majoriti memilih Zahid sebagai Presiden. Di bawahnya pula ialah Mohamad Hassan bersama Ismail Sabri Yaakob, Mahdzir Khalid dan Mohamad Khaled Nordin. Nama besar yang dicari-cari ialah Hishammuddin Hussein. Beliau enggan bertanding di peringkat pusat kerana mempunyai misi peribadi.<sup>194</sup>

Kekalahan besar UMNO juga pedih untuknya kerana darah daging parti tersebut tertumpah di tanah kelahirannya juga. Jadi, Hishammuddin menegaskan fokusnya untuk mengembalikan UMNO dari Johor, iaitu 72 tahun sebelumnya diasaskan datuknya sendiri. UMNO tidak merataapi kekalahan terlalu lama. Asyraf Wajdi Dusuki yang menggantikan Khairy sebagai Ketua Pemuda UMNO terus bergerak untuk mengukuhkan parti terbesar dalam kalangan pembangkang ini.

Sementara itu PH pula terumbang-ambing dipukul ombak buatan sendiri. Sejak tempoh

194 Tasnim, L. (2018, June 8). Hishammuddin opts out of contesting in Umno election. *New Straits Times*.

berkempen lagi, PH berdepan dengan satu soalan maut daripada rakyat cenderung BN. Mereka tidak jemu bertanya, “*Mahathir fitnah atau Anwar liwat?*” Soalan ini sememangnya soalan maut kepada PH. Mahathir juga mengatakan bahawa tiada keperluan untuk memohon maaf kepada Anwar.<sup>195</sup>

Dengan PH sebagai titik perhatian, rakyat mendapat semangat untuk memburu janji-janji yang pernah ditaburkan. Setepatnya BN pun tidak menepati janji pilihan raya. Dahulu pun BN berjanji untuk membina sejuta rumah mampu milik di Sabah, namun hanya 27% sahaja berjaya disiapkan.<sup>196</sup> Dasar Automotif Nasional 2014 pula mengurangkan harga purata keseluruhan sebanyak 8%, bukannya 20–30% seperti yang telah dijanjikan.<sup>197</sup>

Sebagai pembangkang, UMNO kembali membala kritikan apabila PH gagal melaksanakan janji. Walaupun dibuat bagi tempoh lima tahun, UMNO berjaya menggambarkan situasi yang PH tidak akan mampu melaksanakan – sekali gus rakyat diyakinkan dengan konsep “janji palsu”. Malah Mahathir juga mengatakan bahawa manifesto hanyalah panduan, jauh sekali sebuah kitab yang diwajibkan ke atasnya.<sup>198</sup> Soalan Khairy dalam sebuah sidang Dewan Rakyat pun tidak diberikan jawapan yang konkret.

Perkembangan sebegini tidak begitu mengejutkan pun. Hampir 20 tahun lepas, budaya berpusingan yang serupa pernah ditunjukkan. Penyokong-penyokong Pakatan Rakyat mungkin telah lupa bahawa Karpal Singh yang membangkitkan kegiatan liwat Anwar pada tahun 1997.<sup>199</sup> Apabila menerima tuduhan, Karpal pula yang mewakili Anwar sebagai

195 The Star Online. (2018, October 2). Dr M: I have never made any formal apologies to Anwar.

196 Clement, S. (2018, May 30). The price of broken promises. *FMT*.

197 Danny, T. (2018, February 5). Have cars in Malaysia become cheaper over the last few years? We dissect the ‘Harga Kereta Turun’ report. *Paul Tan*.

198 The Sun Daily. (2018, July 17). Mahathir: Manifesto not bible, only a guide.

199 The Star. (2010, December 29). Wee: Karpal a flip-flop MP who keeps changing views.

peguam bela.<sup>200</sup> Mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasinya. Selama 20 tahun meluruskkan sumpitan hendak mengena, PH gagal beralih daripada fitrah.

Sementara BN cepat menyesuaikan diri, mentaliti pembangkang masih mengekor rapat PH sampai ke peringkat kerajaan. Selepas 9 Mei, 10 parti komponen telah keluar sekali gus meninggalkan BN dengan hanya tiga ahli sahaja seperti Parti Perikatan dahulu. MCA juga sedang mengharungi angin perubahan dengan Liow Tiong Lai yang tewas pada Wong Tack di Bentong bagi memberi laluan kepada Wee Ka Siong.<sup>201</sup>

Mahathir pula mengukuhkan kabinet kerajaannya dengan penambahan 13 portfolio lagi. Sejarah dilakarkan apabila Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan hanya semasa usianya 25 tahun.<sup>202</sup>

Saddiq yang merupakan graduan undang-undang dan juga suara utama PPBM selepas pembentukan ibarat seperti mengharumkan nama Malaysia dalam dunia yang semakin mengetepikan unsur senioriti. Bayangkan jika Amerika Syarikat, Kanada dan New Zealand masing-masing mempunyai Alexandria Ocasio-Cortez, Justin Trudeau dan Jacinda Ardern, Malaysia mempunyai Saddiq. Begitulah persepsinya kerana apa yang menyusul sebenarnya berlainan dengan sangkaan.

Pada tarikh yang sama, Mahathir juga melantik tiga menteri yang membentuk imej PH kelak. Mohd Redzuan Yusof telah menimba pengalaman meluas dalam Petronas sebelum menceburi perniagaan sendiri. Mungkin inilah tanda aras di sebalik keyakinan Mahathir untuk memberikan portfolio Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Redzuan. Khalid Abdul Samad pula telah lama menonjol di

200        *The Far East and Australasia, 2003* (34 ed.). Routledge. 2003. Hlm. 770. ISBN 978-1-85743-133-9. “The DAP won 11 seats, as it had in 1995, but its Secretary-General, Lim Kit Siang, lost his seat as did its Deputy Chairman, Karpal Singh (who was also Anwar’s legal representative).

201        Izlaily, N.A.H. (2018, June 29). Ka Siong considers running for MCA presidency. *New Straits Times*.

202        Associated Press. (2018, July 2). Mahathir expands cabinet, appoints youngest-ever minister. *South China Morning Post*.

Wilayah Persekutuan, khususnya sebagai Ahli Parlimen Shah Alam. Kemudian, individu yang dicampak daripada rahim PAS ialah Dr. Muahid yang merupakan anak kepada Yusof Rawa.

## Pemastautin yang Disanjungi

Bangladesh mempunyai persekitaran yang tidak begitu jauh dengan India. Cuaca panas, kereta api dan populasi besar menghiasi bandar raya Dhaka. Tidak jauh dari situ pula terletaknya Pasar Dubai yang bersebelahan dengan sebuah lebuh dinamakan sempena Mustafa Kemal Ataturk. Tidak sampai dua kilometer ke Timur ialah sebuah bulatan yang berhampiran dengan kedai roti Holey Artisan. Pada 1 Julai 2016, lima orang telah merusuh kedai roti tersebut dalam suatu kejadian ngeri yang meragut 29 nyawa. Siasatan mendapati pengganas berkenaan mendapat inspirasi daripada Zakir Naik.

Asalnya Jabatan Perisikan Maharashtra mengatakan bahawa tiada bukti mencukupi untuk mengaitkan Zakir.<sup>203</sup> Tetapi Bangladesh mengharamkan siaran Peace TV yang dimiliki Zakir.<sup>204</sup> Kemudian, nafas lega dihela Zakir mula tersesak selepas Agensi Penyiasatan Negara India memberkas ketua ISIL di Hyderabad. Mohammad Ibrahim Yazdani pun mengakui dipengaruhi Zakir. Nama yang dipetik tanpa henti itu mengancam nyawa Zakir.

Pada 13 Julai 2016, ketua Vishva Hindu Parishad menyediakan imbuhan RM210,000 bagi sesiapa yang boleh memenggal kepala Zakir. Sejak hari itu keselamatan Zakir di India sudah tidak lagi terjamin dan beliau mendapat tempat di Malaysia sebagai pemastautin tetap. Status Zakir dikekalkan walaupun selepas kemenangan PH, cuma beberapa kumpulan sudah membuat gesaan.<sup>205</sup> Tindakan saman yang diambil 19 NGO juga telah ditolak mahkamah.<sup>206</sup>

203 Vyas, S. (2016, July 12). State Intelligence Dept. gives clean chit to Naik; no arrest on his return to India. *The Hindu*.

204 PTI. (2016, July 11). Bangladesh govt bans televangelist Zakir Naik's Peace TV. *The Indian Express*.

205 Today. (2018, July 7). Why are you protecting Zakir Naik, religious groups ask Dr. Mahathir.

206 Malaysia Kini. (2018, July 7). Kes Zakir Naik: PAS ucap tahniah kepada Dr. M.

Ketua di sebalik saman tersebut ialah Waytha Moorthy Ponnusamy yang mewakili Hindraf. 10 hari kemudian, Mahathir telah melantik beliau sebagai salah seorang menteri dalam Jabatan Perdana Menteri (Perpaduan Nasional dan Kesejahteraan Sosial). Tiada siapa yang tahu sebenarnya apa tugas beliau. Tetapi bersama Khalid, Mujahid dan Redzuan, Waythamoorthy juga memainkan peranan dalam penentuan populariti PH.

Dua minggu pertama, Mujahid senang kata beransur dengan kemas. Beliau telah dirakam berbicara dalam bahasa Arab dalam sebuah temubual. Seorang Menteri Hal Ehwal Islam yang boleh berbicara dalam bahasa Arab mungkin suatu perkara biasa. Tetapi kemudian, satu perkara di luar kebiasaan berlaku melibatkan Mujahid. Beliau telah bertemu seorang *transgender* popular, iaitu Nisha Ayub di hadapan media.

Topik dikupaskan Mujahid lebih kepada diskriminasi yang diterima golongan *transgender*. Golongan konservatif lantas tidak bersetuju dengan Mujahid yang juga mengiaskan bahawa *transgender* dibenarkan menggunakan tandas wanita. Kemudian, kecenderungan ini menaikkan berang golongan liberal pula kerana Mujahid meminta maaf dan mengatakan ketidaksetujuannya.<sup>207</sup> Sidang tersebut berakhir sebagai suatu perkara yang sia-sia kerana tiada apa yang berlaku kemudiannya.

Tetapi PH tetap menerima hentaman tanpa henti. Pelantikan Waythamoorthy pula telah mencungkil pelbagai kisah lama terutamanya mengenai kenyataannya. Segala rangka dan tengkorak di dalam almarinya diheret keluar untuk dijamah dalam media sosial. Hindraf yang diasaskan mengikut keperluan penganut-penganut Hindu selepas beberapa kuil dilaporkan diruntuhkan.<sup>208</sup>

Kronologi keruntuhan tersebut menyaksikan seorang India berlumuran dengan darah selepas suatu pergelutan dengan pihak berkuasa yang bertugas untuk meruntuhkan kuil-kuil tidak berdaftar. Hindraf yang diasaskan dengan gabungan beberapa NGO India bermula dengan bantahan yang tidak diendah Abdullah Ahmad Badawi. Pada 30

<sup>207</sup> HM Digital. (2018, Ogos 13). Mujahid mohon maaf [METROTV]. *Harian Metro*.

<sup>208</sup> Kabilan, K. (2006, June 16). Temple row – a dab of sensibility please. *Malaysia Kini*.

Oktober 2007, Waythamoorthy bersama abangnya, Uthayakumar Pon-nusamy serta Manoharan Malayalam dan V. Ganabathirau telah diber-kas selepas menyertai bantahan Hindraf 2007.

Dalam sekelip mata wajah Waythamoorthy dibongkarkan dengan begitu rapi sehingga beliau menjadi antara menteri PH yang dibenci. Temu bualnya di Belanda telah diudarakan semula berserta sari kata bahasa Melayu untuk pemahaman semua. Dalam sidang tersebut, Way-thamoorthy yang kelihatan jauh lebih muda mempertikaikan status Ma-laysia sebagai negara Islam moderat berprogresif seperti difahami dunia,

*“Dan jika didedahkan tentang pelanggaran besar hak asasi manusia di Malaysia, mereka (seluruh dunia) semestinya tidak akan sanggup menjadi rakan dagang Malaysia.”*

Beliau membangkitkan perihal isu kesamarataan etnik India yang didiskriminasi Malaysia dalam pelbagai perkara seperti hak beragama. Lebih mengejutkan lagi, beliau menuduh bahawasanya rakyat kelahiran Hindu dipaksa bertukar secara paksaan jika ingin bekerja dalam jabatan kerajaan. Biasiswa pengajian juga disentuh Waythamoorthy sebagai punca pemakaian yang lebih berpihak kepada Melayu. 10,000 kuil katanya telah dimusnahkan sejak kemerdekaan dengan risiko besar terhadap 23,000 kuil lagi.

Waythamoorthy dengan licik memainkan kata-kata untuk memu-tihkan sisi gelap bahawa kuil-kuil tersebut tidak didaftarkan. Beliau menuduh kerajaan sengaja enggan keluarkan surat pemilikan.<sup>209</sup> Ham-buran berpaksikan hawa nafsu ini lantas memburukkan portfolio di-pegangnya dengan majoriti menggelarkan Waythamoorthy Menteri Perpecahan. Tentu sekali ramai dalam kalangan Melayu berasa jijik ter-hadap apa yang pernah disebutkan. Sebelum ini pun Waythamoorthy pernah berkhidmat sebagai seorang menteri di bawah Najib – tetapi sensasi terhadapnya tidaklah begitu besar.

PH juga berdepan dengan kritikan selepas melantik Tommy Thomas sebagai Peguam Negara. Tommy mempunyai kelulusan sangat mem-berangsangkan dengan pengalaman begitu meluas dalam perjuangan keadilan di Malaysia. Antara 2001 hingga 2010, Tommy mewakili ker-

---

<sup>209</sup> Hindrafmakkalsakhti. (2011, December 13). Hindraf's Leader on Nether-lands TV.

ajaan negeri Kelantan dan Terengganu dalam usaha PAS memburu royalti minyak daripada Petronas.<sup>210</sup> Selepas itu pula Tommy mewakili kerajaan negeri Pulau Pinang untuk mengembalikan pilihan raya pi-hak berkuasa tempatan pula.<sup>211</sup> Keluarga mangsa-mangsa MH370 juga mengingatinya kerana berjaya menuntut 37 dokumen siasatan daripada Malaysia Airlines.<sup>212</sup>

Pelantikan Tommy digembar-gemburkan sebagai peguam begitu berkaliber untuk menguruskan kes korupsi Najib. Anwar Ibrahim pun mempertahankan pelantikannya yang tidak menjelaskan hak Melayu dan Islam.<sup>213</sup> Tetapi sebaliknya pula berlaku semasa Tommy ingin membuat sidang media. Ratusan orang melaungkan “Melayu!” tanpa henti untuk mendesaknya berbahasa kebangsaan.<sup>214</sup> Satu petisyen juga dibuat untuk perhatian Yang Di-Pertuan Agong agar Tommy dibuang kerana ingin meneruskan kes Najib dalam bahasa Inggeris.<sup>215</sup>

## **Senyum Menikam, Peluk Beracun**

Mahathir menyambut ulang tahun kelahirannya pada 10 Julai 2018 di Putrajaya. Dalam suatu sidang akhbar, beliau berkongsi nasihat untuk kesihatan yang rapi. Seseorang tidak boleh rehat terlalu banyak untuk kebaikan otot. Aktiviti membaca, menulis dan menyelesaikan masalah juga boleh mengekang masalah nyanyuk dan kurangkan makan walau-pun sedap. Buat seketika Malaysia membandingkan Mahathir dengan pemakanan quinoa Najib yang dianggap terlalu atasan. Gambar Mahathir makan nasi begitu sedikit bersebelahan dengan Berocca pun ditularkan kembali.

210 The Edge. (2010, August 30). Kelantan sues Petronas for oil royalties. *The Edge Markets*.

211 Qishin, T. (2014, April 9). Parliament cannot abolish local government elections, Federal Court hears. *The Star Online*.

212 The Straits Times. (2016, September 9). Court orders Malaysia Airlines to hand over documents on MH370 to passengers' next of kin.

213 Free Malaysia Today. (2018, June 5). Anwar: Hak Melayu, Islam tak jejas, Tommy Thomas terikat Perlembagaan.

214 Harian Metro. (2018, July 4). Kecoh mahu bahasa Melayu.

215 The Coverage. (2018, July 6). Petition Launched to Demand AG's Tommy Thomas Removal for Weak BM – Rais Yatim Urged AG to Strive for a Serviceable Command of BM.

Namun bagi peringkat persekutuan, populariti Mahathir diuji pada kabinet dan prestasi ekonomi. Beliau mewajibkan pengisytiharan aset termasuk semua yang dimiliki keluarga terdekat untuk mengukuhkan peraturan antikorupsinya.<sup>216</sup> Secara mengejut pula, PAS bersuara dengan mengatakan bahawa Islam melarang perbuatan sedemikian. Pengganti Mohamad Sabu dalam PAS iaitu Tuan Ibrahim Tuan Man mengukuhkan dalil bahawa, “*Jika Allah memberi harta, mereka tidak boleh menghebohkanya.*”<sup>217</sup> Keperluan pembangkang untuk mengisyihar turut dipersoal kerana hanya kerajaan ada akses untuk mendapatkan projek kerajaan.

Mahathir juga melaksanakan satu perkara yang dipandang sinis oleh pengkritik-pengkritiknya. Pada 22 Julai, kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan undang-undang Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Dalam sebuah makan malam Tabung Harapan, Mahathir berucap di hadapan gabungan pertubuhan Cina Klang bahawa SOSMA membennarkan seseorang itu diberkas tanpa perbicaraan. Ia satu perkara yang perlu dimansuhkan.<sup>218</sup> Tindakan ini menunjukkan perubahan ketara dalam Mahathir yang kali ini tidak lagi berguruh petir seperti dahulu. Hal ini demikian kerana antara 1981 hingga 2003 Mahathir menggunakan ISA demi keselamatan negara yang rangka kerjanya lebih ekstrem berbanding SOSMA.

Bermula Ogos pula, batu kerikil halus yang menyokong struktur biunan kerajaan selama 22 bulan telah mula merekah. Selepas lapan tahun di belakang tirai besi, Anwar telah diisyiharkan secara sah menjadi Presiden PKR selepas menang tanpa bertanding.<sup>219</sup> Spekulasi bahawa beliau akan berdepan dengan Azmin Ali tidak berlaku. Ia suatu jangkaan yang tidak begitu liar jika diteliti secara mendalam.

---

216 Adam, A. (2018, July 11). Dr. Mahathir: Asset declaration to include family members. *The Edge Financial Daily*.

217 Ahmad Suhael, A. (2019, July 1). PAS tak sokong sebab Islam larang isytihar harta. *Berita Harian*.

218 Bernama. (2018, July 23). Sosma to be repealed – Dr. Mahathir. *The Edge Markets*.

219 Tarrence, T., & Rahimy, R. (2018, August 5). Anwar now officially PKR president. *The Star Online*.

Azmin menunjukkan pengaruhnya dalam PKR semasa pemilihan Timbalan Presiden, iaitu beliau wajib membaham pesaing kentalnya, Rafizi Ramli.<sup>220</sup> Pertembungan tersebut seperti Daud dan Jalut juga. Di satu sudut, Azmin berdiri sebagai antara menteri paling penting dalam kabinet Mahathir. Menghadapinya pula ialah Rafizi yang tidak bertanding dalam pilihan raya dan sisa-sisa Langkah Kajang masih mengejeng-kannya. Implikasi politik tidak terjangkau jika Azmin tewas.

Dalam perkembangan ini juga Azmin didakwa cuba menghalang Anwar daripada bertanding sebagai Presiden.<sup>221</sup> Anwar yang baru saja menjalani pembedahan di Turki nekad dengan keputusannya. Selepas pemilihan meletakkan Anwar dan Azmin di tempat masing-masing, siap ada kerusi melayang, Rafizi dilantik sebagai Naib Presiden dalam PKR.<sup>222</sup> Hal ini demikian kerana dengan jelas pemilihan PKR banyak memenangkan kem Azmin yang digelar kartel.<sup>223</sup>

---

220 Joceline, T. (2018, July 30). Fighting to be Anwar's deputy. *The Star Online*.

221 Nor Fazlina, A.R. (2018, September 8). Azmin met Anwar to ask latter not to contest PKR presidency, claims Rafizi. *New Straits Times*.

222 Zuhrin, A.A. (2018, December 29). Wan Azizah defends Rafizi's appointment as PKR vice-president. *The Star Online*.

223 Mohd Iskandar, I. & Nur Lela, Z. (2018, November 7). Kem Azmin kuasai pemilihan PKR. *Berita Harian*.

# Jarum Halus Kelindan Sutera

---

Simpang Renggam merupakan satu kawasan yang sering dilalui semasa menyusuri Lebuh raya Utara-Selatan. Dari segi populariti, kawasan ini jarang sekali disebut. Ia merupakan sebahagian daripada Daerah Kluang yang menempatkan PGA Batalion 5 dan juga penjara paling besar negara berkaitan pemulihhan dahul. Selepas Pilihan Raya Umum ke-14, Simpang Renggam sentiasa menjadi sebutan – bagi tujuan yang salah. Selama berkempen, seorang ahli politik telah menjanjikan pemansuhan tol Simpang Renggam.

Maszlee Malik mempunyai latar belakang yang agak menarik dalam bidang politik. Beliau pernah menjadi moderator semasa perdebatan Khairy Jamaluddin dan Rafizi Ramli. Di penghujungnya, beliau mencetuskan isu dengan mengatakan penantian debat antara Najib Razak dengan Anwar Ibrahim. Kenaikannya sebagai Menteri Pendidikan membuka tirai kepada pelbagai kebarangkalian. Beliau tidak disenangi dalam kalangan liberal dan juga fundamentalis. Tetapi Zamihan Mat Zin

yang disaman fitnah Bilal Phillips menggesa Maszlee untuk menjernihkan sebarang unsur sekularisme dalam sistem pendidikan negara.<sup>224</sup>

Kepantasan Maszlee dalam membubarkan 433,000 nama peminjam PTPTN daripada senarai hitam menunjukkan kepentasan Pakatan Harapan dari segi kerja.<sup>225</sup> Ia merupakan langkah pertama ke arah perlaksanaan manifesto yang hanya mewajibkan pembayaran balik jika sudah bergaji RM4,000 sebulan. Namun, semangat PH berakhir tidak lebih daripada pemutihan nama semata-mata. Maszlee menuduh pentadbiran lama berlaku tidak jujur dalam laporan hutang negara. Setelah sekian lama menabur janji, Maszlee telah mencuci tangan daripada manifesto sambil memperkudakan propaganda hutang mencecah RM1 trilion.

Sikap melepaskan batok di tangga sebegini telah merosakkan kredibiliti Maszlee dari awal lagi. Pertama sekali, PH mewarisi momentum negara berkebajikan daripada Pakatan Rakyat. Jadi, hujah-hujah ahli politik sejak PR

224 FMT. (2018, May 22). Mesej Zamihan kepada menteri pendidikan baru.

225 Suhaila, S.A. (2018, May 31). Travel ban on 433,000 PTPTN loan defaulters lifted by June 15, says education minister. *New Straits Times*.

lagi telah dibawa ke kerajaan baharu walaupun tiada dalam manifesto. Kedua pula, Kementerian Kewangan mengakui penambahan liabiliti dalam hutang negara (satu formula janggal), iaitu data hutang tidak berubah pun.<sup>226</sup>

Menghampiri 15 Jun iaitu tarikh pembubaran senarai hitam, Maszlee memberikan jaminan kepada semua universiti. Kerajaan tidak akan sekali-kali mengusahakan sebarang campur tangan terhadap institusi pendidikan.<sup>227</sup>

Tidak lama kemudian, beliau akan berpaling daripada jaminan tersebut dengan dua cara. Pertama, Maszlee telah dilantik sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa yang dikatakan sebagai langkah mengembalikan reputasi untuk berkualitikan Oxford.<sup>228</sup> Kedua, bukan semua orang merestui tindakan penyelarasan bahawa semua pelajar sekolah boleh memakai kasut hitam.<sup>229</sup>

Jaminan Maszlee juga telah menyebabkan penyingkiran lima ketua universiti. Topik tersebut dibangkitkan dalam Dewan Rakyat setelah Idris Jusoh (Besut) mengasak Teo Nie Ching bagi mendapatkan jawapan. Hujah balas Timbalan Menteri Pendidikan pula berkisar tentang pelantikan politik yang sangatlah berironi. Hal ini demikian kerana PH telah meluluskan pelantikan Wan Saiful Wan Jan sebagai Pengurus PTPTN.

Berkaitan PTPTN turut disoal Idris dalam suatu sidang, terutamanya apabila PH tidak konsisten. Nie Ching pula menekan butang agama dan moral bahawasanya hutang wajib dibayar mengikut kemampuan.<sup>230</sup> Selepas PH menang, dipercayai ramai yang mengelak daripada pembayaran balik. Kemudian, Nie Ching mengatakan bahawa perkara ini berlaku kerana tempoh penangguhan (*grace period*) yang dikurniakan BN.

226 FMT. (2018, May 25). Najib: The world calculates debt the same way we did.

227 Fadzlena, J. & Zanariah, A.M. (2018, June 7). Political interference has no place in universities, says Maszlee [NSTTV]. *New Straits Times*.

228 Muhammad Ataur, R. (2018, September 13). Dr. Maszlee Malik wants to bring back UIAM's glory. *IIUM*.

229 Rashvinjeet, S.B. (2018, July 19). Students to wear black shoes next year, vows Dr. Maszlee. *The Star Online*.

230 NST Online. (2018, October 24). 'We never said there's no need to repay PTPTN' – Deputy Education Minister.

Maszlee turut menggantungkan program MyBrain15 atas alasan ketiadaan bajet untuk pembiayaan.<sup>231</sup> Pendekatan sebegini membawa bebanan begitu besar untuk ditanggung pelajar-pelajar pascasiswa. Disiplin yang sama tidak diamalkan di luar negara. Amerika Syarikat menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar pascasiswa antarabangsa melalui program Fullbright yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Apabila Kementerian Pendidikan tidak menerima dana bagi tujuan yang begitu penting, ia menunjukkan bahawa PH merupakan sebuah kerajaan yang tidak menjaminkan masa depan.

Ralat yang serupa juga ditunjukkan dalam Kementerian Belia dan Sukan. Syed Saddiq boleh dimaafkan kerana memberikan kenyataan akhbar yang lemah dari segi tatabahasa. Tetapi dalam tiga bulan pertama dalam kabinet, Saddiq menggerakkan semangat untuk:

- Mengurangkan umur undi daripada 21 ke 18 tahun sebelum pilihan raya seterusnya.<sup>232</sup>  
Berbincang dengan Maszlee tentang pendedahan proses demokrasi di peringkat sekolah.<sup>233</sup>  
Menurunkan usia had belia ke 35 tahun.

Saddiq juga ingin melancarkan suruhanjaya khas untuk mengkaji kadar pengangguran dalam kalangan anak muda.<sup>234</sup> Mesyuarat Kabinet juga bersetuju untuk menghentikan dua program anak muda utama – Biro Tata Negara dan Program Latihan Khidmat Negara bagi tujuan penghapusan propaganda BN.<sup>235</sup> Bilangan tenaga kerja pula diserap ma-


231       Rebecca, R. (2018, July 31). MyBrain15 not axed, says Maszlee. *The Star Online*.

232       The Star Online. (2018, July 6). Voting age should be lowered to 18, says Syed Saddiq.

233       Rakin, E. (2018, July 6). Syed Saddiq is a 25-year-old minister that wants to lower the voting age – and that's not all he intends to change. *Business Insider*.

234       Husna, A. & Meor Ridwan, M.A. (2018, July 21). Govt to form special committee to study unemployment among youth. *New Straits Times*.

235       Santa, E., & Chin, M. (2018, August 13). Syed Saddiq: BTN, National Service abolished. *The Malay Mail Online*.



suk ke jabatan-jabatan tertentu. Saddiq juga menggesa ahli-ahli politik elak masuk campur dalam pertubuhan-pertubuhan sukan.<sup>236</sup>

Bermula September pula, semangat Saddiq telah menempuh renjatan. Mahathir atas kapasitinya sebagai Perdana Menteri telah kembali ke pentas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam ucapannya, beliau menyelar pihak Barat dan khususnya Israel.<sup>237</sup>

Saddiq mengambil peluang untuk memberikan pujian kepada Mahathir kerana teliti dengan kesempurnaan terutamanya berkaitan teks ucapan. Selepas pujian tersebut, Tengku Mahkota Johor tanpa menyebut nama membalas berkaitan “ketelitian” Mahathir, bahwasanya penulis itu delusi atau taasub.<sup>238</sup>

Langit juga tidak sentiasa cerah. Hal ini demikian kerana Saddiq kemudiannya ingin mengkaji semula gaji yang ditawarkan Lim Teong Kim yang mengetuai Akademi Mokhtar Dahari.<sup>239</sup> Ia menyentuh ten-

236 Aftar, S. (2018, August 9). Syed Saddiq wants politicians to stay out of sports associations. *The Star Online*.

237 Yushaimi, Y. (2018, September 29). Dr. M: Want to end terrorism? Recognise Palestine and stop Israeli atrocities. *New Straits Times*.

238 FMT. (2018, October 1). You’re too young to know Dr. M, TMJ takes veiled jibe at Syed Saddiq.

239 Bernama.

tang pakej RM175,000 sebulan tanpa cukai semata-mata kerana kegalan skuad memasuki Piala Dunia B-17 ialah suatu cucukan tidak profesional.

Teong Kim merupakan lantikan semasa penerajuan Khairy sebelum ini telah ditamatkan perkhidmatannya sejurus sahaja skuad bimbingannya gagal. Secara tidak langsung Saddiq menunjukkan beliau tidak tahu tentang tangga penggajian antarabangsa. Jürgen Klopp semasa menyerai Liverpool pun ditawarkan gaji £15 juta bagi tempoh 42 bulan. Teong Kim telah menimba pengalaman selama 10 tahun sebagai pengurus pasukan bawah umur bagi Bayern Munich.

Antara 2001–2011, beliau telah menghasilkan juara dunia seperti Thomas Müller, Philipp Lahm, Toni Kroos dan Bastian Schweinsteiger. Keempat-empat pemain tersebut pernah berpencak di padang di bawah bimbingan Pep Guardiola, Carlo Ancelotti, Louis van Gaal, Juup Heynckes dan Joachim Löw.<sup>240</sup> Pintu kepada pengurus-pengurus agung itu dibuka oleh tidak lain tidak bukan, Teong Kim yang sebenarnya dibayar begitu rendah seperti monyet diberi kacang.<sup>241</sup>

Inilah PH yang diberikan harapan oleh rakyat. BN pula bersedia untuk meninggalkan Najib apabila Setiausaha Agung UMNO mengulas sedikit tentang bekas presidennya. Annuar Musa berpendapat partinya perlu membina semula, bukannya membuang masa mempertahankan Najib.<sup>242</sup> Najib digelar sebagai “bagasi” yang UMNO perlu singkirkan untuk memenangi sokongan rakyat. Mahathir pula telah mengakui bahawa PH menabur janji tanpa sangka menang pun.<sup>243</sup>

Pengakuan tersebut menimbulkan tanda tanya tentang rancangan sebenar Mahathir. *Adakah beliau hanya ingin mengurangkan majoriti BN supaya UMNO turunkan Najib? Jika ya, adakah PPBM tahu tentang rancangan ini?* Sekali pun tidak tahu, ia tidak mengubah apa-apa. BN telah

240 Ajitpal, S. (2019, February 26). Bayern star Muller salutes Lim Teong Kim. *New Straits Times*.

241 Suryati, M.N. (2019, August 10). “If you pay peanut, you get monkeys,” Teong Kim mahu pulang ke Munich selepas kontrak berakhir. *MStar*.

242 Kamles, K. (2018, August 9). Forget Najib, we are concentrating on rebuilding Umno, says Annuar Musa. *The Malaysian Insight*.

243 The Star. (2018, August 16). Malaysian PM Mahathir admits Pakatan Harapan made promises without expecting to win election. *New Straits Times*.

jatuh dan PH telah membentuk kerajaan mungkin dengan bebanan tidak diingini juga. Hal ini demikian kerana PH juga menjanjikan untuk memberi siaran Liga Perdana Inggeris (EPL) secara percuma dalam rangkaian Radio Televisyen Malaysia.<sup>244</sup>

Hak penyiaran EPL ditawarkan dalam bentuk pakej tiga tahun pada harga £9.2 bilion. Jika MyBrain15 pun tidak mampu dibiayai, kerajaan Harapan secara sah tidak mungkin akan berupaya untuk menanggung RM49.4 bilion tanpa perculaian tertentu. Rakyat Malaysia juga boleh menghela nafas lega. Dari luaran pun manifesto-manifesto PH memungkinkan perculaian tinggi. Apabila Mahathir berlaku jujur, ia menenggelamkan sebarang spekulasi berkaitan perculaian.

## Kembalinya Bapa Reformasi

Tiga hari selepas dibebaskan, Anwar menolak tawaran pelantikan Ahli Dewan Negara untuk mengecualikan dirinya daripada pentadbiran ekoran penglibatan Wan Azizah sebagai Timbalan Perdana Menteri.<sup>245</sup> Kebetulan ketika itu Anwar memerlukan pembedahan saraf tunjang yang dilakukan di Turki. Namun setelah menjadi Presiden PKR, sasarannya terletak pada Dewan Rakyat. Spekulasi meletakkan bahawa Nurul Izzah akan mengosongkan kerusi Permatang Pauh untuk mengadakan pilihan raya kecil seperti yang dilakukan ibundanya dahulu.

Dewan Rakyat merupakan jalan paling sesuai untuk Anwar mengambil alih daripada Mahathir. Tetapi persepsi mula membentukkan bahawa Mahathir mempunyai perancangan yang tidak melibatkan Anwar. Dalam suatu sidang akhbar bersama CNN, Mahathir mengakui bahawa beliau perlu percayakan Anwar sama ada suka atau tidak. Tetapi jika rakyat ingin Mahathir berkhidmat lebih daripada masa yang ditetapkan, beliau tidak akan berganjak.<sup>246</sup>

Mahathir juga mempunyai cara pentadbiran yang berlainan dengan Najib. Biasanya kuasa negara diagihkan dalam kalangan kabinet kemen-

<sup>244</sup> Soo, W.J. (2018, January 7). PH Youth: Free bike license, EPL on RTM, if we win. *Free Malaysia Today*.

<sup>245</sup> NST. (2018, July 12). Anwar turned down Dr. M's offer to become senator.

<sup>246</sup> Coren, A., et al. (2018, July 26). Malaysian PM: 'Most of the top echelons in the government are corrupt'. CNN.

terian. Namun, Mahathir mempunyai satu badan berasingan bagi 100 hari pertama. Ia dinamakan Majlis Penasihat Kerajaan. Badan tersebut dianggotai nama-nama agung kaitan dalam perniagaan dan kewangan – Daim Zainuddin, Zeti Akhtar, Jomo Kwame, Robert Kuok dan Hassan Merican.

Abdullah Sani dalam usaha berkempen untuk Rafizi Ramli telah mendedahkan bahawa Mahathir dan Daim sedang berusaha untuk membelot terhadap Anwar.<sup>247</sup> Walaupun Anwar telah menegur Abdullah, nama mereka terpalit sekali lagi berikutan penularan satu klip suara yang Azmin dikatakan “barua Mahathir”. Penafian Anwar juga mempunyai asas kerana suara tersebut terlalu garau untuk memukatnya.<sup>248</sup> Wan Azizah pun bergegas untuk menafikan bahawa itu bukan suara Anwar.<sup>249</sup>

Apa-apa pun drama politik telah bermula. Anwar sedang memburu kerusi tertentu. Prabakaran yang memasuki PKR kembali ke media selepas didakwa ditawarkan RM25 juta untuk mengosongkan kerusi Batu.<sup>250</sup> Beliau menafikannya dan menafikan keinginan untuk berbuat sedemikian. Karupaiya Mutusami pun menegaskan Padang Serai bukan tempat Anwar.<sup>251</sup> William Leong Jee Keen menyatakan kesediaan untuk memberi laluan kepada Anwar.<sup>252</sup>

Pada bulan September, sasaran Anwar pun mengena. Beliau tidak lagi bertanding di Permatang Pauh mahupun Pandan. Sebaliknya Danyal Balagopal Abdullah berundur daripada Port Dickson di Negeri Sembilan untuk mengembalikan presidennya ke Dewan Rakyat.<sup>253</sup> Percaturan sebegini memang berisiko tinggi, namun Anwar serta Danyal pun mengetahuinya setelah menimbang segala perkara. Bagi Danyal, berke-

247 The Star. (2018, August 21). Anwar: No basis to accuse Dr. M in PM conspiracy.

248 Lum, C.H. (2018, August 2). Anwar: Itu bukan suara saya. *Malaysia Kini*.

249 Emmanuel, S.M.C. (2018, August 2). Dr. Wan Azizah denies Anwar is voice in audio clip disparaging Azmin. *Malay Mail*.

250 Bernama. (2018, August 7). Prakabakaran denies being offered RM25mil to vacate seat for Anwar. *New Straits Times*.

251 Melissa, D.C. (2018, August 30). Leave Padang Serai alone, Anwar can contest elsewhere, says MP. *FMT*.

252 Zakiah, K. (2018, August 6). William Leong rela lepaskan kerusi untuk Anwar. *Astro Awani*.

253 The Star. (2018, September 12). ‘I’m not quitting my people,’ says Danyal.

mungkin juga peletakan jawatan ini tidak membenarkannya bertanding semula bagi tempoh lima tahun.

Apa yang berlaku semasa Langkah Kajang pula tidak boleh berlaku sekali lagi. Anwar perlu menang pilihan raya kecil – atau karier politiknya terkubur selamanya. Campur tangan Mahathir pun disangka akan berlaku juga. Pengalaman lama Mahathir–Anwar pun terlalu berwarna-warni yang segalanya dikhabarkan sebagai luka kecil semata-mata. Mungkin kenyataan sedemikian telah menggoreskan hati penyokong-penyeokong Anwar yang dengan berani berhadapan dengan lori polis dan gas pemadih mata.

Hari demi hari – ruang menunggu semakin tipis. Perhatian ke Port Dickson pun membukak-buak. Anwar yang dinamakan Nelson Mandela Malaysia juga bersesuaian dengan Port Dickson. Sokongan kawasan tersebut membentuk majoriti bukan Melayu. Semasa pencalonan pula, seluruh negara dikejutkan dengan susuk tubuh yang telah lama menghilang. Entah dari ceruk mana, Saiful Bukhari Azlan muncul semula dengan menaiki motosikal kapcai untuk berhadapan dengan seseorang yang dituduh (dan disumpah atas nama Allah) meliwatnya.

Tiada siapa menjangkakan pencalonan Saiful yang ingin tinggalkan kisah silam. Saiful juga telah dicemuh di pusat pencalonan terutamanya berkaitan kerelaannya untuk bersalaman dengan Anwar.<sup>254</sup> Malah Ezam Mohd Nor yang pernah mengetuai gerakan reformasi dahulu pun sedang mempertimbangkan pencalonannya.<sup>255</sup>

Semasa keputusan diumumkan, nama Ezam tiada dalam senarai. Saiful pula hanya mendapat 82 undi, sekali gus kehilangan cagaran sepenuhnya. Mohd Isa Samad juga bertanding atas tiket Bebas dan mendapat undi ketiga terbesar. Di hadapannya ialah Mohd Nazari Mokhtar daripada PAS yang sekali pun mendapat undi semua calon Bebas tidak mampu mendekati Anwar walau sedikit pun.

---

254 Tarrence, T. (2018, September 29). Have you no shame? – Saiful Bukhari booed at PD nomination centre. *The Star Online*.

255 Bernama. (2018, September 27). Ex-senator Ezam Mohd Nor considers PD by-election contest. *New Straits Times*.

---

Anwar telah memenangi pilihan raya dengan majoriti paling besar sejak meninggalkan UMNO. 71.32% pengundi memilih Anwar sebagai wakil Dewan Rakyat. Atas undi mereka, Anwar mengangkat sumpah dengan keengganinan untuk menerima mana-mana jawatan dalam Kabinet. Beliau menegaskan tiada garisan masa untuk pengunduran Mahathir.<sup>256</sup> Tetapi sejak hari itu lah dada akhbar tidak jemu melaporkan satu perkara yang membuatkan rakyat naik muak.

Topik peralihan tanpa henti disentuh dengan kupasan menjadi tunutan.

---

256 Tashny, S., & Bhavan, J. (2018, October 15). Malaysian PM-in-waiting Anwar Ibrahim insists no timeline on taking power as he makes official return to politics. *South China Morning Post*.

# Benih Muafakat

---

Pemisahan Singapura dari Malaysia merupakan antara perkembangan politik paling dahsyat selepas kemerdekaan. Bukan kerana Lee Kuan Yew kehilangan potensi besar dari segi ekonomi. Sebaliknya beliau dengan platform Parti Tindakan Rakyat (PAP) sejak tahun 1961 berkempen dengan gigih untuk menyokong penubuhan sebuah persekutuan yang menjadi Malaysia. Tetapi pertalian antara Melayu dengan Cina yang tidak berkongsi leluhur, sejarah mahupun identiti memustahilkan pada ketika itu matlamat Kuan Yew.

Ketiadaan PAP mewujudkan suatu kelompongan besar bagi golongan berideologikan Malaysia sama rata. Semangat dibawa Kuan Yew bagaikan berlebar seperti bayang-bayang di Malaysia. Suatu bayang-bayang tanpa jasad hanyalah ilusi semata-mata. Jadi untuk mengisikan tempat kosong, Devan Nair yang mewakili Bangsar menubuhkan sebuah parti demokrasi sosialisme pada 18 Mac 1966.

Parti Tindakan Demokratik (DAP) mengisyiharkan diri mereka sebuah platform yang

berkomited ke arah demokrasi dan sosialisme bebas berdasarkan prinsip kesamarataan kaum dan agama. Kemudian, Devan Nair meninggalkan DAP untuk menerima tawaran Kuan Yew dalam politik Singapura sebelum pilihan raya yang menamatkan karier politik Tunku Abdul Rahman.

Pilihan raya yang menyusul pada 10 Mei 1969 menyaksikan pertandingan kerusi terlalu berpolarisasi. Parti-parti bukan Melayu telah membuat persetujuan untuk tidak bertanding antara satu sama lain. Pendekatan sedemikian telah menghilangkan majoriti dua pertiga Parti Perikatan. Majoriti mudah di Kelantan, Perak, Pulau Pinang dan Selangor pun berpihak kepada pembangkang.

Walaupun tewas, DAP dan Gerakan melancarkan sambutan pada malam 11–12 Mei yang didakwa tidak terkawal langsung.<sup>257</sup> Naratifnya mudah, kehilangan sokongan Melayu bermakna Cina semakin disokong. DAP dan Gerakan berpelesiran di jalanan Kuala Lumpur yang menjadi wadah tumpuan segala perkembangan. Kata-kata kesat dilemparkan terhadap Melayu, yang sebahagian

<sup>257</sup> Keat, G.O. (2004). Southeast Asia: A Historical Encyclopedia, from Angkor Wat to East Timor. ABC Clio. Hlm. 139.

penyokong pembangkang menyuruh Menteri Besar, Harun Idris di Selangor keluar untuk orang Cina.<sup>258</sup>

Perarakan Cina dibalas UMNO dengan membawa Melayu dari kawasan-kawasan pinggiran dan luar bandar. Ribuan menyertai perarakan yang dianjurkan khususnya Harun Idris. Kumpulan-kumpulan kecil Melayu terpaksa berjalan dari Gombak selepas Syarikat Bas Len Seng menghentikan operasi buat sementara waktu. Mereka juga perlu melalui beberapa kawasan Cina seperti Setapak dengan bersenjatakan sepanduk dan *bunting* sahaja.<sup>259</sup>

Di hadapan Pawagam Alhambra pada pukul 6:00 petang, mereka diejek sekumpulan pemuda Cina yang akhirnya memulakan pergaduhan. Batu dan botol digunakan sebelum masing-masing mencari senjata lebih berbahaya seperti paip besi dan parang. Di Stesen Bas Len Seng, kaum Melayu bertemu dengan sekurang-kurangnya 80 orang yang menyebabkan mereka berundur kembali ke Gombak.

Semuanya berubah pada hari tersebut. Tragedi 13 Mei yang berdarah menghilangkan sebarang sokongan Melayu kepada DAP. Sepanjang tempoh pemerintahan BN yang menstabilkan kembali keadaan dengan pengendalian Tun Abdul Razak melalui Majlis Gerakan Negara, maka DAP diconteng dengan pelbagai jenis propaganda. Bahwasanya DAP merupakan suatu institusi anti-Islam yang akan merosakkan status agama dalam negara. Malah terdapat juga ura-ura yang DAP akan menyatukan Malaysia dengan Singapura.

Apa-apa pun DAP dipandang serong sebagai musuh yang nyata. Tidak mungkin suatu topik berkaitan DAP boleh mengecualikan Tragedi 13 Mei. Tetapi peristiwa-peristiwa politik antara 2013–2018 telah melembutkan pendirian Melayu untuk menerima DAP. Hal ini ekoran beberapa dasar Najib Razak yang tidak begitu popular.

Apabila Pakatan Harapan membentuk kerajaan, semua menunggu untuk pengesahan kepada semua persepsi yang pernah ditaburkan. Tommy Thomas sebagai Peguam Negara bukan Islam pertama telah

258 Horowitz, D.L. (2001). *The Deadly Ethnic Riot*. University of California Press, 2001. Hlm. 284.

259 Karl, V.V. (2015). *Democracy Without Consensus: Communalism and Political Stability in Malaysia*. Princeton University Press. Hlm. 328.

menguji pengaruh konservatisme yang masih mampu bertengang. Pelantikan Richard Malanjum ke tumpuk Ketua Hakim Negara pun begitu juga. Walau bagaimanapun, mata rakyat terletak pada institusi-institusi penting seperti FELDA dan Tabung Haji serta perkara paling utama sekali iaitu hak bumiputera.

Berpuluh tahun semua mencari bukti kukuh untuk memperjuangkan isu tersebut. Pada 24 Oktober 2018, akhirnya semua menemui satu lubang yang merizabkan minyak untuk membakar semangat mereka.

## **Apabila Majoriti Bersatu**

Sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 lagi, BN dan PAS dituduh bakal menubuhkan kerajaan penyatuan. Tanpa henti naratif ini dimainkan dan bertukar bagaikan doa pula. Beberapa bulan selepas pilihan raya, UMNO dan PAS dilihat sering bertukar-tukar buah. Ahmad Zahid Hamidi mengetuai delegasi UMNO ke muktamar PAS di Kuala Terengganu yang dialu-alukan Nasrudin Hassan dan Nik Abduh Nik Aziz.

Dalam muktamar inilah Hashim Jasin membuat permohonan yang mencetuskan perseteruan pendapat bersama PAS. Dengan menggunakan laras bahasa berkiasan dalam haluan kebajikan, beliau meminta bantuan daripada kerajaan-kerajaan negeri PAS bagi pihak kawasan-kawasan yang telah kehilangan cagaran pilihan raya. Dengan hanya siraman dan pembajaan menggunakan royalti minyak, Islam boleh mendapat hasil – asalkan tidak terbatas di sempadan negeri masing-masing.

Permohonan sedemikian menerima kecaman daripada Amanah. Muammar Gaddafi Nasir mengatakan bahawa wang royalti ialah khusus untuk rakyat.<sup>260</sup> Namun sebelum itu lagi, Ahmad Samsuri Mokhtar yang diberikan amanah Menteri Besar Terengganu menjamin wang royalti tidak akan digunakan bagi tujuan kepartian.<sup>261</sup>

Kerjasama antara UMNO dengan PAS yang semakin rapat melakarkan sejarah baru. Kali terakhir kedua-dua parti tersebut beramah mesra sebegini berlaku ketika zaman Tun Abdul Razak. Ia satu perkara yang

260 Haneeyzah, B.B. (2018, September 18). Jangan salah guna royalti untuk kepentingan politik. *Berita Harian*.

261 Sinar Harian. (2018, September 19). Royalti minyak untuk rakyat, bukan parti.

terlalu silam dalam kepentasan politik Malaysia. Budaya kunjung-mengunjung semasa salah seorang pemimpin tidak sihat sudah menjadi kebiasaan. Najib Razak pun sedang berucap semasa menerima berita pemergian Nik Aziz Nik Mat yang beliau selitkan sedikit masa untuk membaca al-Fatihah.

Tetapi apabila UMNO dan PAS merapatkan saf daripada Zahid-Abdul Hadi Awang dan Asyraf Wajdi Dusuki-Khalil Abdul Hadi, gagasan pembangkang sedang membentuk kekuatan luar biasa. Perkahwinan mereka pun bukanlah sekadar kebetulan atau keterpaksaan. Ia seakan-akan seperti sudah tiba masanya UMNO dan PAS terlalu lama bersengketa sehingga perkongsian cerita cerai-berai rumah tangga sudah menjadi suatu kebiasaan.

Muafakat Nasional (MN) telah ditubuhkan tepat pada masanya. Walaupun ada Ahli Parliment keluar UMNO kerana kerjasama ini,<sup>262</sup> ada juga bunyi penubuhan Pekembar Bersatu iaitu kerjasama antara Mahathir dengan Zahid pula.<sup>263</sup> MN pada masa itu ialah sebuah kerjasama tidak rasmi antara UMNO dengan PAS yang masing-masing mempunyai gabungan tersendiri, iaitu BN dan Gagasan Sejahtera.<sup>264</sup> Kedua-dua parti tersebut merancangkan perhimpunan agung pertama sekitar Mei 2020.<sup>265</sup> Kemudian, dijangka pada masa itu MN akan menjadi sebuah gabungan rasmi.

Mengikut kiraan pilihan raya, MN hanya mempunyai 97 kerusi sahaja (berkurangan) selepas Bersatu mengukuhkan kedudukan dengan kemasukan ahli-ahli UMNO. Tetapi pertembungan tersebut bersifat tiga parti yang keputusannya berlainan secara ketara jika PH berdepan dengan MN. Lapan pemimpin utama PH tidak mungkin boleh menyertai kabinet dengan pertandingan dua penjuru. Antaranya ialah Mukhriz

262 Muhammad Mustakim, R. (2018, September 20). Kerjasama UMNO-PAS faktor Ahli Parliment keluar UMNO. *Berita Harian*.

263 Malaysia Kini. (2018, September 15). Kadir: Word going round Umno seeking merger with Bersatu.

264 Reme, A. (2019, December 5). Calls in Umno for Barisan Nasional to ‘migrate’ to Muafakat Nasional. *Straits Times*.

265 Adib, P. et al. (2019, December 7). Muafakat Nasional to be formalised by May. *New Straits Times*.



Mahathir, Mujahid, Dzulkefly Ahmad dan penyokong kuat Anwar Ibrahim iaitu Abdullah Sani.

Memandangkan kekuatan MN tidak boleh diukur dengan jumlah kerusi, hanya pengaruh mereka sahaja boleh menilaikannya. Dalam masa sebulan, peluang untuk mereka membaham PH terbuka dengan luas.

Seramai 500 orang berhimpun di hadapan bangunan Parlimen untuk menyuarakan bantahan terhadap PH. Bersama mereka ialah sebuah keranda yang mendatangkan dua maksud. Walaupun diniatkan sebagai simbolisme terhadap kematian hak bumiputera, keranda tersebut sebenarnya mengusung jenazah PH dalam diam. Punca perhimpunan kecil ini ialah Waythamoorthy Ponnusamy yang pada 24 Oktober 2018 ingin meratifikasi enam triti hak asasi manusia.<sup>266</sup>

Salah satu daripadanya ialah Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Khairy Jamaluddin telah mengajukan soalan dalam sidang Dewan Rakyat dengan mempersoalkan sama ada Putrajaya sedar tentang implikasi semua tri-

<sup>266</sup> UMNO Online. (2018, October 31). Keranda diusung, ICERD terus dibantah.

ti. Perkara 153 yang mengurniakan hak bumiputera dikhawatir tergugat dengan ratifikasi seperti ICERD. Waythamoorthy pula mengatakan bahawa tindakan *affirmative* hanyalah diskriminasi positif yang tidak terkandung dalam ICERD.<sup>267</sup>

Waythamoorthy juga mendapat sokongan daripada Mujahid yang mengatakan bahawa ICERD boleh dilaksanakan mengikut acuan Perlembagaan Negara.<sup>268</sup> Tetapi Mahathir mengatakan bahawa ratifikasi ICERD memerlukan rundingan bersama semua kaum, sekali gus menunjukkan keperluan untuk beri dan ambil.<sup>269</sup> Kenyataan beliau selaras dengan pendapat PAS bahawa ICERD boleh memberikan kesan buruk terhadap negara yang sekali lagi berhimpun untuk membantah bersama Abdul Hadi Awang.<sup>270</sup>

Bantahan daripada UMNO dan PAS tidak akan sekali-kali membenarkan ratifikasi ICERD. Hal ini demikian kerana kerajaan memerlukan majoriti dua pertiga yang tidak diperoleh semasa pilihan raya. Pada masa ini, tanda-tanda awal persahabatan antara UMNO dengan PAS sudah dizahirkan. Kedua-dua parti tersebut menunjukkan kecenderungan untuk memelihara hak bumiputera apabila Mohd Amar menyentuh berkaitan tanah rizab.<sup>271</sup>

Bidang kuasa pemuda UMNO mengisyiharkan bahawa ICERD akan meletakkan langkah pertama ke arah penghapusan bukan sahaja hak bumiputera, tetapi termasuk institusi diraja juga.<sup>272</sup> Benar atau tidak sudah tidak penting. Hal ini demikian kerana Melayu tidak ingin melepaskan hak bumiputera yang telah membentuk serta mengimpal negara

267 Vinodh, P. (2018, October 25). UN rights treaty can be ratified ‘with reservations’, says Waythamoorthy. *Free Malaysia Today*.

268 Carvalho, M. (2018, October 29). Dr. Mujahid: Malaysia’s ratification with ICERD will be done with ‘reservations’, will adhere to existing laws. *The Star Online*.

269 Bernama. (2018, October 31). Dr. M: ICERD ratification only after negotiations with all races. *The Star Online*.

270 Siti, N.M.E.A. (2018, October 31). Move to ratify ICERD would have ‘disastrous’ effect – Pas [NSTV]. *New Straits Times*.

271 .Mohd Zulkifli, Z., & Fakhru, A.M.S. (2018, October 30). PAS pertahan hak keistimewaan orang Melayu. *Berita Harian*.

272 Nadia, H. (2018, November 1). Umno Youth: ICERD’s ratification will abolish Malay, Bumiputera special rights. *New Straits Times*.

sejak kemerdekaan lagi. Sulaman bahawa kedudukan monarki tergugat telah memahatkan sejenis bahang dalam kalangan Melayu.

Kontrak Sosial yang menerima bangsa Cina dan India sebagai warganegara dengan syarat hak bumiputera telah dibangkit semula. Malah jasa-jasa diraja juga diulas secara teori (yang tidak lama kemudian menjadi praktikal). Kepanasan ini cuba disejukkan dengan pautan mengenai Uthmaniyah. Seorang penulis bernama Mustafa Akyol menyeru semua dalam Malaysia membaca Perlembagaan Uthmaniyah 1876.<sup>273</sup> Bahawasanya:

*“Semua wilayah empayar ialah Uthmaniyah, tanpa perbezaan meskipun apa jua agama dianutti. [Dan] rakyat Uthmaniyah ialah sama rata di sisi undang-undang dari segi hak dan juga tanggung-jawab kepada negara tanpa prejedis terhadap agama.”*

Tidak pasti apa kerelevanannya melibatkan Uthmaniyah dalam perkembangan ini, melainkan sentimen seolah-olah Islam apabila khilafah dipetik. Waythamoorthy pun dibedil tanpa henti semasa membentangkan tentang ICERD di Dewan Rakyat. Sejarahnya yang tidak konsisten mengenai sebarang masalah disentuh Noh Omar terutamanya berkaitan kononnya diskriminasi India yang kemudiannya dinafikan Waythamoorthy.<sup>274</sup>

Tekanan hebat daripada MN telah menoktahkan keputusan pantas daripada PH. Pada 24 November, kerajaan mengambil keputusan selamat untuk tidak melaksanakan ICERD untuk mempertahankan Kontrak Sosial yang dipersetujui semua bangsa.<sup>275</sup>

## Perhimpunan Paling Besar dalam Sejarah

PH telah menembak kaki sendiri dengan perkembangan berkaitan ICERD. Selama BN berkuasa, Melayu tidak perlu mempertahankan hak

<sup>273</sup> Abdar, R.K. (2018, November 16). The caliphate had ICERD too, Turkish scholar reminds Malaysian Muslim groups. *Free Malaysia Today*.

<sup>274</sup> Carvalho, M., et al. (2018, November 19). Opposition lawmakers protest ICERD start ‘racist’ chant against Waytha. *The Star Online*.

<sup>275</sup> The Star Online. (2018, November 24). Govt not ratifying ICERD. *The Star Online*.



bumiputera pun. Melayu sendiri menyedari perkara ini. Walaupun PH tidak akan meratifikasi ICERD, beberapa pihak terutamanya MN telah merancang untuk berhimpun. Tetapi kali terakhir Melayu berbuat sedemikian, Malaysia mengharungi episod politik paling berdarah.

49 tahun dahulu, Melayu sanggup turun Kuala Lumpur untuk menyatakan azam mereka supaya hak bumiputera dikekalkan. Pada 8 Disember, Himpunan Daulat 812 yang dilangsungkan menunjukkan bahawa perkara tersebut tidak berubah langsung. Malah Melayu menunjukkan bahawa tanpa provokasi tiada apa yang berlaku.

Terdapat pertikaian dari segi jumlah peserta. Pihak polis menganggarkan 55,000 orang sekurang-kurangnya, jauh lebih rendah daripada sasaran pengajur iaitu 300,000 orang. Namun berdasarkan perkongsian daripada peserta-peserta yang berpengalaman menyertai Bersih bersama PAS, Himpunan Daulat 812 telah mengumpulkan 500,000 orang. Malah lebih ramai lagi dijangka telah dihimpunkan di Kuala Lumpur untuk mengimarahkan bantahan aman melalui solat, doa dan ucapan.

Lautan putih memenuhi jalanan Kuala Lumpur ke Dataran

Merdeka yang kesesakannya terlalu luar biasa.<sup>276</sup> Dibakar matahari dan dibasahi hujan, tiada apa yang menjadi penghalang. Zahid, Hadi dan Mohammad Hassan telah menewaskan pengaruh Bersih yang memerlukan didihan bertahun-tahun untuk dilangsungkan.

Gambar Waythamoorthy digunakan bersama slogan pada *bunting* dan sepanduk – seakan-akan sama dengan semangat yang diterapkan 49 tahun dahulu. Hal ini bukannya satu-satunya perkara yang mendorong kepada kebencian rakyat terhadap PH – Sebab pada masa yang sama, satu lagi perkara berlangsung di Seafield yang sebenarnya menamatkan riwayat kerajaan Harapan secara tidak langsung.

---

276 Safeek, A.R. (2018, December 8). Perhimpunan ICERD dihadiri 55,000 orang – Polis KL. *Berita Harian*.

21 Hari

**S**ubang Jaya mempunyai pelbagai jenis keindahan infrastruktur untuk taraf hidup Lembah Klang. Aktiviti masyarakat yang tanpa henti menyusuri jalan raya menghidupkan apa yang selama ini sebahagian daripada Petaling Jaya. Pusat beli-belah One City dibina di sebuah jalan yang bercabang ke arah Bukit Jelutong dan juga Lapan-gan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Tetapi sebelum Plaza Tol USJ yang perlu dilalui terletak pula Kuil Sri Mariamman Seafield.

Kuil tersebut dikhabarkan telah dibina sejak tahun 1891. Tetapi pengurusan kuil telah sekian lama bergelut dengan pertikaian tanah bersama pemaju iaitu One City Development (OCD). Selepas melengkapkan pembelian daripada Sime Darby, OCD telah mendapatkan perintah mahkamah supaya kuil tersebut diusir.<sup>277</sup> Tetapi kuil tersebut tidak dapat diruntuhkan ekoran campur tangan daripada Azmin Ali, Sivarasa Rasiyah dan Charles Santiago.<sup>278</sup>

Pengurusan kuil mungkin boleh menghela nafas lega apabila Ganabatirau Veraman turut terlibat dalam perkara ini. Tetapi Ganabatirau pula mengatakan bahawa empat pihak terbabit – kerajaan negeri, OCD dan dua pengurus kuil – telah bersetuju untuk memindahkan kuil supaya tanah tersebut dikembalikan kepada OCD yang telah pun membayar cagaran sebanyak RM1.5 juta.<sup>279</sup>

Malah kerajaan negeri telah memberikan sebidang tanah sekar tidak jauh dari situ bagi tujuan perpindahan. Namun, perka-ra ini didedahkan selepas apa yang berlaku di Seafield, tetapi sudah terlambat. Unsur paling penting di sebaliknya adalah bagaimana Ganabatirau sendiri mendapatkan persetujuan empat pihak itu yang dilengkapkan pada 11 Mac 2014.

Namun pada 1 Jun 2017, ratu-san pengikut Hindu membanjiri kuil tersebut untuk menyatakan bantahan terhadap perintah mahkamah terbabit. Nagaraju Meg-anathan ialah cucu kepada orang

<sup>277</sup> The Malaysian Times. (2017, June 6). Eviction of Seafield temple on hold – Menteri Besar.

<sup>278</sup> Malaysia Indru. (2017, December 20). Seafield Sri Maha Mariamman Temple: Menteri Besar will help, Sivarasa and Santiago say.

<sup>279</sup> The World News. (2018, October 31). Seafield temple relocation is on court orders, says Selangor exco.

yang membina kuil tersebut menarik balik persetujuan itu kerana tanah yang diberikan kerajaan negeri ialah pajakan 99 tahun.<sup>280</sup>

Nama kuil itu sememangnya sudah panas. Jadi apabila 26 November 2018 berkunjung tiba, hampir seluruh negara dikejutkan. Pada pukul 2:00 pagi, seramai 250 orang mencerobohi kuil bersenjatakan pisau, kapak dan parang. Mereka mengusir semua orang yang berada di perkarangan kuil bagi pihak OCD.<sup>281</sup> Pengawal keselamatan kuil pun telah dicederakan dengan teruk sebelum seluruh kuil diserang. Semua harta kuil dipecah. Namun semua ini ialah pengakuan daripada Pengerusi Jawatankuasa Khas Selamatkan Seafield, iaitu Sri Ramaji.

Pihak polis yang tiba pada pukul 4:00 pagi khabarnya pula mendapati bahawa serangan berpunca daripada pergaduhan antara dua kumpulan India. Jadi, percanggahan maklumat tersebut mencetuskan kekeliruan awam. Kuil tersebut pun telah melepassi tarikh akhir (22 November) untuk keluar. Dalam kehangatan isu terbabit, Ganabatirau telah mengeluarkan kenyataan di Facebook bahawasanya kuil itu telah diserang kumpulan Islam.<sup>282</sup>

Kenyataan tersebut dikecam Asyraf Wajdi Dusuki atas unsurnya yang boleh menyebabkan ketegangan kaum.<sup>283</sup> Ganabatirau pun mengeluarkan permohonan maaf selepas menyunting ketelanjuran katanya – itu pun selepas dinasihati ramai. Keceloparan Ganabatirau bukanlah suatu perkara yang pelik, atas pengalamannya dalam Hindraf memperjuangkan kes-kes kuil tidak berdaftar (atau berdaftar di atas tanah orang).

Tetapi jika Ganabatirau telah membuat suatu luka terhadap keharmonian kaum, seorang ikon Hindraf lagi memastikan luka tersebut tidak akan boleh sembah. Waythamoorthy Ponnusamy mengukuhkan nama timangan terhadap tugasannya dalam Kabinet Kementerian dengan ha-

280 Priya, M. (2017, June 1). Devotees protest relocation of temple. *The Star Online*.

281 Kenneth, T. (2018, November 26). Eyewitness recounts temple attack, claims mob behaved in ‘trance-like state.’ – *The Malay Mail Online*.

282 Shakira, B. (2018, November 28). Ganabatirau apologises for blaming ‘Muslim group’ in temple chaos. *Malaysia Kini*.

283 Malaysia Kini. (2018, November 26). Umno Youth condemns temple clash, wants probe on ‘hired thugs’ claim.

nya satu kenyataan sahaja. Kenyataan itu juga tidak terlalu melampau untuk dikatakan membunuh Pakatan Harapan.

Dalam satu sidang akhbar bersama Xavier Jayakumar, Gobind Singh Deo dan Kulasegaran Murugeson antaranya, Waythamoorthy mengatakan bahawa Polis Subang Jaya telah mengeluarkan kenyataan salah berkaitan pergaduhan dua kumpulan India.<sup>284</sup> Kelewatan polis juga diselar Waythamoorthy di hadapan semua penonton.<sup>285</sup> Jika kenyataan sedemikian diteliti semula, dengan jelas Waythamoorthy berhujah miripkan seorang ahli pembangkang.

Kapasitinya sebagai Menteri Perpaduan sememangnya tidak sesuai untuk memperbetul pihak polis sebegitu rupa. Apatah lagi apabila beliau mendesak Bukit Aman membuka kertas siasatan bebas supaya pelaku boleh dikenal pasti.<sup>286</sup> Benih disemai Waythamoorthy telah berputik sepatutnya, seperti mana yang diperkatakan Vigneswaran Sanasee. Kenyataan Waythamoorthy turut dikecam Ahmad Zahid Hamidi kerana berbaur provokasi.<sup>287</sup>

Ramai ahli politik bersatu untuk menyatakan sokongan kepada pihak polis. Malah Azis Jamman yang berkhidmat di bawah Muhyiddin Yassin pun menyangkal sebarang kritikan terhadap polis, sekali gus melihat PH dalam percanggahan.<sup>288</sup> Hari tersebut ditutup dengan kesugulan dengan 18 kenderaan terbakar kerana serangan awal pagi.

11 lelaki berjaya ditahan polis, lalu diarah untuk melakukan kawalan 24 jam. Tetapi krisis Seafield tidak terhenti di situ sahaja. Apa yang dikatakan Asyraf, Vigneswaran dan Zahid benar-benar terjadi. Mungkin pengalaman mereka sebagai kerajaan memberikan seolah-olah kanta untuk melihat masa depan. Ketegangan kaum hasil daripada semai provokasi seorang menteri telah menyebabkan perperangan di luar kuil.

284 Manirajan, R. (2018, November 26). Seafield temple riot: Waytha blames police for delayed response. *New Straits Times*.

285 Kow, G.C. (2018, November 26). Menteri tegur cara polis tangani isu rusuhan di kuil. *Malaysia Kini*.

286 Manirajan, R. (2018, November 26).“..”

287 Malaysia Kini. (2018, November 27). Zahid flays ‘hero Waytha’ for ‘provocation’ in Seafield temple issue.

288 Ahmad Suhael, A. (2018, November 26). ‘Kalau polis gagal, ada yang hilang nyawa.’ *Berita Harian*.



Kemudian, dianggarkan 2,000 orang yang terdiri daripada pengikut-penganut Hindu telah berkumpul di hadapan kuil sebagai tanda solidariti.<sup>289</sup> Situasi sebelum tengah malam masih lagi terkawal dengan hanya laporan kesesakan lalu lintas sahaja. Tidak lama kemudian, keadaan bertukar ganas dengan status terkawal boleh dibuang keluar tingkap. Segerombolan besar perusuh mula mara ke arah premis-premis yang dibangunkan OCD tidak jauh dari kuil tersebut.<sup>290</sup>

Seorang jurugambar daripada *Malay Mail Online* telah direjam dengan batu.<sup>291</sup> Mohamad Azinuddin Ghazali mengekor gerombolan tersebut yang merosakkan Menara MCT. Beliau pun bergegas mengambil gambar sebelum dijerkah “media! media!” yang menyebabkan dirinya dikepung 15 lelaki India. Kameranya cuba ditarik – dan Azinuddin mungkin selamat selepas kad simpanan memori dipatahkan sebelum dicuri.

Jika kes Azinuddin sahaja yang mencemarkan malam tersebut, PH mungkin tidak akan menerima padah begitu berat. Pihak bomba yang bergegas untuk memadamkan api marak daripada dua kereta dibakar

---

289        Justin Z., & Lipi, E. (2018, November 26). Huge but peaceful crowds around USJ temple, traffic choked. *The Star Online*.

290        Farik, Z., et al. (2018, November 28). Cops zeroing in on riot mastermind. *The Star Online*.

291        Kenneth, T. (2018, November 27). ‘Malay Mail’ photographer hit by stone and threatened at Subang Hindu temple riot. *The Malay Mail*.

---

telah dikesari peserta-peserta amukan. Jentera bomba tersebut teruk dirosakkan dan anggota di dalamnya diserang sehingga cedera parah.<sup>292</sup>

Muhammad Adib Mohd Kassim hanya berusia 24 tahun yang bakal berkahwin dalam masa sebulan sahaja. Dugaan begitu berat berada di bahu sepatutnya isteri beliau. Nurul Najihah Mohd Radzi meluahkan kesukarannya untuk berkata apa-apa kerana masih terkejut.<sup>293</sup> Kerossakan yang ditinggalkan golongan perusuh mungkin boleh diperbaiki. Tetapi Adib yang diheret keluar dari kenderaan sebelum dipukul begitu teruk tidak dapat diganti dengan nyawa baharu.

Kejadian tersebut sangat mirip dengan Bersih 3.0 apabila pemandu kereta polis direjam dengan batu sehingga terlanggar orang lain yang berada di situ. Kemudian, Adib dirakamkan sedang dipapah sekumpulan yang kedengaran jelas cuba menenangkannya. Tetapi kecederaan yang terlalu teruk menggegaskan Adib ke Institut Jantung Negara yang dikatakan keadaan beliau semakin pulih.<sup>294</sup>

Lebih daripada 1,000 anggota polis simpanan persekutuan ditempatkan di pekarangan kuil sejak jam lima petang.<sup>295</sup> Laluan kuil pun ditutup dengan segera, dengan aliran trafik dilencongkan ke arah Putra Heights.<sup>296</sup> Sementara negara cuba bertenang, Waythamoorthy muncul kembali untuk mengatakan bahawa kekecohan kuil tersebut bukanlah suatu konflik antara kaum – sebaliknya hanya cetusan perbalahan antara pemaju dengan pengurusan.<sup>297</sup>

Konflik mungkin boleh dielakkan jika PH berlaku jujur. Hal ini demikian kerana dalam tempoh beberapa hari kemudian, Adib dicanang

---

292 Samantha, K. (2018, November 27). A fireman was attacked by a mob at the Seafield Temple Riot. Here Are the Latest Updates. *Says*.

293 Fazrik, K. (2018, November 27). ‘Saya masih terkejut’. *Berita Harian*.

294 Malaysia Kini. (2018, November 28). Fireman injured in riot recovering well after transfer to IJN.

295 Hilmi, M. (2018, November 27). Anggota FRU perketat kawalan di Kuil Sri Maha Mariamman. *Astro Awani*.

296 Hilmi, M. (2018, November 27). Laluan ke kuil Sri Maha Mariamman ditutup. *Astro Awani*.

297 Fahmy, A.R. (2018, November 27). Kekecohan kuil bukan konflik antara kaum – Waytha Moorthy. *Berita Harian*.

pihak kuil seolah-olah dilanggar jentera bomba yang mengundur.<sup>298</sup> Dakwaan sedemikian menunjukkan ketidakpuasan hati daripada Ketua Pengarah Jabatan Bomba yang mendesak bukti bahawa Adib dilanggar.<sup>299</sup>

Setiap minit yang berlalu sangatlah perit bagi keluarga terdekat Adib. Mereka meniti masa dengan kepedihan hati dan harapan doa. Adib pun menunjukkan tanda-tanda sedar pada 29 November walaupun dalam pemantauan rapi. Pihak perubatan menggunakan sedatif untuk membolehkan organnya berfungsi. Tetapi status komanya masih menggusarkan.

Hari yang sama juga menyaksikan pembentangan kronologi daripada Muhyiddin. Di sini kerajaan PH mengundang cemuh orang ramai. Pihak polis telah menerima panggilan orang awam mengenai kekecohan pertama di kuil pada pukul 2:40 pagi. 10 minit kemudian, mereka telah tiba di tempat kejadian tetapi dihalang masuk sekumpulan lelaki India. Cermin belakang sebuah kenderaan dipecahkan dengan sebuah treler menghalang jalan menghala ke kuil.

Maka, disebabkan itulah pihak polis kelewatan. Ia satu perkara yang tidak diulaskan Waythamoorthy sebelumnya. Jumlah gerombolan yang berhimpun pada awal pagi seterusnya pula dianggarkan kerajaan seramai 10,000 orang.

## Disember yang Pedih

Status kuil tersebut sudah tidak lagi diendahkan sesiapa, dengan Muhammad Adib sedang bergelut untuk nyawanya. Keadaan semasa Adib mewajibkan bilangan pengunjung dikawal dengan rapi untuk mengelakkan jangkitan kuman. Kecederaan pada paru-paru dan ginjal mendapat perhatian doktor dengan jantungnya semakin pulih. Adib juga telah kehilangan banyak darah. Keesokannya, Adib tidak lagi memerlukan bantuan untuk denyutan jantungnya dengan keadaan kritikal tetapi stabil.

298 Hafidzul Hilmi, M.N. (2018, November 28). Polis siasat dakwaan Muhammad Adib dilanggar. *Berita Harian*.

299 Fazrik, K. (2018, November 28). Dakwaan Adib dilanggar tak berasas – KP Bomba. *Berita Harian*.



Pada 3 Disember, Adib sudah mampu berinteraksi dengan saksi serangan mula tampil untuk memberikan keterangan.<sup>300</sup> Zuraida Kamaruddin pula memaklumkan bahawa perkembangan positif yang Adib mungkin boleh berkahwin.<sup>301</sup> Najib Razak menerima isyarat tangan “baik” daripada Adib yang mengukuhkan lagi harapan semua. Selepas itu, IJN tidak membenarkan pelawat sekurang-kurangnya dua hari bagi membolehkan Adib menjalani sesi fisioterapi tanpa gangguan.

Sehubungan dengan itu, empat orang direman bagi membantu siasatan berkaitan kes pukul Adib.<sup>302</sup> Suspek-suspek tersebut dilepaskan tiga hari kemudian ketika Adib sudah boleh menulis di papan putih.<sup>303</sup> Perhatian dialih sebentar daripada Adib kepada Menteri Besar Amirudin Shari yang menggesa Kuil Seafield memulangkan tanah dan wang pam-pasan kepada OCD.<sup>304</sup> Sebelum ini Nagaraju memfailkan permohonan

300 Yiswaree, P. (2018, December 4). Witness of alleged assault on fireman Adib has come forward. *The Malay Mail*.

301 Bernama. (2018, December 5). Zuraida: Recovering firefighter Adib may wed end of this month.

302 Sarah, Z. (2018, December 7). 4 direman bantu siasatan kes pukul Muhammad Adib. *Berita Harian*.

303 Asmah, R. (2018, December 10). Anggota bomba Muhammad Adib sudah boleh menulis. *Berita Harian*.

304 Ruwaida, M.Z. (2018, December 15). Kuil perlu pulang tanah dan wang. *Harian Metro*.

supaya kuil dikekalkan. Namun, permohonan tersebut terus ditolak Hakim Gunalan Muniandy dalam Mahkamah Tinggi.<sup>305</sup>

Tetapi beberapa jam kemudian, mereka sempat mendapatkan injuksi yang menggantungkan semua perintah. Kuil Seafield perlu dikekalkan sehingga perbicaraan pada 11 Januari 2019.<sup>306</sup> Sebarang maklumat berkenaan Seafield mula mendidih amarah rakyat selepas keadaan Adib kembali kritikal. Selepas diteliti doktor, paru-paru anggota bomba tersebut bagaikan mengeras dan ginjalnya juga tidak pulih.<sup>307</sup>

Keesokan harinya, kepingan gambar hitam putih Adib mula tular di media sosial menandakan ajalnya. Adib telah meninggal dunia 21 hari selepas diserang dengan begitu ganas di Seafield. Seluruh negara berkabung dengan penuh hiba atas pemergian seorang bakal pengantin tidak lama sebelum tarikh perkahwinannya.

Dalam pada itu seorang perempuan telah menyalahgunakan kebebasan media sosial dengan melemparkan komen tidak bertanggungjawab terhadap Adib. Membalas kepada seorang pengguna, Caryn Yean mengatakan bahawa Allah gagal menyembuhkan Adib.<sup>308</sup> Pengguna-pengguna media sosial dengan pantas mengenal pasti tempat kerjanya di Honda dan kemudian keputusan pantas diambil untuk menamatkan perkhidmatan Caryn.

Adib telah diterbangkan ke kampung halamannya di Kedah. Pada pukul 1:45 petang, jenazah beliau selamat dikebumikan di Kampung Tebengau. Beliau diberi kenaikan pangkat ke gred KB22 bersertakan pembayaran pencen RM255,000 untuk meringankan beban keluarga. Bagi sesiapa yang berhati perut, melihat tangisan keluarganya sudah cukup menyayatkan. Najihah yang sepatutnya mencium tangan Adib akhirnya menabur bunga di pusara. Ia merupakan suatu penganiayaan terhadap jiwanya yang sudah tentu sekali mustahil dihilangkan.

---

305 Kenneth, T. (2018, November 29). Subang Hindu temple faction fails court bid to block relocation order. *Malay Mail Online*.

306 Martin, C., et al. (2018, November 30). Temple stays where it is pending hearing. *The Star Online*.

307 Teoh, P.Y. (2018, December 16). Adib in critical condition. *New Straits Times*.

308 Nor Afzan, M.Y. (2018, December 20). Caryn Yean ditamatkan perkhidmatan, langgar dasar syarikat. *Berita Harian*.

PH ketika ini berdepan dengan cabaran paling besar – mengamalkan apa yang selama ini mereka dakwahkan; menegakkan keadilan berdasarkan kedaulatan undang-undang. Mereka gagal. Pukulan teruk terhadap Muhammad Adib juga telah membunuh PH. Hal ini demikian kerana sejak hari itu, PH sudah tidak lagi menimang sokongan majoriti Melayu.

# Nobita

---

**S**elepas Pilihan Raya Umum ke-14, Malaysia melalui beberapa pilihan raya kecil atas sebab-sebab tertentu. Pakatan Harapan memperoleh majoriti kemas di Sungai Kandis, Balakong dan Seri Setia. Tetapi drama berkaitan ICERD serta pembunuhan Muhammad Adib telah menghilangkan momentum PH. Sivarrajah Chandran telah didapati terlibat dengan elemen-elemen korupsi sebelum ini, sekali gus menyebabkan kemenangannya di Cameron Highlands terbatal.<sup>309</sup>

Barisan Nasional telah mencalonkan Ramli Mohd Nor yang mempunyai asal usul orang asli untuk bertembung dengan Manogaran Marimuthu. Sepatutnya kegiatan korupsi boleh memberikan PH kemenangan mudah. Tetapi semasa berkempen, Manogaran telah disidai seorang pekerja bernama Rahana Hassan yang menyentuh dengan pedas tentang masalah inflasi negara. Rahana berkongsi pengalamannya juga tentang perilaku mana-mana kerajaan dan semua tujuhannya menusuk Manogaran yang tidak

mampu menjawab dengan sempurna.

Keputusan akhir pilihan raya kecil merefleksi tentang keterampilan Manogaran dalam arena politik. PH telah ditewaskan dengan majoriti ribuan. Semenyih dan Rantau juga telah menolak PH. Kekalahan berturut-turut ini menekankan tentang kehilangan momentum PH. Kebiasaananya sebuah gabungan politik mengalami kemerosotan sebegini angkara kelemahan dari segi dasar ekonomi.

Tiada apa yang memberangsangkan pun dari segi ekonomi dibawah PH. Sebelum pilihan raya, rakyat diyakini bahawa jatuh saja Najib Razak, ekonomi mesti naik. Tetapi selepas 9 Mei, bukan Najib saja yang jatuh, harga bahan api global yang jatuh turut menyusutkan kekuatan Ringgit. Kelemahan nilai sawit merosakkan pendapatan sekurang-kurangnya 95,000 peneroka FELDA. Indeks Komposit Kuala Lumpur pun sering dipetik dengan konteks negatif.<sup>310</sup>

Laporan-laporan sebegini mengejutkan para penyokong PH

309 Nurbaiti, H. (2018, November 30). Court nullifies BN's GE14 victory for Cameron Highlands seat (Updated). *The Star Online*

310 Chin, J. (2018, November 30). Rising trade risks sees KLCI stumble, worst performer. *The Star Online*.

juga. Hal ini demikian kerana pemimpin yang selama ini dicanang menjadi arkitek Malaysia juga sedang mengetuai kerajaan. Namun bagi atas pagar yang mencuba nasib, mereka tidak meredai mendapan ini. DAP yang selama ini disebut pandai dari segi pengurusan terdedah kepada segala jenis serangan. Luka pada badan DAP masih merah selepas diasak bertubi-tubi mengenai status hak milik 999 tahun untuk kampung baru Cina.<sup>311</sup>

Pada awalnya Setiausaha Agung DAP yang merangkap Menteri Kewangan menerima pujian orang ramai kerana sudi berhenti bercakap semasa azan berkumandang. Gelagat lucu Lim Guan Eng dan Mohammad Sabu mengenang pengalaman semasa ditahan Akta Keselamatan Dalam Negeri pun telah menjadi romantisme politik. Tetapi dalam sekelip mata, kedua-dua mereka menerima asakan dek bebanan kerja.

Mahathir menjemput pelabur-pelabur asing dengan tangan terbuka.<sup>312</sup> Tetapi jumlah pelaburan saban hari semakin menurun. Pada 15 Oktober, sebanyak RM1.05 bilion telah dikeluarkan, jumlah paling banyak dalam masa 16 minggu.<sup>313</sup> Kerajaan juga mengurangkan perbelanjaan secara mendadak atas dakwaan untuk mengurangkan bebanan hutang yang ditenggalkan kerajaan lama.<sup>314</sup> Antara yang sensasi pada masa itu ialah Dyson Ltd.

James Dyson merupakan salah seorang daripada ramai peniaga-peniaga British yang menyokong keluaran United Kingdom daripada Kesatuan Eropah atas diayah supaya tidak dibuli Jerman. Tetapi selepas United Kingdom disahkan akan keluar, Dyson dengan gelabah mengeluarkan syarikatnya ke Asia Tenggara. Mahathir telah bertemu Dyson di London dan beliau menyatakan kesediaan untuk meringankan dasar demi pelaburan.<sup>315</sup>

311 Saifullah, A. (2019, November 24). DAP Perak tuntut janji hak milik kekal kampung baru. *Sinar Harian*.

312 Kenneth, T. (2018, October 9). Malaysia welcomes foreign investors with open arms, says PM. *Malay Mail Online*.

313 Leong, H.Y. (2018, October 15). Foreign investors pull out a staggering RM1.05bil. *The Star Online*.

314 Sipalan, J. (2018, November 2). Hobbled by debt, Malaysia to cut public investment as growth seen slowing. *Reuters*.

315 The Star Online. (2018, September 24). Bagless vacuum inventor Dyson may invest more in Malaysia says Dr. M.

Keputusan Dyson untuk beralih ke Singapura mengundang kritikan terhadap PH.<sup>316</sup> Perang perdagangan antara Amerika Syarikat dengan China sepatutnya membuatkan Malaysia sebagai destinasi rebutan. Tetapi pembatalan projek-projek besar yang sudah diluluskan dan mula dibangunkan telah menimbulkan tanda tanya tentang persekitaran perniagaan Malaysia. Mahathir juga menerima kunjungan hormat daripada Imran Khan yang bertujuan untuk merapatkan hubungan bersama Pakistan.<sup>317</sup>

Ketidaaan Cukai Barang dan Perkhidmatan menguji keupayaan PH dalam pengurusan ekonomi. Pentadbiran Najib telah mengorak langkah ke arah ekonomi yang kurang bergantung dengan Petronas. Tetapi pengembalian Mahathir membawa satu maksud sahaja. Petronas yang sudah pun membayar cukai terpaksa dikeringkan lagi. Dalam Belanjawan 2019, Guan Eng mengumumkan suatu senarai panjang inisiatif yang hanya menongkah lagi defisit fiskal paling tinggi dalam masa lima tahun.<sup>318</sup>

Mengantikan GST ialah Cukai Jualan dan Perkhidmatan yang semangnya jauh daripada paras biasa dipungut. SST hanya mensasar sebanyak RM22 bilion sahaja,<sup>319</sup> padahal GST pada tahun 2017 memperoleh RM44 bilion,<sup>320</sup> yang digunakan untuk:

- Mengharungi kelembapan ekonomi global.
- Menjauhi kemelesetan ekonomi.
- Meneruskan pembangunan untuk rakyat.
- Memberikan bonus kepada 1.6 juta penjawat awam.

316 Geddie, J., & Aravindan, A. (2018, October 24). Why did Dyson pick Singapore to build its electric car? *The Star Online*.

317 Abas, A., et al. (2018, November 21). Malaysia and Pakistan are set to build stronger ties. *New Straits Times*.

318 Shukry, A. (2018, November 2). Mahathir pushes Malaysia budget gap to highest since 2013. *Bloomberg*.

319 Bernama. (2019, July 24). 2019 SST collection expected to hit RM22 billion. *New Straits Times*.

320 Azura, A. (2018, January 24). Customs Department collects RM44bil from GST in 2017: Najib. *New Straits Times*.

Kementerian Kewangan PH sendiri mengakui bahawa GST lebih baik yang perlu dimansuhkan kerana termaktub dalam manifesto.<sup>321</sup> Tetapi untuk menutup jurang kerugian antara GST dengan SST, Guan Eng menggunakan helah yang sangat menarik. Beliau mengatakan bahawa rakyat Malaysia pula boleh menjimatkan RM23 bilion setahun dengan adanya SST.<sup>322</sup> Malah SST hanya akan merangkumi 38% jenis barang dalam Indeks Harga Pengguna (CPI) berbanding 60% semasa GST.<sup>323</sup>

Tidak cukup dengan itu, Guan Eng tidak terlepas daripada kritikan apabila mengeluarkan kenyataan rasmi dalam bahasa Cina yang sebenarnya bercanggah dengan pengisytiharan lamanya, “*Saya bukan orang Cina; saya orang Malaysia.*”<sup>324</sup>

## Projek-projek Berimpak Tinggi

Lim Guan Eng memasuki pejabat kementerian dengan penuh keyakinan bahawa Pakatan Harapan boleh mengembalikan Malaysia ke landasannya. Sejujurnya tidak diketahui landasan yang dimaksudkannya. Jika dari segi ekonomi, Malaysia sudah berada pada landasan baik yang hanya bergelora selepas pengumuman hutang bertrillion. Guan Eng juga mengatakan bahawa ada skandal lebih besar melibatkan kementerian bakal didedahkan.<sup>325</sup>

Melihat barang berharga diusung keluar daripada kondominium-kondominium mewah Najib, ramai tertanya-tanya mengenai skandal ini. Jika rakyat pun ingin tahu, para pelabur pula menahan nafas sambil bersedia untuk menjalankan atau membatalkan perancangan. Sebelum itu pun Guan Eng berpencak dengan penjimatan 47% bagi

321 Michelle, T. (2018, November 4). Khairy: Lokman would be sacked if I was Umno chief. *The Star Online*.

322 Mohd Husni, M.N. (2018, July 17). Guan Eng: Malaysians will save RM23b yearly with SST. *New Straits Times*.

323 Bernama. (2018, July 19). Guan Eng says SST to cover only 38% of CPI basket of goods. *The Star Online*.

324 Tarrence, T. (2018, June 25). Guan Eng under fire over Chinese-only statement. *The Star Online*.

325 The Star Online. (2018, June 15). Guan Eng: Finance Ministry to lift the lid on another major scandal soon.

projek LRT3.<sup>326</sup> Ramai mengatakan bahawa Guan Eng telah menjimatkan duit negara sebanyak RM16.63 bilion.

Namun, jika ada contoh praktikal bagi peribahasa indah khabar dari rupa, Guan Englah orangnya. Penjimatan dilakukan sememangnya bukan mengurangkan kos dengan cara perakaunan tepat dan pengagihan projek telus. Sebaliknya LRT3 telah:

- **Dikurangkan** daripada 42 set kereta api enam gerabak kepada 22 set kereta api tiga gerabak. Pengurangan ini menepati penyelidikan sehingga 2035 sebelum perlu ditambahkan lagi tiga gerabak.
- **Dikurangkan** saiz stesen kereta api kerana sudah tidak perlu menerima gerabak besar.
- **Mengikut** saiz dan rekaan stesen LRT Kelana Jaya, bukannya aras MRT yang lebih moden.
- **Menunda** pembinaan lima stesen kereta api.
- **Membatalkan** terowong dua kilometer di Persiaran Hishamuddin.
- **Melanjutkan** tempoh siap daripada 2020 ke 2024 supaya pembinaan tidak perlu digegaskan.

Dengan erti kata lain, tiada penjimatan dibuat pun melainkan pengurangan dan pengeciran semata-mata. Guan Eng mendabik LRT3 ialah “mini-1MDB” seolah-olah ada transaksi gelap.<sup>327</sup> Projek MRT3 telah dibatalkan Guan Eng kerana kos RM40 bilion yang terlalu tinggi ekoran hutang negara.<sup>328</sup>

Sekali lagi Guan Eng sendiri sebelum ini mengakui bahawa hutang negara tidak sampai bertrillion. Jadi, percanggahan ini telah membogarkan bahawa PH hanya mencipta helah untuk (1) selamatkan diri daripada manifesto dan (2) batalkan projek-projek tertentu.

326 The Star Online. (2018, July 12). Final price of LRT3 reduced by 47% to RM16.63b, says Guan Eng.

327 Supriya, S. (2018, July 17). Guan Eng: LRT3 is a mini 1MDB scandal. *The Edge Markets*.

328 Wong, E.L., & Sulhi, A. (2018, August 1). MRT3 to be revisited when country's finances improve. *Edge Prop*.

Projek HSR yang dibatalkan asalnya telah dihidupkan semula selepas kerajaan menerima tawaran daripada beberapa pihak swasta. Kos jangkaan HSR pula akan diseparuhan jika kerjasama ini berlangsung.<sup>329</sup> Pembatalan demi pembatalan ini menggusarkan pelabur-pelabur yang telah membelanjakan berbilion untuk projek mega Najib yang bersaiz 70 ekar di Kuala Lumpur.

Tun Razak Exchange ialah mercu tanda perniagaan dan kewangan antarabangsa yang dibangunkan oleh 1MDB. Selepas 1MDB terjerumus ke kancang hina, status TRX terutamanya di bawah PH tersangkut sebentar sehingga Guan Eng meneruskan projek tersebut.<sup>330</sup>

### Bisa yang Merosakkan Diri

Bukan semua yang menyokong pengembalian SST. Dalam sebuah sidang, Khairy Jamaluddin mencadangkan supaya Pakatan Harapan hanya perlu memperbaiki mekanisme GST.

Saranan supaya rombakan dibuat telah ditempelak Lim Guan Eng. Berapi dengan emosi, Guan Eng mengatakan bahawa GST tidak perlu dirombak kerana telah dirompak Barisan Nasional.<sup>331</sup> Susunan GST memberikan peniaga hak untuk membuat tuntutan semula. Tetapi menurut Guan Eng, amaun tuntutan dalam amanah jagaan kerajaan telah pun dibelanjakan.

Pukulan ribut tidak menggoyahkan Khairy yang mendesak bukti dengan suara tenang. Guan Eng membala bahawa Khairy sebagai menteri tiada tanggungjawab untuk melihat akaun negara. Bukti yang diminta pun katanya akan dibentangkan semasa GST dimansuhkan. Enam hari kemudian, Guan Eng mengekalkan tuduhan ini bahawa BN telah “merompak” GST sebanyak RM17.91 bilion dalam sidang Dewan Rakyat pada 13 Ogos.<sup>332</sup>

Tetapi pada hari yang sama, Guan Eng telah menjadi jenaka politik

329 Farhana, S.N. (2018, July 11). M'sia received offers to halve cost of HSR project - Guan Eng. *New Straits Times*.

330 Joseph, K.J., & Ganeshwaran, K. (2018, June 22). TRX investors heave sigh of relief. *The Star Online*.

331 Hemananthani, S., Rahii, R. & Loshana, K.S. (2018, August 7). GST refund money ‘robbed’ by BN govt, says Guan Eng when rebuff Khairy. *The Star Online*.

332 Carvalho, M, et al. (2018, August 13). Guan Eng drops another GST bombshell: Missing amount is larger. *The Star Online*.

kerana tersilap titik perpuluhan.<sup>333</sup> Baki dalam akaun ditinggalkan BN sebanyak RM148.6 juta, bukannya RM1.486 bilion seperti disalah lapor pegawainya. Hal ini bermakna sebanyak RM19.2 bilion telah “dirompak” kerajaan BN dahulu.

Irwan Serigar menafikan tuduhan Guan Eng dan melaporkan pada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Begitu juga dengan Khairy yang memanjangkannya kepada perhatian polis. Siasatan Suruhanjaya Kira-Kira Wang telah merungkaikan misteri kehilangan wang ini, bahwasanya duit tuntutan GST berada dalam akaun berasingan sahaja.<sup>334</sup> Walaupun amalan BN tetap melanggar peraturan prosedur, Guan Eng menerima kritikan dahsyat yang berterusan.

Setahun kemudian pun Guan Eng tidak lari daripada “salah titik perpuluhan”. Kapasiti Menteri Kewangan untuk membuat kesilapan dangkal sebegini tidak akan boleh dilupakan. Implikasinya ialah peluang keemasan untuk peniaga-peniaga tidak bertanggungjawab memainkan harga. Kononnya tuntutan GST tidak dibayar langsung.

## Hari Terkejut Sedunia

Bandar Seri Begawan telah menerima Dr. Mahathir Mohamad pada September 2018. Hubungan akrab Brunei dengan Malaysia tidak pernah tergugat dengan mana-mana pentadbiran pun. Malah semasa Mahathir kembali ke Putrajaya, Sultan Hassanal Bolkiah telah mengunjunginya dengan senyuman mesra.

Namun, kunjungan Sultan Hassanal tidak mempunyai elemen sindiran di tempatnya, berbeza dengan Mahathir yang mengatakan dirinya terkejut apabila Lim Guan Eng dibebaskan daripada tuduhan berkaitan pembelian banglo.<sup>335</sup> Selain Mahathir, pihak SPMR juga amat terkejut dengan keputusan yang dicapai Pejabat Tommy Thomas.<sup>336</sup>

333 Reduan, H. (2018, August 13). Guan Eng apologises for getting GST refund shortfall wrong. *New Straits Times*.

334 Chia, R.G. (2019, July 16). BN did not ‘rob’ Malaysia of RM19.4 billion in GST money: here’s what really happened. *Business Insider Malaysia*.

335 Harits, A.H. (2018, September 3). Guan Eng, Li Koon bebas: ‘Saya pun terkejut juga’ – Tun M. *Astro Awani*.

336 FMT Reporters. (2018, September 3). SPMR terkejut mahkamah gugurkan kes Lim Guan Eng. *Free Malaysia Today*.

Krisis banglo tersebut bermula sekitar 30 Jun 2016 apabila Guan Eng dituduh menyalahgunakan kapasitinya sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang. Tanah pertanian tersebut telah ditukarkan kepada zon perumahan awam di bawah syarikat Magnificent Emblem Sdn. Bhd.. Satu lagi tuduhan iaitu banglo itu sendiri, bahwasanya Guan Eng membeli banglo dengan harga RM2.8 juta, bercanggahan dengan nilai pasaran iaitu RM4.7 juta.

Pembelian banglo tersebut dikatakan dibuat secara rela hati tanpa paksaan. Setelah naik turun mahkamah serta naik turun kerajaan, perbicaraan ini telah ditamatkan Pejabat Peguam Negara. Pembabitan Tommy Thomas juga dipersoalkan kerana sebelum ini beliau juga berundur diri daripada kes Guan Eng.<sup>337</sup>

---

337 The Star Online. (2018, August 2). Tommy Thomas recuses himself from graft case involving Guan Eng.



# Pengunduran Mengejut

---

B erbalut luka berserba merah, Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman berjalan dengan langkah berjingkit-jingkit akibat terjatuh motosikal. Namun, beliau tetap hadir ke pembukaan Perhimpunan Agung Tahunan Kedua Bersatu di Putrajaya pada 28 Disember 2018. Selepas perhimpunan tersebut, kapas di pipi Saddiq telah menjadi sasaran untuk ditampar.

Beberapa tangkap layar kumpulan WhatsApp KB BERSATU MALAYSIA menyaksikan kepanasan dalam kalangan keahlian Bersatu. Saddiq didakwa perlu membasuh dosanya kerana membuka aib. Lebih panas lagi, seorang ahli berasa ingin melempang “budak kurang ajar” tersebut.

Semuanya berputik daripada kenyataan Saddiq terhadap Mohd Shahni Ismail daripada cawangan Bersatu di Bandar Tun Razak. Shahni meminta akses kepada kontrak kerajaan demi kelangsungan parti.<sup>338</sup> Suara Shahni tidak didiamkan di peringkat bawahan. Seorang gergasi Bersatu membawanya dengan mengatakan

bahawa amatlah bodoh untuk menutup jalan supaya parti tidak mendapat kontrak kerja.<sup>339</sup> Bahwasanya dengan cara ini sahaja parti boleh memenangi pilihan raya seterusnya.

Ucapan Abdul Rashid Abdul Rahman menerima sorakan, sekali gus menandakan pemutikan semula politik kepartian berunsurkan wang. Mungkin Bersatu sudah pun goyah dengan kekalahan berturut-turut dalam pilihan raya-pilihan raya kecil. Tidak berkait dengan parti, Facebook menjadi wadah persetujuan dan perseteruan berkaitan pendapat Shahni dan Abdul Rashid.

Perkara ini amatlah berlainan dengan permintaan Hashim Jasin dalam Muktamar Agung PAS. Dalam situasi pembangkang, Hashim meminta Kelantan dan Terengganu memayungi kawasan hilang cagaran pilihan raya. Tetapi kali ini orang kerajaan yang mendesak penyalahgunaan harta kerajaan demi kelangsungan parti.

Bukan semua dalam kalangan penyokong merestui pandangan Abdul Rashid bahawa ketua baha-

<sup>338</sup> Danial, D. (2019, January 2). PPBM division claims sorted argument with Syed Saddiq on patronage politics. *The Malay Mail Online*.

<sup>339</sup> Yiswaree, P. (2018, December 30). PPBM vice-president: ‘Stupid’ to deny party access to government work. *The Malay Mail Online*.

gian perlu mendapat kontrak kerajaan. Bersih 2.0 berpendapat Abdul Rashid telah lupa punca kekalahan UMNO. Pemuda DAP pula mencucuk bahawa Malaysia Baharu hanya akan mengagihkan kontrak kerajaan melalui tender terbuka berdasarkan peraturan, merit dan ketelusan. Perkara inilah yang mencucuh api kebencian dalam kalangan segelintir ahli terhadap Syed Saddiq.

Terdapat juga usaha supaya Syed Saddiq disingkirkan hanya kerana tidak merestui budaya politik wang yang diomongkan Shahni dan Abdul Rashid.<sup>340</sup> Perkembangan ini amatlah bercanggah dengan aspirasi Pakatan Harapan yang ingin menyemarakkan semangat undang-undang.

Pendapat Dr. Mahathir Mohamad mengenai perkara ini ditularkan semasa kunjungannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Kedawang. Beliau menyertai program “Kembali Ke Sekolah eKasih Langkawi” mengatakan bahawa pendapat Abdul Rashid tidak mewakili parti.<sup>341</sup>

Abdul Rashid dan Shahni menunjukkan bahawa bayang-bayang UMNO masih tidak berjauhan dengan Bersatu. Manakan berbeza kerana keahlian mereka amatlah serupa. Maka disebabkan itu beberapa orang UMNO bersyukur bahawa bagasi buruk dalam parti mereka telah keluar.

Setiap parti politik memerlukan wang perbelanjaan. Kontrak kerajaan ialah cara mudah untuk memperolehnya. Tetapi apa yang mudah tidak semestinya berintegriti. Dalam politik wang, integriti seperti udara yang boleh dihirup dan hembus. Segala falasi boleh ditaburkan untuk memenangkan sentimen. Kononnya perjuangan sukar kerana tiada wang, sedangkan PAS hanya merasai keempuan kerajaan dalam masa terlalu singkat untuk dibandingkan pengalaman mereka sebagai pembangkang.

Tetapi pucuk kepimpinan PAS boleh sahaja memberikan inspirasi supaya keahlian membantu pinjamkan kudrat. Tidak pernah PAS berkongsi hikayat sedih walau apa cara sekalipun – perlu tutup cawangan, sukar bantu orang atau terpaksa jual kereta anak untuk menam-

---

340 Siti Nur, M.E.A. (2019, January 1). Usaha singkir, ‘pelempang’ Syed Saddiq? *Harian Metro*.

341 Lai, A. (2019, January 2). Dr. Mahathir: It was Abdul Rashid’s personal opinion. *The Star Online*.

pung operasi. Malah tidak pernah juga perjuangan parti diselesaikan tanpa sekeping sen pun. Bersatu yang baru merasai kerajaan sudah ingin mendapatkan laluan mudah, sedangkan sejarah membuktikan yang miskin pun boleh menggarkan politik global.

1,400 tahun sebelumnya, seorang pengembala kambing telah merevolusikan bangsa Arab sambil memecahkan kebuntuan jahiliah rantau. Dia diboikot sampai jatuh miskin dan buta huruf, namun halangan dijadikan sempadan untuk ditelusuri. Begitu juga hampir lima abad kemudian, seorang biarawan yang kehilangan dominasinya kerana kekafiran politik saingen. Tetapi biarawan tersebut mengeksplorasi perkembangan antarabangsa dengan hanya suatu ucapan panas yang membangkitkan dunia Kristian ke arah konflik keagamaan.

Individu yang menyertai peperangan Salib ialah golongan miskin yang menggadaikan harta pada klausa beli-balik. Hanya seorang dalam 20 peserta sahaja yang melihat benteng Jerusalem, iaitu sasaran utama setelah mengharungi segala keperitan. Persoalan pada masa itu berlegar terhadap kegoyahan Bersatu yang dalam perlumbagaannya, “Menegakkan Islam sebagai agama Persekutuan.”

Tujuan penubuhan parti ini pun bercanggah dengan aspirasi Abdul Rashid:

1. Mengembalikan integriti dalam pentadbiran.
2. Mengembalikan kedaulatan undang-undang yang disalah guna.

Untuk memenangi pilihan raya seterusnya, Naib Presiden Abdul Rashid rela melacurkan integriti pentadbiran sambil menyalahgunakan kedaulatan undang-undang. Maka disebabkan inilah Bersatu dilihat goyah, seolah-olah lapuk dan lekang dek hujan panas. Kelemahan dalam jati diri Bersatu telah menggelapkan pencapaian Mahathir yang dinamakan sebagai “Orang Islam Tahun 2018”.

Hal ini demikian kerana Abdul Rashid sendiri mencerminkan bahawa kategori Melayu pemalas dan suka ambil jalan mudah yang dicanang berada di sekeliling Mahathir. Sedangkan di bawah Melayu telah menceburgi *gig economy* (ekonomi jangka pendek atau sementara) secara sambilan semasa mengusahakan kerjaya harian. Analogi emas dan per-

ak ditanam di bawah tanah sendiri sangatlah sesuai untuk ditepek pada Bersatu yang menepuk sokong untuk Abdul Rashid.<sup>342</sup>

Sambil menutupkan politik wang sebagai pendapat peribadi, orang seperti Abdul Rashid juga dikekalkan Mahathir. Ketika ini juga dua bunyi telah bermula. Dengan nyaring ia mendesing, suatu perkara diulangi tanpa henti ibarat setiap minggu dan setiap bulan kemudian. PH terbentuk pada dasarnya untuk menyokong kepimpinan Mahathir sebagai Perdana Menteri sebelum suatu tarikh yang digantikan Anwar Ibrahim.

Ketika Perhimpunan Agung Tahunan Bersatu diadakan, masa itu ditetapkan selama dua tahun.<sup>343</sup> Tetapi dua tahun tersebut direncahkan pula dengan “lebih sedikit”. Anwar pula mengakui tiada isu jika Mahathir kekal berkuasa melebihi dua tahun untuk menguruskan masalah-masalah tinggalan Barisan Nasional.<sup>344</sup> Tetapi Saifuddin Abdullah sebagai Ketua Sekretariat PH mengatakan bahawa tempoh masa tersebut tidak dibincangkan pun dalam Mesyuarat Majlis Presiden PH.<sup>345</sup>

Perkara kedua yang didendangkan pula mempunyai sifat maut. Sebutan Mahathir sebenarnya diibaratkan menempah batu nisan untuk kerajaan PH. Mahathir mengatakan bahawa ahli-ahli UMNO boleh diserap masuk Bersatu hanya melalui syarat latar belakang – tetapi tidak sama sekali kedua-dua parti pro-Melayu ini boleh bergabung.<sup>346</sup> Berdepan di mahkamah kerana mencuri duit sememangnya bukan kriteria yang diburu Mahathir.

Perbalahan Mahathir–Johor diteruskan lagi apabila Tengku Mahkota Johor menggesa isu-isu negara tidak dipolitikkan pada 3 Januari

342        Melissa, D.C. (2018, December 29). Blame yourself for being poor, Mahathir tells Malays. *Free Malaysia Today*.

343        NSTP. (2018, December 30). Perjanjian jadi PM 2 tahun satu pengorbanan – Dr. Mahathir. *Berita Harian*.

344        Veena, B. (2019, January 2). Anwar's ok with Dr. M staying on a bit longer. *New Straits Times*.

345        Astro Awani. (2019, January 1). Tempoh Tun Mahathir sandang jawatan PM tidak pernah dibincangkan – Saifuddin.

346        Chester, T. (2019, January 2). No way for Bersatu-UMNO merger; it was Najib who destroyed UMNO, says Tun M. *The Edge Markets*.

2019.<sup>347</sup> Baginda tidak menyatakan secara spesifik tentang isu-isu yang dipolitikkan melainkan kenyataan inginkan terbaik demi rakyat. Tiga hari kemudian, Mahathir membalsas bahawa baginda belum lahir lagi semasa Persekutuan Tanah Melayu dibentuk. Ia merupakan rujukan terhadap kenyataan Tunku Ismail bahawa kabinet tidak perlu masuk campur tentang urusan negeri Johor.<sup>348</sup>

Perselisihan pendapat tersebut terus diketepikan masyarakat susulan suatu kejutan besar mula berputik di Istana Negara dan juga negeri Kelantan. 2,000 orang dianggarkan hadir di Masjid al-Sultan Ismail Petra untuk menunaikan solat Jumaat di belakang Ustaz Abdul Bari Abdullah. Bersama mereka ialah Sultan Muhammad yang mengetuai negara sebagai Yang Di-Pertuan Agong.

Pada 2 November 2018, baginda telah beristirahat daripada amanahnya bagi menjalankan rawatan. Sehingga 31 Disember, Sultan Nazrin dari Perak telah memangku jawatan baginda setelah Mahathir membaca watikah pengisytiharan seorang pemangku.<sup>349</sup> Tetapi selepas tempoh istirahat, suatu ura-ura telah timbul bahawa baginda bakal turun daripada takhta.

Mahathir mengesahkan bahawa pihaknya tidak menerima sebarang pemakluman.<sup>350</sup> Tetapi beberapa hari kemudian, khabar angin telah menjadi kenyataan. Keresahan rakyat semakin bertambah susulan penularan gambar Sultan Muhammad bersama seorang perempuan yang dikatakan pengantinnya. Perkahwinan tersebut telah didiamkan sehingga Mahathir pun tidak boleh mengesahkannya.<sup>351</sup>

347 The Star/Asia News Network. (2019, January 3). Stop politicising issues and focus on governing country, Johor Crown Prince urges Malaysian government. *The Straits Times*.

348 The Straits Times. (2019, January 6). Mahathir takes aim at Johor crown prince.

349 Bernama. (2018, November 2). Sultan Nazrin jalankan tugas Yang di-Pertuan Agong. *Astro Awani*.

350 Mohd Hafiz, I. (2019, January 4). Tun M sahkan tiada pemakluman peletakan jawatan Agong. *Sinar Harian*.

351 The Straits Times. (2018, November 29). Mahathir says can't confirm if Malaysian King has married, as widely reported on social media.



Pengembalian Sultan Muhammad bersama diharapkan suatu berita untuk disorak. Berkemungkinan besar Kelantan menerima seorang Sultanah dari Lembah Moscow. Pemasyhuran sedemikian juga bermakna Malaysia buat julung kalinya meraikan Permaisuri Agong daripada luar negara. Tetapi Oksana Voevodina tidak mendapat peluang diraja tersebut – sebab pada 6 Januari 2019, Sultan Muhammad mengejutkan semua.

Tidak pernah dalam sejarah Malaysia seorang sultan berundur daripada takhta negara. Istana Negara tidak mengurniakan sebab tetapi spekulasi pengunduran Sultan Muhammad jatuh pada tempatnya. Baginda hanya meminta rakyat Malaysia bersatu, bertoleransi dan bekerjasama.

Malang sekali, sebab yang tidak diwartakan menggalakkan lebih banyak spekulasi. Oksana dipandang sebagai punca penurunan takhta kerana Sultan Muhammad tidak boleh melantiknya sebagai Raja Perempuan Kelantan. Petikan daripada Perlembagaan Negeri Kelantan,

Perkara 26 menyatakan bahawa Raja Perempuan perlulah seorang Melayu dan Islam.<sup>352</sup>

Penurunan takhta tersebut juga mengundang penghinaan khususnya Alia Astaman, Azham Akhtar dan Eric Liew.<sup>353</sup> Tidak berpuas hati, pengguna-pengguna media sosial mendapatkan perhatian majikan masing-masing. PEMANDU telah menggantungkan Azham. Tenaga Nasional Berhad pula membuka siasatan terhadap Alia dan Eric dipecat Cisco Asean yang tidak ingin bersekongkol dengan bisanya.<sup>354</sup>

Tun Abdul Hamid Mohamad pula muncul untuk menyenaraikan kesilapan Sultan Muhammad semasa mengetuai Malaysia. Beliau mengatakan bahawa pembebasan Anwar telah melihatkan seolah-olah mahkamah dan polis ialah alat kerajaan BN.<sup>355</sup>

Pelantikan Mahathir, Md Rauf Sharif dan Zulkefli Ahmad Makinudin juga disentuh atas sebab majlis angkat sumpah dibuat di luar waktu pejabat. Bekas Hakim Negara tersebut merupakan individu yang diselegani semasa ratusan ribuan rakyat menentang ICERD. Tetapi kali ini berkemungkinan beliau tersalah langkah, lebih-lebih lagi apabila beliau mengaku cuai dan silap fakta.<sup>356</sup>

## **Menjunjung Sembah, Menanti Penguasa**

Rakyat Malaysia tidak mempunyai sebarang sebab untuk membenci Sultan Muhammad. Hak baginda untuk kembali ke Kelantan pun dihormati semua. Hal ini demikian kerana sekarang ini ialah masa untuk mencurahkan ketaatan kepada Yang Di-Pertuan Agong baharu. Adat istiadat yang selalunya diulangi lima tahun sekali telah diawalkan. Mata terletak pada tiga negeri – Perak, Pahang dan Johor.

352 Sharifah, M.A. (2019, January 7). ‘Sultan Muhammad had his own reasons for stepping down as King’. *New Straits Times*.

353 Rachel, G.C. (2019, January 10). Angry netizens just got someone arrested and fired for ‘insulting’ Malaysia’s former King – and two more people could face the same fate. *Business Insider Malaysia*.

354 Debra, C. (2019, January 8). Cisco Asean says man who made rude comment about Agong no longer with company. *The Malay Mail Online*.

355 Malaysia Kini. (2019, January 11). Bekas ketua hakim senaraikan kesilapan Sultan Muhammad V.

356 Malaysia Kini. (2019, January 12). Abdul Hamid mengaku cuai, silap fakta.

Seorang Yang Di-Pertuan Agong dipilih menggunakan sistem giliran. Terengganu dan Kedah sudah pun direzekikan peluang melalui Sultan Mizan Zainal Abidin dan Sultan Abdul Halim. Usia panjang dan kerelaan hati telah menempah rekod bagi Kedah yang sultannya menjadi Yang Di-Pertuan Agong sebanyak dua kali. Susuk tubuh kecil dan senyuman manis Sultan Abdul Halim sentiasa berawang-awangan dalam hati nurani rakyat Kedah kerana baginda dijemput Ilahi hampir setahun selepas tamat tempoh penguasaan kedua.

Kali ini jendela dibuka untuk Pahang mengikut jejak Kedah. Sultan Ahmad Shah pernah melengkapkan tempoh Yang Di-Pertuan Agong semasa pentadbiran pertama Mahathir. Tetapi keuzuran baginda telah menyalakan haluan untuk Sultan Ibrahim Ismail kerana Johor berada di belakang Pahang secara perlombagaan.

Namun, Pahang pula digegarkan dengan berita pengunduran takhta. Keluarga Diraja Pahang mengadakan persidangan untuk membincangkan kemasyhuran Tengku Abdullah sebagai Sultan Pahang.<sup>357</sup> Pada 11 Januari 2019, Sultan Ahmad Shah telah menitahkan pengunduran diri sendiri daripada takhta untuk memberi laluan kepada putera sulungnya. Pemasyhuran Tengku Abdullah sebagai sultan telah menjamin giliran Pahang dalam sistem turutan Yang Di-Pertuan Agong.

Sultan Abdullah mengangkat sumpah untuk mengetuai negara pada 31 Januari, sekali gus mengakhiri prosedur diperlukan. Ketaatan rakyat kepada institusi diraja telah memberikan jaminan besar bagi sultan baharu ini. Hanya popular di Pahang sementara dikenali negara menerusi perkhidmatannya dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia, Sultan Abdullah mempunyai masa yang panjang untuk menunjukkan kewibawaannya.

Apabila peluang muncul tiba, baginda tidak gagal walau sedikit pun. Seperti dalam persilatan, tiba masa membuka buah seluruh hadirin terpegun dengan bunga pergerakan. Yang Di-Pertuan Agong tidak pernah dikenang sebagai figura monarki yang mutlak. Bersama isterinya, Sultan Abdullah menambat hati rakyat yang mempunyai segala asbab untuk menyayanginya.

357 Syed Umar, A., & Manirajan, R. (2019, January 9). Pahang Sultan to abdicate soon? *New Straits Times*.

Baginda juga ialah arkitek yang menyelesaikan kemelut yang bakal berlangsung. Atas kebijaksanaan baginda juga, Malaysia telah diselamatkan daripada krisis yang paling pelik sekali – jauh lebih pelik daripada Langkah Kajang. Hal ini demikian kerana bukan sahaja Sultan Abdullah menyelamatkan Malaysia – baginda juga barangkali menyelamatkan kemungkinan ribuan nyawa.

**Menabur  
Pasir  
dalam  
Gudang  
Beras**

---

Pengunduran Sultan Muhammad daripada takhta Yang Di-Pertuan Agong mempunyai suatu pengajaran yang menandakan kewibawaan baginda. Memanglah Januari bukan permulaan yang disangka, terutama sekali dengan spekulasi negatif bahawa Pakatan Harapan merupakan asbab pengunduran.<sup>358</sup> Tetapi kerjasama antara Sultan Abdullah dengan Dr. Mahathir Mohamad telah menyelamatkan keadaan daripada sebarang krisis perlembagaan mahupun politik. Malah Mahathir juga mengadap Sultan Ibrahim dengan riak wajah masing-masing dihiasi kegembiraan.

Tunku Ismail Ibrahim menaikkan ciapan di Twitter rasminya dengan sekeping gambar elektronik; Sultan Ibrahim memandu Mahathir sambil melambai-lambai dalam Proton Saga generasi pertama.<sup>359</sup> Pada masa ini juga Mahathir menyekat kemasukan atlet-atlet Israel.<sup>360</sup> Tindakan sedemikian

menggugurkan hak tuan rumah Malaysia bagi Kejohanan Renang Para Dunia 2019.

Sepatutnya kejohanan tersebut dilangsungkan di Kuching bermula 29 Julai. Kejohanan tersebut dimenangi Itali di London pada 15 September. Mahathir seperti biasa tidak kisah pun dengan pelucutan sedemikian. Kemudian, beliau menjadi pemimpin pertama di Asean untuk dijemput ke Universiti Oxford. Di sana beliau dihujani soalan-soalan panas mengenai demokrasi dan juga anti-Semitisme.<sup>361</sup> Beliau menjawab dengan tenang dan jemputan tersebut berakhiran dengan perbezaan pendapat.

Topik mengenai Anwar Ibrahim pun timbul juga. Mahathir mempertahankan bahawa Anwar dipenjarakan selepas perbicaraan mahkamah selama sembilan bulan – tetapi sekarang Anwar ialah sahabat baiknya, suatu kenyataan yang menghiburkan hadirin.

Setelah kembali ke Malaysia,

358 Asia Sentinel. (2019, January 16). Malaysia's Departing King Leaves Seeds of Political Crisis.

359 The Straits Times. (2019, January 12). Johor Crown Prince thanks Malaysia PM Mahathir for meeting his father.

360 NSTP Team. (2019, January 10). Malaysia will not allow Israeli athletes to compete locally. *New Straits Times*.

361 Tam, M. (2019, January 15). Dr. M to speak at Oxford Union, a first for Malaysia and the region. *The Star Online*.

perhatian dialihkan ke Johor. Tersergam indah di Persiaran Tun Lanang ialah Istana Besar Negeri yang dilengkapi dengan segala mercu tanda. 10 minit dari situ terletak pula Istana Pasir Pelangi, iaitu kediaman rasmi Tengku Mahkota Johor. Pada bulan Mac, keselamatan kawasan tersebut telah menjadi suatu tanda tanya. Semuanya kerana satu bandar tidak jauh dari situ – hanya dalam 20 kilometer.

Bermula dari jalan luar bandar Felda Cahaya Baru Masai, kawasan-kawasan perkampungan dan taman menghiasi bumi Pasir Gudang sebelum zon perindustrian pesat di bahagian selatannya. Menyeberangi Selat Johor sekitar dua kilometer terletak pula Lapangan Terbang Seletar yang merupakan punca pertikaian antara dua negara. Bagi lapangan terbang itu, Singapura telah memandatkan Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) yang tidak sealiran dengan Malaysia.<sup>362</sup>

Anthony Loke Siew Fook pun tidak memberi muka kepada Seletar. ILS merupakan suatu langkah yang membantu pendaratan semasa cuaca buruk. Tetapi Menteri Pengangkutan yang bertenaga itu menjelaskan secara rapi sebab di sebalik pengharaman (pada masa itu, masih semestara lagi). Jika masih nekad menggunakan ILS, Singapura perlu mencari laluan selain Pasir Gudang.<sup>363</sup>

Isu ILS meruncing daripada ketetapan automatik tentang jarak antara pesawat dengan darat. Enam kilometer dari landasan, sebuah pesawat perlu berada pada ketinggian sekitar 145 meter. Sebelum tiga kilometer kemudian, juruterbang perlu menurunkan pesawat ke paras 54 meter pula. Jika bersetuju, Malaysia tidak boleh membina sebarang pembangunan tinggi pun di Pasir Gudang, Ayer Tawar dan Kota Tinggi – bagaikan suatu segi tiga yang perlu menepati piawaian negara asing.

Malah kren bergerak pun barangkali melanggar had ketinggian ini. Lebih-lebih lagi sepanjang kilometer tersebut, Johor telah membangunkan zon ekonomi negeri seperti Kejuruteraan Berat Marin, Stesen Janakuasa Sultan Iskandar dan Pelabuhan Pasir Gudang. Inilah sebab-sebab kenapa ILS ditolak kerana kawasan tersebut juga perlu menepati pi-

---

362 Mohd Fahmi, M.Y. (2019, Januari 23). Tiada lagi pesawat terbang rendah di Pasir Gudang – Hassan. *Berita Harian Online*.

363 Nor Ain, M.R. (2018, December 12). Loke explains why Malaysia is against Singapore's ILS. *New Straits Times*.

awaian Singapura. Berkemungkinan juga Malaysia perlu memindahkan dua loji klorin yang telah bertapak sejak 1990-an lagi.<sup>364</sup>

Selama ini perusahaan petrokimia tersebut selamat beroperasi kerana tiada penerbangan di atasnya. Tetapi laluan penerbangan berunsurkan ILS mendedahkan loji-loji tersebut dengan risiko seperti keciran peralatan ataupun pelanggaran burung. Anthony juga menempelak bahawa Singapura berlaku selektif untuk mempengaruhi pendapat umum berkaitan ILS.<sup>365</sup> Atas muhibah kejiran, Singapura bersetuju dengan peraturan ILS di Pasir Gudang.<sup>366</sup>

### Jenayah Alam Terhadap Johor

Setiap hari mungkin seorang pelajar di mana-mana sekolah jatuh sakit. Demam ialah perkara biasa. Tetapi apabila sebilangan pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih mengalami muntah-muntah, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid tidak menunggu lagi. Pada 8:30 pagi, pagar sekolah dibuka untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) untuk menjawab panggilan Cikgu Mohd Huzaini.<sup>367</sup>

Dua sekolah terpaksa ditutup dengan kebanjiran di Hospital Sultan Ismail. Ada yang digegaskan ke Unit Rawatan Rapi juga. Semuanya berpunca daripada kejadian pada 6 Mac. Kebimbangan mengenai keselamatan Pasir Gudang berkaitan gas klorin telah menjadi kenyataan, bukan kerana Singapura pun. Sebaliknya angkara sebuah lori tangki yang menghala ke Sungai Kim Kim, PH berdepan dengan suatu kecemasan besar.

Lori tangki tersebut telah membuang 20,000 kilogram sisa; 15 jenis kimia ke dalam sungai tersebut.<sup>368</sup> Kebetulan pula Sungai Kim Kim

364 Rajvinder, S. (2018, December 12). Seletar Airport flight path poses threat to chlorine plants in Pasir Gudang. *The Sun Daily*.

365 Rashvinjeet, S.B. (2018, December 10). Transport Ministry: Singapore being ‘selective’ when disclosing information about ILS. *The Star Online*.

366 Channel News Asia. (2019, January 25). Suspension of Pasir Gudang restricted area, Seletar Airport ILS extended to Mar 31.

367 Mohd Farhaan, S., & Venesa, D. (2019, March 8). Dozens rushed to hospital due to toxic fumes. *The Star Online*.

368 Chen, H. (2019, March 20). Pasir Gudang: How one quiet lorry sparked a toxic waste crisis. *BBC News*.

mengalir berhampiran dengan dua sekolah, sekali gus menyerang pelajar-pelajar di sana. Hidrogen sianida menyebabkan pening, rasa mual dan muntah. Tetapi pendedahan berterusan memungkinkan sawan, pengsan dan juga kematian. Dari segi jangka panjang, risiko kanser juga digeruni ramai kerana cuaca panas telah mengeluarkan wap bahan kimia mengakibatkan mencemari udara.<sup>369</sup>

Dalam masa lima hari, jumlah pesakit telah mencecah 1,000 orang.<sup>370</sup> Pekerja-pekerja kecemasan berpakaian hazmat telah turun untuk mengendalikan krisis ini. Jenayah terhadap alam sekitar sememangnya berterusan di Malaysia. Pembalakan haram ialah perusahaan bernilai jutaan ringgit.<sup>371</sup> Malaysia juga disenaraikan sebagai penyumbang terbesar bagi sampah plastik, tiga kali ganda lebih teruk daripada Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun, Kuala Langat menyimpan sebuah ironi di sebalik penyenaraian tersebut. Jenjarom yang berhampiran dengan Pelabuhan Klang telah dijadikan hab bagi pengimportan sampah plastik.

Sejak 2017 China sudah mengharamkan sebarang pengimportan sampah plastik. Amerika Syarikat, Jepun dan United Kingdom pun kehilangan destinasi untuk melupuskan sisa sampah mereka. Malaysia pula menjadi mangsa keadaan. Jenjarom menerima sampah sebanyak 17 juta kilogram.<sup>372</sup> Tidak cukup dengan bencana ini, PH perlu menyelesaikan krisis Pasir Gudang pula.

Sekurang-kurangnya jenayah ini membuka mata tentang persekitaran. Pembuangan sebegini boleh menghancurkan kualiti air sungai tersebut. Entah berapa lama kepelbagaiannya biologi telah menerima padah akibat tindakan durjana yang berterusan itu.

---

369 Teh, A.Y. (2019, March 16). ‘Toxic fumes contain acrylonitrile’. *New Straits Times*.

370 Bernama. (2019, March 21). Public apathy, illegal factories main causes of river pollution. *Daily Express*.

371 Jun, S.W. (2017, August 15). Malaysia recorded RM15.2 million in losses due to illegal logging. *New Straits Times*.

372 Tan, Y. (2019, February 13). Plastic pollution: One town smothered by 17,000 tonnes of rubbish. *BBC News*.

## Kelemahan Struktur Mitigasi

Seorang demi seorang pemimpin politik mempunyai peluang untuk bersinar atau tenggelam. Dr. Mahathir Mohamad, Mujahid Yusof Rawa dan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman telah menempah masa mereka. Kali ini Yeo Bee Yin pula tampil di media. Kecemasan Sungai Kim Kim berlaku pada ambang perkahwinannya. Beliau mengumumkan dana sebanyak RM6.4 juta untuk membersihkan sungai tersebut.<sup>373</sup> Sultan Ibrahim juga memberikan RM1 juta untuk membantu agensi penyelamat serta pihak berkuasa agar sebarang kelompongan peralatan boleh diisi dengan segera.<sup>374</sup>

Operasi pembersihan telah mengeluarkan bahan kimia sebanyak 2.43 tan pada hari laporan dibuat.<sup>375</sup> Laporan tersebut dibuat Dr. Sahruddin Jamal yang mengetuai Suruhanjaya Persekitaran Negeri. Tetapi usaha tersebut terpaksa dihentikan atas nasihat Jabatan Kesihatan dan Persekitaran di peringkat persekutuan oleh kerana air sungai tersebut bertoksik.

Cuaca panas telah menyebabkan bahan kimia tersebut mengeluarkan wap toksik yang dibawa angin pula.<sup>376</sup> Maka disebabkan inilah angka puluhan pesakit meningkat kepada ribuan pesakit dalam masa singkat. Perintah pemberhentian dikeluarkan terlalu lewat. Ibarat menembak kaki sendiri, kerajaan Johor telah melantik kontraktor yang tiada pengalaman untuk menguruskan sisa kimia.<sup>377</sup>

Bagi menggantikan kontraktor itu, dua pasukan sepatutnya daripada sebuah rejimen dalam Skuadron ke-12 Angkatan Ketenteraan Malaysia.<sup>378</sup> Penjelasan daripada Ketua Pengarah JBPM pula menimbulkan suatu tanda tanya. Mohammad Hamdan Wahid mengatakan bahawa

373 The Straits Times. (2019, March 14). Pasir Gudang chemical spill: 6 things you need to know.

374 Rizalman, H. (2019, March 23). Johor Sultan: Chemical pollution case shows need for hospital in Pasir Gudang. *New Straits Times*.

375 Mohd Farhaan, S. (2019, March 14). 2.43 tonnes of chemical waste collected on day dumping was reported. *The Star Online*.

376 Bernama. (2019, March 21). “Public apathy, illegal factories main causes of river pollution”. *Daily Express*

377 Channel News Asia. (2019, March 16). Pasir Gudang chemical poisoning: What we know so far.

378 NST. (2019, March 14). Army sends CBRN unit to assist operations at site of chemical pollution in Pasir Gudang. *New Straits Times*.

penyebaran wap toksik tersebut tidak akan berlaku jika bahan kimia dibuang dengan segera.<sup>379</sup>

Sungai Kim Kim dibersihkan sehabis-habisnya. Lebih kurang 1,250 tan tanah, air dan enap cemar dikeluarkan,<sup>380</sup> berserta bahan kimia dibuang pun dikenal pasti. Pada 16 Mac itu, seramai 2,700 orang telah dimangsakan akibat pembuangan akrolein, akrilonitril, benzena, d-limonena, etilbenzena, hidrogen klorida, metana, toluena dan xilena. Mahathir menegaskan bahawa perintah darurat tidak diperlukan,<sup>381</sup> kerana situasi masih terkawal.

Tunku Ismail Ibrahim pula berpendapat sebaliknya bahawa darurat perlu diisyiharkan sejak hari pertama lagi.<sup>382</sup> Baginda juga menyokong pemindahan sementara sehingga Pasir Gudang terjamin selamat. Najib Razak pun begitu juga mengatakan bahawa PH mengutamakan wang berbanding nyawa dan kesihatan rakyat.<sup>383</sup>

Pendapat sedemikian mencerminkan realiti sebenar di Pasir Gudang. Dalam sidang bersama Hamdan Wahid, pihak berkuasa tidak melupuskan bahan kimia tersebut selepas mendapati ia sudah tidak lagi reaktif. Ia dipercayai juga kerana kos tinggi untuk berbuat sedemikian. Malah Osman Sapian juga tidak membatalkan jadualnya di Batam untuk menguar-uarkan tentang misi pelancongan Kunjungi Johor 2020.<sup>384</sup> Beliau mempertahankan tindakannya dengan mengatakan bahawa kunjungan Batam telah dipendekkan daripada tiga hari ke “24 jam”.

Namun, Mahathir sendiri dilihat terkejut apabila mengetahui baha-

379 Bunyan, J. (2019, March 13). Fire and Rescue D-G: Bad move to dump toxic chemicals in Pasir Gudang. *The Malay Mail Online*.

380 The Straits Times. (2019, March 18). Cleanup of Pasir Gudang completed, says KL minister.

381 Channel News Asia. (2019, March 14). No need to declare state of emergency in Pasir Gudang, says Mahathir.

382 Mohd Farhaan, S. (2019, March 15). TMJ on chemical crisis: Govt should have declared emergency from day one. *The Star Online*.

383 Elankovan, V. (2019, March 14). Najib: Govt Made Unwise Decision of Not Allocating Money to Clean Polluted Johor River. *World of Buzz*.

384 Malaysia Kini. (2019, March 17). Johor MB explains Batam visit amid toxic crisis at home.

wa Menteri Besar Johor itu telah ke luar negara.<sup>385</sup> Tidak berpuas hati, seramai 160 mangsa memfailkan saman terhadap kerajaan Johor. Mereka menuntut pampasan atas dugaan besar yang dilalui terutamanya bagi pihak Irfan Wafiy bin Idham Wazir.<sup>386</sup>

Irfan dikhabarkan seorang kanak-kanak aktif dalam sukan yang masa depannya dirompak akibat keterlanjuran PH. Pencemaran bahan kimia tersebut telah menyebabkan penyakit miokimia, seakan-akan Parkinson bagi Irfan.<sup>387</sup> Tetapi menurut Timbalan Menteri Kesihatan Lee Boon Chye, Irfan sudah pun disahkan miokimia sejak usia empat tahun susulan kelahiran pramatang.<sup>388</sup>

Mungkin PH boleh menghela lafas lega kerana tiada kematian berpunca daripada jenayah persekitaran ini. Jabatan Persekutuan Johor juga telah memberkas dua pemilik kilang Wang Jing Chao dan Yap Yoke Liang.<sup>389</sup> Pemandu lori tersebut pun dikenal pasti, iaitu N. Maridass. Jing Chao yang merupakan warga Singapura wajib melapor diri pada polis Pasir Gudang setiap 15 hari bulan sehingga kes tamat.

Pada 25 April pula, seorang lagi warga Singapura dituduh bersubahat. Tetapi kes ini berlarutan agak lama, iaitu pada 16 Oktober ia ditangguhkan. Jing Chao, Yoke Liang, Maridass dan Sim Wei Der tidak dijatuhan hukuman di bawah kerajaan Mahathir.

385 Chie, K.G. (2019, March 16). Mahathir in the dark over Johor MB's visit to Batam. *Malaysia Kini*.

386 Channel News Asia. (2019, July 8). Pasir Gudang pollution: 160 Sungai Kim Kim victims to sue Johor state government.

387 Bernama. (2019, July 4). Boy has myokymia after exposure to Sungai Kim Kim pollutants. *New Straits Times*.

388 The Star. (2019, July 6). No evidence linking Sungai Kim Kim pollution to boy's trembling ailment, says Malaysian Health Ministry. *The Straits Times*.

389 Mohd Farhaan, S. (2019, March 27). High Court intervenes in Sg Kim Kim case, all three accused offered bail, amounts reduced. *The Star Online*.

**10 Bulan  
Sebelumnya...**

---

**B**eberapa minggu selepas kecemasan di Sungai Kim Kim, Johor sekali lagi diheret ke muka media dengan topik berkaitan alam sekitar. Kali ini Sungai Sayong pula ditekankan kerana teruk dicemari ammonia pada kadar terlalu tinggi. Penutupan dua loji rawatan air mentah juga memberikan kesan terhadap 17,000 isi rumah di Kulai. Malah Singapura juga dimaklumkan supaya berhenti mengimport air. Namun, buat sementara waktu republik tersebut bergantung kepada penyaharaman.<sup>390</sup>

Tetapi Pakatan Harapan sekurang-kurangnya bergerak selepas dibadai krisis pencemaran. Yeo Bee Yin mendapati peranan kementeriannya jauh menandingi semua pendahulu portfolio gabungan. Pasir Gudang menjadi bandar pertama dalam Malaysia untuk dilengkapkan dengan sistem pengawasan kualiti udara.<sup>391</sup> Beliau

juga mengisyiharkan perang terhadap kegiatan penyeludupan sampah plastik yang ditemui di Klang.<sup>392</sup>

Namun, perkahwinan dengan Lee Yeow Seng telah merangkan suatu konflik kepentingan terhadap Ratu Hijau itu. Yeow Seng mempunyai penglibatan besar dalam industri kimia melalui Kumpulan IOI. Tetapi tiada apa yang membuktikan bahawa beliau menguntungkan IOI walau apa cara sekalipun. Cuma pada tahun 2019, Malaysia telah dilanda bencana jerebu teruk oleh sebab seperti biasa, Indonesia.

Hutan sebesar 857,756 hektar dibakar, menghamburkan asap begitu banyak sehingga enam negara lain dalam ASEAN terkesan. Tetapi setiap negara tiada hak untuk berbuat apa-apa kerana perjanjian dalaman. Kerajaan Indonesia pula telah menuduh dua syarikat gerasi Malaysia bertanggungjawab

390 The Straits Times. (2019, April 4). 17,000 households in Kulai go dry after ammonia pollution in Johor river; PUB also stops treatment of water at Johor plant.

391 Tan, B. (2020, February 23). Pasir Gudang pioneers Malaysia's first early warning system for air pollution. *The Malay Mail Online*.

392 Ong, J. (2019, April 23). Climate change minister declares war on plastic waste smugglers after container-loads found in Klang. *The Malay Mail Online*.

di sebalik pembakaran hutan ini.<sup>393</sup> Apabila PT Sukses Karya Sawit dipetik, nama Bee Yin pun diheret sekali kerana anak syarikat tersebut dimiliki IOI.

Namun, IOI menafikan tuduhan daripada Kementerian Persekutuan Indonesia yang mengatakan bahawa PT SKS telah melengkapkan piawaian tempatan untuk menghadapi cuaca kering dan kebarangkalian kebakaran.<sup>394</sup> Dugaan jerebu diharungi selama berbulan dengan menyaksikan pelbagai jenaka di Malaysia seperti tidak dapat melihat jodoh dan juga sesalin antara Dr. Mahathir Mohamad dengan Joko Widodo.

## Hinggapan Perang Perdagangan Antarabangsa

Pendekatan dasar yang diambil Donald Trump dan Xi Jinping telah mencetuskan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dengan China. Pada dasarnya, peperangan saraf tersebut memberikan persepsi bahawa Amerika sedia merampas pelanggan China. Tetapi realiti memperkenan risiko terhadap faktor pengeluaran yang boleh mengganggu pasaran global termasuk Malaysia. Pepatah Melayu mengatakan gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah.

Pelantikan Trump menandakan corak kepimpinan berlainan dengan Barack Obama yang mengimarahkan perdagangan bebas. Peluang keemasan Malaysia untuk menembusi pasaran antarabangsa, khususnya Amerika telah dipatahkan susulan pengunduran Trump daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Trump pula memperkenalkan takrif 10% terhadap barang China yang bernilai AS\$550 bilion.

Malaysia dan China mempunyai doktrin yang menguntungkan masing-masing. Cetusan Deng Xiaoping telah membuka ekonomi China untuk lebih banyak berdagang dengan dunia. Permintaan China yang rancak membangun bagaikan syurga kewangan berbanding Barat yang dalam penguncupan. Tetapi pertalian rapat ini telah mendatangkan musibah daripada Amerika Syarikat.

---

393        Malaysia Kini. (2019, September 13). Haze: IOI, Sime Darby among M'sian firms blamed for Indonesia forest fires.

394        Lim, Ida. (2019, September 13). Two Malaysian firms deny Indonesian plantations sealed off over open burning. The Malay Mail Online.

Pentadbiran Najib Razak telah mengembangkan ekonomi negara ke arah suatu destinasi tidak diredaya pentadbiran Trump. Sejak 1988, Amerika Syarikat mempunyai Senarai Pemantauan untuk menentukan kelangsungan ekonomi asing bagi menjamin perdagangan. Mana-mana negara yang memanipulasikan mata wang yang merugikan Amerika Syarikat boleh berdepan dengan sekatan ekonomi.

Tiada negara yang dilabel sedemikian sejak 1994. 25 tahun kemudian, Trump telah mengikut langkah Bill Clinton dan melabel China sebagai pemanipulasi mata wang.<sup>395</sup> Trump juga telah mengembangkan lagi kriteria yang perlu dipenuhi untuk menjauhi senarai tersebut:

- Kerajaan kerap masuk campur dalam pasaran ekonomi.
- Keuntungan perdagangan terhadap Amerika Syarikat melebihi AS\$20 bilion.
- Aset asing negara melebihi dua peratus daripada KDNK.

Steven Mnuchin berpendapat bahawa empat negara iaitu China, Korea Selatan, Jepun dan Jerman layak disenaraikan. Tetapi turut bersama mereka ialah Ireland, Itali, Singapura, Vietnam dan peliknya Malaysia yang menggantikan India dan Switzerland.<sup>396</sup>

Jabatan Perbendaharaan di bawah Trump meletakkan Malaysia dalam Senarai Pemantauan kerana perdagangan tidak mencapai AS\$20 bilion.<sup>397</sup> Pakatan Harapan yang setahun membentuk kerajaan pada masa ini berpendapat Senarai Pemantauan tersebut tidak akan mendatangkan kesan. Perang perdagangan ini juga memungkinkan kelembutan China terhadap dasar-dasar Dr. Mahathir Mohamad yang membatalkan dan menggantungkan banyak projek mega dipersetujui Najib.

Mahathir juga memberikan alasan bahawa Malaysia tidak mampu

395 BBC. (2019, August 6). US officially labels China a ‘currency manipulator’.

396 Bernama. (2019, May 29). Malaysia included in US Treasury’s currency manipulator list, economy unaffected. *New Straits Times*.

397 Farah, A. (2019, August 7). Escalated China-US trade war add more risks to Malaysia’s economy. *New Straits Times*.

membayai AS\$20 bilion untuk Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).<sup>398</sup> Kenyataan tersebut dibuat sehari selepas Kong Xuanyou memberitahu China bahawa rundingan sedang dijalankan. Perbuatan meminta China memahami situasi negara telah mengundang padah. Sejarah pentadbiran lama Mahathir diungkit kerana menganaktirikan Pantai Timur yang cenderung ke arah PAS.

Sudah sekian lama bunyi Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) didiamkan daripada isu semasa. Abdul Rashid Abdul Rahman semasa mencadangkan projek pembangunan disalurkan kepada ketua bahagian parti mengungkitkannya semula, bahawa JPP boleh dijadikan platform.<sup>399</sup> Bagi Kelantan pula, JPP berfungsi seperti kerajaan dalam kerajaan yang diperuntukkan belanjawan persekutuan dan diberikan kuasa pelantikan pusat.<sup>400</sup>

Menurut Che Abdullah Mat Nawi daripada PAS, Mahathir ialah punca kemiskinan Kelantan. Sekarang ini projek ECRL yang boleh menguntungkan kerajaan dengan konsep kesan tumpahan telah bergantung tanpa tali. Malah ketidakmampuan Malaysia juga berpunca daripada pertukaran SST/GST yang bukan sahaja mengurangkan perolehan kerajaan – tetapi juga memendakpan keuntungan susulan percutian cu-kai pengguna selama tiga bulan.<sup>401</sup>

Percutian tersebut disangka PH membolehkan rakyat Malaysia lebih berbelanja,<sup>402</sup> tetapi akhirnya telah memandulkan diri sendiri. Dalam tiga bulan tersebut, kerajaan telah rugi sebanyak RM11 bilion. Kadar perbelanjaan rakyat tidak mencapai sasaran pun sehingga Lim Guan Eng pula menggalakkan rakyat untuk berbelanja.<sup>403</sup>

398 Bhavan, J. (2019, January 29). ‘We just can’t pay’: Mahathir soothes China’s ego over Malaysia’s cancelled East Coast Rail Link. *South China Morning Post*.

399 NSTP. (2018, Disember 30). Peranan JPP perlu dikembalikan.

400 Faiz, Z. (2018, September 3). Dr. Mahathir punca Kelantan miskin, kata pemimpin PAS. *Free Malaysia Today*.

401 Intan Farhana, Z. (2018, May 19). A ‘tax holiday’ for all Malaysians. *The Star Online*.

402 Ganeshwaran, K. (2018, June 12). Zero GST to free RM11bil for M’sians during 3-month tax holiday before SST. *The Star Online*.

403 Utusan Online. (2019, July 24). Ekonomi Malaysia Merudum Jika Rakyat Terlalu Berjimat. *My News Hub*.

## Loyer Buruk Guan Eng

Mungkin perang perdagangan Donald Trump menyedangkan China supaya lebih banyak berdiplomasi. Keralatan Dr. Mahathir Mohammad pun dijangka tidak lama kerana faktor usia serta janji politik terhadap Anwar Ibrahim. Tetapi saranan Lim Guan Eng untuk berbelanja secara berhemah diterima sebagai penghinaan. Sebuah kerajaan tidak perlu mengatakan sedemikian kerana setiap hari rakyat mesti berbelanja. Jika rakyat elak berbelanja, tentu sekali terdapat penyakit dalam sistem ekonomi.

Pada tahun 2016, barang makanan merangkumi 48% daripada perbelanjaan harian rakyat. Perkara ini diakui Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 6 Ogos 2019 di Asian International Arbitration Center. Matematiknya mudah – lagi banyak belanja untuk makanan, ada dua realiti dalam negara tersebut; kadar pendapatan teruk dan/atau harga barang mahal.

Amerika Syarikat membelanjakan 6.4% untuk barang runcit. Sementara Malaysia pula jika berjimat cermat sekalipun akan mengeluarkan 37.2% daripada pendapatan minimum semata-mata untuk lengkapkan kalori bulanan.<sup>404</sup> Sistem negara yang berorientasikan orang tengah telah menggangguimbangan pemasaran harga terhadap daging, sayur-sayuran dan terutamanya makanan laut seperti ikan.

Ikan yang didaratkan nelayan diborong dan kemudian dijual kepada peruncit enam kali ganda lebih mahal.<sup>405</sup> Makanan orang susah seperti ikan kembung pula telah melonjak 225% lebih mahal daripada sepatutnya. Menurut seorang suri rumah bernama Liyana Md Jamal di Shah Alam, harga tersebut ialah harga mampu tengok sahaja.<sup>406</sup> Rumusan susu sahaja dijangka mencungkil 9% hingga 23% daripada pendapatan minimum.

Secara tidak langsung Saifuddin Nasution mengakui bahawa harga barang mahal. Bisa sistemik ini tidak terhenti di situ. Kajian yang

<sup>404</sup> Chan, J. (2019, January 17). How much do minimum wage earners spend on groceries? Study shows 40pc is ‘average.’ *The Malay Mail Online*.

<sup>405</sup> Royce, T. (2019, August 7). The lowdown on high prices. *The Star Online*.

<sup>406</sup> The Star Online. (2019, August 7). Consumers ‘fishy’ over high price of food items.

dilakukan oleh Bank Negara Malaysia mendedahkan bahawa negara berdepan dengan tangga gaji tidak adil. Jika dibandingkan dengan ekonomi-ekonomi agung seperti Amerika Syarikat, Australia, Jerman, Singapura dan United Kingdom, rakyat Malaysia didapati tertindas dek sistem sendiri.

Keringat produktiviti yang sepatutnya dibayarkan AS\$1,000 hanya diberikan sekitar AS\$340-AS\$510 sahaja.<sup>407</sup> Maka Jelas sekali bahawa PH mengimarahkan suatu penyakit dalam ekonomi kerana Mahathir lebih kerap menyebut bahawa Melayu malas dalam sistem sosioekonomi yang diakui Bank Negara adalah tidak adil. Hanya Daim Zainuddin sahaja yang menyuarakan naratif sebenar bahawasanya Melayu pemalas terdiri daripada golongan yang mendapatkan kontrak kerajaan untuk dijualkan semula.<sup>408</sup> Walhal setiap hari LRT dipenuhi dengan Melayu yang bergerak demi kerja, kata Daim.

Piaian antarabangsa menetapkan bahawa perumahan Malaysia terlalu mahal untuk dibeli. Bagi setiap dua permohonan, dijangka hanya satu sahaja yang diluluskan perbankan. Setiap permohonan yang ditolak didapati memudahkan kerja bank-bank seterusnya untuk membuat keputusan.<sup>409</sup> Ia seolah-olah seperti dahi pemohon sudah pun diparutkan sebagai “tidak mampu”, kegagalan demi kegagalan dalam permohonan seolah-olah mewujudkan senarai hitam secara maya.

Gaji tidak adil dan rumah terlalu mahal, rakyat Malaysia ternyata tertindas. Bagi yang berjaya memohon pun, tidak pelik jika bayaran bulanan yang tinggi.<sup>410</sup> PH juga gagal merancakkan ketelusan dalam negara. Kegiatan politik wang masih berterusan, sekali gus dicerminkan daripada projek pembangunan besar sepertimana disebutkan Pusat Anti-Korupsi dan Kronisme (C4).<sup>411</sup>

407 Lidiana, R. (2019, March 27). Malaysian workers receive lower wages than peers in advanced economies. *New Straits Times*.

408 The Star Online. (2019, December 23). Malays are not lazy, says Daim.

409 New Straits Times. (2019, November 28). 1 in 2 home loans are rejected in Malaysia.

410 Ganeshwaran. (2019, October 25). House prices beyond affordability of most Malaysians.

411 FMT. (2019, December 3). PH lacks urgency to tackle culture of political patronage, says C4.

Kerajaan PH tidak mendapatkan kata putus berkaitan PTPTN. Asalnya menjaya bahawa hanya gaji melebihi RM4,000 sahaja perlu membayar pinjaman. Tetapi ketiadaan formula pembayaran tersebut mengekalkan status quo bahawa pinjaman PTPTN mesti dipulangkan. Perkara itu turut memberikan tampanan terhadap sosioekonomi negara yang sudah pun rapuh berdasarkan piawaian luar negara.

Tentu sekali pentadbiran Najib berkongsi tanggungjawab dalam hal ini. Kekangan sistemik sebegini ialah manifestasi berputik daripada kerajaan lama juga. Tetapi satu realiti berkekalan; perut perlu diisi; komitmen mesti dilunaskan. PH hanya mengeruhkan lagi keadaan dengan dasar kurang hala tuju dalam pelbagai aspek.

Mengikut hukum kapitalisme, penentuan sesuatu harga dibuat atas imbalan permintaan dan pengeluaran. PH gagal menumbangkan penglibatan orang tengah yang menggunakan lesen perdagangan dalam lonjakan harga. Malah lambakan rumah tidak terjual telah mengembalikan dominasi pasaran kepada pembeli yang selama ini dipegang penjual.<sup>412</sup> Sebanyak 32,313 rumah yang tidak terjual dengan nilainya sekitar RM19.8 bilion.<sup>413</sup>

Lambakan sedemikian bererti pihak pemaju telah membangunkan perumahan lebih banyak daripada kemampuan domestik. Perkara yang sepatutnya ialah harga dibetulkan, namun PH menekankan fokus tentang status domestik pula. Belanjawan 2020 dibentangkan Guan Eng menunjukkan bahawa rakyat telah mengundi kerajaan yang menguntungkan pemaju. PH telah menurunkan nilai ambang harta tanah kepada warga asing.

Sebelum ini warga asing hanya boleh membeli harta tanah melebihi RM1 juta. Tetapi PH telah menurunkan paras tersebut ke RM600,000 untuk mengurangkan bebanan sekitar RM8.3 bilion untuk pemaju.<sup>414</sup> Tawaran tersebut juga akan dianggap seperti insentif untuk pendatang dari China dan Hong Kong.

412 Nee, E.A. (2020, January 16). Reduce house prices to address oversupply, says CBRE WTW managing director. *The Sun Daily*.

413 Lun, C.W. (2019, April 23). Unsold completed residential properties up 30.6% in 2018. *The Edge Prop*.

414 Kumar, M. (2019, October 11). Budget 2020: RM600k threshold for foreigners to purchase urban high-rise properties. *The Star Online*.

Lambakan sektor tersebut di Johor juga membuka laluan untuk warga Singapura ataupun pekerja-pekerja asing berkemampuan di Singapura kerana purata pendapatan republik tersebut ialah SG\$4,056 yang bernilai RM12,300. Pinjaman tempoh 20 tahun pada faedah 4.5% pun mewajibkan bayaran RM3,500 (28.5% daripada purata gaji) sahaja.

Jadi apabila Guan Eng menyarankan rakyat berbelanja secara berhemah, beliau menunjukkan kejihilannya tentang kehidupan masyarakat. Ia merupakan simptom sebutir bintang. Hal ini demikian kerana terlalu melangit, keadaan di bawah dilihat begitu halus. Tanpa disedari, orang di bawah juga melihat bintang terlalu halus di langit.

Itulah analogi tentang populariti PH yang merudum.



# Isikan Tempat Kosong

---

Pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad mempunyai ketaasuhan aneh kepada pengeluaran kereta nasional. Melalui curhat minda beliau datangnya sebuah projek yang dinamakan Perusahaan Otomobil Nasional (Proton). Sejak pengasasannya pada 7 Mei 1983, Proton mengeluarkan kenderaan berkualiti daripada model-model jualan Mitsubishi Motors. Keakraban pemilik Proton iaitu HICOM bersama Mitsubishi tamat pada tahun 2005 apabila Khazanah Nasional menjadi pemilik minoriti.

Proton hanya menjadi pengeluar tempatan tunggal sehingga 1992 apabila Perusahaan Otomobil Kedua diasaskan pula. Setelah menongkah arus masa, Perodua didapati lebih berjaya dan jauh mengatasi Proton dari segi jualan. Perodua di bawah kepimpinan Zainal Abidin Ahmad seolah-olah tahu keperluan domestik. Asalnya pengeluaran Perodua berpaksikan kereta mampu milik kecil seperti Kancil, Kelisa dan Kenari yang dijenamakan semula daripada Mira,

Terios dan Move di bawah Daihatsu.

Di bawah pentadbiran Najib Razak pula, Perodua mempelbagaikan tawaran dengan dua peranda aras; penjimatan minyak dan perkhidmatan pasca jualan yang baik. Dominasi Proton dalam segmen sedan pun dicabar Perodua dengan keluaran Bezza yang kadar jualan dipercayai mengatasi Proton Saga. Namun, persaingan antara kedua-dua pengeluar tempatan ini tersangatlah sihat sehingga pengguna pula berlebih-lebih dalam pertukaran pendapat.

Akan tetapi Proton mengharungi prestasi naik turun sejak Krisis Kewangan 1997. Hampir 20 tahun kemudian, Najib mengambil langkah drastik. Kerajaan telah memberikan pinjaman, suntikan modal dan juga insentif penting dengan syarat yang Proton wajib pilih rakan strategik.<sup>415</sup> Apabila Proton membuat keputusan, Mahathir pula meratap.<sup>416</sup>

DRB-HICOM telah bersetuju untuk menjual 49.9% kepada Zhejiang Geely. Setelah melihat

<sup>415</sup> Jaipragas, B & King, C.W. (2018, February 12). Did Najib sell Proton to Chinese because it was Mahathir's brainchild? *South China Morning Post*.

<sup>416</sup> Kyodo. (2018, February 12). 'My child is lost': Mahathir bemoans sale of Proton to Chinese. *South China Morning Post*.

latar belakang Najib dalam hal ini, nasib tidak begitu menyebelahinya. Di bawah Najib juga berlaku revolusi baharu dalam Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Selepas kehilangan dua pesawat pada tahun yang sama, MAS telah menerima dua ketua dari luar negara. Kedatangan Christoph Mueller memulakan rancangan pemulihan yang membuang 6,000 pekerja.<sup>417</sup>

Selepas Mueller, MAS menerima Peter Bellew pula sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Dua pelantikan tersebut memudahkan contengan bahawa Najib tidak percayakan bakat tempatan. Keakraban Najib bersama China juga membuka laluan kepada propaganda bahawa Barisan Nasional sedang menjual negara – dan Proton ialah mangsa pertama, suatu hukuman terhadap Mahathir kerana memberontak. Atau begitulah persepsiannya.

Tetapi ratapan sentimental Mahathir bertukar buaya apabila Mahathir mengakui kolaborasi bersama Geely telah membawa hasil iaitu Proton X70.<sup>418</sup> Kerajaan Pakatan Harapan juga tiada masalah dengan penjualan harta tanah Forest City kepada warga-warga asing.<sup>419</sup> Jadi, penjualan Proton sebelum ini ditentang tiba-tiba disokong pula.

Hasil tangan PH telah membentuk kepimpinan Putrajaya yang sukar. Najib menelan kepahitan apabila eksperimen bapanya telah beraakhir pada 9 Mei 2018. Tetapi Lim Guan Eng pula mendapati kerajaan tidak mempunyai dana secukupnya. Untuk merangka belanjawan, kerajaan mempunyai beberapa pilihan:

- Mengeluarkan belanja sebanyak mungkin sekali gus melebarkan jurang hutang negara,
- Menggunakan Petronas sekali gus menambahkan kebergantungan negara kepada sumber mentah,
- Menjual aset.

<sup>417</sup> Topham, G. (2015, June 1). Malaysia Airlines ‘technically bankrupt’ as new chief seeks to shed 6,000 jobs. *The Guardian*.

<sup>418</sup> Ahmad Suhail, A. (2018, December 12). Dr. M hopes Proton Geely collaboration will produce truly Malaysian car. *New Straits Times*.

<sup>419</sup> The Star Online. (2018, August 20). Najib happy Proton’s Geely decision supported by Dr. M and Pakatan government.

Kerajaan memilih ketiga-tiga di atas. Najib atas kapasiti Menteri Kewangan telah menyediakan RM280.3 bilion bagi tahun 2018. Guan Eng pula menambahkan RM10.1 bilion lagi,<sup>420</sup> yang disusuli dengan pembentangan RM314.6 bilion untuk tahun seterusnya.<sup>421</sup> Jumlah tersebut diperoleh daripada Petronas yang menurut Najib dalam suatu hantaran Facebook telah dijarah.<sup>422</sup>

Tetapi industri minyak sudah tidak lagi seperti biasa. Simbahannya minyak hitam dari perut bumi sudah tidak lagi menurunkan susu dari syurga. Ogos 2014 ialah kali terakhir harga bahan api menyentuh paras AS\$100 satu tong. 17 bulan kemudian, harganya hanya AS\$36.17 sahaja. Jadi, kelengkapan belanjawan hanya boleh dicukupkan dengan helah ketiga, iaitu penjualan aset.

Tiada siapa menyangka bahawa langkah ini akan diambil. Setepatnya semasa pentadbiran Najib lagi penjualan aset sudah menjadi suatu kebiasaan. Dalam sebuah persidangan Dewan Rakyat, sejarah Najib dikorek semula. Azmin Ali mengatakan bahawa Najib telah menjual 84 aset Khazanah Nasional sambil mempertahankan dasar pelaburan tidak strategik.<sup>423</sup>

Namun, pendedahan Najib berkaitan Mahathir pula agak mengejutkan. Mahathir diceritakan marah kerana mahu Najib menjualkan MAS kepada seorang ahli perniagaan yang rapat.<sup>424</sup> Tetapi permintaan tersebut tidak ditunaikan dan kisah 84 aset dahulu tidak dijadikan isu pembangkang pun. Malah Najib tidak berdiam diri selepas dipersoalkan Azmin.

Penjualan aset Khazanah semasa pentadbirannya hanya mempunyai satu tujuan. Modal diperoleh bagi membenarkan Khazanah berkem-

420 The Edge Markets. (2018, November 2). Total government expenditure to increase RM10.1b in 2018.

421 The Edge Markets. (2018, November 2). Govt budgets RM314.6b for 2018 total expenditure.

422 Free Malaysia Today. (2018, May 31). Don't exploit Petronas funds, Najib advises PH govt.

423 Sinar Harian. (2019, October 10). Azmin dedah 84 aset Khazanah dijual ketika pentadbiran Najib. *Astro Awani*.

424 Malaysia Gazette. (2020, March 4). Mahathir benci Najib sebab tak sokong Mukhriz. *Malaysia Today*.

bang daripada RM33 bilion ke RM116 bilion. Lonjakan tiga kali ganda ini juga bersertakan kadar pulangan 15%, berbeza dengan kejatuhan nilai bersih Khazanah kepada RM91 bilion.<sup>425</sup>

Najib mengakui bahawa penjualan 84 aset tersebut memangkinkan kutipan RM45.3 bilion (RMS bilion setiap tahun). Tetapi tidak sampai setahun, PH telah melupuskan aset bernilai RM25.6 bilion. Sepanjang pengembalian Mahathir, kerajaannya tidak terlepas daripada perkataan “jual”. Entiti dana mahsul iaitu Khazanah Nasional sering menjadi sasaran.

Antara cadangan pertama yang melibatkan penjualan aset di bawah kerajaan Mahathir juga melibatkan Khazanah. Entiti dana mahsul ini ingin melepaskan 1.4 bilion saham dalam IHH Healthcare Berhad kepada syarikat Jepun iaitu Mitsui & Co pada harga RM6 setiap saham.<sup>426</sup> Selepas penjualan ini, pegangan saham Khazanah dalam IHH menyusut ke paras 26.05%.

Berkaitan IHH juga, Khazanah menjual seluruh kepentingannya dalam Pusat Perubatan Prince Court dengan harga RM1.02 bilion.<sup>427</sup> Jika bukan Khazanah, mesti anak syarikatnya iaitu Axiata Investments. Pihak Axiata telah menjual semua kepentingannya dalam M1 Limited pada harga RM1.65 bilion.<sup>428</sup> Axiata kembali di paparan selepas memeterai penjualan aset digitalnya kepada Pegasus 7 Singapura.<sup>429</sup>

Melupuskan saham-saham sebegini mungkin bagi rakyat Malaysia suatu perkara biasa. Pada 11 April 2019, keupayaan PH telah dipersoalkan selepas Khazanah menawarkan penjualan saham Tenaga Nasional Berhad bagi mendapatkan RM1.05 bilion.<sup>430</sup> Malaysia mengamalkan

<sup>425</sup> Sinar Harian. (2019, October 10). Apa salahnya jual aset Khazanah untuk tambah pelaburan, kata Najib. *Astro Awani*.

<sup>426</sup> Berita Harian Online. (2018, November 29). Khazanah jual 16 peratus kepentingan IHH kepada Mitsui.

<sup>427</sup> Bernama. (2019, September 17). Khazanah jual pegangan Prince Court kepada IHH dengan harga RM1.02 bilion. *Astro Awani*.

<sup>428</sup> Alzahrin, A. (2019, February 15). Axiata jual semua kepentingan dalam M1. *Berita Harian*.

<sup>429</sup> Bernama. (2019, April 30). Anak syarikat Axiata jual perniagaan digital. *Berita Harian*.

<sup>430</sup> Ho, S. (2019, April 11). Tenaga plunges on report of Khazanah's RM1.05b share placement. *The Edge Markets*.

seakan-akan doktrin bahawa utiliti utama perlu berada di bawah kerajaan. TNB yang memonopoli bekalan elektrik tidak sama sekali boleh diswastakan kerana bil elektrik memainkan peranan dalam sosioekonomi masyarakat.

Apabila tawaran ini diumumkan, saham TNB pun menjunam sehingga permodalan pasaran susut RM2.5 bilion.<sup>431</sup> Aktiviti penjualan saham kerajaan berterusan dengan begitu rapi. Sepertimana disebut Najib, kerajaan menjana RM25.6 bilion dengan penjualan saham sahaja. Perbuatan sedemikian mendiamkan sebarang bunyi berkaitan pembelian saham, jika ada.

Khazanah juga menerima tawaran RM2.081 bilion untuk menjual kepentingannya dalam lebuh raya PT Lintas Marga Sedaya di Indonesia.<sup>432</sup> Idea Najib di sebalik bandar Malaysia memberikan PH pegangan kukuh bagi mencari untung cepat. Mahathir menjadi saksi pengambilahan 60% IWH-CREC bagi bandar Malaysia daripada TRX City.<sup>433</sup> Menerusi Facebook lagi, Najib mendedahkan bahawa Khazanah juga menjual sebahagian daripada bandar Malaysia pada harga RM7.41 bilion.

Hal ini dijangka bahawa inilah angka paling besar dari segi penjualan aset. Mahathir pula mempertahankan bahawa aset-aset tersebut perlu dijual supaya kerajaan boleh membayar hutang yang dibuat Najib.<sup>434</sup> Sekali lagi naratif RM1 trilion dimainkan, yang tidak bertepatan berdasarkan piawaian antarabangsa. Sepanjang pentadbiran Mahathir pula, hutang negara meningkat daripada AS\$183.7 bilion ke AS\$190.5 bilion.

Tambahan pula, setelah mandat rakyat membenarkan kuasa pada PH, harta-harta negara lagi dijual. Kerajaan juga ingin menjual MAS tetapi nekad memelihara identitinya sebagai syarikat penerbangan kebangsaan.<sup>435</sup> Tetapi Khazanah masih memegang saham utama MAS

431 Berita Harian Online. (2019, April 11). Harga saham TNB menjunam, permodalan pasaran susut RM2.5 bilion.

432 Bloomberg. (2019, September 13). Khazanah ditawar RM2.08 bilion jual saham konsensi tol Jakarta. *Berita Harian*.

433 Sharen, K. (2020, January 6). Bandar Malaysia positive boost for local market sentiment. *New Straits Times*.

434 Lu, W.H. (2019, September 20). Dr. M: Khazanah jual aset untuk bayar balik hutang dibuat Najib. *Malaysia Kini*.

435 Harian Metro. (2019, June 25). Kekal identiti Malaysia Airlines jika dijual – PM.

yang dikekalkan di bawah pemilikan kerajaan bersama Kumpulan Aviasi Malaysia.

Mahathir meletakkan syarat untuk menjual Projek Lebuh raya Utara Selatan (PLUS) yang merupakan tulang belakang ekonomi negara.<sup>436</sup> Kepentingan saham kerajaan akan dipelihara seandainya syarikat ini dijual. Maka sebarang pembidaan akan dijual kepada pihak yang kerajaan masih menyimpan kepentingan. Namun, kerajaan membuat keputusan akhirnya untuk tidak menjual konsensi PLUS. Mahathir mengatakan bahawa itulah jalan terbaik, iaitu untuk mengekalkan PLUS di bawah pengendalian Khazanah dan KWSP.<sup>437</sup>

Kadar tol yang ditetapkan bagi PLUS juga dikurangkan sebanyak 18% atas tujuan untuk meringankan beban rakyat. Tetapi kerisauan rakyat diteruskan lagi apabila manifesto PH berbunyi secara nyaring terhadap Petronas. Semasa berkempen, isu royalti kepada negeri-negeri pengeluar minyak telah diperkudakan dengan begitu rapi. PH berjanji untuk menawarkan royalti sebanyak 20% daripada keuntungan.

Janji tersebut dituntut negeri Sabah dan Sarawak, yang dibalas Mahathir bahawa kerajaan persekutuan tidak mampu. Jadi, Mahathir ingin menjual saham Petronas kepada Sabah dan Sarawak.<sup>438</sup> Jika dimeterai, kedua-dua negeri ini mempunyai kuasa pertimbangan bagi industri gas asli cecair. Tetapi dasar penjualan aset ini jika dipertimbangkan sebenarnya mendatangkan impak secara menyeluruh.

Walaupun kerajaan berjaya mengumpulkan dana, amalan sebegini memaparkan imej buruk terhadap kerajaan. Sementara mencanang tiada wang dan hutang bertimbun-timbun, Mahathir tetap meneruskan apa yang dipandang legasi lamanya. Menerusi Dasar Automotif Nasional 2020, Mahathir mengumumkan tiga syarikat utama bagi pengeluaran kereta dan motosikal negara.<sup>439</sup>

436 Mohd Anwar, P.R. (2019, October 7). Kerajaan sedia jual PLUS. *Berita Harian Online*.

437 Zanariah, A.M., & Luqman, A.A.K. (2020, January 16). PLUS tidak akan dijual – PM. *Berita Harian Online*.

438 The Straits Times. (2019, December 12). Malaysia may sell Petronas stakes to two states.

439 Hemananthani, S. (2020, February 21). Dr. M: Two more national cars, national motorcycle in NAP 2020 roadmap. *The Star Online*.

Idea sebuah negara kecil memiliki empat kereta nasional memang menggemparkan. Terdapat banyak negara-negara maju yang wajar dijakan perbandingan. Sememangnya Jepun merupakan gergasi automotif dengan 15 pengeluar kereta antaranya. Begitu juga dengan Korea Selatan yang popular dengan Hyundai, Kia dan GM. Kebangkitan China sebagai kuasa besar turut memperkenalkan kemasukan baharu.

Cadangan Mahathir jika dilihat dari dulu lagi mempunyai asas. Sekitar tahun 1990-an, Mahathir berbincang tentang idea kereta elektrik yang menjadi suatu kebiasaan pada hari ini.<sup>440</sup> Usaha membangunkan Perotiga dengan teknologi elektrik ialah suatu pendekatan menarik. Tetapi apabila rakyat berdepan dengan bebanan sosioekonomi dan mendapan kewangan – sambil pula kerajaan meratib tentang hutang dan juga penjualan aset, tentu sekali perusahaan automobil ialah perkara terakhir ingin didengari.

---

440 New Straits Times. (2018, Ogos 8). Perotiga: Reinventing the wheel.

Cari  
Gaduh  
dengan  
Semua

---

D r. Mahathir Mohamad mengenal erti pemerintahan dalam suatu era yang sangat panas. Pada tahun beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri di bawah Tun Hussein Onn, dua gergasi sedang mencarik bulu dunia. Iran mengharungi revolusi yang menumbangkan monarki berusia 2,500 tahun. Yugoslavia di bawah Josip Broz Tito bergolak dengan desakan autonomi. Kebanyakan negara berdepan dengan sekatan bahau api ekoran bantahan dunia Arab selepas Perang Ramadan 1973.

Pentadbiran 22 tahunnya pun melalui denai masa dengan ketiadaan kuasa besar yang mendominasi politik global sejak Perang Dunia Kedua. Kejatuhan blok komunisme di Eropah yang disusuli pembubaran Kesatuan Soviet telah membentuk aura globalisasi berkarel Barat. Ketegangan Amerika-Soviet membuatkan pihak Barat lebih berhati-hati semasa melakukan apa-apa di luar negara. Tetapi sejak penghujung pemerintahan Leonid Brezhnev lagi, Amerika telah terlibat di Lubnan.

Pemerintahan Konstantin Chernenko dan Yuri Andropov yang tidak lama mewarisi kesta-

bilan rapuh pada Mikhail Gorbachev. Pada masa ini Amerika Syarikat sudah tidak boleh ditandingi. Menunggu masa letusan Soviet, Amerika sudah bergiat secara aktif di Timur Tengah. Tujuh peperangan diisyiharkan antara 1990–2000. Landskap politik inilah yang Mahathir harungi semasa pentadbiran 22 tahunnya.

Hubungan antara Malaysia dengan Singapura turut bergolak di bawah pentadbiran Mahathir. Jambatan Indah merupakan salah satu ilham Mahathir bagi menghubungkan negara bersama Singapura. Akan tetapi jambatan tersebut juga telah merosakkan hubungan antara beberapa kepimpinan Malaysia sendiri. Ia dicetuskan pada tahun 1996, Jambatan Bengkok ialah suatu projek enam lorong yang berbengkok.

Jambatan tersebut bertujuan untuk menggantikan Tambak Johor agar Malaysia boleh:

- Mengurangkan kesesakan lalu lintas antara Johor dengan Singapura.
- Kelancaran aliran air di Selat Tebrau untuk memulihkan alam sekitar.
- Membuka laluan kapal di bawah persilangan.

Goh Chok Tong yang dibayangi Lee Kuan Yew melihat Jambatan Bengkok sebagai peluang untuk mengisi kelompongan republik. Tiada perjanjian dua hala termeterai semasa pentadbiran Mahathir. Tekanan terhadap Abdullah Ahmad Badawi mendatangkan harga setuju Singapura yang berat.<sup>441</sup>

Untuk memuaskan hati Mahathir, Abdullah perlu memberikan:

- Akses ruangan udara negara kepada Tentera Udara Singapura.
- Pembelian pasir dan air mentah.

Apabila Abdullah membatalkan projek tersebut, nasib karier politiknya telah terpahat seperti yang diketahui hari ini. Kegagalan Najib untuk menghidupkan semula Jambatan Indah pun dipautkan sebagai salah satu punca kemarahan Mahathir.<sup>442</sup> Bersama Lee Hsien Loong, Najib bersetuju untuk membangunkan tambak ketiga kerana menurut Najib, terdapat perjanjian bahawa Tambak Johor 1924 tidak boleh disentuh.<sup>443</sup>

Kemenangan Pakatan Harapan memberikan petunjuk tentang Jambatan Indah. Osman Sapian mengatakan bahawa projek tersebut mungkin boleh dibangkitkan semula dalam pertemuan Singapura bersama Azmin Ali pada 27–28 Oktober 2018.<sup>444</sup> Chok Tong yang berusia 77 tahun semasa PH membentuk kerajaan melihat Mahathir bagaikan penjelmaan Kuan Yew.

Kedua-dua pemimpin tersebut diingati semua sebagai pesaing tegar. Hal ini demikian kerana jiwa mereka tidak berjauhan pun. Kaedah guruh petir dan bercita-cita tinggi serta diiasi kelicikan, patriotisme dan obsesi menjadi ciri-ciri pemerintahan mereka. Dalam suatu perhim-

<sup>441</sup> Astro Awani. (2015, April 14). Apa yang kita tahu tentang ‘jambatan bengkok’?

<sup>442</sup> Norlaile, A.R. (2020, March 3). Najib dedah kenapa Tun M membencinya. *Malaysia Gazette*.

<sup>443</sup> The Straits Times. (2015, April 13). Najib, Mahathir on ‘crooked bridge’: What is the issue about?

<sup>444</sup> The Straits Times. (2018, October 16). Mahathir’s ‘crooked bridge’ project may be revived, says Johor menteri besar.

---

punan Parti Tindakan Rakyat pada tahun 1980, Kuan Yew sendiri meneran keras semasa mengatakan, “Sesiapa yang mentadbir Singapura mesti berjiwa besi.”

Tetapi dalam ucapan tersebut, suatu kenyataan Kuan Yew boleh dibuat pedoman yang tidak akan ditelan zaman. Undian rakyat ialah kesucian tidak boleh ditukar selama lima tahun yang pada masa itu sudah rosak begitu teruk. Kuan Yew sudah meninggal dunia apabila Mahathir kembali ke pentas kuasa dan mendapati dunia sudah jauh meninggalkannya.

Air diplomasi yang membuka-bukaan sebelum ini mempunyai naratif tenang. Kepimpinan Najib dan Hsien Loong telah mengubahkan persaingan kepada kerjasama. Pada tahun 2018, terdapat perancangan antara dua pemimpin tersebut agar Kuala Lumpur dan Singapura boleh menjadi bandar raya pintar. Pelantikan Singapura sebagai Pengerusi ASEAN disokong Najib yang menekankan transformasi ekonomi digital atas kecenderungan muhibah.

Digitalisasi diaturkan sebagai langkah untuk mengukuhkan lagi perdagangan dan pembayaran elektronik.<sup>445</sup> Projek Kereta api Laju (HSR) juga disebut-sebut sebagai tulang rusuk yang bergetar demi Malaysia. Pergerakan manusia jika dilajukan boleh memuntahkan kesan-kesan positif di setiap laluan yang dibuat. Tanpa projek ini pun Iskandar Malaysia telah menerima pelaburan sebanyak RM222.4 bilion bagi tempoh 11 tahun.<sup>446</sup>

Kepimpinan PH telah mengubah semangat Malaysia dari segi pembangunan. Mahathir menonjolkan kehairanannya apabila Singapura menolak cadangan jambatan baharu.<sup>447</sup> Namun, kehairanannya lebih menghairankan orang lain apabila beliau berkata, “Pada tahun 3,000,

---

445 Yi, S.B. (2018, January 17). *Causeway jams, high-speed rail bidding process among issues discussed*. The Straits Times.

446 Zunaira, S. (2017, April 1). Iskandar Malaysia continues to attract capital 11 years on. *The Star Online*.

447 The Star Online. (2019, October 31). Dr. M: I don't know why S'pore rejects proposal for new bridge.

100 juta rakyat Johor akan pergi ke Singapura masih tiada jambatan baharu.” Tempoh 980 tahun itu terlalu bombastik dalam bahasa diplomasi dengan perubahan iklim dan kenaikan aras laut yang mengancam.<sup>448</sup>

Singapura juga membeli air daripada Johor pada harga yang dikekalkan sejak 1962. Dalam rangka tersebut, Singapura dikurniakan hak untuk mengambil 1,100,000 m<sup>3</sup> secara harian daripada Sungai Johor selama 100 tahun pada harga tiga sen bagi setiap 4,500 liter.

Ertinya, Malaysia hanya mendapat RM2.7 juta setiap tahun. Malaysia berpendapat harga tersebut tidak bermunasabah sambil mencadangkan pembaharuan. Hujah Malaysia ialah penjualan air China ke Hong Kong yang berharga RM14.50 untuk setiap 4,500 liter.<sup>449</sup> Pertukaran air dari Pahang ke Selangor pun berharga RM0.46 bagi isi padu yang sama. Malah Melaka membayar RM0.50 kepada Johor.

Singapura membantah ketidakpuasan hati ini dengan mengatakan Putrajaya sudah kehilangan hak untuk berunding harga selepas Mahathir tidak mengkaji semula pada tahun 1987. Malahan Singapura mempertahankan harga tiga sen kerana membantu pembinaan Empangan Linggiu pada harga SG\$300 juta yang menambahkan kuantiti Sungai Johor.<sup>450</sup>

Jadi, pertelingkahan mengenai Jambatan Indah dan penjualan air menunjukkan bahawa PH tidak menghargai persahabatan antara dua jiran. Status quo yang dikekalkan Najib bagi suatu pihak ialah penjualan negara. Tetapi ia juga menandakan kemahiran berdiplomasi yang berlandaskan untung bersama.

Mendapan dari segi kerugian tidak bermakna negara rugi. Tetapi kepentingan negara bagi Mahathir mempunyai naratif guruh petir yang tidak dikongsi Najib. Gambaran *recalcitrant* pernah disebut Paul Keat-

448        Reuters. (2019, August 18). Protecting Singapore from rising sea levels could cost \$\\$100 billion.

449        Smith, L.M. (2019, November 13). Malaysia’s Natural Resources Minister says Singapore is buying water at an ‘unreasonable’ rate that is ‘too cheap’. *Business Insider Malaysia*.

450        Government of Singapore. (2018, July 9). Can the prices in the 1962 Water Agreement be revised?

ing terhadap Mahathir, suatu label yang mengugut perang perdagangan antara Malaysia dengan Australia.<sup>451</sup> Tohmahan Keating dikeluarkan selepas Mahathir enggan menghadiri Sidang Kemuncak APEC di Seattle susulan dasar luar negara Bill Clinton yang dianggap cuba menguasai Asia Tenggara.<sup>452</sup>

Maka, disebabkan label tersebut Mahathir menuntut permohonan maaf Keating dan melancarkan kempen “Buy Australia Last”, seakan-akan sama dengan tanda protes “Buy British Last” apabila United Kingdom mengalihkan subsidi pendidikan tinggi daripada negara-negara Komanwel ke Kesatuan Eropah. Permintaan Mahathir supaya mengembalikan subsidi dibalas British dengan angkuh, sekali gus melancarkan “Buy British Last”.<sup>453</sup>

Ruangan masa antara 2003 hingga 2015 sewaktu Mahathir dalam persaraan pun tidak berubah. Mahathir pernah melepaskan kiasan dolar Amerika sebagai tisu tandas kononnya nilainya semakin menyusut. Sindirannya terhadap Najib berkaitan Bugis juga mengundang murka dua sultan.<sup>454</sup> Tiada siapa mengharapkan pentadbiran baharunya tidak berguruh petir.

Bagai dakwat dengan kertas, susah padam bila kering. Belum cukup sebulan Mahathir mengizinkan penutupan Pusat Raja Salman untuk Keamanan Antarabangsa yang dibina atas tujuan untuk mengekang ekstremisme dan kemilitanan.<sup>455</sup> Hakikatnya pembinaan pusat tersebut mempunyai nilai simbolik yang bertatahkan “Diplomasi Haji” antara Malaysia dengan Arab Saudi. Jadi, apabila ada sebarang unsur yang merenggangkan hubungan, kuota haji boleh dikurangkan juga.

451 Shenon, P. (1993, December 9). MALAYSIA PREMIER DEMANDS APOLOGY. *The New York Times*.

452 Greenhouse, S. (1993, November 11). Clinton pushing business with Asia. *The New York Times*.

453 Darnton, J. (1994, March 4). Britain accused of tinkering on Malaysian dam. *The New York Times*.

454 Zulkarnain, A.R. (2017, November 25). Selepas Sultan S’gor, Sultan Johor turut “terluka” dengar ungkapan “Bugis lanun” Mahathir. *Sarawak Voice*.

455 Adam, A.B. (2018, August 6). Putrajaya shuts down Saudi-backed anti-terrorism centre. *Free Malaysia Today*.

Pengunduran Malaysia daripada konflik di Yaman juga agak menggusarkan. Tetapi tiada apa yang berlaku antara Malaysia dengan Arab Saudi – bagi tahun 2018. Sementara itu, Mahathir masih lantang terhadap dunia. Beliau mengeluarkan kenyataan bahawa Carrie Lam perlu meletakkan jawatannya di Hong Kong untuk menenangkan keadaan.<sup>456</sup> Sambil menarik tali bersama China dengan projek-projek mewah, Mahathir juga tanpa sebarang keperluan masuk campur dengan masalah Huawei.

Setelah melabelkan pentadbiran Donald Trump hipokrit, Mahathir menyatakan kerelaannya untuk bekerjasama dengan Huawei sekalipun diintip kerana Malaysia tiada rahsia.<sup>457</sup> Sentuhannya mengenai angka kematian dalam peristiwa Holocaust semasa Forum Pemimpin Dunia juga tidak diperlukan kerana bukan Yahudi sahaja yang dibunuh di bawah rejim Adolf Hitler.<sup>458</sup>

Malaysia sekali lagi diheret ke kancang krisis diplomasi melibatkan Arab Saudi pada tahun 2019. Penutupan pusat antikeganasan dan pengunduran daripada Yaman diterima oleh pihak Saudi. Tetapi perkara seterusnya membuatkan Raja Salman hilang sabar. Kebergantungan Pakistan kepada Arab Saudi mewajibkan Imran Khan berundur awal. Kerajaan Islamabad ini mengelakkan diri kerana curiga jika Persidangan Kuala Lumpur akan membelahkan umat Islam.<sup>459</sup>

Persidangan Kuala Lumpur dianjurkan pada dasar untuk mengukuhkan kedaulatan sesebuah negara. Pengagihan harta negara dan jaminan makanan merupakan agenda utama termasuk isu-isu dalam dunia Islam. Tetapi persidangan ini dibedil oleh Pertubuhan Kerjasama Islam yang

---

456 Tashny, S. (2019, October 4). Carrie Lam should resign over Hong Kong protests: Malaysian leader Mahathir Mohamad. *South China Morning Post*.

457 Tashny, S. (2019, May 30). Malaysia's Mahathir backs Huawei, snubbing US blacklist of Chinese telecoms giant. *South China Morning Post*.

458 Koh, J.L. (2019, September 25). Mahathir cites free speech for anti-Semitic remarks. *Malaysia Kini*.

459 Asad, H. (2019, December 18). 'Neutral' Pakistan pulls out of Malaysia summit of Muslim nations. *Al Jazeera*.

diketuai Arab Saudi.<sup>460</sup> Bagi Raja Salman, Persidangan Kuala Lumpur sedang mencabar hierarki Saudi dalam dunia Islam.

Tiga pemimpin dunia yang dibenci Saudi juga hadir di Kuala Lumpur. Pakatan dunia Arab telah menutup pintu terhadap Qatar sambil mendakwa bahawa negara tersebut menyokong aktiviti keganasan. Dengan mengetepikan jubah dan serban, Tamim Hamad membangkitkan isu Palestin di Kuala Lumpur.<sup>461</sup>

Turki yang dilabel Saudi salah satu penjuru daripada segi tiga kejahanan bersama Iran dan Ikhwanul Muslimin juga beraksi dalam persidangan ini. Recep Tayyip Erdogan siap melemparkan tuduhan terhadap Saudi atas pembatalan mengejut Imran Khan.<sup>462</sup> Akhir sekali ialah kelibat Hassan Rouhani dari Iran yang merupakan punca dunia Arab mengalihkan pandangan daripada Palestin.

Ketiga-tiga pemimpin tersebut di Malaysia menyampaikan mesej yang tersirat, sekalipun Mahathir manafikan sebarang usaha tersembunyi. Era sewaktu Mahathir boleh membuat apa sahaja telah tamat. Hal ini demikian kerana itulah dasar luar negara Najib lebih memekarkan kesejahteraan dengan jaminan pelaburan asing. Beliau menggunakan platform sedia ada yang bersesuaian dengan fitrah hujahnya.

Mahathir juga membuat hal dengan komen berkaitan pembunuhan Jeneral Qasem Soleimani. Dakwaan dibuat juga tidak relevan, seolah-olah menunjukkan bahawa Mahathir sudah tidak mengenali dunia. Soleimani sepanjang hayatnya mengabdikan diri kepada kuasa agung di atas Presiden Iran, iaitu Ali Khameini. Segala operasi sulit diketuainya termasuk dengan serangan terhadap kedutaan Amerika Syarikat di Baghdad.<sup>463</sup> Selain Vladimir Putin, kestabilan kerajaan Syria di bawah Bashar Assad mungkin berpunca kerana Soleimani.

460 AFP. (2019, December 19). KL summit under fire from Islamic body. *Free Malaysia Today*.

461 Ahmad, F.O. (2019, December 19). Qatar Emir highlights Palestinian issue. *New Straits Times*.

462 Amir, L. (2019, December 19). Pakistan's pullout from Malaysia summit draws criticism. *Anadolu Agency*.

463 Buncombe, A. (2020, January 11). Trump claims without providing evidence Iran's Qassem Soleimani planned to attack four US embassies. *The Independent*.

Jadi, kematian Soleimani bukanlah kerana tidak sependapat dengan pihak Barat seperti dicanang Mahathir. Khameini pula mencabar bawa Trump tidak akan boleh berbuat apa-apa.<sup>464</sup> Apabila Trump membalas, entah kenapa Mahathir pula terkoyak sedangkan Soleimani tidak mempunyai kaum keluarga jauh atau dekat dalam kalangan rakyat Malaysia pun.

Ketegasan Mahathir dalam isu berkaitan Zakir Naik mungkin dipuji majoriti. Tetapi ia menorehkan parut terhadap diplomasi antara Malaysia dengan India yang dikeruhkan dengan komen Mahathir tentang konflik di Jammu dan Kashmir pula.<sup>465</sup> Apabila Mahathir bersuara tentang tawaran kewarganegaraan yang mendiskriminasikan umat Islam, Narendra Modi tiada pilihan lain.

Setelah menelan kritikan daripada Malaysia, akhirnya India membalas. Dengan hanya berdehem, nasib pengeluar-pengeluar sawit lantas diperlakukan selepas perdagangan RMS.7 bilion tersekat.<sup>466</sup> Walaupun nilai tersebut agak kecil untuk dibandingkan dengan keuntungan perdagangan Malaysia yang menccah RM1 trilion,<sup>467</sup> Modi seolah-olah tahu kelemahan utama PH.

Keutamaan industri sawit juga merupakan kunci kestabilan politik Mahathir kerana dominasi bangsa Melayu menerusi peneroka-peneroka FELDA. Kerajaan Mahathir sudah pun dilihat anti-Melayu susulan kegagalan dari segi prestasi bagi institusi-institusi keagamaan seperti Amanah Saham Bumiputera dan Tabung Haji yang melaporkan dividen lebih rendah.

Untuk menyelesaikan kemelut ini, kerajaan Mahathir terpaksa

---

464 Daragahi, B. (2020, January 1). Iran's supreme leader attacks Trump on Twitter after US president's furious New Year tirade. *The Independent*.

465 Carvalho, M., et al. (2019, October 23). Dr. M defends remarks on Kashmir. *The Star Online*.

466 The Star Online. (2020, January 23). RMS.7bil worth of palm oil ends in a crossfire.

467 Lidiana, R. (2019, January 30). Malaysia's trade expands 5.9pct to RM1.88 trillion in 2018, largest trade surplus since 2012. *New Straits Times*.

menyejukkan hati India. PH membeli gula mentah India hampir tiga kali ganda lebih daripada sepatutnya.<sup>468</sup>

Tiada masalah untuk bersuara terhadap pihak antarabangsa. Tetapi kesannya jelas ada. Apabila Mahathir mencari gaduh dengan semua orang secara terbuka, implikasi politik kembali menghantuiinya.

468 The Star Online. (2020, March 11). Malaysia's sugar purchases from India hit record amid diplomatic spat.

# Batu Nisan Harapan

---

Kecenderungan Pakatan Harapan untuk mencairkan pengaruh Islam dalam negara telah digeruni sebelum penggabungannya lagi. Bagi orang Melayu, Parti Tindakan Demokratik tidak sama sekali boleh diperdayai. Satu-satunya peluang diberikan untuk menerajui peringkat persekutuan telah menyaksikan julung kalinya orang bukan Islam bagi dua portfolio penting negara. Semasa mengetuai kehakiman Sabah dan Sarawak, Richard Malanjum menyokong permohonan Azlina Jailani untuk menggugurkan label Islam dalam kad pengenalan-nya.<sup>469</sup>

Azlina telah murtad pada usia 26 tahun dan menukar namanya kepada Lina Joy. Walaupun sudah dibaptiskan, identiti rasminya di bawah undang-undang masih lagi Islam. Usaha menggugurkannya mendapat sokongan Richard tetapi bukan Ketua Hakim, Fairuz Halim dan Presiden Mahkamah Rayuan, Alauddin Mohd Sheriff.

Tetapi Richard telah dipilih PH untuk menggantikan Mohamed

Raus Sharif sebagai Ketua Hakim Negara. Apabila Tommy Thomas mengetuai Pejabat Peguam Negara, hal ini menunjukkan bahawa bidang kuasa keadilan tidak lagi dipegang golongan Islam. Malah Dr. Mahathir Mohamad juga meletakkan Liew Vui Keong dalam Jabatan Perdana Menteri bagi Hal Ehwal Undang-undang.

Bagi golongan konservatif, pelantikan empat orang bukan Islam (termasuk Lim Guan Eng) sememangnya tidak sepatutnya dibuat. Dalam perkembangan ke arah Pilihan Raya Kecil Semenyih, tohmahan bahawa PH ialah kerajaan lembik telah disahut ramai. Individu paling sesuai digunakan bagi mengupaskan sudut perkau man, bahawasanya Mahathir telah menggadaikan hak Melayu.<sup>470</sup>

Latar belakang keagamaan Richard, Tommy dan Vui Keong bagi golongan konservatif sudah tentunya mengancam kedaulatan Islam dalam Perlembagaan Negara. Selepas setahun dalam pentadbiran, sentimen sebegini semakin mengukuh dengan pemberkasan

469 Surenthira, R.K. (2007, May 31). Lina Joy loses appeal to drop 'Islam' from her NRIC. *The Sun*.

470 Kow, G.C. (2019, February 24). Nazri reaches for racial playbook in Semenyih. *Malaysia Kini*.

Muhammad Zamri Vinoth yang didakwa menghina agama Hinduisme.<sup>471</sup> Bantahan daripada Dr. Mohd Asri Zainul Abidin telah menghamburkan suatu dimensi yang agama Islam tidak selamat di Malaysia.

Mahathir pula tidak duduk diam. Beliau membala bahawa Mufiti Perlis itu pekak kerana tidak mendengar langsung bahawa PH tetap mempertahankan Islam.<sup>472</sup> Perlis walaupun negerinya kecil tetapi suara muftinya bergema ke seluruh negara. Ramai bersetuju bahawa Islam dibuli di bawah PH. Dalam program Analisis bersama TV Al-Hijrah, Aminuddin Yahya telah menyentuh tentang punca keresahan dalam kalangan umat Islam iaitu kebarangkalian berlaku sikap pilih kasih bila undang-undang dipegang bukan Islam.

Kenyataan sedemikian boleh dipersetujui sebagai prejudis. Tetapi fakta menyebelahi Aminuddin kerana itulah apa yang berlaku. Undang-undang Malaysia dibahagikan kepada dua bidang kuasa iaitu sivil dan syariah. Persoalan dibangkitkan tentang peranan Tommy dan Richard berkaitan Mahkamah Syariah.

Tetapi kritikan terhadap PH berkaitan Islam mula membuka-buka setelah serangan terhadap institusi agama dibuat secara bertalu-talu. Mujahid Yusof Rawa juga pernah terlibat dengan kontroversi bahwasanya tiada lagi operasi cegah khalwat pada waktu malam.<sup>473</sup> Mujahid turut terpalit dengan isu berkaitan persekolahan tahniz tiada pendaftaran yang disebut “tahniz haram” oleh Khalid Abdul Samad.<sup>474</sup>

Sentuhan terhadap Islam juga dibuat Mahathir yang berpendapat sekolah kebangsaan telah berubah menjadi sekolah agama.<sup>475</sup> Kegagalan Barisan Nasional dalam mempelbagaikan kualiti graduan sekolah wajar dikritik. Tetapi tanpa asas waima bukti sekalipun, Mahathir menem-

471 Malaysia Today. (2019, April 29). Islam Dibuli, Tidak Selamat Di bawah Kerajaan PH – Mufti Perlis.

472 Veena, B. (2019, April 30). Dr. Mahathir: Perlis Mufti is deaf. *New Straits Times*.

473 Nor Ain, M.R., et al. (2018, October 8). Tiada aduan khalwat, tiada serbuhan – Mujahid. *Berita Harian Online*.

474 Free Malaysia Today. (2018, September 25). DBKL akan tutup semua pusat tahniz haram, kata menteri.

475 Raja Hisyam, R.Z. (2018, December 21). ‘Sekolah kebangsaan telah berubah jadi sekolah agama’ – Tun Dr. Mahathir. *Astro Awani*.

pelak faktor agama sebagai pemberat yang menyebabkan kurikulum sekolah tidak mengajar “subjek berguna untuk mendapatkan pekerjaan”.

Kupasan-kupasan sebegini memanglah kecil. Tetapi titisan air mampu merekahkan batu jika berterusan. Kesabaran Melayu mereka dalam masa yang singkat. Mahathir sendiri tidak mempunyai populariti dari segi agama. Beliau pernah difitnah menghina Nabi Muhammad yang tiada pisau cukur Gillette sedangkan isu tersebut meruncing daripada pertanyaannya kepada ulama semeja dalam sebuah majlis tertutup.

Namun, rakyat memerhati pengamalan aurat dalam kalangan kaum keluarganya. Isterinya, Dr. Siti Hasmah sendiri mengakui dilarang bertudung sampai amalan menutup aurat membuatkan Mahathir berpaling muka.<sup>476</sup> Sejarahnya sehingga kepimpinan kali kedua tidak menyebelahiinya dalam isu ini. Serena Mukhriz pun diheret juga kerana hantaran politikal yang mengecam Perhimpunan Anti-ICERD sebagai menjijikkan dan punca kehilangan semangat Wawasan 2020.<sup>477</sup>

Jadi, apabila hal-hal kecil berkaitan Islam dibesarkan sehingga menjadi isu, tentu sekali akan ada pihak berasa tidak selamat. Lebih-lebih lagi apabila tiga serangkai penguasa undang-undang dilihat menari bersama Ambiga Sreenevasan dan Siti Kasim dalam sebuah majlis makan malam di Kota Kinabalu.<sup>478</sup> Apa yang berlaku menimbulkan prasangka tentang etika kerja undang-undang.

## **Inkues Muhammad Adib**

Mohd Kassim bin Abd Hamid dan Asma binti Abdul Aziz mengerjakan solat Subuh bermula 18 Disember 2018 dengan perasaan duka. Kehilangan seorang anak dalam sebuah kemalangan memanglah perlu direndai. Tetapi apabila anak kesayangan dibunuh dalam sebuah tragedi yang dikatakan kemalangan, itu sangatlah berat untuk diterima. Namun, kesabaran mereka dari awal sehingga inkues ditamatkan memberikan inspirasi kepada semua.

<sup>476</sup> Farah Marshita, A.P. (2017, November 24). Dr. Mahathir larang Siti Hasmah bertudung. *Berita Harian*.

<sup>477</sup> Mohd Husni, M.N., et al. (2018, December 10). ‘Beliau bebas beri komen...’ – PM. *Harian Metro*.

<sup>478</sup> Zuhrin, et al. (2019, January 20). Gala dinner twist takes a spin. *The Star Online*.

Bersalut sekali dengan inspirasi itu ialah kemarahan yang diminyakkan lagi dengan amarah awam. Semuanya bermula apabila S. Ramaji memalsukan hakikat bahawa Adib dibelasah.<sup>479</sup> Penafian daripada pihak bomba telah mengundang permohonan maaf daripadanya. Tetapi topik pelanggaran masih tidak dihentikan angkara dua orang doktor. Pakar bedah daripada Pusat Perubatan Subang Jaya mengatakan bahawa kecederaan Adib lebih mirip dengan kemalangan motosikal.<sup>480</sup>

Walau bagaimanapun, keputusan forensik daripada Dr. Ahmad Hafizam Hasmi telah mencetuskan arus yang luar biasa. Beliau mendapati bahawa kecederaan Adib tidak selaras dengan pukulan objek tumpul, tendangan dan tumbukan.<sup>481</sup> Penularan mengejut ini telah membelahkan masyarakat kepada dua:

1. Penutupan cerita.
2. Kesudahan diperlukan.

Bagi kategori kedua, mereka memburu jawapan daripada seorang jururawat Institut Jantung Negara.

Siti Syafika Amira pula tampil beberapa hari kemudian dengan permohonan maaf kerana berlaku emosi semasa mendakwa tentang kecederaan Adib.<sup>482</sup> Apabila pihak berkuasa seperti bomba dan polis berkata satu perkara dan pihak forensik berkata sebaliknya, kes Adib telah menjadi ke berprofil tinggi. Perbicaraan tentang status Kuil Seafield Sri Maha Mariamman telah ditangguhkan bagi memberi laluan kepada perkara yang lebih utama; inkues Muhammad Adib.

Pada awal kematian Adib, gayanya akan ditutup sebagai kemalangan. Tetapi laporan bedah siasat Hafizam telah dicabar oleh seorang profesor daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Dr. Shahrom Abdul Wa-

479 Dania, Z. (2018, November 28). Muhammad Adib dilanggar jentera bom-ba sedang mengundur, bukan diserang “perusuh”? *Astro Awani*.

480 Malaysia Today. (2019, February 21). Kecederaan Adib Bukan Macam Dipukul.

481 Norrasyidah, A. (2019, March 22). Kecederaan Adib bukan seperti dipukul – Pakar forensik. *Berita Harian*.

482 Ho, K.Y. (2019, March 27). Jururawat IJN mohon maaf di inkues atas dak-waan mengenai Adib. *Free Malaysia Today*.

hid melontarkan pendapat bahawa dapatan Hafizam Hasmi bercanggah dengan pakar forensik Hospital Kuala Lumpur yang melakukan bedah siasat.<sup>483</sup>

Kecederaan pada bahagian dada meyakinkan Shahrom Wahid bahawa Adib ditendang semasa di pintu van.<sup>484</sup> Pertukaran hujah ini juga jatuh pada masa yang salah. Hal ini bukan kematian seorang individu tidak dikenali kerana jutaan orang mendesak keadilan demi kes Adib. Ajalnya yang terlalu hampir dengan tarikh perkahwinan memberikan definisi penganiayaan terhadap jiwa seorang wanita bernama Nurul Najihah Mohd Radzi.

Najihah sendiri menghadiri inkues yang secara keseluruhan prosidingnya berlangsung selama 41 hari.<sup>485</sup> Tetapi jika Hafizam Hasmi tidak betul, permohonan maaf daripada jururawat Syafika Amira dipersoalkan tentang tekanan pihak ketiga. Pada asalnya kebarangkalian ini hanyalah spekulasi yang direalisasikan apabila peguam keluarga Adib menarik diri pada hari ke-36.

Tindakannya memberikan penumbuk padu terhadap integriti bidang kuasa keadilan sendiri. Syazlin Mansor mengejutkan semua kerana mengatakan bahawa beliau khuatir dengan keselamatan dirinya apabila pihak tertentu tergugat.<sup>486</sup> Mahathir pula menegur bahawa Syazlin tidak sepatutnya berbuat sedemikian, sambil berkongsi satu lagi perkara mengelirukan. Syazlin menurut Mahathir sedang mewakili keluarga Adib dan juga kerajaan PH melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.<sup>487</sup>

Dakwaan konflik kepentingan meleraikan dulu apa-apa jua andaian mengenai campur tangan sehingga bapa Adib memfailkan permohonan baharu. Kali ini Mohd Kassim membuka prosiding penghinaan

483 Sarah, Z. (2019, April 19). Laporan bedah siasat Adib mengelirukan. *Harian Metro*.

484 Sarah, Z. (2019, July 3). Adib ditendang di pintu van – Dr. Shahrom. *Harian Metro*.

485 Syah Rul, A.A, et al. (2019, September 27). Nurul Najihah hadir inkues buat pertama kali. *Harian Metro*.

486 Sarah, Z. (2019, May 27). Peguam tarik diri sebab terima tekanan. *Harian Metro*.

487 Suraya, R. (2019, Mei 28). Syazlin tak patut tarik diri – Tun M. *Harian Metro*.

mahkamah. Tetapi kes tersebut tidak dibuka terhadap Syazlin. Sebaliknya Tommy Thomas yang dijadikan tertuduh.<sup>488</sup> Keluarga Adib hanya mahukan Tommy memohon maaf kerana berlaku sebelah pihak dalam kes Adib sekali gus menghina mahkamah.<sup>489</sup>

Inkues yang dibuka untuk mengenal pasti pembunuhan Adib telah mendatangkan kemelut baharu pula tentang keupayaan Tommy dalam mengendalikan sesuatu kes. Walaupun menafikan sebarang campur tangan, inkues tetap berjalan. Semakin hari semakin mendebarkan. Pelbagai persoalan dihamburkan dan hujah dimainkan. Pada penghujungnya, suatu keputusan berjaya dicapai.

Muhammad Adib Mohd Kassim telah dibunuh dalam rusuhan malam tersebut.<sup>490</sup> Beliau tidak dilanggar. Sebaliknya beliau dipukul sehingga tercedera dengan teruk yang menyebabkan kematian. Testimoni daripada saksi seperti R. Narresh bagi Rofiah Mohammad sudah mencukupi – bahawasanya mereka berjaya membuktikan niat di sebalik setiap pukulan dibuat, sekali gus menghapuskan sebarang potensi tidak sengaja.

Adib telah dibunuh. Kuil tersebut masih berkekalan.

### **Sentimen Keganasan yang Menyingkap Kelompangan**

Keputusan inkues Muhammad Adib Mohd Kassim tidak mencetuskan huru-hara dalam negara. Sebarang kekecohan berunsurkan indophobia tidak berlaku sama sekali. Tiada kuil dibakar. Seorang warga India pun tidak diapa-apakan, melainkan kes-kes jenayah yang tidak berkaitan. Tetapi Muhammad Adib bukanlah dilema negara yang mendedahkan jurang sosial antara Melayu dengan India. Dua bangsa tersebut tidak berkongsi sebarang pertalian seperti sejarah dan agama, sekali gus sukar untuk digaulkan.

Mengorek lubang sedalam enam kaki memerlukan tenaga fizikal

488 Sarah, Z. (2019, July 16). Bapa Adib fail permohonan terhadap AG. *Harian Metro*.

489 Sarah, Z. (2019, Ogos 9). Hanya mahu Peguam Negara minta maaf! *Harian Metro*.

490 Ramendran, C., et al. (2019, September 27). Coroner's Court rules that murder was the cause of Muhammad Adib's death (updated). *The Sun Daily*.

yang kuat. Entah apa yang bakal ditemui seperti batu atau pasir. Tetapi yang pastinya, sasaran mesti dicapai kerana ada jenazah menunggu. Tempoh kerajaan pasca pilihan raya ibarat mengorek lubang sedemikian. Jenayah terhadap Adib pula bagaikan menempah batu nisan. Tetapi jurang sosial antara Melayu dengan India, senang kata mengukirkan nama Pakatan Harapan.

Percikan api itu meledak semasa pentadbiran Tun Abdul Razak lagi tetapi bukan di Malaysia. Sebaliknya jauh di Sri Lanka suatu jurang sosial antara Sinhala dengan Tamil telah menyebabkan pergeseran so-siobudaya yang mencetuskan sebuah perang saudara.

Dalam peperangan tersebut, Sri Lanka ditentang oleh sebuah pertubuhan militan yang dikenali sebagai Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE). Struktur kepimpinannya terdiri daripada Velupillai Prabhakaran, Balasegaram Kandiah, Karuna Amman dan ramai lagi. Metodologi peperangan LTTE berpaksikan psikologi dan gerila. Ideologi nasionalisme dan pemisahan diimarahkan menimang sokongan ramai.

Kematian Prabhakaran pada tahun 2009 telah menamatkan riwayat LTTE tetapi jauh sekali dengan manisan di mata dan lidah masyarakat. Perjuangan hampir 26 tahun ini telah memburukkan nama LTTE atas pelbagai jenayah perang. LTTE amat terkenal dengan pembunuhan profil tinggi seperti Rajiv Gandhi dan Ranasinghe Premadasa.

Pada kemuncaknya, organisasi ini telah dicalarkan dengan label keganasan. Tetapi satu masalah dengan organisasi keganasan ialah sentimen yang dinikmatinya. Unsur kebangsaan dan juga kepentingan geopolitik boleh memberikan sahabat kepada sebuah organisasi keganasan (dan juga menarik balik). Pemergian Prabhakaran tidak semestinya bererti kesudahan sepertimana dilihat dalam al-Qaeda yang legasi Osama bin Laden diteruskan Ayman al-Zawahiri.

Shanmugam Tharmalingam telah lama dimasukkan dalam senarai dikehendaki Interpol kerana aktiviti penyeludupan senjata. Malah beliau juga disyaki terlibat dalam misi yang membunuh Rajiv Gandhi. Pada 5 Ogos 2009, Shanmugam atau nama lainnya Selvarasa Pathmanathan diberkas di Malaysia,<sup>491</sup> melalui suatu perancangan sulit. Pihak berkuasa Malaysia memberkas tujuh orang secara keseluruhan dalam masa dua

491 BBC. (2009, August 7). New Tamil Tiger head is arrested.

bulan dengan prasangka bahawa LTTE sedang menggunakan Malaysia sebagai perantara.<sup>492</sup>

Kes yang sepatutnya selesai di bawah Barisan Nasional malang sekali timbul dalam keadaan sangat serius semasa pemerintahan PH. Sekeping gambar elektronik ditularkan yang menunjukkan seorang ahli politik memandang kepada gambar senapang automatik. Ramasamy Palanisamy berbaju putih dan pada masa penularan sudah pun memulakan tempohnya sebagai Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Beberapa kumpulan dengan pantas membuat laporan polis terhadap Ramasamy yang dituduh terlibat dengan LTTE. Ketua Menteri Chow Kon Yeow pula meminta masa supaya Ramasamy boleh memberikan keterangan.<sup>493</sup> Ramasamy menempelak semula bahawasanya tuduhan ini berkaitan dengan ketegasannya terhadap Zakir Naik.<sup>494</sup>

Tetapi isu tersebut tidak bermula dengan Ramasamy sebenarnya. Beliau hanya sebahagian yang tidak berkaitan pun. Namun, David Marshel telah melontarkan pendapat yang mungkin boleh dibuat sebagai pelan tindakan untuk memahami isu terbabit. Mengetuai Tamil Kural, David mendakwa bahawa 90% populasi Tamil sedunia menyokong LTTE.<sup>495</sup>

Dalam masa sekelip mata, kata-katanya menzahirkan kebenaran. Sebelum kehilangan jawatannya sebagai Ahli Parlimen Cameron Highlands, Sivarajah Chandran telah menafikan bahawa LTTE ialah sebuah kumpulan pengganas.<sup>496</sup> LTTE telah diputihkan wajah mereka sebagai pejuang pembebasan yang memperjuangkan kemerdekaan berdasarkan aspirasi mereka. Jika dilihat dalam media sosial, LTTE telah dibandingkan dengan Hamas yang sedang terkepung di Semenanjung Gaza dengan persaingan politik bersama Fatah bagi penguasaan Tebing Barat.

492 The Times of India. (2014, July 5). Is LTTE trying to revive movement using Malaysia as transit point?

493 Mohamad, F. (2018, July 24). Ramasamy should explain Tamil Tiger links, says DAP. *Free Malaysia Today*.

494 Mohamed, B. (2018, July 25). Ramasamy slams critics on LTTE claims, again. *New Straits Times*.

495 Opalyn, M. (2018, July 27). NGO: Backing Tamil Tigers doesn't make you a terrorist (VIDEO). *The Malay Mail Online*.

496 Minderjeet, K. (2018, July 30). LTTE not a terrorist group, says MIC. *Free Malaysia Today*.

Kenyataan David Marshel sekali lagi dibuktikan kebenarannya pada 13 Oktober 2019. Seorang anggota polis daripada Bukit Aman tampil bagi menjelaskan penangkapan lima individu yang berdepan dengan tuduhan berkaitan LTTE. Ayob Khan Mydin Pitchay mengesahkan bahawa individu-individu tersebut sedang mempromosikan LTTE. PH digegarkan apabila dua ahli DAP terlibat dalam kumpulan tersebut.

Jika didapati bersalah, Saminathan Ganesan akan digugurkan kerusi N.07 Gadek yang mempunyai majoriti 307 sahaja. Seorang lagi ialah P. Gunasekaran yang diwakili R.S.N. Rayer dari Jelutong.<sup>497</sup> Perbicaraan terhadap Saminathan siap dibaca dalam bahasa Tamil pula.<sup>498</sup> Ulasan panjang tidak diperlukan bagi topik ini kerana nasib Gunasekaran dan Saminathan sampai pada perhatian Tommy Thomas.

Beberapa bulan kemudian, keputusan pantas dibuat apabila prosiding jenayah terhadap 12 tertuduh digugurkan. Dalam kenyataan media sepanjang 11 muka surat, Tommy mengatakan bahawa simpanan gambar Prabhakaran dalam telefon bimbit atau media sosial tiada prospek untuk pendakwaan. Jika perbuatan sedemikian dianggap jenayah, undang-undang negara tidak akan dihormati.

Kedaulatan undang-undang yang dicanangkan selama ini telah memutikkan hipokrasi apabila segala usaha daripada pihak polis sehingga pendakwaan diketepikan begitu sahaja atas pendapat seorang peguam. Mungkin Saminathan dan Gunasekaran boleh menghela nafas lega buat sementara waktu – sebab Hamzah Zainudin yang mengambil alih Muhyiddin Yassin beberapa minggu kemudian menyentuh tentang pertimbangan semula.<sup>499</sup>

497 Sarban, S. (2019, November 6). Two charges dropped against Seremban Jaya rep Gunasekaran over LTTE links. *The Star Online*.

498 The Star Online. (2020, January 22). Gadek rep Saminathan pleads not guilty to LTTE-related charge.

499 Farik, Z. (2020, March 12). Home Minister to discuss dropped charges on LTTE 12. *The Star Online*.

# Seminggu yang Gila

---

**S**emasa Pakatan Harapan menghampiri kemenangan dalam satu malam yang mendebarukan, suara-suara bisikan menyatakan bahawa Najib Razak bakal mengisyiharkan perintah berkurung dan undang-undang tentera.<sup>500</sup> Tidak pernah dalam sejarah Barisan Nasional tumbang sebegitu rupa. Peralihan kuasa tetap berlaku, menyaksikan penyatuan beberapa pemimpin yang lama bercakaran. Tetapi pembentukan kerajaan antara buaya, harimau, helang dan jerung mungkin boleh membawa kegemilangan seandainya masing-masing menetap di habitat sendiri.

PH menampilkan kepimpinan yang bak kata Ahmad Zahid Hamidi menuju perpecahan.<sup>501</sup> Dr. Mahathir Mohamad boleh berbeza pendapat – tetapi realitinya PH sedang mati secara berperingkat. Jabat tangan antara Mahathir dengan Anwar Ibrahim melindungi konfrontasi di sebalik tabir. Dalam politik yang tidak pernah berterus terang ini, semua mengikut fitrah

sendiri. Pihak media tanpa henti mendendangkan dua topik membosankan; penjualan aset dan peralihan kuasa.

Hakikatnya Zahid sedang berkata apa yang jelas di mata. Dalam kalangan Parti Keadilan Rakyat pun terdapat perpecahan. Penyelancaran Rafizi Ramli gagal mematahkan kemaraan Azmin Ali yang disyaki tidak taat kepada Anwar. Tiada masalah jika Azmin seorang berlaku khianat. Namun, Azmin mempunyai pengaruh besar dalam PKR yang tidak perlu menandingi Anwar pun. PH tidak menikmati kuasa selesa dalam Dewan Rakyat ibarat bilangan perwakilan dalam nyawa-nyawa ikan.

Jika kumpulan Azmin keluar menjadi bebas sekalipun, hasrat Anwar untuk mengemudi negara tentu sekali tersekat. Prasangka buruk ini bermula sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 lagi. Kepimpinan PKR dilaporkan berantakan kerana tidak bersetuju dengan pemilihan calon pilihan raya.<sup>502</sup> Pertukaran senyuman dan

500 Westbrook, T., & Anathalakshmi, A. (2018, May 15). The week that Malaysian leader Najib's world fell apart. *Reuters*.

501 Hemanthanani, S. (2019, August 26). Dr. M rubbishes claims Pakatan will fall apart, says 'I am not walking alone'. *The Star Online*.

502 Manirajan, R. (2018, April 24). Azmin-Wan Azizah feud a sign of chaos to come at PKR elections. *New Straits Times*.

padanan warna baju Melayu hanyalah topeng semata-mata yang melindungi liku-likuan, bahwasanya Anwar dan Azmin sedang berperang.<sup>503</sup>

Jadi bercakaran dalam parti dan gabungan, PKR telah berubah daripada kuasa besar PH ke bom masa. Mahathir turut mengakui bahawa PKR mempunyai konflik dalaman.<sup>504</sup> Anwar dan Kit Siang juga dikatakan sedang berpakaat kononnya untuk menentang kepimpinan Mahathir.<sup>505</sup> Persepsi juga melibatkan UMNO bahawa melalui Hishamuddin Hussein, mereka sedang berusaha untuk kembali ke peringkat persekutuan.<sup>506</sup>

Permainan persepsi sebegini dianggap manisan politik, tetapi dari segi ekonomi pula impaknya berbisa. Pertembungan Anwar-Azmin pun menggusarkan para pelabur,<sup>507</sup> rata-ratanya selepas timbul pula video seks songsang yang mencungkil cara lama. Mendapan sedemikian dikeruhkan pula dengan ketidaktentuan politik berkaitan penyerahan kuasa kepada Anwar.<sup>508</sup> Persoalan mula timbul; “Bila Mahathir akan serahkan kuasa?”

Asalnya diakui bahawa Mahathir akan pegang selama dua tahun sahaja. Berpegang kepada perakuan tersebut, Anwar memberitahu Bloomberg bahawa beliau akan mengambil alih pada Mei 2020.<sup>509</sup> Ber tanggapan bahawa Mahathir boleh bersara kemudian untuk menikmati terbit tenggelam suria di Malaysia di bawah Anwar sepertimana patut berlaku sebelum kedatangan alaf baharu.

Tetapi sepertimana yang berlaku sebelum alaf baharu, Mahathir mengatakan bahawa beliau tidak perlu cerewet bulan berapa untuk

503 Arfa, Y. (2019, December 11). Azmin and Anwar in a state of war. *New Straits Times*.

504 Justin, O. (2019, December 8). Dr. M confident PKR infighting won't derail Pakatan but keeps clear of worsening row. *Malay Mail Online*.

505 Hemananthani, S. (2019, August 26).

506 Zakiah, K. (2019, October 16). Dr. M: Go ahead, try to break Pakatan apart. *The Star Online*.

507 Leong, T. (2019, August 12). Investors brace themselves for political uncertainty in Malaysia amid spat between PKR leaders. *The Straits Times*.

508 Carvalho, M. (2019, October 14). Uncertainty over leadership transition affected investors' confidence, says Khairy. *The Star Online*.

509 Luqman, H. (2019, September 18). Anwar jangka ganti Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri sekitar Mei 2020. *Astro Awani*.

melepaskan jawatan.<sup>510</sup> Hal ini menunjukkan dimensi kebarangkalian beliau meneruskan tempohnya. Abdul Hadi Awang turut memainkan peranan dalam percaturan ini dengan memberikan sokongan partinya untuk Dr. Mahathir sehingga tamat penggal pula.<sup>511</sup>

Akhirnya, Majlis Presiden PH telah mengadakan mesyuarat yang berlangsung selama dua jam setengah. Dengan panjang lebar mereka membincangkan tentang masa depan gabungan tersebut. Penyerahan kuasa disebut akan berlaku selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik,<sup>512</sup> tetapi dengan satu syarat, enam perkataan autoratif;

“No time. No date. No nothing.” Persidangan tersebut akan dilangsungkan pada November 2020. Anjuran tersebut mengembalikan nostalgia lama iaitu pada 17–18 November 1998, Mahathir mengetuai sidang tersebut semasa Malaysia dijadikan tuan rumah.

Anwar dalam keadaan tersenyum mendendangkan semangat solidariti bahawa tiada siapa perlu ditekan supaya penyerahan kuasa dibuat.<sup>513</sup> Beliau turut menyeru semua ahli gabungan menghormati keputusan yang dibuat Majlis Presiden.<sup>514</sup>

Namun, ahli-ahli PKR menunjukkan penerimaan bercanggah. Beberapa ahli PKR mendesak Mahathir berundur pada bulan Mei seperti yang dijanjikan.<sup>515</sup> Salah seorang daripada mereka ialah Nik Nazmi Nik Ahmad yang mewakili P118 Setiawangsa.<sup>516</sup> Charles Santiago turut mendesak Majlis Presiden menetapkan tarikh penyerahan kuasa.<sup>517</sup>

510 Madiha, A. (2019, September 20). ‘Saya akan umum tarikh serah jawatan’ – PM. *Astro Awani*.

511 Hanneeyzah, B.B. (2019, September 20). PAS tetap sokong Tun M terus jadi PM. *Berita Harian Online*.

512 Rafidah, M.R., & Luqman, A.A.K. (2020, February 22). ‘Saya tentukan bila hendak lepas jawatan’ – Tun M. *Berita Harian Online*.

513 The Edge Markets. (2020, February 20). No one should be pressured on transition: Anwar.

514 Hemanthanji, S. (2020, February 22). Anwar urges PKR members to respect Pakatan’s presidential council decision. *The Star Online*.

515 Fatimah, Z. (2020, January 14). Dr. M: If PH presidential council wants me to go, I’ll go now. *The Star Online*.

516 The Star Online. (2020, January 3). PH must clearly commit to May 2020 power transition, says Nik Nazmi in New Year message.

517 The Star Online. (2020, January 15). Klang MP on PM transition: Ball in your court, presidential council

Mei dan November hanya berjurang enam bulan sahaja. Tetapi terdapat satu masalah dengan November yang dimaksudkan. Oleh sebab tiada tarikh ditentukan, penyerahan kuasa mungkin berlaku bila-bila masa sehingga 16 Julai 2023 apabila Dewan Rakyat dibubarkan secara automatik.

Persepsi dan spekulasi ini hanya memeningkan rakyat kerana pembangkang tidak langsung mencetuskan. Sama ada Muafakat Nasional atau Gabungan Parti Sarawak mahupun parti-parti kecil, tiada siapa yang terlibat dalam mencetuskan pertelaghanan berbisa ini. Tajuk-tajuk utama media menggambarkan bahawa PKR tidak bersetuju dengan keengganinan Mahathir untuk melepaskan jawatan. Beliau disuruh berundur, meletakkan jawatan dan bersara, Anwar pula mengeluarkan kenyataan dicanggah anak-anak partinya seolah-olah ada unsur sabota).

Tetapi apabila Mahathir akhirnya meletakkan jawatan, realiti berlainan pula berlaku.

## Langkah Sheraton

Kebebasan dalam menentukan tarikh tidak diterima baik oleh semua pihak. Malah terdapat juga sumber yang mengatakan bahawa perbincangan dua setengah jam terlalu panas. Azmin Ali dan Marzuki Yahya tidak berpuas hati akan kelantangan beberapa ahli majlis terhadap Dr. Mahathir Mohamad.<sup>518</sup> Kuasa Marzuki sebagai Setiausaha Agung Bersatu merupakan suatu kata putus, lebih-lebih lagi apabila timbul ura-ura Marzuki mengugut mengeluarkan Bersatu daripada PH. Azmin pula mengadakan pertemuan dengan sekutu-sekutunya di sebuah hotel Putrajaya.

Satu perkara yang perlu dinyatakan. Jika ditanya orang ramai, semua berani mengatakan bahawa Mahathir tidak akan berundur untuk Anwar Ibrahim. Namun kata-kata yang keluar daripada Mahathir masih lagi konsisten, cuma tidak semuanya boleh dipercayai. Maka disebabkan itu juga apabila 23 Februari muncul tiba, semua mata terletak bukan pada apa yang berlaku. Sebaliknya bayangan di minda ialah perbalahan 1998 yang dikatakan Anwar sebagai hanya luka kecil.

Mengadakan majlis makan malam ialah satu perkara biasa. Tetapi

518 Arfa,Y. (2020, February 23). Meeting turns tense. *New Straits Times*.

pergerakan politik Malaysia pada 23 Februari 2020 terlalu bermuslihat. Beberapa parti telah menganjurkan mesyuarat tergempar secara serentak. Menara Yayasan Selangor di Petaling Jaya mengumpulkan Bersatu. PAS menyertai UMNO di Janda Baik, tetapi Majlis Tertinggi UMNO berada di Pusat Perdagangan Dunia Putra manakala Gabungan Parti Sarawak pun tiba di Kuala Lumpur.

Kelima-lima mesyuarat tersebut diadakan dua hari selepas Majlis Presiden PH bermuafakat.<sup>519</sup> Tetapi figura dalam perhatian buat masa ini bukanlah Mahathir atau Anwar. Mata memandang seseorang yang telah lama dilabel Si Kitol dan Raja Mendeliar. Semua telah menunggu bidak catur Azmin sejak pemilihan parti lagi. Selepas berjumpa dengan sekumpulan wakil-wakil Dewan Rakyat, Azmin bergerak ke satu destinasi yang sangat bersimbolik.

Hotel Sheraton ialah tempat yang mengumpulkan pemimpin-pemimpin PH selepas Pilihan Raya Umum ke-14. Di sinilah Mahathir mengejutkan negara dengan aura begitu kuat meskipun umurnya.

Bersama Azmin ialah Hamzah Zainuddin, Baru Bian, Ronald Kian-dee dan Maria Chin. Oleh sebab Mahathir berada tidak jauh dari situ dalam Menara Yayasan Selangor, Hotel Sheraton telah menjadi kiblat politik susulan berita pemecatan Zuraida Kamaruddin mula berlegar.<sup>520</sup> Kemudian, Azmin pergi mendapatkan pertemuan bersama Yang Di-Pertuan Agong di Istana Negara.

Beliau tidak keseorangan kerana di belakangnya ialah Muhyiddin Yassin, Ahmad Zahid Hamidi, Abdul Hadi Awang, Abang Johari Openg dan Shafie Apdal.<sup>521</sup> Mereka memberitahu Sultan Abdullah tentang perkembangan politik terkini, iaitu suatu gabungan baharu bakal diasaskan yang cukup kuota Dewan Rakyat untuk membentuk kerajaan.<sup>522</sup> Selepas itu mereka kembali ke Hotel Sheraton dan dikerumuni rapat tanpa sebarang peluang untuk pihak media.

S19 Astro Awani. (2020, February 3). Apa maksud 5 mesyuarat politik diadakan serentak hari ini?

S20 Kasthuri, J. (2020, February 23). Azmin mesyuarat di hotel, Hamzah Zainuddin dan Baru Bian turut hadir. *Malaysia Gazette*.

S21 Malaysia Kini. (2020, February 23). New coalition: Anwar in emergency meeting, Azmin vows to continue reform agenda.

S22 Shado, R. (2020, February 23). PAS, UMNO, Bersatu, Amanah and 10 PKR MPs said to be forming a new coalition govt. Says.



Tidak lama sebelum Langkah Sheraton menyapai telinga Anwar di rumahnya. Beliau berbaju putih dan terkejut, Anwar mengakui telah dikhianati Bersatu dan cebisan PKR.<sup>523</sup> Pengkhianat sebenar bagi Azmin ialah golongan yang memaksa Mahathir berundur.<sup>524</sup> Dengan nada jelas, Langkah Sheraton ialah pengumpulan akuan berkanun kepada Yang Di-Pertuan Agong sebagai bukti majoriti menyokong kepimpinan Mahathir.<sup>525</sup>

Tindakan tersebut bagi Mohamad Sabu ialah satu perkara yang biasa,<sup>526</sup> bahawa PH akan kekal sebagai pemerintah. Mohamad Sabu sebelum ini pernah membuat kenyataan bahawa menjelang pilihan raya,

S23 Channel News Asia. (2020, February 24). Anwar Ibrahim says he has been betrayed by Pakatan Harapan partners amid talk of new ruling coalition.

S24 Amar, S.M. (2020, February 25). 'Move was to protect Mahathir': Azmin Ali. *The Sun Daily*.

S25 Minderjeet, K. (2020, February 25). Team Azmin distributes SD to cement support for Dr. M, not form new govt, says ex-PKR leader. *Free Malaysia Today*.

S26 Zaim, I. (2020, February 23). Pakatan to stay on, no need to panic, says Mat Sabu. *The Malaysia Insight*.



rakyat akan melempar Najib. Tetapi kali ini saranannya ternyata meleset sejauh-jauhnya kerana apa yang berlaku sememangnya tidak normal.

Keesokannya, Anwar diikuti Wan Azizah Ismail, Mohamad Sabu dan Lim Guan Eng cuba berjumpa dengan Mahathir di Perdana Putra. Tetapi Mahathir tiada di pejabat, menyebabkan pucuk kepimpinan ini bergegas ke kediamannya pula di Seri Kembangan. Cuaca ketika mereka menunggu Mahathir di luar rumahnya tidak menandingi kepanasan politik saat itu.

Selepas pertemuan tertutup mereka, timbul pula persoalan baru. Mahathir tiada kaitan dengan Langkah Sheraton.<sup>527</sup>

---

527 Ahmad Suhael, A. (2020, February 24). Dr. Mahathir bukan dalang – Ramasamy. *Berita Harian*.

## Krisis Politik Negara

Langkah Sheraton yang asalnya dilihat percaturan taktikal Dr. Mahathir Mohamad telah berubah perisa. Sekarang ini Mahathir telah dipergunakan untuk mencapai matlamat politik. Wajah sebahagian sokongan yang mengilai-ilai terhadap Anwar Ibrahim bertukar cuka apabila Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.<sup>528</sup> Akhirnya Mahathir telah berundur daripada tampuk kuasa sepertimana yang dimahukan penyokong-penyokong Anwar.

Tetapi situasi tidak membenarkan Anwar naik, oleh sebab pengendalian krisis yang dilihat tersalah langkah. Dua perkara utama berlaku dalam Pakatan Harapan yang mungkin boleh dikatakan mengorek liang lahad sendiri. Pertama, Saifuddin Nasution telah mengumumkan pemecatan Azmin Ali dan Zuraida Kamaruddin kerana melanggar prinsip parti.

Apabila kedua-dua individu tersebut dibuang, sembilan wakil Dewan Rakyat berpaling daripada PKR. Legitimasi perundungan yang mengekalkan pentadbiran PH di Putrajaya mula cair. Pengunduran Mahathir sekali gus membubarkan Kabinet Kementerian yang tampuk mereka dipangku secara sementara oleh penjawat-penjawat awam. Sultan Abdullah menerima surat peletakan jawatan Mahathir tetapi melan tik semula beliau sebagai pemangku Perdana Menteri.<sup>529</sup>

Namun, nasi sudah pun menjadi bubur buat PH. Sudahlah kehilangan majoriti selepas Muhyiddin Yassin mengumumkan Bersatu keluar daripada PH.<sup>530</sup> Mahathir pula telah melepaskan jawatannya sebagai pengurus parti untuk menunjukkan bahawa beliau memang tidak merestui Langkah Sheraton.

Tindak-tanduk ahli-ahli politik telah menyebabkan satu perkara tidak pernah berlaku dalam negara. Belum lagi seorang ketua negara terpaksa

---

S28        Reuters. (2020, February 24). Malaysia's Mahathir will not ally with previous ruling coalition – Anwar.

S29        Channel News Asia. (2020, February 24). Malaysian king appoints Mahathir as interim PM after accepting his resignation.

S30        Berita Harian Online. (2020, February 24). PH hilang majoriti jadi Kerajaan Pusat.

terlibat dengan begitu aktif untuk menyelesaikan kemelut yang berlaku. Sultan Abdullah mendapati beban amanah berada di bahu institusi yang disandang. Baginda mengambil keputusan untuk berbual dengan setiap ahli parliment selain Mahathir.<sup>531</sup>

Seramai 221 wakil rakyat diseru ke Istana Negara bermula dengan 90 orang terlebih dahulu untuk memupuk ketelusan. Seolah-olah baginda tahu apa yang akan berlaku jika keputusan melulu dibuat. Walau bagaimanapun, Bersatu menolak peletakan jawatan Mahathir sebagai pengerusi untuk menyatakan sokongan yang tidak berbelah.<sup>532</sup>

Selepas bertemu dengan Sultan Abdullah, keadaan politik telah beransur dengan jelas. Tetapi solusi masih jauh daripada capaian. Muafakat Nasional bersedia dengan sebarang kerjasama bersama Mahathir tertakluk kepada satu syarat. Mahathir hanya perlu bersetuju sahaja. Tetapi kemudian MN menerusi Annuar Musa membantalkan sokongan kerjasama dan menggesa pembubaran Dewan Rakyat.<sup>533</sup>

Permintaan MN dilihat mudah; sebuah kerajaan tanpa DAP. Tetapi Mahathir inginkan sebuah kerajaan tanpa pembangkang sebenarnya. Kerajaan perpaduan di bawah Mahathir jika cukup majoriti boleh mengambil wakil rakyat daripada mana-mana parti untuk mengisikan jawatan penting dalam Kementerian.<sup>534</sup> Cadangan sedemikian ternyata ditolak MN, sekali gus menyebabkan tiga bahagian dalam struktur Dewan Rakyat tanpa satu pihak pun melepassi 111 kerusi.

Belitan maut ini ingin diselesaikan PH dengan segera. Amanah, DAP dan PKR menjemput Mahathir untuk hadir satu mesyuarat pada malam 25 Februari. Oleh sebab beliau tidak hadir, PH sebulat suara memilih Anwar sebagai calon Perdana Menteri. DAP juga menuduh bahawa Ma-

531 Adam, A. (2020, February 25). Agong to personally interview each MP on PM candidate. *The Edge Markets*.

532 Amir, Y. (2020, February 25). Bersatu rejects Mahathir's resignation as party chairman. *Channel News Asia*.

533 Bernama. (2020, February 25). Muafakat Nasional cadang bubar Parlimen, tarik balik SD sokong Dr. M.

534 Reuters. (2020, February 25). Dr. Mahathir proposes to lead 'unity government' — sources. *The Edge Markets*.

hahir tidak lagi mahu dikongkong manifesto PH.<sup>535</sup> DAP turut menolak cadangan kerajaan perpaduan tanpa pembangkang yang membolehkan Mahathir melakukan apa sahaja.<sup>536</sup>

Pada 27 Februari, drama ini tiada kesudahan. Sultan Abdullah menunjukkan sikap prihatin kepada kebajikan pihak media yang berkumpul di luar pagar Istana Negara. Kelaparan mereka diutamakan baginda dan telah dijadikan pedoman dan juga inspirasi kepada rakyat. Setiap hari rakyat di media sosial tertanya-tanya makanan apa yang bakal diberikan kepada pihak media. Malah ada yang bertanya jika ada kekosongan untuk menyertai keistimewaan ini. Di sebalik keprihatinan ini, Sultan Abdullah meninggalkan satu jaminan yang bergema di seluruh negara, “Bersabarlah. Biar saya laksanakan tanggungjawab.”<sup>537</sup>

Sultan Abdullah telah menjadi lampu sebenar sesuatu harapan. Tetapi baginda tidak memperoleh sebarang majoriti daripada mana-mana pihak.<sup>538</sup> Di sini ada kerunsingan besar kerana hanya baginda sahaja tahu siapa menyokong siapa, sehingga akan akuan berkanun dibuat seolah-olah tiada makna. Sultan Abdullah mengadakan suatu persidangan bersama semua sultan pada 28 Februari.

Mahathir juga didapati melangkaui protokol apabila mengisyaitarkan persidangan khas di Dewan Rakyat pada 2 Mac untuk menyelesaikan kemelut ini. Yang Di-Pertua Mohamad Ariff Yusof mengatakan bahawa persidangan sedemikian tidak menepati peraturan Dewan Rakyat.<sup>539</sup> Bermakna tiada persidangan khas akan dilangsungkan. Sebaliknya Sultan Abdullah memanggil semula semua pemimpin parti untuk meletakkan calon.

535 Kanyakumari, D. (2020, February 27). Mahathir refused to commit to Pakatan Harapan manifesto after resignation, says DAP. *Channel News Asia*.

536 Lim, I. (2020, February 26). DAP reps say Pakatan went with Anwar as ‘Mahathir government’ would give Dr. M carte blanche. *The Malay Mail Online*.

537 Raja Noraina, R.R., & Muhammad, Y.M. (2020, February 25). ‘Bersabarlah, biar saya laksanakan tanggungjawab’ – Agong. *Berita Harian Online*.

538 Minderjeet, K. (2020, February 27). No clear majority, wait for special Dewan vote, says Dr. M. *Free Malaysia Today*.

539 Veena, B. (2020, February 28). No Parliament meeting on Monday as request does not follow house rules’. *New Straits Times*.

Setelah melihat bahawa Mahathir ialah jalan mati politik, pencalonan telah berubah arah. Presiden Bersatu telah menimang sokongan mencukupi bagi membentuk kerajaan. Dengan jelas Muhyiddin telah membelakangkan Mahathir, ketuanya selama 20 bulan dalam kerajaan. Kumpulan Azmin pun telah menyertai Bersatu dan menyokong pencalonan Muhyiddin.<sup>540</sup>

Menghampiri Mac, Bersatu pula telah berantakan dalam situasi lebih kritikal berbanding PKR. Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mengisyitiharkan keengganannya untuk bekerjasama dengan UMNO. Malah sayap Armada bersama Mukhriz Mahathir mengekalkan sokongan mereka kepada Mahathir.<sup>541</sup> Malah PH pun tidak terurus dengan pencalonan Anwar yang telah ditarik balik. Mereka menyatakan sokongan kepada Mahathir.<sup>542</sup> Anwar bergegas ke Istana Negara untuk melaporkan pertukaran pencalonan ini.<sup>543</sup>

## Endgame

Langkah Anwar Ibrahim mungkin sudah terlambat. Hal ini demikian kerana Muhyiddin Yassin telah mencukupkan angka Bersatu bersama MN, GPS, PBRS dan STAR di bawah gabungan baharu yang digelar Perikatan Nasional.

Sebagai langkah terakhir untuk menggagalkan PN, Chong Chieng Jen daripada DAP Sarawak bersetuju untuk mengetepikan perbezaan politik supaya GPS menyertai mereka.<sup>544</sup> Ketika ini GPS tiada masalah langsung untuk bekerjasama dengan PN meskipun penglibatan PAS.

540 Yiswaree, P. (2020, February 28). Azmin's gang now in Bersatu? President's aide says yes, but supreme council member says 'no clue'. *The Malay Mail Online*.

541 Channel News Asia. (2020, February 29). Cracks in Bersatu as Mahathir returns as Pakatan Harapan's PM candidate.

542 Berita Harian Online. (2020, February 29). PH sokong Tun M sebagai calon PM.

543 Safeek, A.R., & Mohd, N.P. (2020, February 29). Anwar keluar Istana Negara selepas 10 minit. *Berita Harian Online*.

544 The Borneo Post. (2020, February 29). DAP Sarawak willing to set aside differences to work with GPS to preserve PH govt, says Chong.

Tetapi islamisme tidak langsung boleh dibandingkan dengan kebiadaban DAP terhadap Sarawak. Abang Johari menolak tawaran Chien Jen kerana DAP sebelum ini membatalkan banyak projek persekutuan di Sarawak. Keceloparan Lim Guan Eng telah memakan diri kerana beliau juga pernah mengatakan bahawa Sarawak akan bankrap dalam masa tiga tahun.<sup>545</sup>

Pada petang 29 Februari, Istana Negara mengeluarkan kenyataan bahawa Muhyiddin berjaya meyakinkan Sultan Abdullah dengan 115 wakil rakyat. Cuma masalahnya senarai yang diberikan turut melibatkan Mahathir Mohamad, Mukhriz Mahathir dan beberapa ahli lain yang tidak mengaku sokongan. Tetapi ketika ini sebarang akuan berkanun sudah tidak lagi membawa makna. Hanya persidangan Dewan Rakyat sahaja boleh menurunkan Muhyiddin.<sup>546</sup>

Muhyiddin pun mengangkat sumpah pada pagi 1 Mac dan memasuki Perdana Putra keesokannya. Dalam suatu perutusan khas, Muhyiddin menyatakan bahawa beliau tidak berniat untuk menjadi Perdana Menteri. Sebaliknya pencalonannya adalah untuk menghentikan krisis perlembagaan. Pada penghujungnya, beliau mengucapkan terima kasih atas jasa Mahathir sepanjang pentadbiran pasca pilihan raya.<sup>547</sup>

Persidangan Dewan Rakyat dijadualkan bermula pada 9 Mac. Tetapi Muhyiddin menangguhkannya ke 18 Mei, satu tindakan yang lemah dalam pentadbirannya bagi Wong Chen.<sup>548</sup> Tetapi apa yang berlaku pada 18 Mei ialah jauh sekali daripada sangkaan. Dewan Rakyat pada masa itu sudah tiada lagi dalam ingatan semua. Hal ini demikian kerana ketika itu rakyat Malaysia telah berdepan dengan tragedi tidak pernah menimpa negara.

545 Larissa, L. (2020, February 29). We are not stupid, Sarawak CM tells DAP after peace offer. *Free Malaysia Today*.

546 Mohd Nasaruddin, P. (2020, February 29). 'New SDs made after Agong's decree do not hold water'. *New Straits Times*.

547 Joseph, L. (2020, March 2). PM: I'm not a traitor, I only wanted to save the country (updated). *The Star Online*.

548 Malaysia Kini. (2020, March 4). Postponing Dewan Rakyat sitting a sign of weakness, PKR MP tells PM.

Krisis politik telah berakhir tepat pada masanya. Tetapi negara telah rosak dengan teruk kerana pentadbiran Mahathir terlepas pandang satu lagi perhimpunan yang jauh lebih utama. Tetapi jika ada kebaikan yang disorak ramai semasa pergelutan ini, tentu sekali ia ialah peletakan jawatan Tommy Thomas.

# Duduk Diam-diam

---

Platform Pakatan Harapan terbentuk untuk menyatukan rakyat Malaysia tanpa politik perkauman. Tetapi kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad melebarkan lagi jurang antara kaum. Kelantangan barisan konservatif boleh dianggap satu perka-ra biasa. Tetapi penghijrahan penyokong-penyokong Melayu PH ke Perikatan Nasional meninggalkan dimensi politik perkauman. Se-mentara itu Cina dilihat akrab bersama Anwar Ibrahim. India pula agak cenderung kepada PH.

Mendapan sokongan Melayu tidak berlaku kerana unsur rasisme. Mahathir mengamalkan fal-safah ekonomi yang terlalu cetek untuk zaman semasa. Jika dulu kata-kata pedasnya dianggap sebagai nasihat daripada seorang ayah-anda. Tetapi apabila berulangan terlalu kerap, kebencian telah berputik. Tiada siapa gemar dicemuh atau diherdik terutamanya dalam penghinaan berbaur perkauman dalaman.

Melayu dipandang enteng oleh

Mahathir sendiri yang menyifa-tkan masyarakat tersebut tidak sanggup membuat kerja berat dan berpendapatan kecil.<sup>549</sup> Pegawai-pe-gawai kerajaan diminta me-negur golongan miskin supaya be-rusaha untuk menambah sumber pendapatan dan tidak mengharap-kan manfaat kerajaan.<sup>550</sup> Hakikat-nya jelas sekali Melayu sanggup membuat kerja apa sahaja seperti bekerja lebihan masa dan juga ber-sambilan dalam e-hailing sementara mengekalkan pekerjaan harian.

Kemiskinan sering kali ber-punca disebabkan oleh kerosakan dalam sistem atau ketidakadilan struktur ekonomi. Mahathir mengamalkan pendekatan neoliberalisme yang tidak sesuai langsung dengan negara. Beliau meman-dang kemiskinan berlaku kerana kegagalan seseorang. Pandangan-nya yang tidak relevan siap me-minta semua pihak supaya tidak berdengki kepada orang kaya.<sup>551</sup>

Penjualan asset kerajaan pula mencerminkan neoliberal-isme yang melunturkan potensi

<sup>549</sup> Nazura, N. (2019, October 17). Naratif Melayu malas kritik sikap, bukan kaum. *Berita Harian Online*.

<sup>550</sup> Hairulazim, M. (2019, December 2). Golongan miskin mesti usaha tambah pendapatan [METROTV]. *Harian Metro*.

<sup>551</sup> Malaysia Kini. (2020, January 6). Jangan simpan rasa iri hati pada orang kaya, pesan Dr. M.

ekonomi. Pentadbiran PH mengurangkan campur tangan perniagaan dalam sebuah kerajaan seharusnya kecil. Itulah prinsip neoliberalisme yang teorinya bermula dengan pembebasan harga, penswastaan dan penjimatan berbelanja. Tetapi pendekatan Mahathir sering kali menguntungkan barisan segelintir yang merujuk kepada sistem kapitalisme berunsurkan kroninya.

Semasa Krisis Kewangan 1997 melanda, Mahathir meluluskan paket menyelamatkan kroni-kroni sedemikian dalam usaha mengelakkan pemberhentian kerja.<sup>552</sup> Pendekatan Mahathir sendiri merudumkan popularitinya daripada 71% hingga 46% dalam masa setahun.<sup>553</sup> Kehilangan kuasa pula berlaku tepat pada masanya kerana bukan Mahathir sahaja perlu duduk diam-diam sekarang ini.

## **Salam Maut daripada Sahabat**

Sebuah podium konkrit berjubin perang telah didirikan di pertengahan bandar raya Wuhan. Di situ lah berdirinya tugu putih Mao Zedong yang sambil memegang topi selamanya berlambaian kepada pelajar-pelajar Universiti Sains dan Teknologi Huazhong. Adanya beliau di situ boleh dilihat seolah-olah satu kebanggaan juga, iaitu peringatan beliau sedang memberikan semangat supaya rakyatnya membuktikan eksperimen komunisme beliau lebih relevan berbanding usaha Vladimir Lenin.

Jika krisis politik Malaysia berlarutan selama seminggu lagi, mungkin keadaan akan semakin keruh. Hal ini demikian kerana tidak sampai sejam mengharungi Lebuh Guanshan dari tugu peringatan tersebut, terletaknya sebuah pasar basah berpapan tanda biru yang tertulis Wuhan Huanan Haixian Pifa Shichang. Ia juga digelar syurga makanan bagi pelancong-pelancong Wuhan, di sinilah realiti memacak khemahnya sebagai neraka dunia.

Selalunya ayam, daging, ikan dan sayur-sayuran dijual dengan penuh tenaga di pasar-pasar basah dunia. Namun, Pasar Makanan Laut Hua-

552 Jo, T. (2019, October 29). Dr. M: Bailing out tycoons during financial crisis was to minimise retrenchment, help country's economy. *The Star Online*.

553 Sipalan, J., & Rozanna, L. (2019, May 10). Malaysia's hopes of economic revival under Mahathir fade. *Reuters*.

nan tersebut menjual haiwan-haiwan eksotik untuk menyedapkan tekak populasi sana.<sup>554</sup> Papan harga pasar itu menawarkan 112 bahan seperti buaya, cicak, landak, merak, tikus dan ular. Ada pemborong menjual anak serigala, rubah kecil dan musang hidup. Sudah tentunya babi dijaja sekali bersama koala, tenggiling bersisik dan kelawar ladam.

Amalan mereka telah dipilih alam semula jadi untuk menjadi titik permulaan suatu wabak yang begitu dahsyat. Koronavirus mempunyai persamaan ketara dengan SARS-CoV. Koronavirus berasal sama ada daripada tenggiling atau kelawar yang dijual. Ada juga menjekinya daripada ular tedung Cina.<sup>555</sup> Haiwan mana pun asal usulnya, koronavirus telah membabit dengan kepentasan begitu dahsyat sehingga Amerika Syarikat sendiri tersungkur.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menggelarkan pandemik ini sebagai suatu krisis kesihatan global yang tidak pernah berlaku sepanjang 75 tahun. Institusi pendidikan terpaksa ditutup. Acara keramaian wajib ditangguhkan atau dibatalkan. Hidup berkuarantin menggantikan kebebasan yang telah lama dinikmati.

Koronavirus tiba di Malaysia pada 24 Januari 2020 apabila lapan warga China dikuarantin di Johor Bahru.<sup>556</sup> Dr. Lee Boon Chye mengesahkan bahawa mereka hanya dipantau walaupun tiada simptom. Mereka didapati berhubung dengan seorang lagi warga China yang disahkan positif di Singapura. Tindakan Kementerian Kesihatan membuatkan hasil kerana tiga daripada mereka perlu digegaskan ke Hospital Sungai Buloh keesokan hari.<sup>557</sup>

Situasi masih lagi terkawal kerana ketiga-tiga mereka dijangkiti daripada seseorang bersumberkan Wuhan. Selagi mana koronavirus datang dari China, negara-negara lain hanya perlu membuat langkah pencega-

554 AFP. (2020, January 22). On the menu at China virus market: rats and live wolf pups. *AFP*.

555 Tang, A. & Timbuong, J. (2020, January 23). Health Ministry: Four suspected cases test negative for Wuhan virus (updated). *The Star Online*.

556 Ivan, L. (2020, January 24). Wuhan virus: Eight in isolation in JB after coming into contact with Singapore victim. *The Star Online*.

557 New Straits Times. (2020, January 25). [Breaking] 3 coronavirus cases confirmed in Johor Baru.

han. Walaupun Hospital Sungai Buloh terletak 360 kilometer jauh dari Johor Bahru, namun ia merupakan sebuah pusat kawalan berkelengkapan.

Airasia dan Malindo Air membatalkan perkhidmatan penerbangan ke Wuhan,<sup>558</sup> sementara Shafie Apdal pula menutup semua pintu antara Sabah dengan China.<sup>559</sup> Kerajaan pula berdepan dengan sedikit sebanyak kedegilan warga China. Sepasang suami isteri tidak mahu dikuarantinkan selepas anak mereka yang berusia dua tahun disyaki menghidap koronavirus. Mereka terpaksa ditahan polis di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.<sup>560</sup>

Sebelum 31 Januari, Malaysia melaporkan kes kelapan yang semuanya warga China. Harapan bahawa koronavirus ditewaskan dengan mudah meleset empat hari kemudian apabila seorang warga tempatan berusia 41 tahun disahkan positif.<sup>561</sup> Lelaki tersebut dipercayai terjangkit semasa menghadiri satu persidangan di Singapura yang turut dikunjungi beberapa delegasi China. Hospital Tuanku Ja'afar menerima dua warga tempatan dari Wuhan bagi tujuan kuarantin.

Kes ke-22 dilaporkan pada 15 Februari selepas seorang warga emas Amerika yang berlepas ke Kuala Lumpur dari Cambodia. Beliau merupakan salah seorang yang berlabuh di Silhanoukville. Asalnya negatif, Kementerian Kesihatan Cambodia menggesa Malaysia mengujinya semula. Akur pada permintaan, keputusannya mengejutkan semua – dan Malaysia terus mengumumkan bahawa semua kapal-kapal persiaran mewah tidak dibenarkan berlabuh kerana warga emas ini tiba di Cambodia melalui jalan laut. MS Westerdam yang bersinggah di Hong Kong tidak dibenarkan berlabuh di Filipina, Guam, Jepun dan Thailand.

11 hari kemudian, Malaysia berjaya menyembuhkan 20 daripada 22

558 The Star Online. (2020, January 24). Flights to Wuhan cancelled.

559 The Borneo Post. (2020, January 30). Wuhan coronavirus: All flights from China to Sabah suspended as state govt imposes travel ban.

560 Venesa, D. (2020, January 26). Wuhan virus: Chinese toddler, parents who dodged quarantine in Johor detained. *The Star Online*.

561 Bernama. (2020, February 4). First case of Malaysian positive for coronavirus.

pesakit tersebut. Pintu masuk negara dikawal begitu ketat dengan saringan suhu yang diwajibkan ke atas 7.62 juta orang. Tetapi pada hari itu seorang pekerja hospital di Kudat terpaksa dikuarantin selepas pulang dari Korea Selatan.<sup>562</sup>

## Pakatan Terhantuk Perikatan Tengadah

Kepimpinan kerajaan yang cekap, cepat dan cermat diperlukan sebelum sebuah negara dilanda krisis. Pakatan Harapan telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik untuk memulihkan pesakit-pesakit sedia ada. Tetapi kecekapan Kementerian Kesihatan telah lama dijangka kerana jabatan ini ialah yang terbaik dalam kerajaan. Cuma amatlah dangkal untuk mengharapkan kesempurnaan fungsi Jabatan Kesihatan.

Semasa perkembangan ini, PH digesa melaksanakan penutupan pintu terhadap negara-negara yang teruk dilanda koronavirus. Sekitar Januari dan Februari, China merajai statistik – maka buat sementara waktu, sempadan terhadap China diminta tutup sepenuhnya manakala semua pelancong China di Malaysia pula digesa berkuarantin.

Tetapi Dr. Mahathir Mohamad berlaku sinis terhadap gesaan ini dengan pertanyaan jika semua pelancong China perlu diletakkan dalam kandang lembu.<sup>563</sup> Selama dua bulan China tidak langsung dihalang daripada memasuki negara.<sup>564</sup> Kelemahan kerajaan telah mengundang padah dengan begitu berat. Koronavirus yang hampir ditewaskan telah melonjak akibat sintaian PH.

Mac bukanlah bulan yang baik bagi tahun 2020. Tiga bulan sebelumnya, dunia dilihat menghampiri Perang Dunia Ketiga selepas Qassem Soleimani dibunuh. Seandainya semboyan peperangan dibunyikan, kecelakaan yang menanti sama sekali tidak boleh dibayangkan. Bermula 1 Mac, Iran mula dilanda bencana koronavirus dengan lonjakan bertalu-talu. Ia dibawa dari China oleh seorang pedagang di Qom, Iran dan

S62 The Borneo Post. (2020, February 26). Kudat hospital worker quarantined.

S63 Firdaus, A. (2020, January 26). Mustahil untuk kuarantin semua pelancong China di Malaysia - Tun M. Astro Awani.

S64 Tuan Buqhairah, T.M.A. (2020, February 21). Covid-19: Tiada sekatan terhadap kemasukan rakyat China. Sinar Harian.

secara tidak langsung telah menjadi pusat penularan virus di Timur Tengah dengan lebih daripada 10 negara menjelaki kes tempatan dari Iran.<sup>565</sup>

Hassan Rouhani selepas berbincang dengan Ali Khameini membatalkan solat-solat jemaah termasuk pada hari Jumaat. Pendekatan ini diikuti banyak negara-negara Islam seperti Malaysia yang mencapai keputusan tersebut pada 16 Mac.<sup>566</sup> Malaysia telah ditenggelami kebanjiran koronavirus secara mengejut bermula 13 Mac. Majoriti kes-kes dilaporkan berasal daripada satu majlis empat hari yang dianjurkan di Masjid Sri Petaling.

Pada hari Muhyiddin Yassin mengangkat sumpah, majlis ini telah bersurai. Dengan pantas koronavirus menular, berikutan perhimpunan tabligh yang malang sekali telah menjadi kes berkluster. Maklumat mengenai angka sebenar peserta-peserta tabligh pun berubah-ubah dan beranggahan antara satu sama lain. Angka tersebut dijangka antara 5,000 hingga 14,500 orang berkumpul di Masjid Sri Petaling untuk Tabligh Akbar – tetapi persoalan pada masa itu ialah punca penularan dalam kangan mereka.

Sudah menjadi satu kebiasaan bagi jemaah tabligh untuk beramah mesra dalam aktiviti silaturahim mereka. Tidak pelik pun jika mereka makan berkumpulan dalam satu talam besar untuk membuktikan ukhuwah bersama. Tetapi jika inilah puncanya, tentu sekali kluster tabligh akan bermula dari awal lagi. Pelbagai persoalan berselirat dalam negara, daripada pertanyaan ikhlas ke pertikaian berstigma.

Punca gelombang mengejut ini melibatkan seorang pelajar Malaysia di Korea Selatan yang berusia 26 tahun.<sup>567</sup> Beliau kembali ke Malaysia pada 22 Februari 2020. Sepatutnya berkuarantin selama dua minggu, beliau dilaporkan menghadiri Tabligh Akbar dan mula bersimptom

---

565 Wright, R. (2020, February 28). How Iran became a new epicenter of the coronavirus outbreak. *The New Yorker*.

566 Mohd Amin, J. (2020, March 16). COVID-19: Tiada solat jemaah, Jumaat di masjid selama 10 hari - Mufti NS. *Berita Harian Online*.

567 Malaysia Kini. (2020, March 13). MOH: About 14,500 M'sians went to tabligh event, up from 5,000.

---

pada 3 Mac. Perkara ini juga telah menyebabkan sikap prejedis dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Sebelum ini warga China dibedil atas fakta dan juga perkauman. Sekarang ini umat Islam pula berdepan dengan rantaian yang sama susulan Tabligh Akbar yang menyebabkan lonjakan di negara-negara lain.<sup>568</sup> Apabila kes positif sudah mencecah 428, Malaysia sudah memasuki fasa pembendungan yang lewat. Kepimpinan PN mengadakan mesyuarat khas untuk membincangkan tindakan sepatutnya.<sup>569</sup>

Tiada sepatah pun daripada perbincangan dalam mesyuarat tersebut didedahkan kepada pihak umum. Tetapi ramai seolah-olah tahu kata putus yang dicapai. Kemudian, ditambah pula dengan saranan perintah berkurung daripada enam doktor terkemuka termasuk Ketua Pengarah Dr. Noor Hisham Abdullah.<sup>570</sup> Dengan mengejut, mereka membanjiri pasar raya sepertimana yang dilakukan rakyat Singapura hampir sebulan sebelumnya. Barangas asas seperti makanan bertin dan tisu tandas diserbu. Perbuatan ini dibimbangi menjadi kluster baharu.

Rakyat Malaysia tidak pernah melalui fasa perintah berkurung sekurang-kurangnya 50 tahun semasa Peristiwa 13 Mei memangkinkan Majlis Gerakan Negara. Kegentingan silam yang menderaukan darah di jantung Tun Abdul Razak menjelma semula dalam Muhyiddin. Jika Mahathir tidak menurunkan Najib Razak tempoh hari, tentu sekali rantaian bapa-anak ini mewujudkan pertalian simbolisme.

Muhyiddin mengisyitiharkan permulaan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 hingga 31 Mac yang disalah erti rakyat. Sepatutnya semua perlu kekal di mana mereka berada dan kurangkan perjalanan sehabis mungkin. Tetapi sebaliknya pula berlaku. Ribuan membanjiri Terminal Bersepadu Selatan di Bandar Tasik Selatan untuk pulang ke

---

568 Tharanya, A. (2020, March 11). Attended a tabligh event at Masjid Sri Petaling? Go get tested for Covid-19. *New Straits Times*.

569 Mohd Farhan, S. (2020, March 15). Covid-19: PM to hold special meeting over latest spike of cases, says Health Minister. *The Star Online*.

570 Landau, E. (2020, March 15). Doctors call on govt to impose nationwide lockdown after Covid-19 spike. *New Straits Times*.

kampung halaman.<sup>571</sup> Laluan ke utara dan timur semenanjung bersetak atas tujuan yang sama.<sup>572</sup> Ribuan umat meninggalkan Lembah Klang menyebabkan aliran trafik luar biasa di Google Maps dan Waze.

Perkara ini amat merisaukan kerana Malaysia sedang mengikut jejak langkah Itali. Butiran daripada mesyuarat tergempar kerajaan Giuseppe Conte telah dibocorkan pihak media, sekali gus menyebabkan keluaran besar-besaran daripada zon merah sebelum perintah berkurung dimandatkan.<sup>573</sup> Itali pula pada masa itu sedang mengejar statistik China yang semakin perlakan.

Kedegilan rakyat Malaysia juga bagaikan luar biasa kerana masih ramai berpelesiran di jalanan seolah-olah tiada apa yang berlaku. Terutamanya di Pasar Ayer Itam yang diserbu pada hari kedua Perintah Kawalan Pergerakan.<sup>574</sup> Pihak berkuasa yang mengawal Jambatan Pulau Pinang pun menerima alasan begitu menyakitkan hati seperti ingin bermakan malam dan membeli sayur di Seberang Perai.<sup>575</sup>

Muhyiddin terpaksa mengadakan perutusan khas kedua untuk menggalakkan semua duduk diam-diam di rumah. Kempen #StayAtHome begitu rancak diuar-uarkan di media sosial, satu-satunya jendela rakyat untuk mengenali keadaan sebenar selain media prima. Perintah Kawalan Pergerakan menunjukkan bahawa Muhyiddin memandang koronavirus jauh lebih serius berbanding Mahathir. Sekatan yang dilakukan di langit dan bumi membolehkan Jabatan Kesihatan mengawal penularan koronavirus.

Sehari selepas pengisytiharan Muhyiddin, dua pesakit telah meninggal dunia. Salah seorang daripada mereka ialah peserta tabligh daripada Johor Bahru. Saban hari keputusan bagi ramai lagi peserta Tabligh

---

S71 Faliqah, A.R.M. (2020, March 17). TBS turut diserbu. *Harian Metro*.

S72 Nurul, H.B. (202, March 17). Trafik mula sesak. *Harian Metro*.

S73 Giuffrida, A. & Tondo, L. (2020, March 8). Leaked coronavirus plan to quarantine 16m sparks chaos in Italy. *The Guardian*.

S74 Trisha, N. (2020, March 19). What ban? Penangites crowd market, causing traffic congestion. *The Star Online*.

S75 Liew, J.X., & Lo, T.C. (2020, March 22). Why did Penangites cross the bridge? You won't believe some of the reasons. *The Star Online*.

Akbar disahkan positif dan juga kematian. Sehingga 31 Mac, seramai 43 orang telah meninggal dunia dengan angka keseluruhan jangkitan menghampiri 2,800 orang.

## Rangsangan Ekonomi Negara

Sudah sekian lama pendapat-pendapat ekonomi menekankan kepentingan perbelanjaan awam. Bermula 18 Mac, realiti tersebut telah menjadi nyata. Koronavirus telah memberi tempiasnya terhadap ekonomi dan sosial. Rancangan perkahwinan terpaksa diatur semula – sama ada ditangguh atau dibatalkan. Solat Jumaat yang belum pernah dibatalkan pun tidak lagi dianjurkan dengan penerimaan begitu menarik daripada masyarakat umum.

Perkongsian masalah yang berleluasa di media sosial seolah-olah didengari Majlis Keselamatan Negara. Pada 27 Mac, Muhyiddin melancarkan rangsangan prihatin yang bernilai sekurang-kurangnya RM250 bilion. Daripada jumlah ini, RM128 bilion dibelanjakan untuk kebajikan masyarakat. Selebihnya pula diagihkan untuk memberikan talian hayat kepada Industri Kecil dan Sederhana agar tidak tutup, sekali gus mengganggu kadar pengangguran.

Rangsangan tersebut dimulakan dengan pengumuman bahawa rakyat dibenarkan mengeluarkan duit sebanyak RM500 sebulan selama setahun daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.<sup>576</sup> Untuk membantu rakyat, kerajaan menyediakan:

1. Manfaat sosial sebanyak RM1,000 hingga RM1,600 mengikut kategori sosioekonomi.
2. Elaun khas untuk barisan hadapan yang terdiri daripada pegawai kesihatan sehingga pertahanan.
3. Golongan pelajar menerima RM200.
4. Internet percuma bermula April.
5. Diskaun elektrik mengikut kategori tarif.
6. Pelepasan sewa bagi Program Perumahan Rakyat selama enam bulan.

<sup>576</sup> Firdaus, A. (2020, March 23). COVID-19: Pencarum KWSP dibenar keluar RM500 sebulan bermula 1 April. *Astro Awani*.

7. Elaun RM500 untuk pemandu e-hailing.
8. Penangguhan bayaran balik hutang bagi semua jenis hutang selain tunggakan kad kredit.
9. Pelepasan cukai selama enam bulan.
10. Bantuan tunai RM500 kepada golongan pencen kerajaan.

Terdapat juga beberapa lagi manfaat untuk memendapkan implikasi ekonomi kerana koronavirus.

### **Kecerahan di Sebalik Kesamaran**

Jika dilihat dari segi amnya, koronavirus tentu sekali tidak mengganas seandainya PH mengambil serius akan hal ini. Sekatan penerbangan tentu sekali akan menghalang pelajar Malaysia yang berada di Korea Selatan. Kuarantin secara paksaan pula berupaya untuk menekan penularan daripada kes-kes bergenerasi. Tetapi sampaian dalam peringkat kerajaan termasuk juga mesyuarat panas Majlis Presiden PH ke Langkah Sheraton lagi.

Koronavirus juga memberikan platform kepada Melayu untuk mengukuhkan lagi bukti bahawa kaum tersebut bukan pemalas seperti dicancangkan Mahathir. Dominasi tinggi Melayu dalam barisan hadapan melambangkan ketelusan mereka dalam tanggungjawab. Boleh sahaja Melayu meletakkan jawatan dan berundur, tetapi dalam situasi begitu genting ramai menggadaikan nyawa dengan mengutamakan perkhidmatan lebih penting.

PH juga telah mencalarkan imej sendiri dengan meminta pakej rangsangan ekonomi didebatkan dalam Dewan Rakyat.<sup>577</sup> Anwar Ibrahim siap mengulangi gesaan tersebut dengan jaminan tidak akan menggulingkan Muhyiddin lagi.<sup>578</sup> Rakyat mungkin telah letih dengan politik. Tetapi pakej rangsangan Muhyiddin seolah-olah menghidupkan semula semangat yang semakin luntur dimamah dalam kurungan.

577 Yiswaree, P. (2020, March 31). Anwar insists Putrajaya's RM250b stimulus be presented in Parliament. *The Malay Mail Online*.

578 Radzi, R. (2020, April 1). Anwar repeats call for Parliament to vet Covid-19 stimulus, vows not to ambush Muhyiddin. *The Malay Mail Online*.

Kejatuhan PH seolah-olah mengekang kemaraan Anwar mungkin buat selamanya. Sementara koronavirus dibendung dengan kemahiran Noor Hisham dengan hanya rakyat perlu mendengar kata dan duduk diam-diam di rumah. Kedudukan Anwar dalam PH juga menjaminkan statusnya sebagai Ketua Pembangkang Negara.<sup>579</sup> Keakraban antara Anwar dengan Mahathir pun telah berakhir terutamanya susulan kejatuhan PH.

Mahathir menudung jari terhadap Anwar dan juga Muhyiddin berikutan krisis politik yang berlarutan begitu lama. Carikan antara dua pemimpin ini ibarat sudah tidak boleh bercantuman semula selepas peletakan jawatan. Apabila PH mencalonkan Mahathir semula, Anwar mendesak untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri.<sup>580</sup>

Beliau juga mengakui sedih dengan pencalonan Anwar yang tidak cukup perwakilan. Perpecahan dalaman menyebabkan sokongan 152 kerusi terbahagi 92–60, majoritinya Anwar. Mahathir juga dengan lantang melabel Anwar terlalu gilakan tampuk ketua kerajaan – peletakan jawatannya pun adalah untuk memberi laluan sepertimana yang dijanjikan supaya Anwar kumpulkan sokongan.<sup>581</sup> Tetapi bagi Anwar, itu bukan janji yang dibuat.<sup>582</sup>

Bebas daripada ikatan janji, Mahathir juga menempelak bahawa Anwar mengamalkan falsafah politik liberal.<sup>583</sup> Ideologi ini tidak dapat diterima Melayu, mungkin terbukti selepas dasar neoliberalismenya hanya meruntuhkan sokongan kukuh PH. Sebelum ini Mahathir mempertahankan bahawa Muhyiddin tidak cukup kuorum untuk membentuk kerajaan. Namun setelah menghampiri Perintah Kawalan Pergerakan, angin perubahan telah berlaku.

S79 Bloomberg. (2020, March 10). Anwar to lead Opposition over Dr. M, says Wan Azizah. *The Star Online*.

S80 Free Malaysia Today. (2020, March 8). Anwar wanted to be my deputy PM, says Mahathir.

S81 Free Malaysia Today. (2020, March 2). Mahathir, Anwar breaks silence. *Daily Express*.

S82 Free Malaysia Today. (2020, March 20). Que sera sera, says Anwar after Dr. M's broken promises.

S83 Malaysia Kini. (2020, March 12). Anwar liberal, kata Mahathir.

Mahathir berpendapat sokongannya sudah tidak lagi kukuh kerana Muhyiddin telah memenangi hati wakil-wakilnya.<sup>584</sup> Tanpa Mahathir, sudah pastinya undi tidak percaya jika dilancarkan tidak akan mendatangkan hasil. Anwar juga mengakui sudah tidak lagi percayakan Mahathir.<sup>585</sup> Sementara itu Mahathir pula menutup perbincangan bahawa beliau sudah tidak lama dalam dunia ini lagi. Dalam pada itu beliau tidak kisah bagaimana legasinya bakal dikenang.<sup>586</sup>

Tetapi beliau juga mengatakan bahawa Muhyiddin sedang menunggang harimau.<sup>587</sup> Walau tidak selesa, Muhyiddin perlu teruskan menunggang. Seandainya beliau turun, tentu sekali akan dibaham. Cubaan membaham timbul semasa negara berdepan dengan koronavirus. Suara ketidakpuasan hati pada masa itu mengundang kecaman daripada pihak umum.

Ia bermula daripada segelintir ahli-ahli politik UMNO seperti Bung Mokhtar Radin,<sup>588</sup> dan Khaled Nordin.<sup>589</sup> Malah Mohamad Hassan yang disegani pun turut menyuarakan kritikan berpunca daripada pengasasan kabinet kata mereka tidak adil.<sup>590</sup> Sejauh mana mereka mengekalkan pendekatan ini hanya masa sahaja boleh tentukan. Sehingga 31 Mac, populariti Muhyiddin berapungan dengan begitu tinggi memungkinkan beliau instrumen kuasa penting dalam PN.

Tetapi apa yang boleh dipastikan ialah krisis antara Muhyiddin dengan Mahathir jauh sekali suatu lakonan. Pemilihan Bersatu meninggalkan sedikit petunjuk bahawa pergeseran mereka sememangnya benar.

584 Al Jazeera. (2020, March 11). Mahathir gives up on confidence vote against new Malaysia PM.

585 Bloomberg. (2020, March 23). Anwar says he no longer believes Dr. Mahathir. *The Malay Mail Online*.

586 Justin, O. (2020, March 12). Saying he's not long for the world, Dr. M insists he doesn't care how he will be remembered. *Malay Mail Online*.

587 McIntyre, I. (2020, March 8). Anwar wanted to be DPM after collapse of PH, says Mahathir. *The Sun Daily*.

588 The Straits Times. (2020, March 13). Umno MP says party should have more significant ministries.

589 The Star Online. (2020, March 14). Umno not subordinate to Bersatu or Muhyiddin, says Khaled Nordin.

590 The Star Online. (2020, March 14). Cabinet lineup unfair to Umno, says Mat Hasan.

Terdapat pertikaian dari segi perlembagaan parti berkaitan status Mahathir sebagai Pengerusi Bersatu. Apabila Mahathir meletakkan jawatan tersebut, Muhyiddin ibarat seperti pemangku. Jawatan tersebut tidak boleh diambil secara sesuka hati.

Untuk membetulkan kesilapan tersebut, Mahathir ingin mencabar pemangkuan tersebut dalam pemilihan yang menghampiri.<sup>591</sup> Marzuki juga dipecat daripada Setiausaha Agung Bersatu yang dibantah Mahathir.<sup>592</sup> Malah status Muhyiddin pula dicabar oleh tidak lain tidak bukan, Mukhriz Mahathir.<sup>593</sup> Kegagalan bukanlah satu pilihan kerana ia menjaminkan pelupusan blok Mahathir dalam Bersatu.

Syed Saddiq yang mengidolakan Mahathir juga dicabar bagi tampuk Ketua ARMADA Bersatu. Dalam perkembangan koronavirus, beliau menghadapi kesukaran selepas dibidas teruk dalam temu bual jarak jauh bersama Mehdi Hasan yang emosinya juga jelas terpampang melalui penggunaan adjektif berlebihan dalam huraiannya.

Permintaan daripada Exco Armada Nasional iaitu Muzzammil Ismail sangatlah mudah. Syed Saddiq diharapkan berhenti buat Bersatu tersepit.<sup>594</sup> Percaturan begitu rapi dan berbisa ini jauh sekali logik untuk diperlekehkan sebagai lakonan semata-mata untuk menidakkann kuasa kepada Anwar.

Sungguhpun begitu, kebijaksanaan Sultan Abdullah di sebalik pemilihan Muhyiddin telah menyelamatkan Malaysia bukan sahaja daripada krisis politik. Tidak boleh terbayang Dewan Rakyat dibubarkan semasa koronavirus mengganas, apatah lagi jika ribuan terpaksa berhimpun di pusat-pusat mengundi untuk mencampakkan kertas suara mereka. Seandainya realiti tersebut berlaku, Malaysia sudah tentunya merajai statistik koronavirus.

591 Free Malaysia Today. (2020, March 16). Dr. M seeks to return as chairman in PPBM polls.

592 Muhammad Yusri, M. (2020, March 20). Tun M bantah pemecatan Marzuki. *Berita Harian*.

593 Yusmizal, D.A. (2020, March 16). Mukhriz cabar Muhyiddin pemilihan Presiden BERSATU [METROTV]. *Harian Metro*.

594 Nurul, H.H. (2020, March 8). Syed Saddiq, cukuplah buat Bersatu tersepit: Muzzammil. *Sinar Harian*.

Air  
Dicincang,  
Tali  
Terputus

---

Kisah kejatuhan UMNO bukanlah suatu perkara yang memalukan. Semua negara menyaksikan pertukaran kerajaan yang secara tidak langsung menjamin kesinambungan, kreativiti dan kualiti dalam bermasyarakat. White House misalnya, sering bertukar-tukar tangan antara Parti Demokratik dan Parti Republikan. United Kingdom pula mempunyai persaingan kuat antara Konservatif dan Buruh selepas abad ke-19. Kisah pertukaran kerajaan paling dekat dalam perbincangan ini ialah negara Jepun.

Tumbangnya Barisan Nasional bukanlah hanya kerana Dr. Mahathir Mohamad. Sebaliknya, rakyat yang menolak pentadbiran Najib Razak dan memberikan peluang kepada pihak pembangkang. Apabila sedar tawaran dan kepimpinan Pakatan Harapan tidak selaras dengan fikrah dan jiwa nurani Malaysia, rakyat mula menolak Mahathir, sekali gus memudahkan kebangkitan semula pengaruh Najib.

Manifesto Pakatan Harapan seharusnya dibentangkan sebagai alternatif terhadap tawaran dan manifesto Barisan Nasional. Ke-

percayaan yang diberikan akhirnya dibalas dengan prasangka; “*Kami ingat kami akan kalah, jadi kami letak perkara-perkara yang susah dalam manifesto supaya jika kami kalah, kerajaan akan terperangkap.*”

Untuk sesebuah negara muda seperti Malaysia, pendekatan sedemikian mendatangkan baha terhadap reka bentuk politik. Kini, adakah negara ini boleh memberanikan diri bertukar semula kerajaan tanpa memikirkan liabiliti pada masa hadapan? Oleh sebab itu, setiap peluang mesti dimanfaatkan untuk kebaikan bersama. Mungkin selepas ini pihak pembangkang akan memandang semua perkara dengan serius tanpa mengetepikan prinsip dalam kegigihan.

Eksperimen Pakatan Harapan sama sekali tidak boleh dianggap berjaya. Sejak awal lagi, kerajaan mengatakan kewujudan hutang negara hanya berasas apabila ada perhitungan luar format. Jumlah hutang sedemikian tidak begitu membahayakan. Jurang antara laporan kerajaan lama dan baharu mengundang ketidakpercayaan pelaburan yang boleh dicerminkan berdasarkan aktiviti saham.

Mahathir banyak mengeluarkan kenyataan berbaurkan dasar pen-jimatan<sup>595</sup> : gaji Jemaah menteri dipotong<sup>596</sup>, projek-projek infrastruktur dirancang semula<sup>597</sup>, malah asset-aset kerajaan pun dijual<sup>598</sup>. Sementara itu, tindakan-tindakan yang dilaksanakan atas alasan pengurusan hutang ini telah memburukkan imej kewangan negara. Dua tahun kemudian, dasar penjimatan ini diketepikan pula dengan Mahathir mengatakan kerajaan boleh menggunakan rizab RM2 trilion untuk merangsangkan ekonomi<sup>599</sup>.

Pendekatan ini menunjukkan bahawa Mahathirisme sudah tidak sesuai dengan zaman semasa, sekali gus mendedahkan kepincangan bertukar kerajaan kepada tangan lama. Maka secara tidak langsung Malaysia meninggalkan legasi yang menunjukkan corak pemikiran harus mengikuti peredaran zaman.

Kebangkitan pembangkang di Malaysia memberikan nafas baharu kepada politik negara. Sehingga tahun 2020 status quo lama dilihat sudah berubah. Terburainya BN dengan hanya parti-parti dominan walaupun bagaimanapun memberikan peluang penstrukturkan semula demi kelangsungan politik. Kerjasama BN dengan Parti Islam Se-Malaysia menjaminkan suatu dimensi yang belum pernah dilihat - dan gabungan bersama Parti Pribumi Bersatu Malaysia memastikan Malaysia berada di bawah pengaruh konservatisme haluan kanan.

Kedudukan Perikatan Nasional pun masih belum disahkan. Meskipun begitu, jika persefakatan ini dikukuhkan, peluang untuk memenangi Pilihanraya Umum Ke-15 semestinya cerah. Pertarungan tersebut sememangnya bakal menjadi usaha terakhir Anwar Ibrahim untuk mem-

595 Bernama. (2018, Oktober 18). Austerity measures just temporary, says PM. *The Malay Mail Online*.

596 Ramasamy, M. (2018, November 14). 10% pay cut for ministers to continue for now. *New Straits Times*.

597 Tan, C.K. (2018, Mei 23). Mahathir focuses on cutting debt, reconsiders infrastructure plans. *Nikkei Asian Review*.

598 Sivanandam, H. (2019, September 17). Dr M: Govt to sell assets to help pay off debts. *The Star Online*.

599 Lin, W.E. (2020, Februari 27). Dr M: Malaysia can tap RM2 trillion savings to further stimulate economy. *The Edge Markets*.

---

bentuk kerajaan sendiri di Putrajaya. Langkah Sheraton telah memintaskan litar kuasa yang seolah-olah dijaminkan (dan juga ditangguh tanpa henti) untuk beliau.

Sungguhpun begitu, ramalan dalam politik tidak sama sekali boleh dipegang sepenuhnya. Sepertimana kejutan besar berlaku dalam PRU14, tidak pelik juga jika PRU15 menyaksikan pembentukan kerajaan baharu. Hanya masa saja akan menentukan.



# Tentang Penulis



**AHMAD FAEZAL** telah lama bersama The Patriots. Matlamat utama beliau dari awal lagi ialah merakyatkan ilmu supaya ia dapat diakses dengan meluas. Minat dalam sejarah, politik, dan ekonomi menjadikan beliau insan yang sesuai untuk menulis pelbagai genre karya. Perang Salib Pertama (2018) merupakan buku pertama beliau bersama The Patriots. Kini beliau muncul dengan buku Langkah Sheraton. Di samping berkecimpung dengan The Patriots, beliau juga menjalankan perniagaan sendiri.

# Glosari

**ammonia**

gas yang tidak berwarna, berbau sengit dan menusuk hidung, merupakan sebatian daripada hidrogen dan nitrogen (digunakan dalam pembuatan baja arsenik)

**berpelesiran**

bersuka-suka, berseronok-seronok.

**celopar**

banyak cakap, cerewet.

**defisit**

kekurangan hasil pendapatan berbanding dengan perbelanjaan yang diperlukan (berkenaan anggaran belanjawan).

**delusi**

pendapat (idea, kepercayaan) yang silap atau mengelirukan

**diayah**

penyiaran (penyebaran) sesuatu ideologi (doktrin, pendapat) untuk mendapat sokongan, propaganda.

**fiskal**

1. pegawai kehakiman (lebih rendah daripada jaksa).

2. berkenaan kewangan atau hasil pendapatan kerajaan (seperti cukai).

**hazmat**

Pakaian yang direka khas untuk melindungi petugas daripada bahan berbahaya seperti bahan kimia dan agen biologi. “Hazmat” berasal daripada kependekan perkataan “hazardous” dan “material”.

**hidraulik**

yang digerakkan atau dijalankan oleh cecair.

**hidroelektrik**

berkenaan elektrik yang dijana oleh kuasa air.

<i>injunksi</i>	perintah mahkamah yang menuntut supaya pihak yang terbabit tidak mengambil (menghentikan) sesuatu tindakan atau sebaliknya.
<i>kartel</i>	persatuan antarabangsa pengeluar atau pengusaha sesuatu barang untuk menguasai pasaran (mengawal harga).
<i>kelindan</i>	alat menggulung benang.
<i>konserватif</i>	ingin atau cenderung untuk mengekalkan sesuatu keadaan yang wujud atau yang menjadi kebiasaan.
<i>konsesi</i>	1. hak atau keizinan yang diberikan kepada syarikat untuk menggunakan sesuatu kawasan bagi tujuan melombong (membalak). 2. tolak ansur (dalam tuntutan, perundingan).
<i>kuorum</i>	bilangan paling kecil (anggota atau ahli) yang mesti hadir bagi membolehkan mesyuarat diadakan secara rasmi dan sah.
<i>legitimasi</i>	1. surat bukti yang mengesahkan keterangan tentang seseorang. 2. pernyataan yang sah, kesahihan (berasaskan undang-undang), kesahan.
<i>mahsul</i>	hasil sesebuah negeri (yang dieksport).
<i>manifesto</i>	pengumuman tentang dasar (polisi, tujuan) sesuatu parti politik.
<i>mengaduh</i>	mengaduh-aduh mengatakan aduh, mengeluh (kerana kesakitan).
<i>mengilai-ilai</i>	ketawa dengan kuat dan nyaring buninya.
<i>menyelar</i>	1. membubuh tanda dengan besi panas. 2. mengecap (dengan kata-kata), mengecam, membidas (dengan kerasnya).
<i>meratifikasi</i>	mengesahkan (perjanjian).

---

<i>mitigasi</i>	pengurangan.
<i>monarki</i>	kerajaan (negara) yang diperintah oleh raja, sistem pemerintahan beraja.
<i>muktamar</i>	persidangan besar, kongres.
<i>pandemik</i>	wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia.
<i>patologi</i>	cabang perubatan yang mengkaji sebab, punca, proses perkembangan dan akibat penyakit.
<i>perseteruan</i>	perihal berseteru, permusuhan.
<i>petisyen</i>	1. surat permohonan atau rayuan (biasanya ditandatangani oleh sekumpulan orang) kepada pihak berkuasa untuk meminta sesuatu pertimbangan. 2. permohonan rasmi kepada mahkamah supaya sesuatu tindakan kehakiman dapat diambil.
<i>podium</i>	pentas tempat berucap, mimbar.
<i>polarisasi</i>	keadaan terdapatnya atau proses berlakunya dua pihak (prinsip, kecenderungan, pendapat) yang bertentangan sama sekali.
<i>prejudis</i>	rasa suka atau tidak suka yang tidak berdasarkan terhadap sesuatu kaum atau agama.
<i>prospek</i>	1. kemungkinan atau peluang untuk mencapai kejayaan pada masa akan datang. 2. harapan untuk terus maju dalam kerjaya.
<i>provokasi</i>	perbuatan atau kata-kata yang membangkitkan kemarahan.
<i>sedatif</i>	1. mempunyai kesan menenangkan saraf atau melegakan ketegangan (berkenaan ubat).

*status quo*

2. ubat yang menenangkan saraf atau melegakan ketegangan, ubat penenang. keadaan sebagaimana yang sedia ada tanpa dibuat sebarang perubahan.

*stigma*

sifat atau sesuatu yang menjatuhkan maruah, kecelaan, keaiban.

*tersembam*

jatuh tersungkur (ke depan), terjerumus, tertiarap.

*toksikologi*

sains perubatan yang mengkaji tabii dan tindakan racun.

*triti*

persetujuan secara formal antara dua pi-

*waima*

hak (negara) atau lebih, perjanjian.

sama ada, walaupun.

Judul lain berkaitan politik dan ekonomi yang wajar  
anda baca:

**SEO YOUNG-HAE: PEJUANG KEMERDEKAAN DI PARIS**  
oleh *Jung Sang Cheon*

**JANGAN SELEWENKAN EKONOMI MALAYSIA**  
oleh *Kauthar Rozmal, Khairul Azri & Najib Saahari*

**DASAR PANDANG KE JEPUN**  
oleh *Moustapha Abbas*

**DUNIA TANPA TEMBOK 1, 2 & 3**  
oleh *Ayman Rashdan Wong*



PATRIOTS  
PUBLISHING

PATRIOTS PUBLISHING SDN BHD merupakan divisyen penerbitan bahan bacaan bercetak dan elektronik bagi kumpulan penulisan kandungan digital tersohor, The Patriots Asia. Penerbitan ini dimiliki penuh oleh Patriots Holding Sdn Bhd.

Bermula dengan jenama TP Press pada tahun 2015, penerbitan ini kemudian melakukan perubahan jenama dengan nama baharu Patriots Publication pada tahun 2017. Sehinggalah pada tahun 2019 setelah berkembang maju, penerbitan ini kini dikenali sebagai Patriots Publishing Sdn Bhd.

Matlamat penerbitan ini ialah menerbitkan bahan-bahan bacaan yang mempunyai nilai-nilai akademik dan ilmiah dengan misi merakyatkan semula atau mempopularkan keilmuan di kalangan masyarakat pada hari ini.

# LANGKAH SHERATON

Langkah Sheraton adalah buku mengenai peristiwa tergempar dalam arus politik negara yang berlaku di hotel Sheraton. Buat pertama kali dalam sejarah politik di Malaysia, sebuah parti pimpinan kerajaan persekutuan iaitu parti Pakatan Harapan telah tumbang tanpa melalui pilihanraya.

Buku ini bermula dengan sejarah penglibatan politik Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tun Dr. Mahathir dan ahli-ahli politik berpengaruh lain seperti Tun Abdullah, dan Datuk Seri Najib Razak.

Buku ini merekodkan percaturan politik antara Datuk Seri Anwar Ibrahim *versus* Tun Dr. Mahathir sejak tahun 1998, malah kisah-kisah lebih awal dari itu seperti krisis politik dalaman Umno pada tahun 1987.

Kesemua krisis-krisis politik di Malaysia sebelum ini, termasuk tumbangnya parti kerajaan Barisan Nasional pimpinan Datuk Seri Najib Razak pada pilihanraya umum ke-14, direkodkan dan menjadi asbab kepada langkah tergempar yang digelar Langkah Sheraton.



9 789672 437086

RM38.00



**PATRIOTS**  
PUBLISHING